05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PEMBANGUNAN DAN PEMBINAAN MODUL SENI BAHASA BERASASKAN PENDEKATAN DIDIK HIBUR DI SEKOLAH RENDAH

MUHAMAD FADHIL BIN MD ZAIN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PEMBANGUNAN DAN PEMBINAAN MODUL SENI BAHASA BERASASKAN PENDEKATAN DIDIK HIBUR DI SEKOLAH RENDAH

MUHAMAD FADHIL BIN MD ZAIN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TESIS YANG DIKEMUKAKAN INI UNTUK MEMENUHI SYARAT
MEMPEROLEHI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
(PENDIDIKAN BAHASA MELAYU)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UPSI/PS-3/BO 32
Pind. 00 m/s. 1/1

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Sila tanda (√)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah ✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 11 (hari bulan) Jan (bulan) 20 22

i. Perakuan pelajar :

Saya, MUHAMAD FADHIL BIN MD ZAIN (P20122002034) (FBK) (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PEMBANGUNAN DAN PEMBINAAN MODUL SENI BAHASA BERASASKAN PENDEKATAN DIDIK HIBUR DI SEKOLAH RENDAH

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. NORUL HAIDA BT. HJ. REDUZAN (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PEMBANGUNAN DAN PEMBINAAN MODUL SENI BAHASA BERASASKAN PENDEKATAN DIDIK HIBUR DI SEKOLAH RENDAH (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah DOKTOR FALSAFAH (PHD) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

10 MAC 2022

Tarikh

Tandatangan Penyelia

DR. NORUL HAIDA BT. HJ. REDUZAN
PENSYARAH KANAN
FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI UPSI
35900 TANJONG MALIM, PERAK
HP: 017-3685242

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / *Title*: PEMBANGUNAN DAN PEMBINAAN MODUL SENI BAHASA BERASASKAN PENDEKATAN DIDIK HIBUR DI SEKOLAH RENDAH

No. Matrik / *Matric's No*: P20122002034

Saya / *I*: MUHAMAD FADHIL BIN MD ZAIN

(Nama pelajar / *Student's Name*)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows -

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
   The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
   Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
   The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (√) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (√) for category below -*

☐	**SULIT/*CONFIDENTIAL***	Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*
☐	**TERHAD/*RESTRICTED***	Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*
☑	**TIDAK TERHAD / *OPEN ACCESS***	

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

Tarikh: _____

DR. NORUL HAIDA BT. HJ. REDUZAN
PENSYARAH KANAN
FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI UPSI
35900 TANJONG MALIM, PERAK
HP: 017-3685242

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadrat Ilahi kerana atas limpah kurnia kasih-Nya, akhirnya tesis ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Sesungguhnya kurniaan-Nya ini terlalu besar dan berharga bagi hamba- Nya yang kerdil ini. Sepanjang perjalanan menyiapkan tesis ini, sesungguhnya terlalu banyak rintangan dan cabaran yang mendatang, terkadang menguji erti ketabahan dan kesabaran untuk memperoleh ilmu yang tidak ternilai harganya ini. Segala dugaan yang mendatang ada kalanya melemahkan semangat, namun kecekalan dan ketabahan serta bermohon kepada-Nya adalah penawar yang sangat mujarab, di samping sokongan kuat dan motivasi daripada peneman setia, isteri tercinta. Titipan teristimewa juga buat kedua-dua penyelia yang begitu sabar dan tidak jemu memberi bantuan, bimbingan, didikan, dorongan, tunjuk ajar dan semangat. Dr. Norul Haida bt Reduzan selaku Penyelia Utama dan Prof. Dr. Mahzan bin Arshad (Mantan Penyelia Utama), jutaan terima kasih diucapkan atas segala curahan ilmu yang sangat berharga ini. Sesungguhnya, kalianlah penyelia yang begitu kompeten dan komited dalam membimbing penyelidik sehingga penyelidik berada pada tahap ini. Semoga Allah membalas segala jasa yang telah dicurahkan.

Buat isteriku yang tercinta, Farrazadia bt Hamzah, terima kasih tidak terhingga kerana sanggup bersama menempuh susah peritnya kanda menyiapkan tesis ini. Selautan kasih yang tiada galang gantinya buat bonda tercinta, Allayarhamah Hjh. Mek Nab bt Dollah, yang tiada putusnya doa untuk kejayaan anakanda ini. Walaupun bonda telah tiada, kejayan ini adalah hadiah teristimewa anakanda untuk bonda. Segala ilmu yang diperoleh ini, akan anakanda manfaatkan ke jalan yang diredai-Nya. Tuntunan kasih juga buat ayahanda tercinta, Hj. Md Zain bin Dollah yang sentiasa memberi kata-kata semangat untuk anakanda meneruskan perjuangan dalam bidang kedoktoran. Sekalung terima kasih juga penyelidik persembahkan buat adik-beradik tercinta yang sentiasa memberi sokongan dan semangat serta memahami situasi semasa penyelidik sedang berjuang dalam arena ini. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan guru SK Sri Wangi di Gua Musang, Kelantan, yang terus memberi kata-kata semangat untuk penyelidik menyiapkan tesis ini. Segala kerjasama yang diberikan sepanjang menjalankan kajian, jasa kalian tidak sesekali akan dilupakan. Sesungguhnya sokongan kalian amat bermakna buat penyelidik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian pembangunan modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur di sekolah rendah ini bertujuan untuk mempelbagaikan kaedah dan strategi dalam pengajaran dan pembelajaran bagi mewujudkan iklim pembelajaran yang menyeronokkan murid-murid. Metodologi kajian yang digunakan adalah menggabungkan kaedah kualitatif deskriptif, penyelidikan reka bentuk dan pembangunan (DDR), Model Dick dan Carey (1978) serta Kaedah Fuzzy Delphi (FDM) untuk mendapatkan kesepakatan pakar. Maklumat dikumpulkan melalui temu bual, pemerhatian, soal selidik fuzzy dan analisis dokumen. Peserta kajian terdiri daripada 30 orang murid dan 10 orang guru pakar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di sebuah sekolah kebangsaan di daerah Gua Musang, Kelantan. Dapatan kajian dianalisis secara kualitatif deskriptif menunjukkan para guru Bahasa Melayu masih kurang menggunakan pendekatan didik hibur terutama dalam pengajaran seni bahasa semasa PdP kerana kurang berkemahiran dan masih mengajar secara konvensional. Selain itu, dapatan pemerhatian juga mendapati murid-murid tidak berminat dan kurang fokus ketika PdP BM dilaksanakan di dalam bilik darjah. Kesimpulannya, masih terdapat guru Bahasa Melayu yang kurang pengetahuan tentang pendekatan didik hibur dalam PdP kemahiran seni bahasa menyebabkan murid-murid kurang berminat dengan mata pelajaran Bahasa Melayu. Implikasi daripada kajian ini ialah, pelaksanaan PdP Bahasa Melayu menggunakan modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur memberi kesan positif kepada kepelbagaian kaedah pengajaran guru serta dapat meningkatkan motivasi belajar murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kata kunci : pembinaan modul, pendekatan didik hibur, seni bahasa, teori konstruktivisme, reka bentuk Dick dan Carey, kaedah Fuzzy Delphi (FDM), penyelidikan reka bentuk dan pembangunan (DDR).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DEVELOPMENT AND CONSTRUCTION OF LANGUAGE ARTS MODULE BASED ON ENTERTAINMENT EDUCATION APPROACH IN PRIMARY SCHOOL

ABSTRACT

This study on the development of language arts modules based on the entertainment education approach in primary schools aims to diversify methods and strategies in teaching and learning to create a fun learning climate for students. The research methodology used is to combine descriptive qualitative methods, design and development research (DDR), Dick and Carey Model (1978) as well as Fuzzy Delphi Method (FDM) to obtain expert consensus. Information was collected through interviews, observations, fuzzy questionnaires and document analysis. The study participants consisted of 30 students and 10 expert teachers in Malay language subjects in a national school in the district of Gua Musang, Kelantan. The findings of the study were analyzed qualitatively descriptively showed that Malay language teachers still do not use the entertainment education approach, especially in teaching language arts during PdP because they are less skilled and still teach conventionally. Apart from that, the observation findings also found that the students were not interested and less focused when PdP BM was implemented in the classroom. In conclusion, there are still Malay language teachers who lack knowledge about the entertainment education approach in PdP language arts skills causing students to be less interested in Malay language subjects. The implication of this study is that the implementation of PdP Bahasa Melayu using language arts modules based on the entertainment education approach has a positive effect on the variety of teaching methods of teachers and can increase students' motivation to learn in Malay language subjects.

Keywords: module construction, entertainment learner approach, language arts, constructivism theory, Dick and Carey Design, Fuzzy Delphi Method (FDM), esign and Development Research (DDR).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

		Muka Surat
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN		ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS		iii
PENGHARGAAN		iv
ABSTRAK		v
ABSTRACT		vi
KANDUNGAN		vii
SENARAI JADUAL		xii
SENARAI RAJAH		xv
SENARAI SINGKATAN		xvi
SENARAI LAMPIRAN		xvii
BAB 1 PENDAHULUAN		
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	4
1.3	Pernyataan Masalah	7
1.4	Objektif Kajian	13
1.5	Soalan Kajian	14
1.6	Kepentingan Kajian	14
1.7	Batasan Kajian	16
1.8	Definisi Operasional	17
1.8.1	Sekolah Rendah	18
1.8.2	Tahap Satu	18
1.8.3	Bahasa dan Bahasa Melayu	18
1.8.4	KSSR	19

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.5 Seni Bahasa 20

1.8.6 Didik Hibur 21

1.8.7 Modul Pengajaran 22

1.9 Rumusan 23

BAB 2KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan 24

2.2 Seni Bahasa 25

2.3 Didik Hibur dalam KSSR 28

2.3.1 Pendekatan Didik Hibur 29

2.3.2 Pelaksanaan Didik Hibur dalam KSSR 34

2.4 Kajian Literatur Didik Hibur 35

2.5 Teori Pembelajaran 55

2.5.1 Teori Konstruktivisme 60

2.5.2 Teori Konstruktivisme Kognitif 62

2.5.3 Teori Kognitif Sosial 67

2.5.4 Implikasi Teori Konstruktivisme 72

2.5.5 Kerangka Teori Kajian 76

2.6 Model Dick dan Carey dalam Pembinaan Modul 77

2.6.1 Definisi Pembelajaran Dick dan Carey 77

2.6.2 Model Dick Dan Carey 77

2.6.3 Kerangka Pembinaan Modul Dick dan Carey 79

2.6.4 Langkah-langkah Pembelajaran Dick dan Carey 79

2.7 Kerangka Kajian 88

2.8 Rumusan 89

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan 90

3.2 Reka Bentuk Kajian 91

3.3 Peserta Kajian 100

3.3.1 Murid 105

3.3.2 Guru Bahasa Melayu 107

3.3.3 Informan 110

3.3.3.1 Guru Besar SK Sri Wangi 110

3.3.3.2 Pegawai PPD SISC+ 111

3.3.3.3 Pensyarah Universiti 113

3.4 Batasan Kajian 114

3.5 Tempoh Kajian 116

3.6 Instrumen Kajian 118

3.6.1 Soalan Temu Bual 119

3.6.2 Pemerhatian 123

3.6.3 Soal Selidik Fuzzy 126

3.7 Kaedah Pengumpulan Data 130

3.7.1 Kaedah Temu Bual 130

3.7.2 Kaedah Pemerhatian 131

3.7.3 Analisis Dokumen 134

3.7.4 Soal Selidik Fuzzy 137

3.8 Analisis Data 141

3.8.1 Analisis Data Kualitatif 141

3.8.2 Analisis Data Kaedah Fuzzy Delphi (FDM) 146

3.8.2.1 Penomboran Segi Tiga Fuzzy 147

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8.2.2 Penilaian Fuzzy 149

3.8.2.3 Interpretasi Data Kaedah FDM 150

3.9 Proses Pembinaan Modul Seni Bahasa 154

3.9.1 Pembinaan Modul Menggunakan DDR 155

3.9.2 Pembinaan Modul Menggunakan FDM 162

3.9.3 Pengaplikasian DDR, FDM dan Model Dick & Carey dalam Pembinan Modul 168

3.10 Kerangka Kajian 177

3.11 Rumusan 178

BAB 4DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan 179

4.2 Dapatan Fasa Satu : Analisis Keperluan 180

4.2.1 Penyediaan RPH 182

4.2.2 Bahan Bantu Mengajar 189

4.2.3 Aktiviti 195

4.2.4 Masa 204

4.2.5 Murid 207

4.3 Dapatan Fasa Dua : Pembinaan Modul Seni Bahasa 216

4.3.1 Dapatan Pembinaan Modul Menggunakan FDM 216

4.3.1.1 Penomboran Segi Tiga Fuzzy 217

4.3.1.2 Penilaian Fuzzy 218

4.3.2 Dapatan Pembinaan Modul secara Kualitatif 237

4.3.2.1 Merangka Draf Modul 241

4.3.2.2 Proses Pembinaan Modul 242

4.3.3 Modul Didik Hibur Disemak dan Disahkan 258

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.3.1 Semakan Set Induksi 259

4.3.3.2 Semakan Aktiviti 261

4.3.3.3 Semakan BBM 263

4.3.3.4 Semakan Pentaksiran 265

4.4 Dapatan Fasa Tiga :Penilaian Kebolehgunaan 266

4.4.1 Dapatan secara Deskriptif 266

4.4.1.1 Pemerhatian 267

4.4.1.2 Temu Bual 271

4.4.2 Dapatan secara Kaedah Fuzzy Delphi (FDM) 275

4.4.2.1 Penomboran segi Tiga Fuzzy 277

4.4.2.2 Penilaian Skor Fuzzy 278

4.5 Kesimpulan 298

BAB 5RUMUSAN,PERBINCANGAN,IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan 299

5.2 Rumusan Kajian 300

5.3 Perbincangan Dapatan Kajian 315

5.4 Implikasi Pelaksanaan Modul Seni Bahasa Berasaskan Pendekatan Didik Hibur 335

5.5 Cadangan Kajian Lanjutan 343

5.6 Kesimpulan 345

RUJUKAN 349

LAMPIRAN 367

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Kriteria Pemilihan Pakar dan Pakar Pendidikan dalam Kajian Fuzzy	102
3.2	Penentuan Jumlah Sampel Pakar Fuzzy Delphi	104
3.3	Panduan Temu Bual Fasa Satu bersama Guru Besar	120
3.4	Panduan Temu Bual Fasa Satu bersama Guru Bahasa Melayu	120
3.5	Panduan Temu Bual Fasa Dua bersama Guru Besar	121
3.6	Panduan Temu Bual Fasa Dua bersama Guru Bahasa Melayu	122
3.7	Contoh Jadual Temu Bual	123
3.8	Nota Pemerhatian	125
3.9	Nota Pemerhatian Guru dan Murid	126
3.10	Analisis Dokumen	136
3.11	Jadual Skala Likert 7 Mata	138
3.12	Perbezaan Skala Likert dan Skala Fuzzy 7 Mata	148
3.13	Contoh Perbezaan Skala 7 di antara Skala Likert dengan Skala Fuzzy	149
3.14	Formula Nilai Skor Fuzzy	150
3.15	Pengiraan Nilai Peratusan mengikut Sarjana	152
3.16	Kaedah Analisis Data berdasarkan Soalan Kajian dan Instrumen Kajian	153
3.17	Fasa-fasa Pembangunan dan Reka Bentuk	157
3.18	Fasa Analisis Keperluan dan Kaedah Pengukuran	158
3.19	Fasa Reka Bentuk Pembangunan dan Kaedah Pengukuran	159
3.20	Fasa Penilaian dan Kaedah Pengukuran	161
3.21	Contoh Soal Selidik Fuzzy	164
3.22	Penukaran Pemboleh Ubah Linguistik kepada Penomboran Fuzzy	166
3.23	Pembinaan Modul Seni Bahasa dalam Fasa Analisis Keperluan	171

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.24	Pembinaan Modul Seni Bahasa dalam Fasa Pembangunan Reka Bentuk	174
3.25	Pembinaan Modul Seni Bahasa dalam Fasa Penilaian	176
4.1	Borang Pemerhatian Pembelajaran Murid	211
4.2	Demografik Pakar	220
4.3	Syarat Segi Tiga Fuzzy bagi Elemen Penyediaan RPH	222
4.4	Kesepakatan Pakar bagi setiap Item dalam Penyediaan RPH	224
4.5	Syarat Segi Tiga Fuzzy bagi Elemen Penyediaan BBM	225
4.6	Kesepakatan Pakar bagi setiap Item dalam Penyediaan BBM	227
4.7	Syarat Segi Tiga Fuzzy bagi Elemen Aktiviti PdP	228
4.8	Kesepakatan Pakar bagi setiap Item dalam Aktiviti PdP	230
4.9	Syarat Segi Tiga Fuzzy bagi Elemen Tempoh Masa	232
4.10	Kesepakatan Pakar bagi setiap Item dalam Tempoh Masa	234
4.11	Syarat Segi Tiga Fuzzy bagi Elemen Persediaan Murid	235
4.12	Kesepakatan Pakar bagi setiap Item dalam Persediaan Murid	237
4.13	Tema dan Unit dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Tiga	238
4.14	Kemahiran Seni Bahasa dalam setiap Tema	240
4.15	Pemilihan dan Penetapan kemahiran Seni Bahasa dalam Modul	241
4.16	Semakan Set Induksi	260
4.17	Semakan Aktiviti Pembelajaran	261
4.18	Semakan BBM	263
4.19	Semakan Pentaksiran	265
4.20	Pemerhatian Set Induksi	268
4.21	Pemerhatian Aktiviti Pembelajaran	269
4.22	Pemerhatian BBM	270
4.23	Temu Bual Pelaksanaan Modul Seni Bahasa bersama Guru	272

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.24	Analisis Dokumen terhadap Pelaksanaan Modul Seni Bahasa	274
4.25	Demografik Pakar Pelaksana	280
4.26	Penerimaan dan Kebolehgunaan Item bagi Elemen Penyediaan RPH	281
4.27	Penerimaan dan Kebolehgunaan bagi Elemen Penyediaan RPH oleh Kumpulan Pakar	283
4.28	Penerimaan dan Kebolehgunaan Item bagi Elemen Penyediaan BBM	285
4.29	Penerimaan dan Kebolehgunaan bagi Elemen Penyediaan BBM oleh Kumpulan Pakar	287
4.30	Penerimaan dan Kebolehgunaan Item bagi Elemen Aktiviti Pembelajaran	288
4.31	Penerimaan dan Kebolehgunaan bagi Elemen Aktiviti Pembelajaran oleh Kumpulan Pakar	290
4.32	Penerimaan dan Kebolehgunaan Item bagi Elemen Tempoh Masa	292
4.33	Penerimaan dan Kebolehgunaan bagi Elemen Tempoh Masa oleh Kumpulan Pakar	294
4.34	Penerimaan dan Kebolehgunaan Item bagi Elemen Persediaan Murid	295
4.35	Penerimaan dan Kebolehgunaan bagi Elemen Persediaan Murid oleh Kumpulan Pakar	297

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
2.1	Fasa Pembinaan Modul Seni Bahasa berdasarkan Teori Konstruktivisme	76
2.2	Kerangka Pembinaan Modul Seni Bahasa menurut Dick & Carey	79
2.3	Kerangka Kajian	88
3.1	Contoh Soal Selidik Fuzzy	129
3.2	Langkah Melaksanakan Analisis Data Kualitatif	144
3.3	Rumus Mengira Nilai Threshold (d)	151
3.4	Kedudukan Nilai a-cut dalam Penomboran Fuzzy	153
3.5	Carta Alir Pembinaan Modul menggunakan Kaedah DDR	162
3.6	Rumus Mengira Nilai Threshold (d)	166
3.7	Model Pendekatan Sistem Dick dan Carey1978	169
3.8	Kerangka Kajian	177
4.1	Contoh RPH Mempunyai Kemahiran Seni Bahasa	187
4.2	Contoh RPH Tidak Mempunyai Pendekatan Didik Hibur	188
4.3	Contoh Latihan Murid	208
4.4	Rumus Nilai Threshold (d)	218
4.5	Contoh Latihan Melengkapkan Lirik Lagu	246
4.6	Contoh Latihan Permainan Bahasa	248
4.7	Rumus Nilai Threshold (d)	277
4.8	Rumus Nilai Skor Fuzzy	279

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

A	Amax
BBM	Bahan Bantu Mengajar
DDR	Development & Design Research
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran
FDM	Fuzzy Delphi Method
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
SK	Sekolah Kebangsaan
TBG	Temu Bual Bersama Murid
TBM	Temu Bual Bersama Guru
TMK	Teknologi Maklumat Komunikasi
TP	Tahap Penguasaan
TPB	Teknik Permainan Bahasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

A Soalan Temu Bual Fasa 2 Bersama Guru

A1 Soalan Temu Bual Fasa 2 Bersama Murid

A2 Soalan Temu Bual Fasa 3 Bersama Murid

B Contoh Nota Pemerhatian 1

B1 Contoh Nota Pemerhatian 2

B2 Contoh Nota Pemerhatian 3

C Modul Seni Bahasa 1

C1 Strategi PdP

C2 Borang Pengurusan Grafik

C3 Lembaran Kerja Kad Perkataan

D Modul Seni Bahasa 2

D1 Strategi PdP

D2 Contoh Pantun

D3 Lembaran Kerja Melengkapkan Pantun

D4 Borang Grafik : Kosa Kata Umum

E Modul Seni Bahasa 3

E1 Strategi PdP

E2 Kenali Topeng Haiwan

E3 Lembaran Kerja : Mewarna Perkataan

E4 Latihan Melengkapkan Jadual

F Surat Permohonan Menjalankan Kajian

G Surat Kebenaran Menjalankan Kajian

H Surat Pengesahan Pelajar Menjalankan Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

I Surat Pelantikan Penilai dan Pengesahan Modul

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan maklumat latar belakang kajian, diikuti pernyataan masalah, objektif kajian dan persoalan kajian. Seterusnya , bab ini juga membincangkan kepentingan kajian serta batasan kajian yang dihuraikan secara rinci. Akhir sekali, definisi operasional turut dinyatakan di bahagian akhir bab ini.

Seiring dengan transformasi kurikulum daripada Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) kepada Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2011, Kurikulum Standard Bahasa Melayu juga turut melalui semakan danpenambahbaikan dalam penggubalannya. Standard Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah yang baharu ini mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Prestasi yang didokumenkan sebagai Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu. Kurikulum baharu ini mengetengahkan pendekatan berbentuk modular dan pembelajaran secara didik hibur serta pentaksiran secara holistik dalam penerokaan pelbagai bidang ilmu pengetahuan.

Dalam DSKP Bahasa Melayu yang baharu ini, pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah berfokus pada kemahiran literasi (konsep kembali kepada asas) dan aplikasi bahasa. Setiap standard dalam organisasi DSKP Bahasa Melayu ini berpaksikan kemahiran bahasa dan sistem bahasa yang disokong oleh pengisian kurikulum. Dalam kemahiran bahasa ini, terdapat lima kemahiran yang telah diorganisasikan sebagai Kemahiran Mendengar dan Bertutur, Kemahiran Membaca, Kemahiran Menulis, Kemahiran Seni Bahasa dan Kemahiran Tatabahasa (KPM, 2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Aspek seni bahasa yang terkandung dalam kemahiran seni bahasa merujuk kepada kebahasaan, keindahan dan kehalusan dalam Bahasa Melayu yang perlu difahami dan dikuasai oleh murid. Penguasaan aspek seni bahasa merangkumi kecekapan memahami, mengungkap dan menghayati bahasa yang indah. Melalui pembelajaran aspek seni bahasa ini, murid-murid akan dapat menghasilkan dan mempersembahkan karya kreatif pelbagai genre secara lisan dan bertulis melalui variasi teknik yang menarik. Aspek seni bahasa ini menzahirkan pembelajaran yang menyeronokkan secara didik hibur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi menjayakan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa yang menyeronokkan, pendekatan secara didik hibur telah diberi penekanan dalam pelaksanaannya. Aktiviti didik hibur dalam PdP yang mengaplikasikan pelbagai bahan pendekatan dan teknik seperti nyanyian dan permaianan serta penggunaan pelbagai bahan yang menarik dapat membantu murid menguasai dan menghayati pembelajaran (Chew Fong Feng, 2016). Pendekatan didik hibur ini menekankan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan secara terancang. Unsur keseronokan akan wujud melalui pembelajaran yang santai, menarik, menghibur, bermakna dan memikat yang dapat membantu memperkukuh pemahaman dan mendorong murid untuk belajar. Dengan kepelbagaian strategi dan bahan pengajaran dan pembelajaran yang dapat menimbulkan cabaran, pendekatan didik hibur juga berjaya membangkitkan rasa ingin tahu murid, fantasi, kerjasama, kawalan , persaingan sihat serta pengiktirafan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh hal yang demikian, kajian ini adalah untuk membangunkan sebuah modul seni bahasa yang berasaskan pendekatan didik hibur dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu di sekolah rendah. Pembangunan modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur ini dibangunkan melalui tiga fasa pembinaan menggunakan model Design and Development Research (DDR) serta model pembelajaran berasaskan model Dick dan Carey (1978, 2014) yang melaksanakan 10 langkah dalam pembangunan bahan pengajaran. Modul ini juga dibina dengan mengaplikasikan Kaedah Fuzzy Delphi (FDM) untuk mendapatkan konsesus (kesepakatan) pakar berkaitan kesesuaian pembangunan dan pembinaan modul seni bahasa ini. Diharapkan dengan pembinaan modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur ini akan dapat dimanfaatkan oleh guru bahasa Melayu dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjayakan PdP yang menyeronokkan serta meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid sekolah rendah.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menambah baik kurikulum sedia ada kepada Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang mula dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2011 untuk murid Tahun Satu di semua sekolah di seluruh negara. Dalam DSKP Bahasa Melayu, terdapat beberapa perkara yang ditekankan, iaitu pendekatan modular, aspek didik hibur, kembali kepada asas berbahasa dan menekankan kemahiran membaca, menulis, mengira dan kemahiran menaakul (4M). Pendekatan modular merangkumi kemahiran mendengar dan bertutur, membaca, menulis, serta penguasaan aspek tatabahasa dan seni bahasa (KPM, 2017).

Bagi menjadikan mata pelajaran ini kian menarik dan berdaya saing, kurikulum Bahasa Melayu yang terdiri daripada suatu elemen baharu telah diperkenalkan dalam kurikulum huraian sukatan pelajaran Bahasa Melayu KSSR, iaitu kemahiran seni bahasa, sementara didik hibur menjadi salah satu pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran (Abdul Rasid Jamian dan Shamsudin Othman, 2011). Melalui pendekatan didik hibur secara terancang ini, murid-murid dapat mengikuti pembelajaran secara menyeronokkan, seterusnya berminat untuk mempelajari bahasa Melayu. .

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran adalah bergantung kepada pengolahan strategi, kaedah, teknik, dan pendekatan yang digunakan serta penggunaan bahan bantu mengajar yang dapat merangsang dan menggalakkan murid-murid berkomunikasi, berinteraksi dan berfikir. Pengajaran yang menyeronokkan boleh disifatkan satu proses yang sengaja dirancang berpandukan objektif dan isi pelajaran yang ditetapkan dan disesuaikan dengan keperluan murid. Untuk menentukan proses pengajaran dan pembelajaran berkesan, guru- guru haruslah mengambil pelbagai pertimbangan seperti memilih model-model pengajaran yang boleh memberi kesan positif pada pengajarannya di samping pemilihan kaedah, teknik dan pendekatan yang sesuai dengan keperluan semasa.Namun, untuk melaksanakan pembelajaran menyeronokkan di dalam bilik darjah bukanlah sesuatu yang mudah. Untuk memilih model-model pengajaran yang sesuai memerlukan tahap pengetahuan dan ketekunan yang tinggi para guru untuk mengkaji dan memilih model-model yang sesuai dengan kebolehan murid. Hal ini dirumitkan lagi dengan kebolehan guru yang mengajarkan Bahasa Melayu bukan daripada pengkhususan bahasa Melayu. Oleh yang demikian, guru yang mengajarkan mata pelajaran Bahasa Melayu perlu mendalami selok belok pengajaran bahasa. Namun, tidak semua guru bersedia untuk meneroka dan meningkatkan kemahiran pengajaran bahasa (Norazilawati Abdullah, 2020).

Dalam melaksanakan PdP yang menyeronokkan agar menjadi lebih berkesan, para guru boleh menggunakan strategi asas berbahasa yang diperkukuh melalui modul pengajaran dan pembelajaran yang menerapkan unsur humor dan seni bahasa (Mazlan Ismail, 2016). Pembelajaran yang menyeronokkan boleh bertukar menjadi pembelajaran yang membosankan sekiranya guru gagal menggunakan pendekatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang betul semasa PdP di dalam bilik darjah. Suasana pengajaran yang menarik dan pembelajaran yang kondusif serta menyeronokkan adalah amat perlu dalam proses pengajaran dan pembelajaran (A. Rahman Haron, Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Sharifah Nor Puteh dan Jamaludin Badusah, 2012).

Namun, tahap pemahaman dan pelaksanaan oleh para guru untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan dan menghiburkan murid-murid menunjukkan para guru memahami pendekatan didik hibur, tetapi dari aspek pelaksanaannya, para guru didapati masih belum mahir untuk melaksanakannya. Kelemahan para guru dari aspek kemampuan mengajar adalah berkait rapat dari sudut pengetahuan guru-guru dalam menyampaikan isi kandungan pengajaran (Nurul Ashikin Md. Yatim, Chew Fong Peng dan Zuraidah Abdullah, 2020). Hal ini menjadi lebih meruncing apabila guru-guru yang mengajarkan mata pelajaran Bahasa Melayu bukan dalam kalangan guru pengkhususan Bahasa Melayu. Hasil kajian oleh KPM pada tahun 2017 juga mendapati guru-guru yang mengajarkan Bahasa Melayu ini kurang menguasai kaedah dan pedagogi pengajaran yang betul. Sebagai satu usaha dalam membantu para guru Bahasa Melayu memperoleh keyakinan dan penguasaan pedagogi untuk menarik minat murid, maka pembinaan modul ini adalah perlu untuk dijadikan sebagai panduan tambahan kepada para guru dalam mewujudkan iklim pembelajaran yang santai, menyeronokkan dan menghibur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.3 Pernyataan Masalah

Satu unsur baharu iaitu pendekatan didik hibur telah diperkenalkan dalam kurikulum Bahasa Melayu. Pendekatan didik hibur yang diperkenalkan ini bertujuan untuk mewujudkan satu sistem pengajaran dan pembelajaran yang menghiburkan, seronok, kecindan dan mampu menarik minat murid untuk mengikuti pembelajaran.

Didik hibur yang diperkenalkan dalam KSSR pada 2011 merupakan satu teknik dalam pengajaran dan pembelajaran dan menyediakan murid-murid mengintergrasi, bereksperimentasi dan menggunakan apa yang telah dipelajari dalam modul berdasarkan aktiviti, seronok dan bermakna (Abdul Rasid Jamian, Nurul Nadiah Razali dan Shamsudin Othman, 2016). Dalam aktiviti didik hibur, kanak-kanak dapat membangunkan kaedah dalam membina hubungan dengan rakan-rakan, berpeluang untuk menunjukkan kuasa, membuat keputusan dan penilaian, menganalisis, membayangkan dan membuat diskriminasi (Ramlah Jantan, Nor Afni Resad dan Siti Fatimah Az-Zahra Mohd. Fauzi, 2016). Dengan terlaksananya pendekatan didik hibur dalam bilik darjah, proses pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih interaktif dan berpusatkan murid. (Tan Meng Guat, 2015). Malah, KPM (2012) telah menegaskan bahawa persekitaran pembelajaran yang meliputi persembahan isi kandungan mengikut konteks, kepelbagaian strategi penyampaian dan penggunaan bahan yang menarik dapat mendorong pembelajaran melalui unsur-unsur cabaran, ingin tahu, kawalan, fantasi, kerjasama, persaingan dan pengiktirafan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sesi pembelajaran yang santai, terhibur dan penuh dengan aktiviti yang menarik dan pelbagai mampu menarik penglibatan murid-murid terhadap pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Antara ciri pengajaran secara didik hibur ialah sesi pembelajaran yang menyeronokkan, disposisi guru serta pengunaan bahan bantu mengajar (BBM) yang menarik (Abdul Rasid Jamian dan Hasmah Ismail, 2013). BBM yang menarik dengan ciri-ciri yang merangsang minat murid perlu diutamakan (Mazlan Ismail, 2016). Persoalannya, adakah semua guru menyediakan BBM semasa pelaksanaan PdP, dan adakah BBM yang disediakan itu benar-benar merangsang minat murid? Oleh hal yang demikian, para guru perlu sedar akan kepentingan unsur-unsur pembelajaran yang menyeronokkan dalam pengajaran untuk mewujudkan hubungan baik dengan murid-murid dan seterusnya dapat menarik minat mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Untuk mewujudkan iklim pembelajaran yang aktif dan menyeronokkan dalam pengajaran dalam pembelajaran Bahasa Melayu, para guru yang mengajarkan mata pelajaran Bahasa Melayu mestilah mempunyai kompentensi yang tinggi terhadap penguasaan kaedah dan pedagogi Bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, hasil pemantauan Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, KPM (2017), mendapati sesetengah guru menghadapi masalah untuk menyampaikan isi pelajaran yang menarik dan sesuai.

Hal ini berpunca daripada guru yang masih kurang menguasai kaedah dan strategi pengajaran Bahasa Melayu menyebabkan murid tidak berminat mempelajari Bahasa Melayu. (KPM, 2017). Pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru masih lagi berbentuk "chalk and talk" dan guru kurang mempelbagaikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kaedah dan teknik pengajaran yang mampu merangsang kemahiran berfikir pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah (Mohd. Qhairil Anwar Azhar dan Zamri Mahamod, 2018). Guru yang lebih gemar menggunakan kaedah konvensional berbanding pembelajaran aktif boleh menimbulkan perasaan jemu dan bosan murid dan seterusnya mewujudkan sikap murid belajar secara pasif di dalam bilik darjah (Aimi Hafizah, 2017).

Strategi pembelajaran yang berpusatkan murid adalah digalakkan bagi mendorong penglibatan murid secara aktif dalam proses PdP di dalam kelas (Chew Fong Peng, Nur Atiqah Ali Jinah, 2020). Guru Bahasa Melayu dan guru-guru mata pelajaran lain perlu mencari pendekatan, kaedah, dan teknik pengajaran baharu agar murid suka akan guru sekaligus pengajaran guru (Sarabiah Jusoh, 2018). Selain itu, para guru mestilah sentiasa memastikan muridnya agar belajar bersungguh-sungguh, dapat mengawal kelakuan murid, dan memberi penilaian sebagai pengukuhan pembelajaran (Noorzailiza Zainal Abidin, Rozita Radhiah Said, Azhar Md Sabil, Ahmad Fauzi Mohd Ayub, 2020).

Selain itu, berdasarkan laporan Kementerian Pendidikan Malaysia (2017) juga, masih ramai guru bukan pengkhususan Bahasa Melayu yang mengajarkan mata pelajaran Bahasa Melayu di seluruh negara. Isu seperti ini wujud disebabkan kekurangan guru pengkhususan Bahasa Melayu menyebabkan kekosongan tersebut terpaksa diisi oleh guru bukan pengkhususan Bahasa Melayu. Fenomena ini telah mengakibatkan murid-murid kurang berminat belajar Bahasa Melayu kerana guru bukan pengkhususan Bahasa Melayu didapati tidak menguasai kemahiran bahasa dan mengajar mengikut kemampuan yang ada sahaja. Kajian Che Zanariah dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fadzillah (2011) mendapati kelemahan guru dalam aspek pengetahuan dan kemahiran bahasa telah menyumbang kepada masalah kemahiran bahasa seperti menulis dalam kalangan murid sekolah rendah dan murid kurang berminat untuk mempelajari bahasa.

Berdasarkan data KPM pada 1 April 2016, jumlah guru bukan pengkhususan Bahasa Melayu yang mengajarkan mata pelajaran Bahasa Melayu ialah sebanyak 31 265 orang (67.5%). Kesannya, berdasarkan Ujian Kecekapan Bahasa Melayu yang telah dilaksanakan oleh KPM pada tahun 2016, mendapati 40.9% guru bukan pengkhususan bahasa Melayu yang mengajar Bahasa Melayu tidak sesuai untuk mengajar Bahasa Melayu manakala 37.8% sesuai mengajar tetapi perlu mengikuti kursus Bahasa Melayu. Sebanyak 21.4% sahaja guru bukan pengkhususan Bahasa Melayu yang sesuai mengajar Bahasa Melayu. Hal ini boleh menyebabkan amalan PdP yang menyeronokkan di dalam bilik darjah tidak dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan kerana guru bukan pengkhususan Bahasa Melayu tidak menguasai kaedah dan amalan pengajaran bahasa yang baik. Ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Abdul Rasid Jamian dan Hasmah Ismail (2013), berkaitan kesan amalan pembelajaran menyeronokkan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Amalan pembelajaran menyeronokkan dapat dilihat dari aspek perspektif dan aplikasi pengetahuan tentang kaedah ataupun teknik yang berkesan sehingga mampu meningkatkan motivasi murid. Selain itu, minat dan sikap guru terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu juga boleh mempengaruhi corak pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. PdP yang bermakna sangat membantu murid meningkatkan minat serta motivasi mereka untuk mengamalkan pembelajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sepanjang hayat (Ainun Rahmah Iberahim dan Zamri Mahamod, 2017). Hasil kajian KPM pada tahun 2016 terhadap sikap dan minat guru mengajar Bahasa Melayu mendapati 73.3% guru sangat minat mengajar bahasa Melayu dan tiada guru yang sangat tidak minat mengajar Bahasa Melayu.

Walaupun item guru sangat minat mengajar Bahasa Melayu menunjukkan tahap yang agak tinggi (73.3%), namun kebolehan guru dalam mengubah suai pengajaran menjadi lebih menyeronokkan masih pada tahap yang rendah. Kegagalan guru bahasa untuk mengubah suai pengajaran dalam sesuatu tajuk supaya lebih menyeronokkan menyebabkan murid menjadi bosan dan hanya bersifat penerima ilmu sahaja (Samsudin Othman, 2016).

Kenyataan ini selari dengan pendapat Fadzilah Amzah, Merza Abbas, Mahzan Arshad (2009), kelemahan guru dalam menguasai pendekatan pengajaran yang berkesan menyebabkan guru sering menggunakan buku rujukan dan buku ulasan sebagai panduan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Guru-guru juga sukar beralih daripada pengajaran tradisional kepada pengajaran berpusatkan pelajar kerana guru masih lagi bergantung dengan kaedah pengajaran berasaskan buku teks (Mohd. Qhairil Anwar Azhar & Zamri Mahamod, 2018). Terdapat masih ramai juga guru yang mengajar menggunakan pendekatan autokratik, tegas dan mengongkong pemikiran murid. Ini berikutan amalan guru masih berorientasikan peperiksaan (Nor Hadibah Hushaini, Zulkifli Othman, Anida Sarudin, Husna Faerdza Mohamed Redzwan, Dyah Werdiningsih, 2020).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kebanyakan proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang dicerap dalam kajian, mendapati PdP Bahasa Melayu adalah berbentuk tradisional, kurang memberi penekanan kepada asas berbahasa, kurang menggunakan teknologi maklumat, kurang mengamalkan konsep didik hibur dan lain-lain yang akan menyebabkan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif tidak tercapai (Mohd. Sahandri Gani Hamzah, Mohd. Yusof Abdullah, Abdul Raof Hussin, Saifuddin Kumar Abdullah, Wong Kung Tuck, dan Shahril Ismail, 2018). Aspek pengajaran yang menyeronokkan tidak diamalkan sebaik mungkin oleh guru semasa PdP berlangsung. Guru mata pelajaran Bahasa Melayu seharusnya merancang pengajaran dan pembelajaran dengan teliti berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada murid (Layang Ugek, Jamaluddin Badushah, 2018). Oleh hal yang demikian, para guru menghadapi masalah untuk melaksanakan PdP yang menarik dan menyeronokkan untuk menarik minat murid.

Begitu juga dengan minat dan penguasaan murid terhadap bahasa Melayu. Minat murid terhadap Bahasa Melayu yang tinggi juga mempunyai korelasi terhadap kemahiran berbahasa Melayu yang mempengaruhi pencapaian murid (KPM, 2017). Kajian Minat Murid Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Melayu oleh KPM pada tahun 2016 menunjukkan sebanyak 48.2% murid-murid di sekolah rendah (Sekolah Kebangsaan) sangat minat terhadap Bahasa Melayu, 37.5% menunjukkan minat dan 4.3% kurang minat dengan mata pelajaran Bahasa Melayu. Ini jelas menunjukkan bahawa masih ramai murid sekolah rendah di Sekolah Kebangsaan yang kurang minat dan tidak menguasai Bahasa Melayu dengan baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Permasalahan yang telah dikenal pasti telah menarik minat penyelidik untuk membangunkan sebuah modul PdP yang menyeronokkan yang lebih berfokus kepada kemahiran seni bahasa. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk membangunkan sebuah modul pembelajaran bahasa iaitu pembangunan modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah. Modul pengajaran seni bahasa yang dibangunkan diharap dapat membantu para guru untuk mencari jalan penyelesaian ke arah mewujudkan iklim pembelajaran yang menyeronokkan dan murid-murid dapat belajar dalam suasana santai, riang serta terlibat secara aktif.

1.4 Objektif Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Objektif Umum

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan sebuah modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur di sekolah rendah.

Objektif Khusus

Kajian ini bertujuan untuk menerangkan objektif yang berikut :

1. Menganalisis maklumat berkaitan pengajaran dan pembelajaran kemahiran seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur sekolah rendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2. Membina modul kemahiran seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur di sekolah rendah.
3. Menilai pelaksanaan modul seni bahasa yang dibina di dalam sebuah kelas Bahasa Melayu di sekolah rendah.

1.5 Soalan Kajian

Soalan kajian pembinaan modul pengajaran dalam pengajaran Bahasa Melayu murid sekolah rendah adalah untuk :

1. Apakah dapatan berkaitan seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur sekolah rendah?
2. Bagaimanakah modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dibina?
3. Bagaimanakah penilaian kebolehgunaan modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur terhadap PdP murid di dalam sebuah kelas Bahasa Melayu dilakukan?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini dianggap penting dalam sistem pendidikan negara pada hari ini kerana kajian ini boleh dimanfaatkan kepada banyak pihak. Kepentingan kajian boleh diperjelaskan kepentingannya kepada tiga peringkat iaitu peringkat mikro -

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peringkat individu, orang perseorangan, peringkat mezzo - peringkat keluarga,masyarakat, sekolah dan peringkat makro - peringkat polisi, perundangan, budaya dan adat resam, (Fauziah Ibrahim, Khadijah Alavi dan Nazirah Hassan, 2020). Dalam kajian ini, antara pihak yang akan memperoleh manfaat hasil ialah murid, guru, sekolah, dan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia.

Dengan adanya kajian ini, murid-murid boleh belajar sesuatu yang baharu dan menyeronokkan di dalam kelas. Jika sebelum ini, PdP yang dilaksanakan oleh guru di dalam bilik darjah lebih bersifat tradisional iaitu berpusatkan guru, namun dengan pelaksanaan pembelajaran secara pendekatan didik hibur ini, murid-murid dapat terlibat sepenuhnya dalam aktiviti yang dijalankan. Murid-murid akan lebih terhibur, seronok, bersemangat, aktif dan dapat memberi tumpuan sepenuhnya semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan.

Bagi pihak guru pula, mereka boleh menjadikan modul ini sebagai panduan dalam mengajarkan Bahasa Melayu berasaskan didik hibur di dalam kelas. Modul yang dibina ini dapat membantu para guru menjadi lebih kreatif dan tidak kaku semasa sesi pembelajaran berlangsung. Pengajaran dan pembelajaran yang berpandukan modul seumpama ini, secara tidak langsung guru-guru telah melakukan satu transformasi dalam kaedah PdP, daripada berpusatkan guru kepada berpusatkan murid, daripada pengajaran yang serius kepada pembelajaran yang santai dan menghiburkan serta penggunaan bahan bantu mengajar yang lebih menarik minat murid. Guru memperoleh banyak idea, kaedah dan teknik pengajaran dapat dipelbagaikan mengikut aras kebolehan murid serta melahirkan satu inovasi baharu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Seterusnya, modul ini juga dapat memberi manfaat kepada pihak sekolah. Pihak sekolah boleh menjadikan modul ini sebagai satu sumber rujukan tambahan yang boleh digunakan oleh para guru bahasa Melayu di sekolah rendah. Dengan penggunaan modul ini secara menyeluruh, pengajaran bahasa Melayu berasaskan didik hibur dapat digunakan dengan lebih berkesan.

Kajian ini juga dapat memberi manfaat kepada pihak KPM. Pihak KPM boleh menjadikan modul ini sebagai rujukan alternatif dalam pembinaan bahan pengajaran berasaskan pendekatan didik hibur. Modul seni bahasa ini juga akan memperbanyak bahan yang boleh digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, serta para guru mempunyai banyak pilihan yang boleh digunakan dalam proses tersebut. Ini dapat meningkatkan pengetahuan guru-guru untuk memahami pengaplikasian modul pengajaran melalui pendekatan didik hibur.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini dibatasakan di sebuah sekolah rendah sahaja iaitu Sekolah Kebangsaan Sri Wangi, Gua Musang. Kajian ini hanya melibatkan sekolah kebangsaan dan tidak melibatkan sekolah rendah jenis kebangsaan. Sekolah Kebangsaan Sri Wangi dipilih kerana sekolah ini merupakan populasi homogenius iaitu sama seperti sekolah-sekolah kebangsaan yang lain. Selain itu, sekolah ini juga merupakan antara sekolah yang memperoleh prestasi cemerlang dalam Ujian Pencapaian Sekolah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rendah (UPSR) dan menjadi pilihan utama ibu bapa di sekitar Bandar Gua Musang.

Sekolah ini terletak di luar bandar dan mempunyai bilangan murid yang agak ramai iaitu 1200 orang murid. Murid-murid di sekolah ini juga mempunyai latar belakang keluarga yang berbeza iaitu terdiri daripada keluarga yang berada di bawah paras miskin, sederhana dan keluarga yang terdiri dalam golongan profesional. Jurang penguasaan murid antara satu sama lain juga agak ketara kerana latar belakang keluarga yang berbeza mempengaruhi tahap penguasaan murid. Oleh yang demikian, pemilihan sekolah ini juga adalah untuk meningkatkan lagi prestasi kecemerlangan murid-murid di samping meningkatkan tahap penguasaan bahasa Melayu bagi murid-murid yang lemah.

Murid yang terlibat sebagai peserta kajian dalam kajian ini adalah seramai 35 orang iaitu murid Tahun 3C. Bilangan guru terlibat sebagai responden dalam kajian ini pula dibataskan kepada dua orang guru sahaja iaitu guru Bahasa Melayu Tahun 3C dan guru Bahasa Melayu Tahun 2. Kajian ini juga dibataskan kepada sukatan kurikulum baharu iaitu KSSR yang melibatkan kemahiran seni bahasa sahaja. Kajian ini hanya membangunkan sebuah modul bagi murid tahun tiga dan kajian ini dijalankan secara kualitatif sahaja

1.8 Definisi Operasional

Berikut ialah definisi operasional dalam kajian ini:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.1 Sekolah Rendah

Sekolah rendah ialah tahap persekolahan pada peringkat rendah kanak-kanak bermula dari darjah satu hingga ke darjah enam dalam tempoh masa persekolahan selama enam tahun. Murid-murid mula bersekolah rendah pada usia tujuh hingga dua belas tahun. Sekolah rendah menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama.

1.8.2 Tahap Satu

Tahap Satu dalam sistem pendidikan di Malaysia merujuk kepada tahap pembelajaran murid peringkat rendah yang berumur tujuh hingga sembilan tahun. Pada tempoh ini, murid akan belajar di Tahun Satu, Tahun Dua dan Tahun Tiga.

1.8.3 Bahasa dan Bahasa Melayu sebagai mata pelajaran di Sekolah Rendah

Menurut Mahzan Arshad (2013), bahasa ialah satu sistem komunikasi yang terdiri daripada bunyi, perkataan, dan tatabahasa atau sistem komunikasi yang digunakan oleh orang di sesebuah lokasi atau sesuatu profesion. Manusia berhubung antara satu sama lain menggunakan satu sistem bunyi yang dapat difahami sesama mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KPM (2017) pula mendefinisikan bahasa sebagai merupakan alat untuk berkomunikasi dalam pelbagai bidang. Selain itu, bahasa juga berperanan sebagai wadah pembentukan akal dan fikiran, pembangunan ekonomi dan politik, serta perkembangan agama dan kesusasteraan. Bahasa dapat dikuasai oleh manusia menerusi alat pertuturan.

Bahasa Melayu pula ialah bahasa kebangsaan, seperti yang termaktub dalam Perkara 152(1) Perlembagaan Persekutuan: "Bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukkan dengan undang-undang oleh Parlimen". Bahasa Melayu juga merupakan bahasa rasmi negara yang diperakukan melalui Akta Bahasa Kebangsaan 1963 dan pindaan tahun 1967 (Akta 32).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar utama, bahasa perpaduan, dan mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh semua pelajar pada semua peringkat persekolahan; sama ada di sekolah menengah mahupun di sekolah rendah (KPM, 2017). Mata pelajaran Bahasa Melayu ini bertujuan untuk melengkapkan pelajar dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi selaras dengan peranannya sebagai bahasa ilmu.

1.8.4 Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) merupakan transformasi pendidikan yang dilancarkan oleh kerajaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011) dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

usaha menyusun semula dan menambah baik kurikulum sedia ada bagi melahirkan generasi yang berilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai yang bersesuaian dengan keperluan semasa dan mendtang, khususnya bagi menghadapi saingan abad ke-21.

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) digubal dalam Pernyataan Standard yang terdiri daripada Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran yang perlu dicapai murid dalam satu tahap persekolahan. Standard Kandungan ialah penyataan spesifik mengenai perkara murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. Standard Pembelajaran pula ialah penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan (Noriati A. Rashid, Lee Keok Cheong, Zulkifli Muhyudin dan Zakiah Noordin, 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Standard Kurikulum Bahasa Melayu sekolah kebangsaan mengambil kira pendekatan pengajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa pertama. Kepelbagaian pengajaran dan pembelajaran, minat dan kecerdasan yang berbeza dalam kalangan murid turut diberi penekanan.

1.8.5 Seni Bahasa

Seni bahasa merupakan satu daripada komponen yang perlu diajarkan kepada murid dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), khususnya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Seni bahasa merupakan keindahan yang merangkumi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

susunan kata-kata dalam Bahasa Melayu. Menurut Bahagian Pembangunan Kurikulum (2010), seni bahasa ialah keupayaan murid memahami, mengungkap dan menghargai bahasa yang indah melalui pembelajaran yang menyeronokkan. Keindahan bahasa dapat dilihat menerusi penggunaan bahasa yang betul dan indah. Bahasa yang indah meliputi ayat dan perkataan yang digunakan seperti bahasa kiasan, simile, peribahasa dan personifikasi yang terdapat dalam karya kreatif. Menurut Awang Sariyan (2007), elemen terpenting dalam seni bahasa ialah kesantunan bahasa. Dalam KSSR, terdapat empat elemen yang perlu dipelajari oleh murid melalui seni bahasa iaitu nyanyian, bercerita, lakonan dan berpuisi yang menjadi medium penting dalam pembelajaran seni bahasa di dalam bilik darjah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.6 Didik Hibur

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan satu pendekatan baharu yang terkandung dalam kemahiran seni bahasa iaitu pendekatan secara didik hibur sebagai satu langkah untuk mentransformasikan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah agar menjadi lebih menyeronokkan.

Didik hibur merupakan satu elemen humor yang menekankan keseronokkan semasa PdP melalui unsur-unsur kecindan yang menarik minat melalui pembelajaran yang berpusatkan murid. Pendekatan didik hibur ini dijalinkan dengan unsur-unsur yang bersifat fantasi, jenaka, aktif, berani, persaingan, pengiktirafan dan sebagainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Bahagian Pembangunan Kurikulum (2016), tafsiran didik hibur dilihat dari sudut yang lebih luas, iaitu satu pendekatan proses pengajaran dan pembelajaran yang menekankan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan secara terancang. Menurut BPK lagi, unsur keseronokan akan wujud melalui pembelajaran yang santai, menarik, menghiburkan, bermakna dan memikat yang dapat membantu murid untuk belajar. Pendekatan ini dilaksanakan merentas kemahiran bahasa, iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca, kemahiran menulis, kemahiran seni bahasa dan kemahiran tatabahasa (BPK, 2010). Dengan kata lain, pembelajaran didik hibur ini ialah belajar sambil bermain.

Kesimpulannya, pendekatan didik hibur merujuk pelaksanaan aktiviti dalam dalam situasi persekitaran yang menyeronokkan dengn pelbagai kaedah dan srtategi yang digunakan. Didik hibur ini merupakan pendekatan PdP yang bersifat santai dan berhibur. Pelaksanaan pendekatan didik hibur ini memberi penekanan terhadap empat komponen sastera iaitu nyanyian, bercerita, lakonan dan puisi.

1.8.7 Pembinaan Modul Pengajaran

Pembinaan modul pengajaran merujuk kepada pembinaan kerangka yang merangkumi kandungan, strategi serta iklim sosial bilik darjah yang dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran untuk murid kita.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ini bermaksud pembinaan modul pengajaran merupakan rangka tindakan pengajaran. Modul ini adalah strategi yang direka bentuk untuk mencapai matlamat pengajaran. Modul pengajaran terdiri daripada prosedur-prosedur mudah pengajaran dan pembelajaran yang boleh dijadikan panduan kepada perancang dan guru kerana prosedur mengajar amat penting untuk menghasilkan pengajaran yang berkesan.

Pembinaan modul pengajaran dibangunkan mengikut beberapa fasa dengan mengadaptasikan daripada beberapa contoh model reka bentuk pembangunan. Fasa-fasa ini akan disesuaikan dengan langkah-langkah perkembangan dalam sesuatu model pembelajaran yang telah dipilih.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9 Rumusan

Bab ini telah membincangkan beberapa isu penting yang telah dijalankan dalam kajian ini. Latar belakang seni bahasa dan pendekatan didik hibur telah dijelaskan dalam bahagian pengenalan dan latar belakang. Bab ini juga menjelaskan pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan yang memberi manfaat kepada pelbagai peringkat serta batasan kajian yang dijalankan. Selain itu, bab ini juga telah memberikan definisi istilah secara operasional dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 Pengenalan

Dalam bab kedua ini , penyelidik membincangkan konsep-konsep penting tentang seni bahasa, pendekatan didik hibur, ciri-ciri dan pelaksanaannya di dalam bilik darjah mengikut eleman-eleman yang telah ditetapkan. Selain itu, dalam bab ini juga penyelidik membincangkan kajian-kajian lepas berkaitan didik hibur serta teori-teori yang berkaitan dalam fasa-fasa pembinaan modul seni bahasa. Seterusnya, bab ini menjelaskan kerangka teori yang digunakan dalam kajian pembinaan modul seni bahasa ini.

Dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, terdapat lima modul iaitu Modul Mendengar dan Bertutur, Modul Membaca, Modul Menulis, Modul Seni Bahasa dan Modul Tatabahasa. Tiga modul yang pertama berasaskan empat kemahiran iaitu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Modul Seni Bahasa dan Modul Tatabahasa menyokong modul-modul tersebut untuk mengukuhkan kecekapan berbahasa murid (KPM, 2012)

KPM (2012) juga menyatakan bahawa pembelajaran Bahasa Malaysia di sekolah rendah berfokus pada kemahiran literasi dan aplikasi bahasa. Pada Tahap 1, murid-murid perlu menguasai asas kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Ini bermakna konsep kembali kepada asas diberi penekanan yang khusus. Penekanan ini juga diberikan kepada pembelajaran yang menyeronokkan yang berkonsepkan aktiviti didik hibur. Aktiviti didik hibur dalam pengajaran dan pembelajaran yang mengaplikasikan pelbagai pendekatan dan teknik seperti nyanyian dan permainan serta penggunaan pelbagai bahan yang menarik dapat membantu murid menguasai dan menghayati pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2 Seni Bahasa

Seni bahasa merujuk kepada kebahasaan, keindahan dan kehalusan dalam Bahasa Melayu yang perlu difahami dan dikuasai oleh murid. Penguasaan aspek seni bahasa merangkumi kecekapan memahami, mengungkap dan menghayati bahasa yang indah. Melalui pembelajaran seni bahasa ini, murid-murid akan dapat menghasilkan dan mempersembahkan karya kreatif pelbagai genre secara lisan dan bertulis melalui variasi teknik yang menarik (KPM, 2017). Bukan itu sahaja, aspek seni bahasa ini juga menzahirkan pembelajaran yang menyeronokkan secara didik hibur (KPM, 2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Abdul Rasid Jamian dan Shamsudin Othman (2013) pula menyatakan aspek seni bahasa merujuk keupayaan murid memahami, mengungkap dan menghargai bahasa yang indah melalui pembelajaran yang menyeronokkan dalam konteks pendekatan didik hibur. Tambahnya, seni bahasa juga menampakkan keindahan bahasa dari segi pembentukan gaya bahasa khususnya ayat yang menggunakan unsur simile, peribahasa, bahasa kiasan, dan personifikasi yang terdapat dalam teks yang dibaca.

Selain itu, Mazlan Ismail (2016) pula mendefinisikan seni bahasa sebagai keupayaan murid mengungkapkan dan mengapresiasi seni melalui keindahan bahasa, memahami, menghayati dan menghargai bahasa melalui pembelajaran yang menyeronokkan. Di samping itu, seni bahasa juga memfokuskan kepelbagaian aktiviti PdP yang dikendalikan secara terancang sama ada di dalam atau di luar bilik darjah untuk menarik minat murid.

Dari sudut pandangan Mohd. Rashid Md. Idris dan Mahzir Ibrahim (2014) pula, seni bahasa merupakan keupayaan murid mengungkap dan mengapresiasi keindahan bahasa, memahami dan menghargai bahasa melalui pembelajaran yang menyeronokkan menerusi kepelbagaian aktiviti secara didik hibur. Murid juga dapat melahirkan idea melalui penulisan dan lisan menggunakan keindahan bahasa melalui teknik penyampaian yang menarik seperti bernyanyi, berlakon, bercerita dan berpuisi. Aktiviti seni bahasa ini dapat membantu murid memantapkan lagi kemahiran berbahasa mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun, bagi Rin Surtantini (2015), seni bahasa merupakan satu wadah komunikasi yang digunakan dalam kehidupan seharian untuk melahirkan idea tentang masa kini, mengimbau masa lampau serta mengimaginasikan masa hadapan. Dalam seni bahasa ini terkandung pembelajaran yang diungkap secara lisan hasil pembacaan, pertuturan seharian, penulisan dan pengamatan.

Langkah KPM memasukkan kemahiran seni bahasa dalam kurikulum baharu iaitu KSSR merupakan satu langkah yang sangat baik bukan sahaja terhadap aspek kebahasaan malah kepada keperibadian murid itu sendiri. Tujuan kemahiran seni bahasa diperkenalkan adalah untuk mewujudkan satu medium kepada aktiviti berbahasa, iaitu nyanyian, bercerita, lakonan dan berpuisi. Melalui pembelajaran kemahiran seni bahasa ini, bakat dan potensi murid dapat dicungkil berdasarkan kecenderungan mereka. Hal ini dapat dilihat menerusi objektif seni bahasa yang menginginkan murid mengetahui dan berkeupayaan untuk menyebut dan memahami puisi melalui nyanyian dengan gerak laku secara didik hibur, mengujarkan ayat menggunakan bahasa yang indah dengan sebutan yang jelas dan intonasi yang betul serta menggunakan bahasa badan yang kreatif melalui penceritaan secara didik hibur, mengujarkan dialog dengan sebutan yang jelas dan intonasi yang betul tentang sesuatu perkara menggunakan bahasa badan yang kreatif melalui lakonan secara didik hibur dan melafazkan pantun dengan menggunakan bahasa yang indah serta menyampaikan pantun dengan intonasi yang betul di samping memahami maksud pantun (Abdul Rasid Jamian dan Shamsudin Othman, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3 Didik Hibur dalam KSSR

Melalui KSSR, proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) murid-murid menjadi lebih seronok, santai dan menghiburkan. Keseronokan pembelajaran ini tidak hadir secara tiba-tiba dan tersendiri, malah hadir secara dirancang iaitu perancangan awal dan strategi yang digunakan oleh guru. Pendekatan secara didik hibur ini dilaksanakan mengikut konteks isi kandungan mata pelajaran serta menggunakan kepelbagaian strategi, dan bahan pengajaran dan pembelajaran yang menarik dan menyeronokkan. Pelaksanaan didik hibur ini membantu memperkukuh pemahaman dan mendorong murid untuk terus belajar (Mazlan Ismail, 2016).

Menurut Tay Meng Guat (2015), didik hibur merupakan satu pendekatan dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang bersifat santai dan berhibur. Pendekatan didik hibur ini merupakan PdP yang dapat memberi keseronokan kepada para murid kerana mengandungi unsur kelakar, bermain, berlakon, bernyanyi dan sebagainya yang tidak memberi tekanan kepada murid.

Menurutnya lagi, pembelajaran secara didik hibur telah lama dilaksanakan dalam pembelajaran di dalam bilik darjah. Sebagai contoh, teknik dan kaedah pembelajaran seperti main peranan, simulasi, teka-teki, sumbang saran dan sebagainya juga merupakan satu pendekatan pembelajaran yang berjaya memberi keseronokan kepada para murid. Namun kini, istilah didik hibur digunakan secara jelas bertujuan untuk memberi penegasan terhadap usaha dan komitmen yang tinggi oleh KPM. Matlamat KPM adalah untuk menyebarluaskan pendekatan ini secara formal yang diadaptasikan menerusi pendekatan "Fun Learning" yang digunakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

secara meluas dalam pengajaran dan pembelajaran (Bahagian Jemaah Nazir Sekolah, 2004).

2.3.1 Pendekatan Didik Hibur

Menurut Dokumen Standard Bahasa Malaysia Tahap 1 SK (2011), didik hibur merupakan satu pendekatan dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara santai dan berhibur yang terancang dan bersistematik dengan penekanan pelaksanaannya terhadap empat komponen sastera iaitu nyanyian, bercerita, lakonan dan puisi. Banyak definisi dan takrifan yang diberikan berkaitan didik hibur ini.

Antaranya, Kementerian Pendidikan Malaysia (2011) mentakrifkan `didik' sebagai mengajarkan sesuatu pelajaran dalam konteks pengajaran dan pembelajaran. `Hibur' pula dalam konteks pengajaran bermakna, pembelajaran yang menyenangkan atau menggirangkan serta berasa seronok. Oleh yang demikian, berdasarkan takrifan KPM tersebut, dapat dirumuskan bahawa didik hibur sebagai pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah yang menyeronokkan murid-murid, di samping dapat membina pengetahuan baru secara bermain. Strategi ini dimasukkan dalam KSSR sebagai satu transformasi kurikulum persekolahan.

Tay Meng Guat (2015) pula memberikan pengertian didik hibur sebagai pendekatan PdP yang menyeronokkan murid-murid kerana terkandung unsur kecindan, kelakar, adanya unsur estetik, permainan muzik, lakonan dan sebagainya. Tambahnya, walaupun pendekatan didik hibur ini menekankan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran yang santai dan menyeronokkan, namun objektif PdP masih dapat dicapai seperti yang telah ditetapkan. Hal ini telah dijelaskan dalam kajian terdahulu oleh Shamsudin Othman dan Abdul Rasid Jamian (2013) yang menyatakan walaupun pelajar seronok, namun objektif PdP masih dapat dicapai seperti yang ditetapkan oleh sukatan pelajaran. Bagi mencapai hasrat tersebut, guru perlu melaksanakan belajar sambil berhibur agar isi kandungan mata pelajaran dapat disampaikan dengan berkesan.

Didik hibur merupakan satu pendekatan dalam PdP dan menyediakan pelajar-pelajar peluang untuk mengintergrasi, bereksperimentasi dan menggunakan apa yang telah dipelajari dalam modul berdasarkan aktiviti, seronok dan bermakna (Abdul Rasid Jamian, Nurul Nadiah Razali dan Shamsudin Othman, 2016). Bagi Mazlan Ismail (2016) pula, didik hibur merupakan satu elemen humor yang menekankan keseronokan dalam pembelajaran melalui unsur- unsur kecindan yang dapat menarik keinginan dan motivasi murid untuk terus belajar. Pendekatan didik hibur menurut Mohd. Razak dan Masitah (2015) pula merupakan satu pendekatan dalam proses PdP yang bersifat santai dan berhibur seperti permainan, nyanyian, berceita, lakonan, dan puisi yang dirancang dengan sistematik. Pendekatan didik hibur merupakan satu pendekatan alternatif pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan bagi para pelajar (Azizah Abdul Rahim, Fazillah Mohamed Ismail, 2016). Manakala DSKP Bahasa Melayu Tahun Tiga (2017) pula mentakrifkan pendekatan didik hibur sebagai satu pendekatan dalam PdP yang menekankan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan secara terancang. Unsur keseronokan akan wujud melalui pembelajaran yang santai, menarik, menghibur, bermakna dan memikat yang dapat membantu memperkukuh pemahaman dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendorong murid untuk belajar.

Didik hibur dilaksanakan secara penyerapan dalam pengajaran sesuatu subjek dengan berfokuskan kepada aktiviti mengguna dan memahami penyerapan suatu keadaan. Penyerapan ialah proses menyerapkan pelbagai bidang ilmu, nilai murni dan kemahiran bernilai tambah yang dipelajari semasa pengajaran dan pembelajaran. Dari aspek pelaksanaannya, aktiviti didik hibur ini boleh dilaksanakan sama ada semasa melaksanakan induksi set, semasa proses perkembangan aktiviti atau semasa penutup pembelajaran. Pelaksanaan didik hibur ini juga merentas kemahiran bahasa dan bukannya bertumpu kepada kemahiran seni bahasa sahaja. Pendekatan didik hibur ini perlu disekalikan dengan disposisi guru dan juga penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) yang menarik dan merangsang minat murid. Oleh hal yang demikian, guru perlu merancang PdP dengan betul dan cermat, mengambil kira tahap kebolehan murid, minat serta penggunaan BBM agar isi kandungan mata pelajaran dapat disampaikan dengan berkesan dan seterusnya mencapai objetif pembelajaran yang ditetapkan.

Pembelajaran menyeronokkan ini perlu dirancang berpandukan objektif didik hibur yang telah ditetapkan. Menurut KPM (2012), terdapat tiga objektif pelaksanaan pendekatan didik hibur dalam pengajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah dan menengah, iaitu mengguna dan memahami lirik lagu secara didik hibur, mengguna dan memahami bahasa yang indah dan bahasa badan dalam lakonan dan bercerita dan mengguna dan memahami pantun dua kerat secara didik hibur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh sebab pembelajaran secara didik hibur ini memfokuskan pembelajaran yang menyeronokkan, maka secara tidak langsung unsur-unsur yang terkandung di dalamnya dapat menjelaskan ciri-ciri didik hibur seperti yang dihasratkan oleh KPM. Banyak tokoh sarjana lepas yang telah memberikan ciri kepada pembelajaran secara didik hibur ini. Antaranya ialah Indrawati dan Wanwan Setiawan (2009) yang menyatakan terdapat beberapa ciri yang diperlukan bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan seperti santai, aman, menarik, bebas daripada tekanan, bersemangat, perhatian dan tumpuan, wujudnya pembelajaran yang menarik, gembira, keterlibatan murid sepenuhnya serta wujudnya minat daripada murid-murid.

Namun begitu, bagi Malone dan Lepper (1987) pula menyatakan, untuk menjelaskan ciri-ciri didik hibur, terdapat empat unsur utama yang mewujudkan pembelajaran yang menyeronokkan, iaitu unsur cabaran, perasaan ingin tahu, kawalan dan fantasi.

Tambahnya, dalam unsur cabaran, guru boleh mewujudkan aktiviti yang boleh memberi cabaran yang menarik kepada murid-murid. Cabaran yang diwujudkan tersebut mestilah bersesuaian dengan tahap dan kebolehan murid supaya mereka terus terdorong untuk mengikuti PdPc yang dirancang. Cabaran yang terlalu sukar boleh mematahkan semangat murid untuk terus belajar. Oleh hal yang demikian, seseorang guru yang kreatif perlu mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ciri yang kedua menurut Malone dan Lepper (1987) ialah, guru perlu merancang aktiviti yang dapat menimbulkan perasaan ingin tahu murid. Perasaan ingin tahu murid ini dapat diwujudkan dengan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) semasa PdP berlangsung. Sekiranya BBM yang digunakan oleh guru itu dapat menarik minat murid, sudah pasti tahap pengekalan minat murid untuk terus terlibat dalam PdP amat baik.

Ciri-ciri didik hibur yang ketiga menurut Malone dan Lepper ialah adanya unsur kawalan. Menurut mereka, kawalan berperanan untuk menimbulkan rangsangan dalam kalangan murid semasa proses PdP berlangsung. Situasi ini dapat menggalakkan kawalan kendiri oleh murid untuk terus terlibat dalam kemahiaran yang tidak dijangkakan oleh mereka. Ciri-ciri didik hibur yang terakhir menurut pandangan mereka ialah wujudnya unsur fantasi. Menurut mereka, unsur fantasi menjadi unsur pendorong murid untuk terus kekal dalam PdP di dalam bilik darjah. Unsur fantasi ini mampu menggalakkan murid berimaginasi tentang sesuatu perkara yang berkaiatan dengan tajuk yang dipelajari pada hari tersebut. Bagi Abdul Rasid Jamian dan Hasmah Ismail (2013) pula, pendekatan didik hibur ini mempunyai beberapa cirinya yang tersendiri. Antaranya ialah, sesi pembelajaran yang menyeronokkan kerana adanya unsur humor. Mereka menegaskan, berdasarkan Standard Jemaah Nazir dalam Elemen 9.13, (a) (iv) menyatakan tentang sumbangan guru terhadap suasana pembelajaran yang kondusif, dan standard ini menggariskan bahawa guru perlu mewujudkan suasana riang dan merangsang pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ciri-ciri didik hibur yang kedua yang dinyatakan oleh mereka ialah disposisi guru. Jelasnya, Standard Jemaah Nazir ada menyatakan dalam Elemen 9.13, PdP yang menyentuh disposisi guru telah menyatakan kepentingan amalan pengajaran menyeronokkan dalam kalangan guru. Guru yang cemerlang ialah guru yang mampu mewujudkan suasana ceria di dalam bilik darjah.

Ciri-ciri didik hibur yang terakhir menurut pandangan mereka ialah penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) yang pelbagai dan menarik. BBM yang sesuai berdasarkan tajuk pastinya dapat mengubah gaya dan minat pembelajaran murid. PdP yang santai dan menggembirakan ini melibatkan kreativiti guru dalam menghasil dan mengaplikasikan BBM yang pelbagai dan menarik yang mampu memberi impak positif terhadap minat dan motivasi murid di dalam bilik darjah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.2 Pelaksanaan Didik Hibur dalam KSSR

Menurut KPM (2011), pendekatan didik hibur ini dilaksanakan secara serapan dalam PdP Bahasa Melayu tanpa mengubah objektif asal sesuatu kemahiran bahasa. Pendekatan ini lebih berfokus kepada aktiviti mengguna dan memahami lirik lagu, menggunakan bahasa indah, bahasa badan serta berpantun. Proses penyerapan didik hibur ini meliputi pelbagai bidang ilmu seperti nilai murni, kemahiran bernilai tambah dan sebagainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut KPM (2017) lagi, pendekatan didik hibur ini dilaksanakan mengikut konteks isi kandungan mata pelajaran serta menggunakan kepelbagaian strategi serta bahan pengajaran dan pembelajaran yang dapat menimbulkan cabaran, rasa ingin tahu, kawalan, fantasi, kerjasama, persaingan sihat dan pengiktirafan. Pendekatan ini dilaksanakan merentas kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca, menulis, aspek seni bahasa dan aspek tatabahasa.

Kesimpulannya, didik hibur merupakan satu pendekatan pembelajaran yang bersifat santai dan berhibur yang bertujuan untuk memberi keseronokan kepada murid semasa belajar. Pelaksanaannya dijalankan secara serapan dengan memfokuskan kepada empat komponen sastera iaitu nyanyian, bercerita, lakonan dan puisi. Melalui pendekatan ini, matlamat untuk memberi keseronokan kepada murid semasa PdP akan dapai dicapai dengan berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4 Kajian Literatur Didik Hibur

Didik hibur merupakan satu pendekatan dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang bersifat santai dan berhibur dengan penekanan pelaksanaannya terhadap empat komponen sastera iaitu nyanyian, bercerita, lakonan dan puisi (KPM, 2011). Walau bagaimanapun, terhadap juga elemen- elemen lain yang boleh menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran terhibur dan berjaya menarik minat murid seperti penggunaan teknologi maklumat komunikasi (TMK), penggunaan unsur humor (jenaka) dan permainan bahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Banyak kajian terhadap pelaksanaan didik hibur ini yang merangkumi elemen nyanyian, bercerita, lakonan, puisi, penggunaan TMK, permainan bahasa atau pembelajaran menyeronokkan telah dijalankan sama ada dalam negara atau luar negara. Keberkesanan teknik nyanyian dalam pembelajaran telah banyak dibuktikan melalui kajian-kajian lepas. Antaranya, kajian oleh Patricia Andai Robin, Mahizer Hamzah, Madeling Pandang (2020) yang menjalankan kajian tahap penguasaan kosa kata Bahasa Melayu kanak-kanak Iban melalui lagu Didi & Friends. Hasil kajian mendapati penggunaan lagu Didi & Friends berkesan dalam membantu kanak-kanak Iban menguasai kosa kata (bahasa badan) Bahasa Melayu iaitu . menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan dalam penguasaan kosa kata iaitu sebanyak 72.7% berbanding sebelum penggunaan lagu Didi & Friends dijalankan iaitu 18.2% sahaja. Ini jelas menunjukkan bahawa kanak-kanak sangat berminat dengan pendekatan didik hibur melalui teknik nyanyian yang dijalankan.

Begitu juga dengan kajian Turnbull D, Gupta dan Murad D (2018), menyatakan bahawa muzik adalah bentuk hiburan yang menyeronokkan, menarik dan sering digunakan oleh guru untuk membantu pelajar mempelajari bahasa. Tambahnya, kemajuan terkini dalam teknologi muzik dapat digunakan untuk membangunkan aplikasi pembelajaran bahasa yang dapat membantu anak-anak, orang dewasa muda dan pelajar dewasa mengembangkan kosa kata mereka, meningkatkan sebutan mereka, dan meningkatkan penghargaan budaya mereka.

Mohd Zahar Kusnun dan Affero Ismail (2017) juga telah membuktikan bahawa pendekatan didik hibur berjaya memotivasikan murid-murid dalam pembelajaran. Hasil kajian mereka yang bertajuk, Penerapan Kaedah Didik Hibur

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terhadap Motivasi Belajar dalam Kalangan Murid di Sebuah Sekolah Rendah Daerah Kluang berjaya mempengaruhi motivasi belajar di kalangan pelajar sekolah rendah. Ini jelas menunjukkan bahawa pendekatan didik hibur yang menghiburkan dan menarik semasa PdP telah meningkatkan motivasi jurid agar terus mengikuti pembelajaran yang dirancang dan seterusnya objketif pembelajaran tercapai.

Fonteles J, Fernandes M dan Queiroz D (2017) pula telah menjalankan kajian tentang permainan muzik interaktif untuk kanak-kanak, yang dibangunkan menggunakan Unreal Engine 4. Hasil kajian mendapati pendekatan pembelajaran melalui pelaksanaan gerak isyarat serta konsep muzik kepada permainan berjaya menggembirakan kanak-kanak, dapat menarik perhatian mereka, serta berjaya mengekalkan maklumat yang diperoleh hasil permainan yang menyeronokkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian Ramlah Jantan, Nor Afini Resab & Siti Fatimah Az-Zahra (2016) pula mendapati penggunaan muzik dalam nyanyian berupaya menarik minat murid dalam PdP. Para murid yang sememangnya sukakan muzik dapat menyebut dan mengingat perkataan melalui nyanyian dengan baik. Malah, murid-murid yang agak pendiam juga akan turut melibatkan diri dalam aktiviti nyanyian secara berkumpulan dan ini membantu murid-murid yang pendiam untuk sama-sama menyebut perkataan dengan betul.

Abdul Rasid Jamian, Nurul Nadiah dan Shamsudin Othman (2016) pula telah menjalankan kajian tentang Aplikasi Teknik Pembelajaran Menyeronokkan dalam Meningkatkan Prestasi Penulisan dalam Bahasa Melayu di sekolah sekitar Putrajaya menggunakan elemen lakonan dalam pengajaran dan pembelajaran. Hasil dapatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menunjukkan bahawa strategi dan teknik pengajaran penulisan karangan yang digunakan melalui teknik didik hibur secara keseluruhannya min 3.16 (S.P = 0.68). Dari segi elemen lakonan dalam teknik didik hibur yang digunakan secara keseluruhannya memperoleh min 3.69 (S.P = 0.55). Kesimpulannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa teknik didik hibur menggunakan elemen lakonan yang digunakan dalam pengajaran Bahasa Melayu dapat meningkatkan penulisan karangan pelajar.

Rahmah Jantan dan Nor Afini Resab (2016) telah menjalankan kajian aktiviti didik hibur dalam kalangan guru prasekolah di dareah Gombak. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penggunaan kaedah didik hibur dalam meningkatkan kemahiran literasi dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Sampel kajian terdiri daripada 80 orang guru prasekolah Kementerian Pelajaran Malaysia yang mengguna pakai Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaa.

Dapatan kajian mendapati majoriti guru prasekolah bersetuju bahawa pendekatan didik hibur berjaya menggembirakan murid-murid semasa PdP berlangsung. Mereka mendapati didik hibur merupakan satu pendekatan yang berkesan dalam meningkatkan kemahiran literasi dalam kalangan murid-murid prasekolah. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa pengguanaan pendekatan didik hibur dalam PdP berjaya menarik minat murid untuk belajar dalam suasana yang menyeronokkan mereka, dan seterusnya berjaya mencapai objektif pembelajaran yang ditetapkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rahimah Jantan, Nur Afini Resab, Mohd Fauzi (2016) juga telah menjalankan kajian mengenal pasti penggunaan kaedah didik hibur dalam meningkatkan kemahiran literasi dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Sampel kajian terdiri daripada 80 orang guru prasekolah anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia yang menggun apakai Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan di daerah Gombak.. Dapatan kajian menjelaskan majoriti guru prasekolah berpendapat bahawa kaedah didik hibur dapat menggembirakan murid-murid semasa belajar dan guru mudah untuk melaksanakannya. Mereka mendapati kaedah didik hibur berkesan dalam meningkatkan kemahiran literasi dalam kalangan murid-murid prasekolah.

Kajian Azizah Abdul Rahim dan Fazillah Mohamed Ismail (2016) pula menyatakan pendekatan didik hibur merupakan satu kaedah yang sangat efektif untuk merangsang murid mempelajari Bahasa Melayu di sebuah sekolah di Singapura. Melalui pembelajaran secara liputan berita yang dijalankan dalam PdP, hasil pembelajaran menunjukkan murid-murid menjadi lebih yakin dan dapat berkomunikasi dengan lebih baik dan kreatif. Tambahnya, murid-murid dapat belajar cara-cara untuk berkolaborasi, menyelidik, mengumpul maklumat , menjelaskan permasalahan serta memproses maklumat dalam suasana santai dengan rakan-rakan sekelas.

Kajian Suryani Talib (2015) dalam Rahmah Jantan, Nor Afini Resab (2016) terhadap kebolehan membaca dalam kalangan murid luar bandar (Tahap 1). Seramai 83 orang murid dari sebuah sekolah di luar bandar telah dijadikan sampel dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati 63 daripada 83 orang murid dapat membaca pada tahap baik dan sangat baik selepas PdPc secara didik hibur dilaksanakan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

manakala 16 orang murid lain dapat membaca pada tahap sederhana dan hanya 11 orang murid yang tahap membacanya lemah.

Keberkesanan pendekatan didik hibur dalam PdP dibuktikan juga dengan kajian yang dijalankan oleh Mohd Razak dan Masitah (2015) tentang Pendekatan Didik Hibur Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu: Tinjauan Terhadap Sikap dan Minat Murid Orang Asli di Negeri Perak. Kajian ini dilaksanakan untuk melihat dan menilai sejauhmanakah pendekatan didik hibur dapat menarik minat murid Orang Asli terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti sama ada pendekatan didik hibur dapat menarik minat murid Orang Asli terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu berbanding dengan pendekatan tradisional. Hasil kajian mendapati pendekatan didik hibur ini telah dapat menaikkan semangat, minat dan penyertaan murid secara menyeluruh. Di samping itu, pendekatan didik hibur ini juga berjaya mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan dan kondusif.

Begitu juga dengan kajian Layang Ugek dan Jamaluddin Badushah (2018) terhadap amalan dan masalah pengajaran literasi bahasa guru Bahasa Melayu ketika mengajar murid Penan. Hasil kajian menunjukkan amalan PdP guru Bahasa Melayu yang bersistematik seperti pelaksanaan didik hibur dapat membantu murid-murid Penan mempelajari Bahasa Melayu dengan lebih mudah dan berkesan. Tambahnya, pengajaran berbentuk didik hibur perlu diperluaskan kerana hasil dapatan kajian menunjukkan murid-murid Penan meminati aktiviti- aktiviti didik hibur seperti menyanyi, bermain dan menari.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, kajian oleh Tay Meng Guat (2015) terhadap pembelajaran menyeronokkan dapat meningkatkan prestasi dalam PdP menunjukkan bahawa pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan memang dapat membantu meningkatkan prestasi dalam PdP Bahasa Melayu di samping pembelajaran berpusatkan murid dapat meningkatkan kawalan kelas. Malah, kekerapan penggunaan humor atau jenaka yang ideal semasa PdP dapat meningkatkan persekitaran pembelajaran yang selesa dan mampu mengurangkan tekanan kepada murid.

A. Rahman Haron, Jamaludin Badusah, Zamri Mahamod (2015) juga telah menjalankan kajian pendekatan Salak Didik bagi melihat keberkesanannya dalam menguji kemahiran menulis karangan oleh murid Tahun Empat di sebuah sekolah rendah di dalam daerah Hulu Langat dan seramai 74 orang murid yang dijadikan sampel kajian. Seramai 34 orang murid kumpulan kawalan diajar dengan kaedah konvensional atau semasa sementara 40 orang murid kumpulan eksperimen diberikan pendedahan dengan pendekatan Salak Didik. Dua elemen didik hibur diperkenalkan dalam pengajaran dan pembelajaran kepada murid iaitu elemen nyanyian dan elemen pantun. Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi min elemen nyanyian dan min elemen pantun antara murid kumpulan eksperimen dengan murid kumpulan kawalan dalam ujian pos.

Begitu juga dengan kajian Zuraini Jusoh (2014). Beliau telah menjalankan kajian tentang Kesan Bercerita Terhadap Kajian Pencapaian Penulisan Karangan Naratif Bahasa Melayu pelajar Tingkatan Satu di sekolah menengah di Selangor. Dapatan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap prestasi penulisan karangan naratif murid-murid sebelum dan selepas diberikan rawatan teknik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bercerita,iaitu t (33) = 5.36, p = 0.01, d = 0.92. Markah penulisan karangan naratif muridmurid kumpulan eksperimen juga menunjukkan peningkatan, iaitu semasa praujian dengan markah 14.74 kepada 23.15 semasa pasca ujian. Oleh itu, bercerita boleh dipertimbang oleh para guru sebagai teknik pengajaran alternatif dalam usaha meningkatkan pencapaian penulisan karangan naratif dalam kalangan murid-murid. Ini menunjukkan dengan penggunaan teknik bercerita dapat merangsang minat murid untuk mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran.

Malah, kajian terdahulu oleh Shamsudin Othman dan Abdul Rasid Jamian (2013) terhadap seni bahasa menunjukkan seni bahasa membawa manfaat penting kepada guru dan murid. Selanjutnya, dapatan juga menunjukkan bahawa pembacaan murid terhadap elemen sastera meningkat. Ini jelas menunjukkan bahawa pelaksanaan seni bahasa mampu meningkatkan mutu atau tahap kefahaman murid.

Begitu juga dengan kajian A. Rahman Haron, Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Sharifah Nor Puteh dan Jamaludin Badusah (2012) terhadap keberkesanan Teknik SALAK dengan kaedah didik hibur untuk membimbing murid-murid Tahun Satu membina ayat berdasarkan grafik. Pengajaran disampaikan kepada murid secara didik hibur agar sesi pengajaran dapat merangsang dan menarik minat murid untuk berinteraksi, melahirkan idea serta belajar dalam suasana kondusif dan menyeronokkan. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa murid-murid dapat membina lapan jenis ayat menggunakan teknik ini. Ayat yang dibina pula tidak bersifat streotaip dan beransur maju daripada ayat mudah kepada ayat yang lebih kompleks. Ini jelas menunjukkan pengajaran secara didik hibur menggunakan tekanik SALAK mampu meningkatkan idea murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam membina ayat yang baik.

Mat Taib Pa, Azani Ismail@Yaakub, Azman Che Mat, (2012), telah menjalankan kajian tentang Membina Kemahiran Pertuturan Menerusi Aktiviti Lakonan Dalam Pengajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur. Hasil dapatan mereka jelas menunjukkan bahawa bahawa para pelajar bersikap positif terhadap aktiviti lakonan digunakan dalam pembelajaran bahasa Arab. Dapatan juga mendapati bahawa masalah kosa kata pelajar menjadi satu masalah utama dalam pertuturan iaitu sebanyak 38 kesalahan yang mewakili 40%, diikuti oleh masalah struktur iaitu 32 kesalahan yang mewakili 33%. Masalah fonetik pula mencatatkan 16 kesalahan iaitu mewakili 17%, manakala masalah strategi komunikasi merupakan masalah yang paling rendah iaitu 10 tempat yang mewakili 10%.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh Zakaria Khalid dan Ariff Fadillah Khalil (2011) tentang aktiviti nyanyian lagu-lagu tarian sewang dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah orang asli daerah Kuala Lipis, Pahang. Hasil dapatan telah diperincikan dalam tiga elemen iaitu pemerhatian, pencapaian dalam ujian lembaran kerja dan temu bual. Pencapaian dalam Ujian Pemerhatian menunjukkan bahawa murid-murid berminat dan tertarik dengan proses pengajaran yang dikendalikan oleh sebab elemen muzik telah diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran tersebut. Murid- murid begitu aktif dan responsif terhadap aktiviti yang dilaksanakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam aspek pencapaian dalam ujian lembaran kerja pula, 45.24% daripada murid-murid tersebut menunjukkan markah yang baik dan 54.76% yang menunjukkan kelemahan dalam aspek menyebut perkataan, bercerita ringkas dan menulis ayat tunggal dengan betul. Dapatan temu bual bersama murid pula mendapati 100% murid-murid suka akan nyanyian dan 79% pula menyatakan bahawa mereka sangat terhibur dan dapat mengingati perkataan-perkataan yag disebut secara nyanyian.

Mohamad Lutfi Mat Saad, (2011) pula telah menjalankan kajian tentang Penggunaan Kaedah Nyanyian dapat Menarik Minat dan Meningkatkan Kemahiran Membaca Perkataan (vkv, kvkv, vkvk, kvkvk,) Murid Presekolah di Sekolah Kebangsaan Batu Hampar, Bedong, Kedah. Hasil daripada kajian tersebut menunjukkan terdapat peningkatan pencapaian dalam kalangan murid- murid prasekolah, iaitu seramai 25 orang murid prasekolah dapat membaca perkataan (vkv, kvkv, vkvk, kvkvk). Ini membuktikan bahawa penggunaan kaedah nyanyian dalam pembelajaran meningkatkan kemahiran membaca murid dengan baik.

Yahya Othman, Dayang Raini Pakar (2011) telah menjalankan kajian berkaitan penggunaan teknik bercerita menggunakan kaedah interaktif sekolah rendah di Brunei. Dapat kajian menunjukkan bahawa penggunaan perisian cerita secara interaktif dalam pengajaran bacaan dan pemahaman bukan sahaja dapat meningkatkan prestasi kefahaman murid sederhana, bahkan dapat meningkatkan aspek bahasa berkaitan morfologi dan sintaksis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian pendekatan ddik hibur bukan hanya bertumpu kepada pendidikan bahasa sahaja, namun kajian pendekatan didik hibur ini juga merentas mata pelajaran. Contohnya, Nur Aliah Izzaty Hisamudin (2019) telah menjalankan kajian penggunaan kaedah didik hibur untuk mata pelajaran Matematik dalam kalangan murid Sekolah Rendah Taman Sri Rampai. Kajian yang lebih berfokus kepada elemen nyanyian ini jelas menunjukkan elemen nyanyian berjaya meningkatkan motivasi murid dalam mata pelajaran Matematik dan memberikan implikasi positif terhadap gaya pembelajaran murid.

Selain daripada empat elemen sastera di atas, terdapat beberapa elemen lain yang boleh dijadikan sebagai didik hibur semasa PdP bahasa Melayu. Antaranya ialah penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), unsur jenaka dan Permainan Bahasa (PB). Banyak kajian lampau yang menunjukkan teknik permainan bahasa, unsur jenakan dan penggunaan TMK sangat memberi implikasi positif terhadap gaya pembelajaran murid kea rah pembelajaran menyeronokkan dan santai.

Kepentingan TMK dan pengaplikasiannya dalam PdP Bahasa Melayu dapat ditafsirkan sebagai alat bantuan yang memberi kelancaran kepada proses penyampaian ilmu tanpa memikirkan masalah yang dihadapi (Muhammad Khairi Mohamed Nor, 2015). Kaedah pengajaran dan pembelajaran berasaskan komputer dan teknologi maklumat berupaya untuk menggantikan kaedah tradisional dengan pelbagai cara, terutamanya dalam persekitaran bilik darjah yang menggunakan komputer. Pengintergrasian bahan berasaskan teknologi dalam pendidikan mampu membawa perubahan kepada pengajaran guru (Zamri Mahamod, Nur Aisyah Mohamad Noor, 2011).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dengan penggunaan TMK dalam pengajaran Bahasa Melayu, guru berupaya menyediakan bahan pembelajaran menggunakan aplikasi komputer yang memberi penekanan kepada multimedia interaktif. Penyediaan bahan berasaskan media interaktif ini penting agar murid-murid dapat merasai perbezaan dari segi strategi pengajaran yang dapat memenuhi keperluan domain kognitif dan afektif (Muhammad Khairi Mohamed Nor, 2015).

Pernyataan ini selari dengan ciri-ciri yang terkandung dalam pendekatan secara didik hibur. Penggunaan multimedia interaktif seperti menayangkan cerita atau video pembelajaran berjaya menarik minat murid untuk kekal memberi tumpuan dalam suasana yang santai. Dalam penggunaan TMK ini juga, lagu kanak-kanak atau lagu popular masa kini boleh dimainkan untuk membangkitkan suasana riang dan menghiburkan di dalam bilik darjah. Aplikasi multimedia yang digunakan termasuklah penggunaan audio, video, bunyi, imej, visualisasi dan sebagainya. Gabungan aplikasi multimedia inilah yang berjaya memikat minat murid untuk terus kekal dalam PdP dan seterusnya pembelajaran berlaku dalam suasana yang aman dan menggembirakan murid.

Banyak kajian berkaitan keberkesanan pengaplikasian elemen TMK di dalam bilik darjah berupaya meningkatkan penguasaan murid serta menambahkan minat dalam mempelajari kemahiran bahasa. Antaranya, kajian Muhamad Syahman Mahdi, Yusmilawati Yunos dan Mohd Yuzaidy Mohd Yusoff (2020) tentang penerimaan pelajar terhadap animasi Upin& Ipin sebagai alat bantú mengajar. Hasil dapatan yang diperoleh menunjukkan animasi Upin & Ipin merupakan alat bantú mengajar secara interakif yang sangat memberi impak yang positif kepada penerimaan murid untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengikuti PdP.

Begitu juga dengan kajian Tay Meng Guat (2015) berasaskan aplikasi komputer dalam pengajaran bahasa. Hasil dapatan yang diperoleh jelas menunjukkan bahawa penggunaan komputer dalam PdP dapat menambahkan minat murid-murid terhadap BM. Walau bagaimanapun, beliau berpendapat murid yang pandai lebih berminat dalam pembelajaran menggunakan komputer berbanding pelajar yang sederhana dan lemah. Selain itu, murid-murid juga menunjukkan minat yang tinggi jika menggunakan bahan internet yang lebih interaktif dalam PdP.

Pendapat Tay Meng Guat (2015) menyokong kajian terdahulu oleh Salman Firdaus Sidek, Nur Saadah Fathil, Nur Zuhaidah Mohamed Zain dan Kamaliah Muhammad (2014) yang menjalankan kajian Pembangunan Perisian Kursus "Saya Suka Belajar" untuk Pembelajaran Bahasa Melayu bagi Kanak- Kanak Autisme di sebuah sekolah rendah di Kuala Lumpur. Dapatan kajian membuktikan bahawa perisian kursus yang telah dibangunkan mampu menarik perhatian kanak-kanak autisme untuk belajar Bahasa Melayu.

Abdul Rasid Jamian & Shamsuddin Othman (2013), telah menjalankan kajian Pelaksanaan Pembelajaran Menyeronokkan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. Kajian yang dijalankan terhadap 92 orang guru Bahasa Melayu di lapan buah sekolah di Zon Pasir Putih, Pasir Gudang, Johor ini dijalankan secara deskriptif dan menggunakan soal selidik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru-guru bersikap positif dan mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap kebolehgunaan dan kesesuaian pembelajaran menyeronokkan dalam pembelajaran dan pengajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahasa Melayu. Mereka juga mengakui bahawa penggunaan multimedia dapat mewujudkan pembelajaran menyeronokkan.

Begitu juga dengan kajian Nor Ilyani Harun, Ahmad Fauzi Mohd. Ayub dan Fadzilah Abdul Rahman (2013) yang telah menjalankan kajian Keberkesanan Penggunaan Komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran Tatabahasa. Dapatan kajian menunjukkan murid yang didedahkan dengan penggunaan komputer secara signifikan lebih baik min skor ujian pasca berbanding kumpulan kawalan. Dari segi gender, murid lelaki secara signifikan lebih baik min skor bagi ujian pasca berbanding murid perempuan bagi kumpulan rawatan. Sebagai tambahan, murid lelaki daripada kumpulan rawatan secara signifikan lebih tinggi min skor bagi ujian pasca berbanding dengan murid dalam kumpulan kawalan. Pada masa yang sama, murid perempuan daripada kumpulan rawatan memperoleh min skor lebih tinggi bagi ujian pasca berbanding murid perempuan daripada kumpulan kawalan. Hasil kajian ini menunjukkan penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran tatabahasa menunjukkan kesan positif kepada para murid.

Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Abdul Rasid Jamian, Norhashimah Hashim dan Shamsudin Othman (2012), tentang Multimedia Interaktif Mempertingkatkan Pembelajaran Kemahiran Membaca Murid-Murid PROBIM. Hasil kajian mereka menunjukkan bahawa penggunaan multimedia interaktif dalam meningkatkan prestasi kemahiran membaca memperoleh min yang positif iaitu 4.03 (SP=.55). Seterusnya dapatan dari segi penggunaan multimedia interaktif membantu mewujudkan iklim pembelajaran yang aktif memperoleh min 4.32 (SP = 46). Di samping itu juga responden menyatakan bahawa multimedia interaktif adalah bahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bantu mengajar yang berkesan memperoleh min 4.24 (SP= .47). Kesimpulannya, menunjukkan bahawa penggunaan multimedia interaktif dalam pembelajaran kemahiran membaca amat berkesan dan berjaya mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan.

Satu kajian eksperimen yang dijalankan oleh penggunaan komputer dalam PdP Bahasa Melayu, Inggeris dan beberapa mata pelajaran lain yang menunjukkan penggunaan komputer dalam PdP mampu mewujudkan suasana pembelajaran lebih menarik. Yahya Othman dan Dayang Raini (2011) telah menjalankan kajian eksperimen ke atas 56 orang murid tahun Empat yang berpencapaian sederhana di salah sebuah sekolah rendah kerajaan di daerah Brunei dan Muara berkaitan keberkesanan penggunaan CD-ROM perisian cerita Interaktif bagi pemahaman bacaan. Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa murid yang melalui proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan CD-ROM secara signifikan lebih baik prestasi pemahaman bacaan berbanding dengan murid yang mengikuti pembelajaran secara

Rossafri dan Shabariah (2011), telah menjalankan kajian Kesan Penggunaan Laman Sosial ke atas Kaedah Perbincangan di dalam Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Sejarah di sebuah sekolah luar bandar di Pulau Pinang. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kaedah pembelajaran menggunakan laman sosial dengan mengaplikasikan penggunaan facebook dapat meningkatkan motivasi dan kefahaman pelajar berdasarkan jantina dan aliran. Kajian ini juga mendapati terdapat perbezaan min yang signifikan dalam peningkatan motivasi berdasarkan jantina dan kefahaman pelajar berdasarkan aliran. Min keseluruhan ialah 3.81. Ini jelas menunjukkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahawa pembelajaran menggunakan teknologi maklumat sangat berjaya untuk menarik minat murid ke arah pembelejaran yang menyeronokkan.

Permainan bahasa juga merupakan satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran bahasa yang menyeronokkan murid-murid. Pengajaran bahasa menerusi aktiviti permainan bahasa sangat berkesan dalam pembelajaran bahasa. Pelajar sering menganggap pembelajaran bahasa amat membosankan disebabkan cara pengajaran guru dan aktiviti pembelajaran yang sama. Justeru, kaedah pengajaran yang kreatif dan inovatif perlu diselitkan semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa dijalankan (Nor Hashimah, Jalaluddin dan Zaharani, 2010).

Ani Omar, Adenan Ayob, Lajiman Janoory & Hasrina Baharom (2016), permainan bahasa merupakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa berunsur permainan yang dijalankan dengan menggunakan rangsangan dan bahan- bahan tertentu, melalui permainan ini murid berpeluang menggunakan dan mengukuhkan kecekapan berbahasa. Melalui aktiviti permainan bahasa yang menyeronokkan, murid-murid boleh menguasai beberapa kemahiran bahasa secara serentak seperti kemahiran mendengar dan bertutur, membaca dan menulis.

Bagi Ilangko Subramaniam (2014) pula, pendekatan permainan bahasa dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran merupakan satu strategi penerapan ilmu yang memberi peluang kepada pelajar untuk melatih dan menggunakan bahasa secara praktikal dan kreatif dalam keadaan yang menyeronokkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Contohnya, kajian yang dijalankan Ilangko Subramaniam (2014) terhadap Aktiviti Permainan Bahasa, Wahana Penguasaan Kosa Kata. Hasil kajian daripada aspek perbandingan antara karangan yang dihasilkan oleh pelajar sebelum aktiviti permainan bahasa dan selepas aktiviti permainan bahasa menunjukkan peningkatan yang ketara. Hampir 20.7% pelajar menggunakan lebih daripada 10 kosa kata yang diperkenalkan dalam permainan bahasa. Sebahagian besar daripada pelajar iaitu 21 orang atau 36.2% menggunakan 5 hingga 9 patah perkataan. Dalam pada itu, 13 orang pelajar menggunakan sekurang-kurangnya 1 hingga 4 patah perkataan dalam karangan mereka. Namun begitu 12 (20%) pelajar sama sekali tidak menggunakan perkataan-perkataan yang telah didedahkan oleh guru kepada mereka.

Sebenarnya, banyak kajian terdahulu yang telah dijalankan berkaitan pembelajaran menyeronokkan ini termasuklah permainan bahasa. Cuma, istilah yang digunakan dahulu berbeza dengan istilah yang diberi penegasan dalam pembelajaran menyeronokkan pada masa kini iaitu “didik hibur” yang terkandung dalam kemahiran seni bahasa setelah berlakunya transformasi kurikulum daripada KBSR kepada KSSR pada tahun 2011. Oleh hal yang demikian, kajian pembelajaran menyeronokkan menerusi elemen permainan bahasa sebelum istilah “didik hibur” diperkenalkan sewajarnya juga diberi perhatian kerana pembelajaran secara permainan bahasa ini juga jelas mengandungi ciri-ciri serta unsur-unsur didik hibur seperti menghiburkan, seronok, bermain, berkongsi idea, penglibatan murid secara aktif, mengurangkan ketakutan kepada guru serta merangsang minat murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Contohnya, Layang Ugek (2009) telah menjalankan kajian terhadap persepsi guru terhadap pengajaran dan pembelajaran membaca dalam kelas pemulihan sekolah kurang murid bahagian Kapit, Sarawak. Dapatan kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa guru menghadapi masalah kesesakan kelas serta kekurangan bahan bantu mengajar untuk mengendalikan kelas pemulihan khas. Dapatan tersebut juga mencadangkan supaya beberapa pendekatan pengajaran perlu dilakukan unruk memastikan masalah pengajaran dan pembelajaran dapat diatasi. Walaupun kajian ini tidak memfokuskan terhadap aspek permainan bahasa, namun masalah pengajaran yang diperoleh ada kaitannya dengan teknik permainan bahasa menerusi penggunaan bahan bantu mengajar. Sekiranya guru mempunyai bahan bantu mengajar yang sesuai, sudah pastinya dapat menarik minat murid untuk mengikuti pembelajaran dengan aktif dan terlibat sepenuhnya semasa proses pembelajaran dan pembelajaran berlangsung. Inilah yang dinyatakan sebagai pembelajaran secara didik hibur iaitu pembelajaran berpusatkan murid dan menyeronokkan.

Penggunaan kad-kad permainan dalam pembelajaran bahasa Melayu telah merangsang minat murid untuk mempelajari komponen-komponen bahasa dalam suasana yang tidak tertekan dan dapat juga memupuk nilai-nilai yang dinyatakan tadi. Dalam pembelajaran juga, guru menggunakan strategi Pembelajaran Kolaboratif bagi mendapatkan kesan yang maksimum. Permainan yang direka oleh guru ini dapat menarik minat murid serta menggalakkan murid berinteraksi dalam bahasa Melayu yang sempurna. Bukan itu sahaja, ia dapat meningkatkan kemahiran berbahasa dan menyuntik elemen keseronokan dalam pembelajaran dan penguasaan bahasa murid. Ia juga menjadikan murid lebih berdaya saing (Siti Rahayu Ramlan, Kosman (2016). Kajian ini mengukuhkan kajian lampau Hafizuddin Fareis Fisal (2009) yang telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjalankan kajian berlandaskan teknik permainan bahasa ke atas pelajar Tahun 5 Teratai di Sekolah Kebangsaan Tengku Mahmud 1, Besut, Terengganu yang bertujuan untuk menentukan keberkesanan TPB dalam pengajaran kata sendi nama.. Hasil kajiannya mendapati murid-murid lebih memahami kata sendi nama selepas penggunaan TPB berbanding sebelum penggunaan TPB semasa mengajar kata sendi nama. Berdasarkan hasil kajian tersebut, amat jelas menunjukkan penggunaan TPB semasa pengajaran Bahasa Melayu telah memberi kefahaman yang mendalam kepada murid-murid.

Djohan Abdul Rahman, Siti Hazlilah Jumali dan Khairunisak Hussain (2006) telah menjalankan kajian terhadap Permainan Bahasa sebagai Satu Pendekatan Alternatif Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu. Dapatan menunjukkan bahawa para pelajar begitu teruja untuk melakukan yang terbaik. Para pelajar lebih berminat untuk bertutur dalam Bahasa Melayu dan terlibat secara lebih aktif dalam mempelajari Bahasa Melayu. Dapatan juga menunjukkan bahawa para pelajar amat kaya dengan idea dan para pelajar mendapat peluang untuk melontarkan idea-idea bernas mereka dengan yakin dan bersaing secara sihat. Dapatan utama kajian ini menunjukkan bahawa 85% para pelajar mengatakan bahawa permainan bahasa ini menarik kerana penglibatan pelajar secara menyeluruh dan langsung dalam pembelajaran bahasa Melayu.

Bagavathy (2005) pula telah menjalankan kajian terhadap Permainan Bahasa ke atas 25 orang murid dari tahun 6 SJK (T) Ladang West Country (Barat), Selangor Darul Ehsan. Instrumen kajian terdiri daripada Ujian pra dan Ujian Pasca mengenai 4 aspek tatabahasa yang terpilih, iaitu kata hubung, kata adjektif, kata seru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan kata tanya. Tindakan untuk meningkatkan penguasaan tatabahasa responden berkenaan adalah penggunaan permainan bahasa khasnya kuiz, latih tubi dan mencantum kad. Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa tindakan yang dilaksanakan telah membantu murid untuk menguasai aspek tatabahasa. Hasilnya hampir kesemua murid dapat menguasai aspek tatabahasa dalam tajuk Kata Tanya, Kata Seru, Kata Adjektif dan Kata Hubung. Pengkaji merumuskan bahawa kajian Permainan Bahasa (PB) dapat menarik minat murid untuk belajar.

Mohd. Nor Hamzah (2005) telah menjalankan kajian terhadap persepsi guru Bahasa Melayu terhadap teknik permainan dan simulasi (TPB) di sekolah menengah daerah Kubang Pasu, Kedah. Kajian tersebut memfokuskan kepada tiga aspek utama iaitu persepsi, masalah penggunaan serta motivasi. Hasil dapatan yang diperoleh menunjukkan bahawa persepsi guru terhadap TPB adalah positif dan TPB berupaya meningkatkan penglibatan pelajar mencapai objektif segera dalam pengajaran. Dari aspek masalah pula, dapatan kajian menunjukkan 80% beranggapan proses pengajaran akan terganggu sekiranya tiada perancangan awal manakala dari aspek motivasi, dapatan menunjukkan 100% responden menganggap pengetahuan dan kemahiran guru terhadap penggunaan TPS menjadi motivasi kepada guru untuk menggunakannya dalam pengajaran dan pembelajaran. Ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan teknik permainan sama ada permainan bahasa mahupun teknik simulasi sangat berkesan kepada pengajaran guru dan pembelajaran murid.

Seterusnya, Norhayati Marzuki (2004) telah menjalankan kajian tentang persepsi guru Bahasa Melayu terhadap penggunaan Teknik Permainan dan Simulasi. Kajian yang dijalankan bertujuan untuk melihat teknik yang dapat menarik minat pelajar dalam menguasai Bahasa Melayu. Hasil kajian menunjukkan 83% menyatakan teknik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

permainan dan simulasi membantu guru bagimencapai objektif pembelajaran dalam pengajaran bahasa Melayu. Dalam aspek penggunaan teknik, sebanyak 83% guru mengetahui tentang kewajipan menggunakan teknik semasa pengajaran, manakala selebihnya tidak mengetahui. Rahmatina (2001) pula telah melakukan satu kajian yang khusus bertajuk "Penggunaan Permainan dalam Pembelajaran IPS di Sekolah Dasar" di Indonesia. Kajian ini mendapati bahawa dalam sesebuah permainan, kreativiti murid akan digunakan sepenuhnya. Kajian tersebut juga mendapati permainan bukan sahaja meningkatkan kemahiran kognitif dan sosial, malah ia juga mengembangkan bahasa, disiplin, kreativiti dan perkembangan fizikal golongan pelajar.

2.5 Teori Pembelajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian yang berasaskan tingkah laku manusia banyak menggunakan teori sehingga teori tersebut menghasilkan impak tersendiri terhadap sesuatu bidang yang dikaji. Begitu juga dalam bidang pendidikan. Contohnya seperti teori motivasi, kepimpinan dan pembelajaran sangat membantu untuk memahami bagaimana manusia bertindak balas terhadap keadaan dan kriteria-kriteria tertentu untuk membantu penyelidik melaksanakan tugasnya (Azizi Yahya, Peter Voo, Ismail Maakip dan Mohd Dahlan A, Malek, 2020).

Bagi Othman Lebar (2015) pula, beliau menjelaskan teori dibentuk melalui penerokaan ke atas sesuatu fenomena dengan mengenal pasti, dan meneliti perhubungan di antara konsep di sekitar fenomena dan seterusnya pembentukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sesuatu kerangka sesuatu penyelidikan yang dibuat.

Pembelajaran pula merupakan suatu proses. Ia mempunyai beberapa peringkat yang diperoleh secara sistematik, bermula dari penerimaan rangsangan melalui organ deria, diikuti oleh pembentukan konsep dalam fikiran, dan diakhiri dengan perubahan tingkah laku (Mok Soon Sang, 2009).

Teori-teori pembelajaran merujuk kepada prinsip-prinsip dan hukum pembelajaran yang dihasilkan daripada kajian ahli-ahli psikologi pendidikan. Melalui teori-teori pembelajaran ini, guru akan memahami pelbagai cara murid-murid belajar dan seterusnya menghubungkaitkan prinsip dan hukumnya dengan kaedah dan teknik mengajar untuk mencapai objektif kajian dengan berkesan (Mok Soo Sang, 2009). Pembelajaran berlaku apabila murid-murid , dari semasa ke semasa mengubah kefahaman mereka dan menemui bukti luaran yang bercanggah dengan kefahaman awal mereka.

Terdapat lima teori pembelajaran yang sering digunakan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Antaranya ialah teori behavioris, teori kognitif, teori pembelajaran sosial, teori humanistik dan teori konstruktivisme. Teori-teori ini mempunyai perkaitan serta fungsinya yang sangat rapat dengan pengajaran dan pembelajaran. Pembelajaran hanya bermula apabila wujudnya tindak balas terhadap sesuatu rangsangan yang ada seperti motivasi dan keseronokan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam memilih teori pembelajaran yang sesuai dengan kajian ini, penyelidik terlebih dahulu akan menjelaskan secara ringkas teori-teori pembelajaran yang sering diaplikasikan dalam sistem pendidikan di negara kita. Teori-teori ini akan dibuat perbandingan untuk mencari kekuatan dan kesesuaian berdasarkan tajuk kajian ini iaitu membina modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur. Teori pertama yang dibincangkan untuk perbandingan ialah Teori Behavioris yang dipelopori oleh Ivan Pavlov (1849-1936), Thondike dan Skinner (1904-1990). Mengikut Skinner (1968), pembelajaran adalah berkaitan dengan perubahan tingkah laku. Kebanyakan teori pembelajaran mereka dihasilkan melalui pemerhatian dan ujian terhadap haiwan seperti tikus, anjing, kucing dan burung di dalam bilik makmal. Tumpuan pemerhatian teori ini berfokus kepada gerak balas yang menghasilkan tingkah laku. Oleh hal yang demikian, teori ini beranggapan perubahan tingkah laku sebagai hasil proses pembelajaran kerana berlakunya perhubungan rangsangan dengan tindak balas organisma.

Teori kedua yang dibincangkan ialah Teori Kognitif. Antara ahli psikologi kognitif yang terkenal ialah Kohler (1887-1967), Gagne (1916-2002), Ausubel, Jean Piaget, dan Flavell. Menurut Gagne (1985), pembelajaran merupakan proses dalaman yang berlaku dalam akal fikiran, dan tidak dapat diperhatikan secara langsung daripada tingkah laku manusia. Tumpuan kajian mereka lebih kepada proses penyelesaian masalah dan celik akal mengikut peringkat umur dan kebolehan murid. Dengan kata lain, teori pembelajaran kognitif menekankan pembelajaran cara berfikir, penyelesaian masalah, celik akal, penemuan dan kategori pembelajaran. Mengikut teori ini juga, manusia mempunyai struktur kognitif, dan dalam proses pembelajaran, otak akan menyusun segala maklumat dalam ingatannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teori seterusnya yang dibincangkan untuk tujuan perbandingan dalam kajian ini ialah Teori Sosial yang dipelopori oleh Bandura (1986). Beliau menyarankan penggabungan teori behavioris dengan teori kognitif kerana pembelajaran merupakan satu permodelan iaitu pembelajaran melalui proses pemerhatian dan peniruan.Teori Pembelajaran Sosial ini melibatkan tiga unsur asas yang utama iaitu individu, persekitaran dan tingkah laku. Menurut teori ini lagi, pembelajaran melalui pemerhatian merupakan asas tingkah laku manusia dan orang yang diperhatikan pula dijadikan sebagai model. Dari sinilah lahirnya pembelajaran melalui permerhatian dan permodelan yang menjadi pegangan teori sosial ini.

Teori seterusnya yang dibandingkan ialah Teori Humanis. Antara tokoh dalam Teori Humanis ini ialah Carl Rogers (1902-1987) , Bugental, Neil dan Abraham Moslow (1968). Menurut pandangan sarjana mazhab humanis ini, fitrah manusia adalah baik dan terpuji. Individu akan berkembang secara semula jadi sekiranya persekitaran mereka hidup itu sesuai dengan diri mereka. Menurut Moslow (1970), setiap individu mempunyai potensi dan keinginan mencapai kecemerlangan diri. Oleh hal yang demikian, seseorang guru perlulah menjaga peribadi murid dan memberi bimbingan supaya potensi mereka dapat dikembangkan k tahap optimum.

Teori terakhir yang dibincangkan dalam kajian ini ialah Teori Konstruktivisme. Teori yang dipelopori oleh Jean Piaget (1896-1980) dan Lev Vygotsky (1896-1934) ini menganggap bahawa ilmu pengetahuan tidak wujud di luar minda, sebaliknya di dalam minda berdasarkan pengalaman sebenar. Dalam proses pembelajaran, teori konstruktivisme ini menegaskan murid membina pengetahuan dengan cara melibatkan diri sepenuhnya secara aktif, membanding

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

maklumat baharu dengan pengalaman sedia ada, pembelajaran secara bermain, menekankan penyelesaian masalah dan membuat refleksi tentang pembelajarannya.

Setelah meneliti serta mengkaji secara mendalam, maka penyelidik telah membuat perbandingan antara teori-teori pembelajaran tersebut daripada beberapa aspek seperti ciri, fungsi serta impilkasinya berdasarkan kepada kajian ini iaitu membina modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur. Akhirnya, penyelidik telah memilih Teori Konstruktivisme yang diasaskan oleh Jean Piaget (Teori Konstruktivisme Kognitif) dan Teori Konstruktivisme Sosial oleh Lev Vygotsky sebagai teori pegangan dalam kajian ini.

Hal ini demikian kerana Teori Konstruktivisme ini menekankan pembelajaran secara membina pengetahuan (Teori Konstruktivisme Kognitif Jean Piaget) dan pembelajaran yang melibatkan murid secara aktif dan bermain (Teori Konstruktivisme Sosial Lev Vygotsky). Teori pembelajaran ini menepati unsur- unsur dan ciri-ciri yang terdapat dalam pembelajaran secara didik hibur seperti pembelajaran menarik, penglibatan murid sepenuhnya, bebas tekanan, bersemangat, memberi tumpuan dan santai (Mazlan Ismail, 2016) serta unsur cabaran, perasaan ingin tahu, kawalan dan fantasi (Mallone dan Lepper, 1987). Ini berbeza dengan teori-teori pembelajaran yang lain kerana kurang bertepatan dengan kajian membina modul berasaskan pendekatan didik hibur ini. Sebagai contoh, teori behaviorisme lebih memfokuskan kepada gerak balas yang menghasilkan tingkah laku. Oleh hal yang demikian, teori ini beranggapan tingkah laku pelajar boleh diperhatikan , dikawal dan diramal dan mengaitkan gerak balas individu dengan rangsangan adalah suatu pembelajaran. Pandangan teori ini sangat bertentangan dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran secara didik hibur yang memfokuskan kepada pembinaan pengatahuan oleh murid itu sendiri serta menekankan pembelajaran secara menyeronokkan (bermain).

Selain itu, kajian ini juga memfokuskan pembinaan modul seni bahasa berasaskan pendekatan secara didik hibur. Sehubungan dengan itu, penyelidik mereka bentuk dan membina modul pembelajaran seni bahasa menggunakan model Design Devolopment Research (DDR) oleh Richey dan Klien (2007), serta model pendekatan sistem Dick dan Carey (1978). Fasa-fasa pembinaan modul seni bahasa mempunyai hubung kait yang sangat rapat dengan teori konstruktivisme kognitif oleh Jean Piaget dan teori konstruktivisme sosial Vygotsky.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5.1 Teori Pembelajaran Konstruktivisme

Konstruktivisme merupakan teori yang beranggapan bahawa pengetahuan boleh dibina dalam minda berdasarkan pengalaman sebenar (Mahzan Arshad, Idris Mohd Radzi dan Naffi Mat, 2012). Menurutnya lagi, ilmu pengetahuan yang dipelajari di sekolah tidak boleh dipindahkan daripada guru kepada pelajar dalam bentuk yang serba sempurna. Pelajar perlu membina sesuatu pengetahuan itu mengikut pengalaman masing-masing. Setiap pelajar mempunyai peranan mereka dalam menentukan apa yang akan mereka pelajari.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut pandangan konstruktivisme, keberhasilan belajar bukan hanya bergantung semasa belajar, tetapi ia juga penting pada peringkat awal pelajar. Pengetahuan itu tidak dapat dipindahkan secara terus dari fikiran pendidik kepada pelajar, namun secara aktif diperoleh oleh pelajar sendiri melalui pengalaman nyata (Norul Haida Reduzan dan Mohd. Rashid Md. Idris, 2013). Jelasnya lagi, hal ini sesuai dengan apa yang dilakukan oleh Piaget, iaitu belajar merupakan proses adaptasi terhadap lingkungan yang melibatkan asimilasi, iaitu proses bergabungnya stimulus ke dalam struktur kognitif.

Menurut Ahmad Abrar Angkuti (2015), konstruktivisme merupakan satu bidang ilmu tentang pembinaan pengetahuan yang lebih memfokuskan kepada pembentukan pengetahuan, dan bukannya penyampaian dan penyimpanan pengetahuan. Jelasnya lagi, dalam pembelajaran, murid-murid akan membina pengetahuan sendiri secara aktif berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada dalam minda murid. Dalam proses ini, murid-murid akan menyesuaikan pengetahuan yang baharu diterima dengan pengetahuan sedia ada untuk membentuk pengetahuan baharu.

Pandangan ini selari dengan Pusat Pembangunan Kurikulum, KPM (2017) yang menyatakan konstruktivisme adalah satu fahaman bahawa pelajar membina sendiri pengetahuan atau konsep secara aktif berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Murid bukan hanya membina pengetahan secara pasif daripada gurunya, tetapi membina pengetahaunnya melalui interaksi dengan persekitaran (KPM, 2001). Melalui proses ini, pelajar akan menyesuaikan pengetahuan yang dibina dengan pengetahuan sedia ada untuk membina pengetahuan baharu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Muhibbin dan M. Arif Hidayatullah (2020), menyatakan, teori konstruktivisme memahami bahawa belajar merupakan proses membangun atau membentuk pengetahuan oleh murid itu sendiri. Pengetahuan yang terdapat dalam diri seseorang tidak dapat dipindahkan begitu sahaja seperti memindahkan air dari bekas ke bekas yang lain. Baginya, proses pembelajaran yang dilalui oleh seseorang murid itu adalah satu proses membina sebuah pengetahuan serta pengalaman sebenar yang dilalui oleh murid tersebut. Tegasnya lagi, guru hanya bertindak sebagai fasilitator dalam mengembangkan potensi yang ada dalam diri murid, dan dari sinilah murid akan berperanan aktif membangun dan membina sendiri pengetahuannya melalui pembelajaran menyeronokkan.

2.5.2 Teori Pembelajaran Konstruktivisme Kognitif Jean Piaget (1896- 1980)

Piaget menggambarkan karya sebagai epistemologi genetik iaitu asal-usul pemikiran. Epistemologi genetik adalah berkaitan kajian saintifik tentang pemikiran asas manusia yang mencakupi kerangka atau sifat struktur kecerdasan (Mc Leod, 2015). Menurutnya lagi, Piaget ialah ahli psikologi pertama yang membuat kajian perkembangan kognitif secara sistematik. Sumbangannya merangkumi teori perkembangan kanak-kanak, kajian pemerhatian rinci mengenai mengenai kanak-kanak, serta serangkaian ujian mudah untuk mengungkap kemampuan kognitif yang berbeza.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teori kognitif Piaget lebih bertumpu kepada persediaan kanak-kanak untuk belajar, yang bermula dalam tahap perkembangan intelektual sejak lahir hinggalah perkembangan ke peringkat dewasa. Setiap tahap perkembangan intektual tersebut dilengkapi dengan ciri-ciri tertentu dalam peningkatan ilmu pengetahuan (Hamzah, 2009). Pada pandangan Piaget, kanak-kanak berfikir dengan cara yang sangat berbeza jika dibandingkan dengan orang dewasa. Hal ini demikian kerana kanak-kanak dilahirkan dengan struktur mental yang sangat asas, diwarisi secara genetik dan berkembang mengikut persekitaran pengetahuan dan pembelajarannya. Untuk memahami kecerdasan awal kanak-kanak, seseorang itu harus bertanya kepada kanak-kanak tersebut serta memahami kehidupannya. Gabungan antara pemerhatian dan eksperimen menunjukkan bahawa sifat semula jadi atau pengalaman sedia ada kanak-kanak sebenarnya dibina secara sedikit demi sedikit (Piaget & Piaget, 2006).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teori pembelajaran konstruktivisme kognitif Piaget ini mempunyai asas teori kognitif dengan penekanan diberikan kepada bagaimana struktur kognitif membina dan mengorganisasi pengetahuan (Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying, Sharifah Fakhriah Syed Ahmad, 2009). Tambahnya, konstruktivisme merupakan satu proses pembelajaran yang melihat pelajar sebagai pembina pengetahuan, bukannya sebagai penerima pengetahuan. Melalui pembelajaran secara konstruktivisme, sama ada secara kognitif mahupun sosial, pelajar dapat membina pengetahuan tentang topik yang dipelajari dengan cara mengaitkannya dengan pengetahuan dan pengalaman sedia ada masing-masing, bukannya menerima pengetahuan yang disampaikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Piaget (1896) juga telah memperkenalkan idea dan konsep untuk menerangkan dan menjelaskan perubahan-perubahan dalam pemikiran logik hasil pemerhatiannya terhadap kanak-kanak dan orang dewasa. Baginya, perkembangan kognitif bermula daripada proses berfikir secara konkrit sehingga mencapai tahap tertinggi iaitu mencapai konsep abstrak dan logik (Fatimah Ibda, 2015). Tegasnya lagi, Piaget meyakini bahawa kanak-kanak secara semula jadi tertarik dengan persekitaran dan secara aktif mencari maklumat yang dapat membantu mereka memahami persekitaran tersebut. Kanak-kanak yang berbeza persekitarannya akan tetap berbeza dengan kanak-kanak lain dari aspek perkembangan mental serta kemampuan berfikir mereka (Taylor dan Francis, 2016).

Menurut Piaget (1896-1980), keupayaan mental untuk mengurus maklumat dan pengetahuan berlaku secara berperingkat. Jelasnya lagi, proses membina pengetahuan berlaku mengikut peringkat yang bermula dengan pengetahuan sedia ada dalam struktur kognitif. Struktur asas dalam operasi mental ini dinamakan skema.

Menurut Piaget (1896) lagi, maklumat baru diserap masuk atau disesuaikan dalam struktur kognitif melalui proses adaptasi. Proses adaptasi merujuk kepada proses menyesuaikan dan menerima maklumat baharu dalam struktur kognitif untuk mendapatkan keseimbangan antara skema dengan persekitaran yang dinamakan equilibrasi.

Piaget (1896) juga menegaskan bahawa kanak-kanak telah memiliki kemampuan dan keupayaan tertentu untuk menghadapi objek-objek yang ada di persekitarannya. Namun, pada peringkat ini, kemampuan kanak-kanak masih berada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pada tahap sederhana. Dalam memahami dunia kanak-kanak secara aktif, kanak-kanak menggunakan skema, asimilasi, akomodasi, organisasi dan equalibrasi (Siti Aisyah Mu'min, 2013). Dengan kemampuan inilah kanak-kanak akan meneroka persekitarannya dan menjadikannya sebagai asas pengetahuan tentang cabaran yang akan dihadapinya, yang akan berubah menjadi kemampuan yang lebih kompleks dan dikenali sebagai skema.

Menurut Siti Aisyah Mu'min (2013) lagi, Piaget telah membahagikan perkembangan kognitif kanak-kanak kepada empat tahap. Jelasnya, setiap tahap tersebut adalah berbeza mengikut umur dan tahap pemikirannya. Tahap-tahap tersebut adalah sensori motor (0-2 tahun), tahap praoperasional (2-7 tahun), tahap operasional konkrit (7-11 tahun) dan tahap operasional formal (11-15 tahun). Piaget juga mengemukakan dalam teorinya bahawa kognitigf manusia terdiri atas empat tahap, yang bermula sewal kelahiran sehinggalah dewasa. Setiap tahap yang dilalui oleh seseorang adalah berbeza mengikut perkembangan dan peningkatan umurnya.

Oleh sebab setiap maklumat baharu yang masuk ke dalam struktur kognitif perlu disesuaikan dengan pengetahuan sedia ada, maka Piaget telah membahagikan adaptasi ini kepada dua proses, iaitu asimilasi dan akomodasi. Asimilasi merujuk kepada maklumat baharu yang mempunyai ciri-ciri seperti maklumat yang telah sedia ada dalam skema, maka maklumat tersebut akan diserap dengan mudah ke dalam struktur kognitif. Hal ini akan menyebabkan berlakunya keseimbanagn maklumat yang dikenali sebagai equalibrasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sementara itu, Piaget (1896) juga menjelaskan bahawa akomodasi pula merupakan maklumat baharu yang tidak mempunyai ciri-ciri persamaan dengan maklumat yang telah sedia ada dalam skema, menyebabkan berlakunya ganggu-gugat atau ketidakstabilan dalam struktur kognitif. Proses ketidakstabilan ini dinamakan disequalibrasi. Maklumat baharu tersebut tidak dapat diserap masuk dan terawang-awang sehingga skema berubah. Apabila skema berubah, sama ada melalui perbincangan, pembacaan atau seumpamanya, maklumat baharu akan diserap masuk. Dengan itu, struktur kognitif akan mencapai keseimbangan (equalibrasi).

Proses asimilasi dan akomodasi berlaku sepanjang hayat individu dalam proses penyesuaian diri dengan persekitaran. Dengan proses adaptasi yang semakin kompleks, skema juga akan menjadi lebih kompleks. Skema yang semakin kompleks ini akan membentuk struktur kognitif. Struktur kognitif akan melalui proses organisasi secara hierarki dan daripada susunan umum kepada kompleks.

Melalui proses adaptasi ini, iaitu asimilasi dan akomodasi, maklumat baharu dalam struktur kognitif sentiasa diorganisasi untuk disimpan dan digunakan apabila perlu. Melalui proses inilah, pembinaan pengetahuan sentiasa dibuat sepanjang pembelajaran murid. Proses ini berkait rapat dengan pendekatan didik hibur yang dijalankan dalam kajian ini. Apabila PdP menggunakan pendekatan didik hibur dijalankan di dalam bilik darjah, murid-murid dapat menimba pengalamannya sendiri melalui belajar secara berpasangan atau berkumpulan, membentangkan dapatan di hadapan kelas atau menyanyi, berlakon, bermain permainan bahasa dan sebagainya secara santai dan menyeronokkan. Guru hanya bertindak sebagai fasilitator atau pemudah cara kepada murid bagi memastikan objektif PdP berjaya dicapai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5.3 Teori Kognitif Sosial Lev Vygotsky (1896-1934)

Konstruktivisme sosial dipelopori Lev Vygotsky (1896-1934), seorang ahli psikologi Rusia. Vygotsky banyak terlibat dalam mengkaji perkembangan kognitif di Institut of Psychology di Moscow. Vygotsky menganggap proses kognitif kesedaran manusia mempunyai hubungan antara emosi dengan pemikiran serta peranan imaginasi (Lindqvist G, 2003). Namun, terdapat juga yang menyatakan Vygotsky merupakan seorang behavioris dan dalam masa yang sama beliau seorang konstruktivis (DeVries, R. 2000). Hal ini disebabkan terdapatnya persamaan dalam dua teori yang dikemukakan beliau iaitu faktor sosial yang berperanan penting dalam perkembangan anak, sifat kanak-kanak yang transformatif serta individu berkembang seperti apa dalam persekitarannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada tahun 1990-an, Vygotsky telah menekankan peranan sastera dan perkembangan pendekatan budaya terhadap psikologi dan pendidikan (Lindqvist G, 2003). Bagi Vygotsky, teori pendidikan adalah teori adalah tentang transmisi kebudayaan dan juga teori tentang perkembangan (Rudi Santoso Yohanes, 2010). Menurutnya lagi, perkembangan konsep kanak-kanak berkembang secara sistematis, logikal serta rasional dengan bantuan dan bimbingan verbal orang lain.

Teori kontruktivisme sosial Vygotsky (1896-1934) sangat menekankan peranan interaksi sosial dalam perkembangan kognitif, dialek pemikiran dan bahasa, perkembangan konsep dan zon perkembangan terdekat (Rudi Sontoso Yohanes, 2010). Dalam konteks sosiobudaya inilah individu berkongsi dan saling membina pengetahuan. Penglibatan dengan orang lain memberikan peluang kepada pelajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

untuk menilai dan meningkatkan pengetahuan diri memandangkan mereka terdedah kepada pemikiran orang lain dan berkongsi membina pemahaman (Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying dan Sharifah Fakhriah Syed Ahmad, 2009).

Vygotsky (1896-1934) juga menekankan betapa pentingnya murid-murid memanfaatkan lingkungan dan persekitaran sosial dalam pembelajaran dan perkembangan kognitif murid. Beliau sangat yakin bahawa proses belajar akan menjadi lebih berkesan sekiranya murid-murid diberi peluang untuk belajar secara koperatif dalam suasana pembelajaran yang dibimbing oleh seseorang yang lebih berpengetahuan (Shamsudin Haron, 2017). Baginya, pengetahuan bukan merupakan berapa banyak fakta atau konsep yang perlu diingat, tetapi individu itu sendiri yang harus membina pengetahuannya serta memberikan makna melalui pengalaman sebenarnya (Muhibbin dan M. Arif Hidayatullah, 2020). Menurutnya lagi, kanak-kanak seelok-eloknya belajar melalui interaksi dengan orang yang lebih mahir, pandai, rakan sebaya yang lebih pandai untuk membina idea dan memperkaya perkembangan intelektual kanak-kanak (Rudi Sontoso Yohanes, 2010).

Vygotsky (1896-1934), perlunya seseorang itu mengambil kira bahawa kanak-kanak yang berumur tiga tahun akan belajar mengikut kemahuan dan keinginannya sendiri dan apabila mencapai umur tujuh tahun, kanak-kanak akan belajar apa yang disampaikan oleh gurunya (DeVries, R. 2000). Menurut Parker, S.T. (1979), Vygotsky telah memperkenalkan “Zon Perkembangan Terdekat” (ZPD) untuk menggambarkan gaya pembelajaran di bawah latihan, iaitu kanak- kanak melepasi tahap pencapaian bebas dan spontan mereka di bawah rangsangan sosial. Tegasnya lagi, zon sangat penting untuk mengukur tahap pencapaian budaya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kanak-kanak dan pembelajaran kanak-kanak memerlukan sifat sosial dalam kehidupan intelektual orang-orang di sekitar mereka.

Cahyono, A. N. (2010) pula menjelaskan, berdasarkan ZPD yang diperkenalkan Vygotsky, pengetahuan seorang kanak-kanak itu diperoleh secara individu iaitu dengan membina sendiri pengetahuannya melalui proses interaksi dengan objek dan orang yang terdapat di sekelilingnya. Dalam hal ini, komunikasi merupakan asas utama untuk pembelajaran secara sosiobudaya dan untuk memahami gaya pembelajaran kanak-kanak. Dengan ini, tugasan pembelajaran yang sukar dilakukan sendiri oleh murid, tetapi dapat menguasainya dengan bimbingan orang lain yang lebih mahir. Sekiranya pelajar dapat melakukannya sendiri, isi pelajaran tersebut dikatakan berada di zon bawah. Sekiranya pelajar dapat menguasainya dengan bimbingan orang lain, tugasan tersebut berada dalam ZPD. Isi pelajaran yang berada di luar zon aras bawah bermakna tidak berlaku pembelajaran kerana pelajar sudah menguasai isi pelajaran. Isi pelajaran yang berada di luar zon aras atas, tidak akan dapat dikuasai oleh pelajar walaupun dengan bimbingan orang lain.

Zon Perkembangan Terdekat (ZPD) yang disarankan oleh Vygostky ini hampir mempunyai persamaan dengan pengajaran dan pembelajaran secara didik hibur ini. Dalam pembelajaran secara didik hibur, murid-murid akan berbincang dan bertukar-tukar idea untuk menyelesaikan sesuatu tugasan yang diberi sama ada secara berpasangan atau dalam kumpulan. Jika terdapat murid-murid yang kurang menguasai isi pelajaran atau tugasan, mereka akan dibimbing dan dibantu oleh rakan-rakan dalam kumpulan mereka yang telah menguasai isi pelajaran tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Vygostky lagi, bagi membantu pelajar menguasai isi pelajaran yang berada dalam ZPD, teknik perancah (scaffolding) diperkenalkan, iaitu proses membimbing dan membantu pembelajaran. Teknik perancah (scaffolding) merupakan peringkat bimbingan dan sokongan yang dilakukan mengikut keperluan pelajar. Bimbingan akan dikurangkan apabila pelajar telah menguasai peringkat demi peringkat. Akhirnya, bimbingan dilepaskan apabila pelajar dapat melakukannya sendiri.

Vygotsky (1896-1934) juga telah menggariskan beberapa prinsip yang boleh dijadikan panduan dalam pengajaran menggunakan teori konstruktivisme ini. Antaranya ialah, berpusatkan murid. Muridlah yang lebih banyak berinteraksi dengan bahan dan peristiwa untuk membin kefahaman dan pengetahuan. Murid-murid akan terlibat secara aktif melalui tugasan secara individu mahupun secara berkumpulan. Bakat dan potensi murid dapat dicungkil dan dikembangkan dengan keterlibatan murid dalam aktiviti-aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan seperti bercerita, berlakon, simulasi, bernyanyi dan sebagainya.

Dari sinilah pembelajaran berlaku secara bermain dan menyeronokkan murid. Semasa belajar sambil bermain inilah pembinaan pengetahuan murid akan terhasil dan murid-murid berani untuk mengeluarkan buah fikiran dan idea. Melalui konstruktivisme, murid membina pengetahuan hasil daripada aktiviti yang disediakan oleh guru dan dengan bimbingan guru mereka (Mahzan Arshad, Idris Mohd Radzi, Naffi Mat, 2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, pembelajaran secara konstruktivisme menggalakkan murid menyoal dan berbincang dengan guru dan rakan-rakan mereka semasa proses PdP berlangsung. Pembelajaran ini dijalankan secara koperatif iaitu interaksi murid dengan murid, murid dengan aktiviti, murid dengan bahan, murid dengan guru dan murid dengan persekitaran mereka (Mahzan Arshad, Idris Mohd Radzi dan Naffi Mat, 2012).

Prinsip pembelajaran konstruktivisme yang ketiga ialah pembelajaran secara aktif. Ciri-ciri pembelajaran aktif merangkumi aspek pertuturan, pendengaran, penulisan dan refleksi (renungan). Melalui perbincangan, penyoalan, pertukaran pendapat dan penulisan, pendekatan ini boleh membantu murid bukan sahaja dapat mengembangkan daya pemikiran tetapi boleh membantu mengukuhkan daya ingatan dalam sesuau topik yang dipelajari. Ini bersesuaian dengan pandangan Mahzan Arshad, Idris Mohd Radzi dan Naffi Mat (2012), murid dapat terlibat dengan penyelesaian masalah, menyoal, mereka bentuk penyiasatan sendiri, belajar secara berkumpulan, melatih kreativiti dan digalakkan untuk mencuba dalam sesuatu perkara.

Menurut Noriati (2009), Vygotsky beranggapan pembelajaran dapat berlaku melalui bermain, penyampaian dan kerjasama antara dengan pelajar yang lebih berpengalaman. Tambahnya, konstruktivisme sosial Vygotsky mempunyai beberapa pandangan yang sangat berkait rapat dengan pembelajaran yang menyerononokkan. Antaranya ialah, murid merupakan individu unik yang mempunyai latar belakang berbeza, pengalaman, interaksi dan budaya masyarakat amat mempengaruhi pembelajaran individu murid, murid bertanggungjawab ke atas pembinaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengetahuan atau pembelajaran mereka sendiri, pengalaman berjaya dan keyakinan diri mempengaruhi motivasi untuk belajar, guru berperanan sebagai pembimbing dan fasilitator pembelajaran, pembelajaran berlaku dalam situasi sosial yang aktif, kolaborasi dan interaksi guru serta bahan dan pelajar penting dalam memastikan pembelajaran berlaku dengan berkesan.

2.5.4 Implikasi Teori konstruktivisme dalam PdP

Penggunaan Teori Konstruktivisme telah memberi beberapa implikasi positif terhadap PdP. Antaranya ialah murid-murid berpeluang membina pengetahuan secara aktif melalui proses saling pengaruh antara pembelajaran terdahulu dengan pembelajaran terbaharu (Norul Haida Reduzan, Mohd Rashid Md Idris, 2013).

Apabila murid-murid berpeluang membina pengetahuan sendiri melalui perbincangan yang aktif dalam kumpulan, mereka akan berasa lebih seronok untuk belajar. Ini bertepatan dengan ciri-ciri didik hibur seperti disarankan oleh Mazlan Ismail (2016),

Selain itu, murid-murid juga berpeluang untuk berinteraksi dengan objek atau BBM yang digunakan oleh guru. Mereka akan melakukan aktiviti penerokaan, penyoalan, penyiasatan, dan kajian mudah serta refleksi kendiri. Dengan ini, penglibatan murid-murid semasa PdP adalah aktif dan berani tanpa rasa takut kepada guru, bahan atau pelajaran. Malah, dengan pembelajaran secara konstruktivisme, ia dapat membantu murid meningkatkan minat untuk murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengikuti pembelajaran (Syahida Nadia Zakaria, 2015).

Seterusnya, para guru juga berpeluang untuk menyediakan pembelajaran yang aktif kepada murid-murid (Norul Haida Reduzan, Mohd Rashid Haji Md Idris, 2013). Pendekatan penggunaan perisian persembahan dalam PdP memainkan peranan penting dalam menentukan keberkesanan sesuatu PdP (Munip. H, 2012). Para guru dapat melihat tahap penguasaan murid terlebih dahulu sebelum membuat penyediaan rancangan pengajaran, dan aktiviti yang akan dijalankan di dalam bilik darjah. Para guru akan membuat persediaan terlebih dahulu sebelum memulakan PdP dan memilih BBM yang sesuai dengan kebolehan murid. Elemen inilah yang akan mewujudkan PdP yang berkualiti dan diminati oleh murid-murid.

Tegas mereka, penggunaan teori konstruktivisme sangat penting kerana teori ini terbukti sangat dominan dalam pendidikan sekarang kerana menyediakan perubahan paradigma kepada pendekatan yang lebih berasaskan kognitif berbanding pendekatan tradisional yang lebih kepada behaviourisme.

Pandangan ini sangat relevan dengan kajian Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, Fatimah Sahida Abdulrajak, Yusmini Md Yusoff dan Madiha Baharuddin, 2017) yang mendapati pendekatan konstruktivisme telah diketengahkan di kebanyakan negara dalam kurikulum baharu yang digubal, yang telah merubah sistem pendidikan mereka, termasuklah sistema pendidikan negara kita. Hal ini demikian kerana PdP menggunakan pendekatan konstruktivisme, murid merupakan fokus utama dalam pembelajaran dan perlu diberikan autonomi di dalam kelas. Pembelajaran yang memusatkan murid ini mengenengahkan murid untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bertanggungjawab dalam pembelajaran mereka, membina pengetahuan sendiri dan guru hanya bertindak sebagai pembimbing secara berterusan dalam PdP sehingga murid mahir.

Malah, Zainal Abidin Zainuddin dan Afrinaleni Suardi (2010) turut menyatakan pembelajaran konstruktivisme dapat meningkatkan interaksi antara murid dan pembelajaran menjadi lebih menyeronokkan dan bermakna. Jelasnya lagi, pembelajaran konstruktivisme ini mampu meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran murid dalam biik darjah melalui pemahaman kendiri menerusi pembelajaran yang kondusif. Ini diperkukuhkan lagi dengan pelaksanaan aktiviti yang menarik berupaya menggalakkan murid lebih berfikir, lebih yakin, lebih berkemahiran sosial, lebih seronok, lebih berminat, berpeluang menonjolkan potensi dan berasa diri dihargai.

Jika ditelusuri dengan kurikulum baharu yang diperkenalkan oleh KPM iaitu KSSR, jelas sekali KPM menyerankan para guru untuk menggunakan strategi PdP berpusatkan murid, bersepadu, menyeronokkan dan menekankan kemahiran berfikir dan kemahiran insaniah (Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, Fatimah Sahida Abdulrajak, Yusmini Md Yusoff dan Madiha Baharuddin, 2017). Malah, Daniels, H. (2016) menyatakan penggunaan Teori Konstruktivisme Sosial ini dapat meningkatkan pedagogi pedagogi dalam sesuatu bidang serta pendekatan yang terkandung dalam teori ini merupakan asas pembangunan pendidikan masa depan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan pandangan Konstruktisvisme Sosial Vygotsky tersebut, ternyata pandangan tersebut mempunyai persamaan dengan kajian yang dijalankan ini iaitu pembelajaran menggunaan pendekatan didik hibur. Dalam pendekatan didik hibur, pembelajaran lebih berpusatkan murid-murid dan guru berperanan sebagai pemudah cara sahaja. Murid-murid belajar secara berpasangan atau dalam kumpulan yang membolehkan merreka berinteraksi sesama sendiri untuk bertukar-tukar idea dan pendapat utnuk menyelesaikan sesuatutugasan yang diberikan. Mereka belajar dalam suasana yang aman, bebas daripada tekanan, santai dan terlibat sepenuhnya dalam setiap aktiviti. Ini dapat menarik minat memberi untuk memberi perhatuian dan tumpuan semasa PdP berlangsung. Malah, mereka menjadi lebih berminat kerana aktiviti PdP yang disediakan menarik dan menghiburkan. Keterangan tentang fasa pembinaan modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur dengan teori konstruktivisme adalah seperti Rajah 2.1 di sebelah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5.5 Kerangka Teori



Rajah 2.1. Fasa pembinaan modul seni bahasa berdasarkan Teori Konstruktivisme.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6 Model Dick & Carey dalam Pembinaan Modul

2.6.1 Definisi Pembelajaran Dick dan Carey

Model pembelajaran Dick dan Carey (1978, 2014)) dibangunkan oleh Walter Dick dan Lou Carey (Serhat Kurt, 2015), merupakan model pembelajaran yang dibangunkan melalui pendekatan sistem (system approach) terhadap komponen-komponen asas dari bentuk sistem pembelajaran yang meliputi analisis, bentuk, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian. Model sistem pembelajaran yang dibangunkan oleh Dick dan Carey terdiri daripada beberapa komponen yang perlu dilakukan untuk membuat rancangan aktiviti pembelajaran yang lebih besar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dick dan Carey (1978) memasukkan unsur kognitif dan behavioris yang menekankan pada respons pelajar terhadap stimulus yang dihadirkan. Pelaksanaan model reka bentuk sistem pembelajaran ini memerlukan proses yang sistematik yang menyeluruh. Hal ini diperlukan untuk dapat mewujudkan reka bentuk sistem pembelajaran yang mampu digunakan secara optimum dalam mengatasi masalah-masalah pembelajaran.

2.6.2 Model Rancangan Dick And Carey

Menurut Gafur dalam Soeharto (1988) definisi reka bentuk pengajaran adalah keseluruhan proses analisis keperluan dan tujuan belajar serta pembangunan teknik mengajar untuk memenuhi keperluan tersebut. Termasuk di dalamnya adalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembangunan pakej pembelajaran, kegiatan mengajar, uji cuba, semakan, dan kegiatan menilai hasil belajar.

Perancangan bahan pembelajaran dan persekitaran belajar dapat memberi petunjuk pola fikir dan prosedur yang berbeza (Molenda dan Boling, 2008). Perancangan pembelajaran boleh dijadikan titik permulaan usaha penambahbaikan kualiti pembelajaran. Ini bermakna bahawa peningkatan kualiti pembelajaran harus bermula dari pembaikan kualiti reka bentuk pembelajaran dan merancang pembelajaran dengan pendekatan sistem. Reka bentuk sistem pembelajaran merupakan proses sistematik yang dilakukan dengan menterjemahkan prinsip prinsip belajar dan pembelajaran untuk diaplikasikan ke dalam bahan ajar dan kegiatan pembelajaran.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hakikat dalam pendekatan sistem adalah membahagikan proses perancangan pembelajaran ke dalam langkah langkah, menyusun langkah- langkah secara logik dan menggunakan hasil setiap langkah sebagai masukan langkah seterusnya (Molenda dan Boling, 2008). Terdapat banyak model reka bentuk yang menggunakan pendekatan sistem. Reka bentuk tersebut berbeza dalam jumlah dan nama langkah langkahnya, serta fungsi masing masing langkah yang disyorkan (Molenda dan Boling, 2008). Rajah 2.2 menunjukkan pembinaan modul seni bahasa menurut reka bentuk Dick dan Carey (1978).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6.3 Kerangka Pembinaan Modul Seni Bahasa menurut Reka Bentuk Model Dick & Carey (1978)



Rajah 2.2. Kerangka pembinaan modul seni bahasa menggunakan konsep didik hibur sekolah rendah menurut reka bentuk Model Dick dan Carey 1978

2.6.4 Langkah - Langkah Membina Bahan Pembelajaran Dick And Carey

1. Mengenal pasti tujuan pembelajaran

Tujuan pembelajaran ideal diperoleh daripada analisa keperluan yang benar benar bahawa adanya suatu masalah yang penyelesaiannya adalah dengan memberikan pembelajaran (Dick, 1978). Sasaran akhir dari suatu pembelajaran adalah tercapainya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tujuan pembelajaran umum, oleh kerana itu dalam merancang pembelajaran harus memperhatikan secara mendalam rumusan tujuan pembelajaran umum yang akan ditentukan.

2. Melakukan Analisis Pembelajaran

Tujuan utama analisis pembelajaran adalah mengenal pasti pengetahuan dan kemahiran yang perlu ada pada pembelajaran (Dick, 1978). Oleh sebab prosesnya agak kompleks, analisis pembelajaran terhadap tujuan pembelajaran umum dapat dilakukan melalui dua tahap iaitu menggolongkan pernyataan tujuan umum menurut jenis keupayaan belajar dan melakukan analisa lanjutan untuk mengenalpasti kemahiran bawahan. Kedua-duanya merupakan proses analisa pembelajaran. Pembelajaran kemahiran psikomotor biasanya memerlukan perpaduan ketrampilan intelektual dan kemahiran motor. Langkah pertama untuk analisa dilakukan dengan melaksanakan prosedur analisis hierarki (Dick, 1978).

3. Menganalisis Ciri-ciri Pelajar Dan Konteks Pembelajaran

Selain melakukan analisis tujuan pembelajaran, perkara penting yang perlu dilakukan dalam melaksanakan model ini adalah analisis terhadap ciri-ciri pelajar yang akan belajar dan konteks pembelajaran. Kedua-dua langkah ini dapat dilakukan secara bersamaan atau selari. Analisis konteks meliputi keadaan- keadaan yang berkaitan dengan kemahiran yang dipelajari oleh pelajar dan keadaan yang berkaitan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan tugas yang dihadapi oleh pelajar untuk menerapkan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari. Analisis terhadap ciri- ciri pelajar meliputi kemampuan sebenar yang dimiliki oleh pelajar, gaya belajar, dan sikap terhadap aktiviti belajar. Pengenalan yang tepat tentang ciri-ciri pelajar yang akan belajar dapat membantu perancang program pembelajaran dalam memilih dan menentukan strategi pembelajaran yang akan digunakan.

4. Menentukan objektif pembelajaran

Menentukan objektif pembelajaran merupakan pernyataan tentang apa yang akan dicapai pelajar setelah mereka selesai mengikuti kegiatan pembelajaran. Dalam merumuskan tujuan pembelajaran khusus, ada beberapa perkara yang perlu diberi perhatian, iaitu a) menentukan pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki oleh murid setelah menempuh proses pembelajaran dan b) keadaan yang diperlukan agar murid boleh melakukan mengikut kemampuan dari pengetahuan yang telah dipelajari. Komponen keadaan dalam tujuan pembelajaran khusus menyebutkan sesuatu yang secara khusus diberikan atau tidak diberikan ketika pelajar memaparkan perilaku yang ditetapkan dalam tujuan. Komponen keadaan boleh berupa bahan dan alat, maklumat dan persekitaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5. Membangunkan Instrumen Penilaian

Berdasarkan matlamat pembelajaran yang telah dirumuskan, langkah seterusnya adalah membangunkan alat atau instrumen penilaian yang mampu mengukur pencapaian hasil belajar pelajar. Yang perlu diperhatikan dalam menentukan instrumen penilaian yang akan digunakan adalah instrumen harus dapat mengukur prestasi pelajar dalam mencapai objektif pembelajaran yang telah dirumuskan. Beberapa tujuan pembelajaran tidak boleh diukur dengan ujian objektif tetapi harus diukur unjuk kerja dengan pengamatan penilai. Untuk membuat instrumen penilaian ini harus dilakukan pemberian skor untuk setiap langkah yang dilakukan oleh pebelajar (Dick, 1978).

Ujian acuan penanda aras disusun secara langsung untuk mengukur tingkah laku yang digambarkan dalam tujuan. Ada empat jenis ujian acuan penanda aras:

a. Ujian perilaku awal atau entry behavior test. Ujian ini diberikan sebelum memulakan pembelajaran. Tujuannya adalah untuk mengetahui apakah pelajar telah menguasai kemahiran yang menjadi prasyarat bagi pembelajaran.

b. Ujian pendahuluan atau pretest, adalah ujian penanda aras yang diperlukan untuk mengetahui profil pelajar berkenaan dengan analisis pembelajaran. Pretest tidak perlu dilakukan secara kerap. Jika sesuatu tajuk yang diajar merupakan suatu tajuk baharu, maka hasil dapatan daripada pretest kadangkala tidak menggambarkan kemampuan murid yang sebenar. Hal ini mungkin disebabkan oleh murid yang meneka jawapan ujian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c. Latihan adalah ujian yang bertujuan untuk menjadikan murid mengambil bahagian aktif dalam pembelajaran. Latihan boleh menjadikan murid dapat mengingat kembali pengetahuan dan kemahiran baru sekaligus menilai tahap pemahaman dan kemampuan sendiri. Murid menggunakan dapatan daripada latihan untuk memberikan maklum balas dalam pembelajaran.

d. *Post test* adalah ujian penanda aras yang merangkumi seluruh tujuan pembelajaran yang mencerminkan hasil belajar yang dilakukan murid. Walaupun begitu, tujuan awal *post test* adalah untuk mengenal pasti bahagian pembelajaran yang tidak berjaya.

6. Membangunkan Strategi Pembelajaran

Berdasarkan maklumat yang telah dikumpulkan sebelumnya, perancangan program pembelajaran dapat menentukan strategi yang akan digunakan dalam pembelajaran. Strategi yang digunakan dipanggil strategi pembelajaran atau instructional strategy. Dick and Carey mengelompokkan aktiviti itu dalam lima komponen iaitu a) aktiviti prapembelajaran, b) penyediaan bahan atau isi, c) penyertaan murid, d) penilaian dan e) aktiviti lanjutan.

Aktiviti prapembelajaran dilakukan dengan memotivasi murid, memberitahu tujuan pembelajaran dan memaklumkan ketrampilan prasyarat pada murid. Selanjutnya dilakukan penyediaan bahan. Aktiviti ini bukan hanya untuk menjelaskan konsep-konsep baru saja, tetapi juga menjelaskan hubungan antara konsep. Guru juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

akan memutuskan berapa jenis dan jumlah contoh yang akan diberikan untuk setiap konsep. Salah satu komponen yang paling kuat dalam proses pembelajaran adalah latihan dengan mengingat semula. Guru perlu memberikan aktiviti yang relevan dengan tujuan disertai dengan mengingat semula maklumat tentang pestasi dan hasil murid. Untuk kegiatan lanjutan, guru meninjau lagi strategi secara keseluruhan untuk menentukan keberhasilan proses belajar.

7. Membangunkan dan Memilih Bahan Pengajaran

Bahan pengajaran memuatkan isi yang akan digunakan oleh murid untuk mencapai tujuan. Antaranya adalah tujuan khusus dan tujuan umum serta semua yang menyokong terjadinya proses belajar dalam diri murid. Bahan pengajaran juga mengandungi maklumat yang akan digunakan oleh murid untuk memandu kemajuan mereka selama pembelajaran. Semua bahan pengajaranjuga harus dilengkapi dengan ujian objektif atau ukuran kemampuan murid. Ini termasuk soalan sebelum ujian dan selepas ujian. Selain bahan pengajaran, diperlukan juga manual penggunaan bagi murid dan guru (Dick, 1978).

8. Merancang dan Membangunkan Penilaian Formatif

Tujuan penilaian formatif adalah untuk mengumpul data yang berkaitan dengan kekuatan dan kelemahan pembelajaran. Hasil dari proses penilaian formatif boleh digunakan sebagai masukan atau input untuk memperbaiki draf pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walaupun tujuan utamanya adalah untuk mendapat data daripada murid tetapi tinjauan dari orang lain yang juga ahli merupakan hal yang penting (Dick 1978).

Tiga jenis penilaian formatif dapat diaplikasikan untuk membangunkan produk atau program pembelajaran, iaitu a) penilaian individu, b) penilaian kumpulan kecil dan c) penilaian kumpulan kecil. Penilaian individu merupakan tahap pertama dalam melaksanakan penilaian formatif. Penilaian ini dilakukan melalui hubungan langsung dengan sekurang-kurangnya tiga orang calon pengguna program untuk memperoleh masukan tentang kesalahan kesalahan yang dikenal pasti dalam bahan ajar dan memperoleh petunjuk awal kekuatan guna bahan ajar dan rsepons murid kepada isi bahan ajar. Untuk tahap ini, seorang murid yang dipilih mempunyai aras kebolehan yang tinggi, seorang yang mempunyai aras sederhana dan seorang murid yang mempunyai aras kebolehan yang rendah.

Penilaian kumpulan kecil dilakukan dengan menguji dan mencuba program terhadap kumpulan kecil murid sasaran. Penilaian ini dilakukan untuk menentukan keberkesanan perubahan yang telah dibuat selepas penilaian individu dan mengenal pasti masalah yang mungkin masih ada. Pada langkah ini, murid boleh menggunakan bahan ajar tanpa berhubung terus dengan modul yang dibinakan. Penilaian lapangan adalah uji cuba program terhadap sekumpulan besar murid sasaran program sebelum program tersebut digunakan dalam situasi pembelajaran yang sebenarnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

9. Melakukan Semakan Terhadap Program Pembelajaran

Langkah akhir dari proses reka bentuk pembangunan adalah melakukan semakan terhadap draf program pembelajaran. Data yang diperoleh daripada prosedur penilaian formatif dirangkum dan ditafsirkan untuk mengetahui kelemahan- kelemahan yang dimiliki oleh program pembelajaran. Penilaian formatif tidak hanya dilakukan pada draf program pembelajaran sahaja, tetapi juga terhadap aspek-aspek reka bentuk sistem pembelajaran yang digunakan dalam program, seperti analisis pembelajaran, dan ciri-ciri murid. Prosedur penilaian formatif, dengan kata lain, perlu dilakukan pada semua aspek program pembelajaran dengan tujuan untuk memurni dan meningkatkan kualiti program tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

10. Merancang dan Membangunkan Penilaian Sumatif

Penilaian sumatif merupakan jenis penilaian yang berbeza dengan penilaian formatif. Jenis penilaian ini dianggap sebagai puncak dalam aktiviti model reka bentuk pembelajaran yang dikemukakan oleh Dick dan Carey. Penilaian sumatif dilakukan setelah program selesai dinilai secara formatif dan disemak semula sesuai dengan standard yang digunakan oleh perancang. Penilaian sumatif tidak melibatkan perancang program, tetapi melibatkan penilai bebas. Hal ini merupakan satu alasan untuk menyatakan bahawa penilaian sumatif tidak tergolong ke dalam proses reka bentuk sistem pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Sepuluh langkah reka bentuk yang dikemukakan di atas merupakan sebuah prosedur yang menggunakan pendekatan sistem dalam mereka bentuk sebuah program pembelajaran. Setiap langkah dalam reka bentuk sistem pembelajaran ini mempunyai kaitan antara satu sama lain. Dapatan yang dihasilkan dari suatu langkah akan digunakan sebagai input bagi langkah-langkah selanjutnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.7 Kerangka Kajian



Rajah 2.3. Kerangka Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.8 Rumusan

Bab kedua ini telah menghuraikan konsep-konsep penting tentang seni bahasa, didik hibur dan pelaksanaannya di dalam bilik darjah mengikut eleman-eleman yang telah ditetapkan. Selain itu, dalam bab ini juga penyelidik telah membincangkan kajian-kajian lepas berkaitan didik hibur serta teori konstruktivisme Kognitif Jean Piaget dan teori konstruktivisme Lev Vygotsky. Seterusnya, bab ini juga membincangkan sepuluh (10) langkah pembelajaran yang terdapat dalam model pendekatan sistema Dick dan Carey (1978). Akhir sekali, bab ini telah menjelaskan kerangka teori dan kerangka kajian yang digunakan dalam kajian pembinaan modul seni bahasa ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.1 Pengenalan

Dalam bab tiga ini, penyelidik membahagikan bab ini kepada dua bahagian utama iaitu, a) reka bentuk kajian dan b) proses pembinaan modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur di sekolah rendah. Bahagian pertama dalam bab tiga ini ialah penyelidik membincangkan kaedah kajian seperti reka bentuk kajian, peserta kajian, instrumen kajian, pengumpulan data, kutipan data dan analisis data kualitatif. Penyelidik juga memasukkan kepelbagaian metodologi dalam kajian ini iaitu kaedah Fuzzy Delphi (FDM) bertujuan untuk memastikan dapatan kajian yang empirikal dan menepati objektif kajian. Bahagian kedua dalam bab tiga ini pula merincikan proses pembinaan dan pembangunan modul seni bahasa menggunakan model Design Development Research (DDR) oleh Richey dan Klien, (2007, 2014) serta model sandaran iaitu pendekatan sistem Dick dan Carey (1978, 2010,) dalam pembangunan modul seni

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahasa bagi pengajaran Bahasa Melayu berasaskan pendekatan didik hibur di sekolah rendah. Seterusnya, penyelidik juga memasukkan kaedah Fuzzy Delphi dalam pembangunan dan pembinaan modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur ini. Selain itu, penyelidik juga membincangkan teknik analisis data kajian ini menggunakan perisian iaitu Atlas.ti 8 sebagai satu nilai tambah dalam menganalisis data kualitatif secara efisen.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Dua pendekatan utama yang mendominasi penyelidikan sains sosial pada masa kini adalah pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Penyelidikan kualitatif merupakan satu proses inkuiri tentang masalah sosial berdasarkan satu gambaran yang kompleks dan holistik, terbentuk daripada kata-kata yang dilaporkan secara mendalam dan kajian dijalankan secara semula jadi. Manakala pendekatan kuantitatif pula merupakan satu inkuiri tentang masalah sosial atau manusia berdasarkan pengujian teori yang terdiri daripada pemboleh ubah yang diukur secara numerik, dan dianalisis menggunakan prosedur statistik untuk menentukan sama ada generalisasi yang diramalkan mengikut teori adalah benar (Ruzlan Md Ali, Fahainis Mohd Yusof dan Fuziah Shaffie, 2018). Namun, terdapat juga penyelidikan yang menggabungkan kedua-dua kaedah penyelidikan ini yang dikenali sebagai kaedah campuran *(mix method)*. Selain daripada kaedah kualitatif, kuantitatif dan kaedah campuran, terdapat juga kaedah-kaedah lain yang digunakan dalam bidang penyelidikan yang dikenali sebagai kepelbagaian metodologi seperti Design and Development Research (DDR), Kaedah Delphi, Kaedah Fuzzy Delphi (FDM), Teknik Kumpulan Nominal (NGT), Pendekatan Interpretive Structural

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Modeling (ISM) dan sebagainya. Namun dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah kajian kualitatif yang mengaplikasikan kaedah DDR serta Kaedah Fuzzy Delphi (FDM) untuk mendapatkan kesepakatan pakar terhadap keperluan dalam pembinaan dan pembangunan modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur di sekolah rendah ini.

Pemilihan reka bentuk kajian memerlukan penyelidik mengambil kira skop, halangan dan isu-isu etika dalam menjalankan sesuatu kajian (Ramlee Ismail, Jamal @ Nordin Yunus, Marinah Awang, 2020). Tegas mereka, dalam kajian pendidikan, terdapat kajian yang bertujuan untuk meneroka sesuatu permasalahan yang wujud yang diklasifikasikan sebagai kajian eksplorasi. Manakala sesuatu kajian yang hanya mengkaji secara umum sahaja dengan menggunakan statistik yang mudah dikelaskan sebagai kajian deskriptif. Kajian yang lebih mendalam terhadap sesuatu fenomena atau kesan fenomena tersebut, kajian ini dikelaskan kajian penjelasan atau lebih dikenali sebagai *"explanatory studies"*. Namun, jika objektif kajian hanya boleh dijawab dengan menggunakan kajian deskriptif, maka kajian deskriptif sudah mencukupi.

Bagi penyelidik yang menjalankan kajian menggunakan pendekatan kualitatif, terdapat lima reka bentuk utama yang perlu diberi perhatian iaitu reka bentuk naratif, fenomenologi, *grounded theory*, etnografi dan kajian kes. Walau bagaimanapun, penyelidik hanya digalakkan menggunakan satu sahaja reka bentuk bagi mendalami dan memahami keseluruhan kajian dijalankan. (Fauziah Ibrahim, Khadijah Alavi dan Nazirah Hassan, 2020).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendekatan kajian kualitatif merujuk kepada kajian yang menggunakan data yang berbentuk bukan angka mahupun kategori. Data adalah berbentuk kualitatif seperti teks, video, foto, transkrip, perbualan, atau percakapan yang diambil secara langsung di lapangan atau semasa temu bual untuk memahami fenomena sosial yang dikaji (Othman Talib, 2013). Istilah kualitatif berakarkan kata kualiti. Tentu sahaja semua penyelididkan itu harus mempunyai kualiti atau mutu. Namun, yang dimaksudkan dengan kualiti di sini bukannya mutu, sebaliknya bermaksud ciri-ciri yang ada pada gejala yang kita selidiki itu. Dalam pendekatan kualitatif ini, setiap ciri yang ditemui itu mestilah dihuraikan tidak kira sama ada ciri itu sering atau jarang berlaku (Asmah Haji Omar, 2015).

Menurut Othman Lebar (2015), reka bentuk dalam kajian kualitatif dibina berasaskan disiplin bidang-bidang tertentu seperti bidang pendidikan. Oleh itu, dalam memilih atau membina reka bentuk kajian, penyelidik perlu memahami beberapa ciri reka bentuk kajian tersebut. Antara ciri yang terdapat dalam penyelidikan kualitatif ialah penerokaan, deskriptif dan interpretif.

Dalam kajian ini, penyelidikan kualitatif dipilih kerana penyelidik ingin mengetahui apa yang boleh dipelajari tentang sesuatu fenomena yang menjadi minat penyelidik. Kajian ini juga bersifat deskriptif iaitu kajian yang berbentuk penerokaan yang banyak bergantung kepada perkataan dan makna yang diberikan oleh subjek sebagai data untuk dianalisis. Dalam penyelidikan kualitatif ini juga, penyelidik adalah instrumen utama dalam pengumpulan dan analisis data. Penyelidik bertindak sebagai alat kajian yang utama dan mendapat maklumat secara langsung daripada peserta dan sumber-sumber lain, bukan melalui inventori, soal selidik ataupun mesin (Othman Lebar, 2015). Penyelidik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan objek yang diteliti saling berinteraksi kerana proses penyelidikannya dilakukan dari luar atau dari dalam dengan banyak melibatkan pertimbangan dan kesimpulan. Dalam pelaksanaannya, penyelidik sekali gus berfungsi sebagai "alat penyelidikan" yang tentunya akan komited sepenuhnya (Azizi Yahaya, Peter Voo, Ismail Maakip, Mohd Dahlan A. Malek, 2020).

Selain itu, penyelidik juga mengaplikasi kaedah Fuzzy Delphi (FDM) untuk mendapatkan kesepakatan pakar dalam pembangunan dan pembinaan modul seni bahasa ini. Kaedah Fuzzy Delphi ini dibangunkan oleh Murray, Pappino dan Gisch (1985) yang menggabungkan set penomboran fuzzy dengan kaedah Delphi Tradisional. Namun, Kaufman dan Gupta merupakan pelopor dalam memperkenalkan Fuzzy Delphi secara efektif pada tahun 1988 yang telah membuat penambahbaikan daripada kaedah Delphi klasik (Ramlan Mustapha dan Ghazali Darusalam, 2018).

Kaedah Fuzzy Delphi ini dipilih kerana FDM merupakan suatu pendekatan pengukuran yang lebih efektif dan mampu untuk menyelesaikan masalah yang mempunyai ketidaktentuan dan ketidakpastian bagi sesuatu isu yang dikaji (Arasinah Kamis, Amaruni Alwi dan Bushra Limuna Ismail, 2021). Kaedah Fuzy Delphi ini sebenarnya merupakan satu kaedah gabungan antara Delphi klasik (tradisional) dengan set penomboran fuzzy untuk mengatasi sebahagian daripada kekaburan dalam mencari persetujuan panel Delphi (Ishikawa et.al., 1993). Menurut Ramlan Mustapha dan Ghazali Darusalam (2018), Fuzzy Delphi merupakan versi yang lebih canggih dan berkesan kerana menggunakan penyegitigaan statistik untuk menentukan jarak di antara tahap persetujuan dalam kalangan panel pakar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh sebab kajian ini merupakan penyelidikan kualitatif berbentuk deskriptif, maka segala proses penyelidikan yang panjang merupakan kerja yang melibatkan nilai dalam segala aspek tersebut (Marohaini Yusoff, 2001). Tambahnya, matlamat penyelidikan kualitatif adalah untuk lebih memahami sesama insan yang meliputi kepelbagaian budaya dan amalan yang dianggap anugerah yang wajar dimartabatkan. Penyelidikan kualitatif sangat mementingkan aspek etika memandangkan penyelidik dan informan berinteraksi secara dekat atau secara langsung. Proses ini bukan sahaja sesuatu yang dapat mencorakkan sesuatu situasi atau keadaan, tetapi mempengaruhi integriti data yang diperoleh. Dalam mengaplikasikan kaedah Fuzzy Delphi dalam kajian kualitatif ini, penyelidik mengambil kira pandangan pakar untuk mendapatkan kesepakatan atau konsesus pakar dalam proses membangunkan dan membina modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur ini. Oleh yang demikian, konsesus pakar ini pula amat diperlukan dalam menentukan sesuatu perkara yang diukur dalam kajian. Maka, kajian yang berasaskan kaedah kualitatif turut sama diperlukan (Ridhuan Jamil dan Nurulrabihah Mat Noh, 2020). Tambahnya, Kaedah Delphi mengkehendaki para penyelidik menjalankan sesi temu bual terhadap pakar-pakar yang telah dikenal pasti bagi mendapatkan kesepakatan pakar yang dipilih.

Berbanding Kaedah Delphi Klasik, kaedah Fuzzy Delphi ini dipilih dalam kajian ini juga disebabkan FDM ini mempunyai beberapa kelebihan bagi mengatasi beberapa kelemahan yang terdapat dalam Kaedah Delphi Klasik. Antaranya ialah FDM dapat menjimatkan masa dan kadar mendapatkan persetujuan adalah lebih baik dan jaminan untuk mendapatkan kesepakatan pakar adalah lebih tinggi (Sanchez-Lezama, Arroyo dan Hernandez, 2014). Berbanding Kaedah Delphi Klasik yang memerlukan ramai pakar, banyak pusingan dan objektif yang banyak membawa kepada kesukaran untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendapatkan keputusan yang cepat, FDM mampu mengatasi masalah ini dengan tidak memerlukan pakar yang ramai, pusingan yang tidak banyak, dan objektif yang sedikit dalam menghasilkan keputusan dan kesepakatan pakar dalam sesuatu perkara (Ho dan Wang, 2008).

Selain itu, Ridhuan Jamil dan Nurulrabihah Mat Noh, 2020) menyatakan terdapat beberapa kebaikan dan kelebihan FDM berbanding Kaedah Delphi Klasik. Antaranya ialah dapat mengurangkan rasa bosan penyelidik kerana FDM berupaya mengurangkan pusingan Delphi, berupaya mengelakkan kehilangan atau kebocoran data akibat pakar hilang fokus, FDM mampu memberikan kesempurnaan dan pendpat yang konsisten daripada pakar dan FDM tidak menyalahtafsirkan pendapat asal pakar dan mampu memberi gambaran tindak balas sebenar mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyelidik menggunakan pendekatan kualitatif dan mengaplikasikan FDM dalam kajian ini untuk menjawab Soalan 1 kajian iaitu menganalisis maklumat berkaitan PdP kemahiran seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur di sekolah rendah . Hal ini demikan kerana pendekatan kualitatif mempunyai beberapa ciri yang selari dengan kajian ini. Pertama, kesesuaian untuk menerokai bidang yang kurang diselidiki sebelum ini dan dapat memberi kefahaman terperinci tentang fenomena yang dikaji (Creswell, 2002). Kedua, kajian kualitatif mempunyai batasan iaitu, tidak dapat menyediakan perspektif yang kaya dan terperinci. Ketiga, kajian kualitatif membantu penyelidik memahami lebih mendalam tentang proses dan bentuk-bentuk amalan guru-guru dalam mengajarkan mata pelajaran bahasa Melayu berasaskan didik hibur. Penyelidik juga mengaplikasikan kaedah Fuzzy Delphi bagi menjawab Soalan 1 kajian ini. Penyelidik telah menemu bual beberapa orang pakar dalam bidang pendidikan Bahasa Melayu untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendapatkan serta menganalisis maklmuat berkaitan pengajaran berasaskan pendekatan didik hibur di sekolah rendah.

Ini selaras dengan pandangan Denzin dan Lincoln (1994) yang menyatakan bahawa kaedah lain kurang berjaya mencungkil masalah yang rumit dan kompleks secara mendalam. Oleh hal yang demikian, kaedah ini memberi peluang kepada penyelidik untuk meneroka proses dan bentuk-bentuk amalan guru-guru dalam mengajarkan mata pelajaran bahasa Melayu berasaskan didik hibur. Kajian yang dijalankan menepati ciri-ciri kajian kualitatif yang diperincikan oleh Merriam (1998), iaitu pertama, memberi fokus kepada memahami secara mendalam bagaimana seorang guru melaksanakan proses pengajaran berasaskan didik hibur dan dalam masa yang sama memahami bentuk- bentuk amalan yang dipraktikkan oleh guru-guru semasa mengajarkan bahasa Melayu. Kajian ini bukan untuk meramal atau membuat generalisasi, sebaliknya mencari pengertian terhadap bentuk-bentuk amalan guru-guru dalam mengajarkan mata pelajaran bahasa Melayu kemahiran seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur di sekolah rendah.

Pemilihan kaedah kajian secara kualitatif juga disumbangkan oleh minat penyelidik untuk meneroka, membuat penemuan dan interpretasi dan bukannya untuk menguji hipotesis (Miles dan Huberman, 1994). Selain itu, kajian kualitatif deskriptif ini juga akan menjawab soalan kajian yang kedua iaitu proses pembangunan dan pembinaan modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur di sekolah rendah. Dalam menjawab soalan 2 kajian ini, penyelidik juga mengaplikasikan FDM dalam membangunkan dan membina modul seni bahasa ini dengan menemu bual empat orang pakar dalam bidang pendidikan bahasa Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, kajian secara kualitatif deskriptif ini juga menjawab soalan kajian yang ketiga iaitu, apakah kesan pelaksanaan modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur dalam mata pelajaran Bahasa Melayu sekolah rendah? Penyelidik juga mengaplikasikan FDM dalam melaksanakan PdP menggunakan modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur di sekolah rendah ini. Modul seni bahasa ini terlebih dahulu disemak dan dirintiskan oleh beberapa orang pakar dalam bidang pendidikan Bahasa Melayu. Kemudian, modul seni bahasa ini dilaksanakan di dalam kelas serta ditentusahkan kebolehgunaannya setelah beberapa pemurrnian dilakukan selepas pelaksanaan dijalankan.

Reka bentuk kajian kualitatif sesuai dengan kajian yang bersifat penerokaan. Sesuai dengan kajian yang bersifat penerokaan, kajian kes dipilih sebagai kajian hiliran dalam penyelidikan ini. Hal ini demikian kerana kebanyakan masalah yang berkait dengan pendidikan melibatkan manusia dalam konteks tempat dan masa yang memerlukan penyelesaian yang realistik dan berasas (Marohaini Yusoff, 2016). Tegasnya, pendekatan kualitatif yang memfokuskan makna atau maksud dalam konteks yang sebenar dapat memenuhi keperluan tersbut. Begitu juga dengan kaedah kajian kes yang mampu untuk mewujudkan batasan dari segi skop, masa, peserta kajian, dan tempat dapat memungkinkan sesebuah kajian tersebut dijalankan secara mendalam dan menyeluruh. Ini selaras dengan Forrest-Lawrence, P. (2019) yang menyatakan penyelidikan kajian kes telah banyak digunakan dalam banyak disiplin sebagai cara untuk menguji dan mengembangkan teori, menambah pemahaman kemanusiaan serta pengalaman sedia ada, dan mengungkap punca sesuatu isu atau fenomena yang kompleks. Penyelidik cuba memahami sesuatu kes tertentu secara mendalam dan memungkinkan pemahaman yang lebih kaya mengenai susuatu isu yang dan dikaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian kes kualitatif ini biasanya dijalankan disebabkan penyelidik berminat untuk meneroka, membuat intepretasi dan mendapat pemahaman yang mendalam tentang sesuatu kes, dan bukannya untuk menguji sesuatu hipotesis (Othman Lebar, 2015). Tambahnya, dengan menumpukan kepada sesuatu fenomena, matlamat penyelidik adalah untuk meneroka interaksi faktor-faktor yang signifikan tentang ciri-ciri fenomena tersebut. Kajian kes ini juga merupakan kajian intensif yang memfokuskan kepada kajian pelbagai aspek secara mendalam berkaitan seseuatu fenomena, peristiwa, individu, program, aktiviti atau proses yang unik dan khusus. Kajian ini boleh dilakukan secara temu bual, analisis dokumen atau pemerhatian secara langsung (Othman Talib, 2013). Pendekatan kajian kes memungkinkan penerokaan mendalam mengenai pelbagai aspek yang kompleks dalam persekitaran kehidupan mereka yang sebenar (Crowe, S., Cresswell, K., Robertson, A., Huby, G., Avery, A., dan Sheikh, A., 2011).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi Chua Yan Piaw (2014), reka bentuk kajian kes melibatkan pengumpulan maklumat secara sistematik dan mendalam mengenai tingkah laku individu tertentu, keadaan sosial atau peristiwa khusus untuk mengetahui bagaimana tingkah laku individu atau perubahan keadaan sosial berlaku. Kajian kes ini mungkin memfokuskan seseorang individu, sekumpulan individu atau seluruh komuniti dan mungkin menggunakan beberapa kaedah pengumpulan data seperti dokumentasi, data sejarah, temu bual, pemerhatian serta soal selidik. Tegasnya lagi, menerusi kajian ini maklumat yang teliti, kaya dan mendalam dapat dikumpul untuk untuk menyatakan ciri-ciri subjek kajian. Selain itu, kajian kes juga cuba memfokus kepada penghuraian yang holistik dan melakukan penjelasan kepada peristiwa yang berlaku.Kajian kes kualitatif ini menyediakan alat untuk penyelidik mengkaji fenomena kompleks dalam konteksnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Apabila pendekatan itu diterapkan dengan betul, ia menjadi satu penyelidikan yang berharga (Baxter, P.,Susan Jack, S. (2008).

Dalam kajian ini juga, penyelidik menggunakan kepelbagaian metodologi iaitu menggunakan kaedah Development Design Research (DDR) dalam pembinaan dan pembangunan modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur di sekolah rendah serta kaedah Fuzzy Delphi Method (FDM) sebagai alat pengukuran yang afektif dalam pembinaan dan pembangunan modul (Ridhuan Mohd. Jamil. 2017).

3.3 Peserta Kajian

Kajian kualitatif menumpukan kepada pemahaman mendalam tentang sesuatu isu atau fenomena yang dikaji (Liamputtong, 2014). Oleh itu, fokus kajian adalah bergantung kepada informan yang boleh memberikan banyak huraian tentang pengalaman mereka berpandukan kepada sesuatu isu yang dikaji. Kajian kualitatif tidak mementingkan jumlah atau bilangan sampel yang terlibat, tetapi lebih menumpukan kepada "kekayaan" pengalaman yang dikongsikan oleh informan kajian. Menurut Miles dan Huberman (1994), kaedah kualitatif meletakkan penekanan utama pada ketepuan, iaitu mendapatkan pemahaman yang komprenhensif dengan meneruskan sampel sehingga tiada maklumat subtensif baru diperoleh. Bagi Othman Lebar (2015) pula, sampel kajian boleh terdiri daripada manusia, tempat atau latar kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh sebab kajian ini juga mengaplikasi FDM dalam kajiannya, maka penyelidik telah mengenal pasti beberapa orang pakar yang terlibat dalam kajian ini. Pakar merupakan individu yang mempunyai tahap pengalaman atau ilmu yang membezakan pakar daripada orang baharu dalam sesuatu bidang (Donohoe dan Needham, 2009). Pemilihan pakar dan ketepatan memilih pakar amat penting dalam kaedah Fuzzy Delphi dalam menentukan kualiti, ketepatan dan kredibiliti hasil yang diperoleh (Ramlan Mustapha dan Ghazali Darusalam, 2018). Menurut Booker dan Mc Namara, 2004), pakar merupakan individu yang berkelayakan, berilmu dan mempunyai pengetahuan hasil daripada latihan, praktikal dan pengalaman yang mereka lalui. Pakar biasanya dikenal pasti berdasarkan kelayakan, latihan, pengalaman, profesional, dan pengiktirafan yang mereka peroleh (Nikolopoulus, 2004). Bagi Ramlan Mustapha dan Ghazali Darusalam (2018) pula, pakar ialah seseorang yang mempunyai pengetahuan yang komprenhensif dan berwibawa atau berkemahiran dalam bidang tertentu. Selain itu, Kaynak dan Macauley (1984) menegaskan bahaawa setiap pakar yang dipilih dalam kajian mestilah mewakili atau berpengetahuan dengan bidang atau perkara yang dikaji. Sarjana terdahulu, Dalkey dan Helmer (1963) dan Linstone (2002), menyatakan untuk mencapai makna, ketepatan dan kualiti hasil Delphi, permasalahan kajian, sesuatu soalan kaji selidik mesti mempunyai kesinambungan dengan kepentingan dan pengetahuan dengan pakar-pakar yang terlibat.

Pakar-pakar yang dipilih menjadi sampel dalam kajian ini ditentukan melalui beberapa kriteria. Pemilihan pakar dalam FDM adalah penting untuk memberi kuasa kepada kepakaran atau kesahihan yang dimiliki oleh pakar-pakar yang dipilih (Clayton, 1997). Antara kriteria pemilihan pakar dalam FDM adalah seperti; a) kepakaran, b) kelayakan, c) karekter individu, d) kemampuan membanding beza, e) konsisten dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

boleh dipercayai, dan f) masa dan pengalaman. Namun, dalam bidang pendidikan, kriteria pemilihan pakar adalah seperti; a) jangka masa pekerjaan dan latar belakang pengajaran, b) pengiktirafan, c) anugerah dan perakuan daripada institusi tertentu, d) pencapaian pelajar yang dididik serta e) penanda aras prestasi.

Menurut Skulmowski, Hartman dan Krahn (2007), terdapat beberapa kriteria pakar yang perlu diambil perhatian sebelum pemilihan pakar dibuat iaitu; a) pengalaman dan kepakaran terhadap isu yang dikaji, b) kapasiti peribadi dan rela untuk turut serta dalam kajian, c) mempunyai masa yang mencukupi dan bersesuaian dalam kajian Delphi, dan d) mempunyai kemahiran komunikasi. Berdasarkan beberapa contoh kriteria pemilihan pakar dalam kajian Delphi di atas, penyelidik telah memilih pakar-pakar mengikut ketetapan kriteria pakar pendidikan kerana kajian yang penyelidik jalankan ini merupakan kajian dalam bidang pendidikan Bahasa Melayu iaitu membangunkan dan membina modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur di sekolah rendah. Keterangan berkaitan pemilihan kriteria pakar dan kriteria pakar pendidikan adalah seperti dalam Jadual 3.1 di bawah.

Jadual 3.1

Kriteria Pemilihan Pakar dan Pakar Pendidikan Dalam Kajian Fuzzy Delphi

Kriteria Pakar	**Kriteria Pakar Pendidikan**
Kepakaran	Jangka masa pekerjaan dan latar belakang pengajaran.
Kelayakan	Pengiktirafan daripada pakar dan keahlian dalam badan-badan tertentu.
Karekter Individu	Anugerah dan perakuan daripada institusi-institusi tertentu.
Kemampuan membanding beza	Pencapaian pelajar yang dididik.

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.1 *(sambungan)*

Kriteria Pakar	Kriteria Pakar Pendidikan
Konsisten dan boleh dipercayai	Penanda aras prestasi.
Berpengalaman dan berpengetahuan dalam isu yang dikaji	
Kapasiti peribadi dan rela untuk turut serta dalam kajian Delphi	
Mempunyai masa yang mencukupi dan bersesuaian untuk turut serta dalam kajian Delphi	
Mempunyai kemahiran komunikasi yang efektif	

Dalam menentukan bilangan sampel pula, terdapat pelbagai pendapat atau pandangan sarjana berkaitan bilangan sampel yang sesuai dalam FDM ini. Contohnya, Linstone (1978) menyatakan penyelidik terdahulu menggunakan sampel yang sedikit, akan tetapi mengikut kesesuaian jenis kajian yang dijalankan. Linstone (1978) dan Mullen (2003) pula berpendapat jumlah minimum sampel dalam kajian Delphi memadai dengan tujuh orang pakar. Bagi Cavalli-Sforza dan Ortolano (1984), jumlah sampel yang ideal adalah antara 8-12 orang, Philip (2001) menyarankan pakar antara 7-10 orang, manakala Hsu dan Sandford (2007) menyatakan majoriti pakar antara 15-50 orang, Pemilihan sampel pakar ini juga boleh dilihat dari segi kriteria pakar yang dipilih sama ada bersifat seragam (Homogeneous) atau tidak seragam (Heterogeneous). Menurut (Delbecq, Van de Ven dan Gustafson 1975; Adler dan Ziglio 1996; Clayton 1997), jika sampel seragam maka jumlah sampel pakar yang sesuai adalah 10-15 orang adalah mencukupi. Namun jika sampel kajian bersifat tidak seragam , maka jumlah sampel pakar yang sesuai memadai 5-10 orang (Clayton, 1997) iaitu sampel yang terdiri daripada pelbagai bidang dan kepakaran. Dalam kajian ini, penyelidk telah menggunakan 10 orang pakar yang terdiri daripada pelbagai bidang kepakaran. Ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bersesuaian dengan pendapat Clayton (1997), Cavalli- Sforza dan Ortolano (1984), Philip (2001), Hsu & Sandford (2007) yang menyatakan jumlah pakar 5-10 orang sudah memadai jika kajian bersifat tidak seragam. Penentuan jumlah sampel pakar dalam Fuzzy Delphi adalah seperti dalam Jadual 3.2 di bawah.

Jadual 3.2

Penentuan Jumlah Sampel Pakar Fuzzy Delphi

Jumlah Sampel Pakar	**Pengkaji**	**Kriteria Sampel**
7 orang ke atas	Linstone (1978) Mullen (2003)	seragam
7-10 orang	Philip (2000)	
8-12 orang	Cavalli-Sforza & Ortolano (1984).	
10-20 orang sampel	Hsu & Sandford (2007)	
10-15 orang sampel	Delbecq, Van de Ven (1975) Gustafson (1975) Adler & Ziglio (1996) Clayton (1997)	
5-10 orang sampel	Clayton (1997)	tidak seragam

Dalam memilih sampel kajian, penyelidik telah menggabungkan strategi pemilihan sampel iaitu kaedah persampelan bertujuan dan kaedah persampelan mudah. Bagi persampelan bertujuan, penyelidik telah memilih persampelan yang memfokuskan kepada individu-individu khusus yang mempunyai ciri-ciri yang relevan dengan isu atau fenomena yang dikaji, sementara persampelan mudah pula didasari sampel yang senang diperoleh untuk menyertai kajian tanpa sebarang paksaan (Fauziah Ibrahim, Khadijah Alavi dan Nazirah Hassan, 2020).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini juga, tempat kajian yang dijalankan adalah di sebuah sekolah rendah di Gua Musang, Kelantan iaitu Sekolah Kebangsaan Sri Wangi. Pemilihan lokasi ini dibuat adalah disebabkan sekolah ini merupakan antara sekolah yang menjadi pilihan masyarakat setempat disebabkan kecemerlangannya dalam Ujian Penilaian sekolah Rendah (UPSR) setiap tahun. Penyelidik juga telah mendapat kebenaran daripada Guru besar untuk menjalankan kajian ini di SK Sri Wangi.

Dalam kajian ini, peserta kajian terdiri daripada tiga kelompok utama yang terdiri daripada a) murid b) guru Bahasa Melayu dan c) pemberi maklumat atau informan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.1 Murid

Dari aspek murid, penyelidik perlu menentukan pemilihan murid dan kelas yang dikaji bagi tujuan mendapatkan maklumat dan pemerhatian berfokus kajian ini. Hal ini demikian kerana keseluruhan proses PdP berlaku dalam kelas. Beberapa orang murid ini dilibatkan semasa menjawab Soalan 1 iaitu menganalisis maklumat berkaitan amalan PdP kemahiran seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur di sekolah rendah dan menjawab Soalan 3 kajian ini iaitu menilai pelaksanaan modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur dalam mata pelajaran bahasa Melayu sekolah rendah. Namun, dalam aspek pemerhatian semasa pelaksanaan modul seni bahasa, murid-murid ini dilibatkan sepenuhnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bilangan murid Tahun 3C yang terlibat dalam kajian ini seramai 35 orang murid pada tahun 2019. Namun, hanya lima orang murid yang digunakan sebagai pemberi maklumat tentang kajian pembinan modul seni bahasa ini. Murid-murid tersebut yang terlibat sebagai peserta kajian terdiri daripada tiga murid lelaki dan dua murid perempuan. Murid-murid ini dipilih kerana tahap penguasaan 3M (membaca, menulis dan mengira) mereka berada pada tahap sederhana. Murid- murid ini juga dipilih sebagai peserta kajian kerana mereka terdiri daripada latar belakang keluarga yang berbeza. Rata-rata taraf sosioekonomi mereka juga berada pada tahap sederhana. Ramai dalam kalangan murid yang ibu bapa mereka bekerja sebagai buruh di kilang papan, pekebun, bekerja sendiri dan sebahagian kecil ibu bapanya terdiri daripada golongan profesional seperti guru, jururawat, polis dan tentera. Tahap pencapaian akademik mereka juga berada pada tahap sederhana dengan purata markah 40-60% dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Murid-murid ini tinggal di sekitar sekolah dalam lingkungan 3km dari sekolah.

Kebanyakan murid yang berada di dalam kelas 3C ini pernah mengikuti pendidikan awal persekolahan seperti prasekolah, Pasti, Kemas, dan tadika swasta. Namun, ada juga murid-murid yang tidak bersekolah langsung pada peringkat awal sebelum berumur 7 tahun. Murid-murid ini juga tidak mengikuti kelas tuisyen sama ada secara berkumpulan di pusat tuisyen atau tuisyen persendirian di rumah.

Selain itu, penyelidik juga perlu mendapatkan persetujuan dan kesanggupan lima orang murid untuk terlibat dalam kajian ini. Hal ini penting memandangkan tempoh yang terlibat dan juga maklumat yang dimiliki oleh mereka. Bagi tujuan pengumpulan data, peserta bersetuju dan sanggup untuk diperhatikan, ditemu bual dan dicatatkan temu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bual itu. Selain itu, peserta kajian juga perlu memberi kebenaran kepada penyelidik untuk menyimpan dan meneliti serta menggunakan bahan-bahan yang berkaitan dengan persoalan kajian seperti draf, nota, dan sebagainya.

Cadangan dan sokongan guru mata pelajaran Bahasa Melayu dan juga guru kelas yang berkenaan juga dijadikan sebagai kriteria dalam menetukan pemiihan peserta kajian. Cadangan dan sokongan guru ini didasari oleh interaksi guru dengan murid. Guru mata pelajaran membuat cadangan dan sokongan terhadap pemilihan murid berdasarkan personaliti, tahap penguasaan 3M dan latar belakang mereka.

Selain menentukan dan memilih tempat kajian dan peserta kajian, tempoh bagi melaksanakan kajian ini juga ditentukan. Ini bertujuan untuk membolehkan pengutipan dan pengumpulan data dapat dijalankan dan mampu memberi satu gambaran yang holistik tentang apa yang berlaku di dalam sesebuah kelas sederhana semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

3.3.2 Guru Bahasa Melayu

Guru Bahasa Melayu ialah guru yang mengajarkan mata pelajaran Bahasa Melayu di dalam kelas yang dikaji. Seramai dua orang guru Bahasa Melayu dipilih dalam kajian pembangunan dan pembinaan modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur di sekolah rendah ini. Guru pertama yang terlibat sebagai peserta dan informan dalam kajian ini ialah Cikgu Y (bukan nama sebenar). Cikgu Y mempunyai pengkhususan Bahasa Melayu dan berpengalaman mengajarkan Bahasa Melayu di sekolah rendah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

selama 18 tahun. Cikgu Y ini berumur 42 tahun dan telah mengajar Tahap 1 selama 18 tahun di dua buah sekolah terdahulu. Cikgu Y merupakan guru lulusan Sijil Perguruan Malaysia dalam pengkhususan Pengajian Melayu dari Maktab Perguruan Sri Kota, Kuala Lumpur. Cikgu Y merupakan seorang guru Bahasa Melayu yang tekun dan gigih.

Cikgu Y mula berkhidmat di SK Sri Wangi pada Januari 2016. Cikgu Y dipilih dalam kajian ini kerana beliau mempunyai pengalaman mengajar selama 18 tahun dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Kepakarannya dalam mengajarkan mata pelajaran Bahasa Melayu serta pengalamannya yang luas dalam mengajar murid-murid Tahap Satu membolehkan beliau dipilih untuk menjawat jawatan Penyelaras LINUS, khususnya Bahasa Melayu sejak tahun 2010. Beliau juga sering menghadiri kursus-kursus dan bengkel yang berkaitan pedagogi Bahasa Melayu anjuran Pejabat Pendidikan Daerah Gua Musang. Hasil perkhidmatan cemerlangnya, beliau telah memperoleh Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) sebanyak dua kali sepanjang perkhidmatannya sebagai seorang guru.

Seorang lagi guru Bahasa Melayu yang terlibat sebagai peserta dalam kajian ini ialah Cikgu Z, (bukan nama sebenar) berusia 43 tahun. Beliau merupakan seorang guru yang telah berkhidmat selama 18 tahun dalam bidang pendidikan, khususnya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Cikgu Z merupakan lulusan Diploma Perguruan Malaysia (DPM) dan beliau telah melanjutkan pelajarannya hingga ke peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Bahasa Melayu. Beliau mula bertugas di SK Sri Wangi, Gua Musang pada bulan Januari 2016.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cikgu Z telah dipilih dalam kajian ini kerana beliau mempunyai beberapa ciri istimewa yang berkaitan dalam pengajaran bahasa Melayu. Cikgu Z ini merupakan guru yang mempunyai kepakaran dalam mengajar murid-murid Tahap Satu dan Tahap Dua selama 18 tahun. Beliau mempunyai perwatakan yang menarik dan disenangi oleh murid-murid. Selain itu, beliau juga bersetuju untuk melibatkan diri dalam kajian ini untuk menimba dan menambahkan pengalaman baharu dalan PdP. Cikgu Z juga pernah menjawat jawatan sebagai Ketua Panitia Bahasa Melayu selama tiga tahun dan pernah memperoleh Anugerah Perkhidmatn Cemerlang (APC) pada tahun 2006 dan 2013.

Pemilihan kedua-dua orang guru Bahasa Melayu ini sebagai sampel pakar dalam kajian ini bertepatan dengan kriteria pemilihan sampel pakar seperti yang dinyatakan oleh Chin, Saedah, Zahra, Nabeel, Dorothy & Ghazali (2013). Menurutnya, kumpulan pakar adalah mereka yang mempunyai pengalaman dan berkhidmat dalam sesuatu bidang tertentu di antara 10-15 tahun sama ada guru, pensyarah, guru pakar dan lain-lain dalam bidang-bidang tertentu. Ini dikukuhkan lagi dengan pendapat sarjana terdahulu, Turner (1995), yang menegaskan individu boleh diklasifikasikan sebagai pakar jika mempunyai pengalaman di antara 4-5 tahun dalam bidang tertentu. Sementara itu, Berliner (2004, 1994) pula menyatakan untuk melihat kepakaran guru atau individu dalam bidang lain adalah dengan melihat julat pengalaman mereka di antara 5-7 tahun berada dalam bidang mereka tanpa berubah bidang. Berdasarkan kriteria-kriteria pemilihan sampel pakar tersebut, maka pemilihan Cikgu Y dan Cikgu Z sebagai pakar dan peserta kajian dalam kajian ini adalah tepat dan memenuhi kriteria-kriteria sebagai sampel pakar.

Kedua-dua orang guru Bahasa Melayu yang terlibat dalam kajian ini menjawab Soalan Kajian 1 hingga Soalan Kajian 3 dalam kajian ini. Soalan kajian 1 dalam kajian ini ialah “Apakah dapatan daripada amalan PdP kemahiran seni bahasa berasaskan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pendekatan didik hibur sekolah rendah?", Soalan kajian 2, "Bagaimanakah modul seni bahasa dalam PdP berasaskan pendekatan didik hibur ini dibina?" dan Soalan kajian 3, "Apakah kesan pelaksanaan modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur terhadap PdP murid di dalam sebuah kelas Bahasa Melayu".

3.3.3 Pemberi Maklumat / Informan

Pemberi maklumat atau informan dalam kajian ini adalah bagi menjawab Soalan Kajian 1 iaitu menganalisis maklumat berkaitan amalan PdP kemahiran seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur di sekolah rendah. Informan ini yang juga terlibat sebagai sampel pakar terdiri daripada Guru Besar, pensyarah universiti serta Pegawai Pendidikan Daerah (PPD).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.3.1 Guru Besar SK Sri Wangi

Penyelidik telah menemu bual Guru Besar SK Sri Wangi, Gua Musang, Kelantan, untuk memperoleh maklumat berkaitan amalan PdP kemahiran seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur dan pelaksanaannya di sekolah ini. Jenis temu bual yang digunakan ialah temu bual tidak berstruktur. Guru Besar tersebut ialah Cikgu J (bukan nama sebenar). Beliau berasal dari Batu Pahat, Johor dan mula berkhidmat di SK Sri Wangi pada tahun 2016. Beliau telah berkhidmat dalam bidang pendidikan selama 30 tahun, iaitu bermula tahun 1987. Beliau memperoleh latihan perguruan dari Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI dan kini dikenali sebagai UPSI) pada tahun 1984-1986

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam bidang Bahasa Melayu. Cikgu J juga dipilih sebagai sampel pakar dalam kajian ini kerana beliau merupakan guru yang berpengalaman luas dalam pendidikan Bahasa Melayu selama 30 tahun tanpa mengubah bidang pengkhususan. Sebelum menjawat jawatan sebagai Guru Besar, beliau pernah menjawat jawatan sebagai Ketua Panitia Bahasa Melayu selama beberapa tahun di beberapa buah sekolah.

3.3.3.2 Pegawai PPD School Improvement Specialist Scop (SISC+)

Penyelidik telah menemu bual seorang pegawai Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) yang menjawat jawatan sebagai School Improvement Specialist Scop **(**SISC+) Bahasa Melayu (Unit Sekolah Rendah) yang bertugas di Pejabat Pendidikan Daerah (Gua Musang) untuk mendapatkan maklumat tentang kemahiran seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur ini. Pegawai SISC+ tersebut ialah En. A (bukan nama sebenar). Beliau berasal dari Kota Bharu, Kelantan dan berumur 48 tahun.

Encik A telah menjawat jawatan SISC+ sejak tahun 2015. Sebelum ini, beliau bertugas sebagai seorang guru Bahasa Melayu di SK Sultan Alam Shah, Petaling Jaya selama 21 tahun. Pengalaman mengajarnya selama 21 tahun telah meletakkan dirinya sebagai seorang guru yang pakar dalam mengajarkan Bahasa Melayu. Beliau juga pernah menjawat jawatan sebagai Ketua Panitia Bahasa Melayu selama 15 tahun dan telah dianugerahkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) sebanyak dua kali iaitu pada tahun 1999 dan 2009.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Encik A memulakan tugas sebagai seorang guru sekolah rendah pada tahun 1994. Setelah empat tahun berkhidmat, beliau kemudiannya telah menyambung pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Bahasa dan Linguistik Melayu di Universiti Putra Malaysia (UPM) pada tahun 1998- 2001. Selepas itu, beliau terus melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-Kanak pada tahun 2010-2012 di Universiti Malaya (UM).

Encik A telah dipilih sebagai sampel pakar dalam kajian ini kerana pengalamannya dalam bidang pendidikan Bahasa Melayu selama 21 tahun. Pengalaman luasnya dalam pengajaran Bahasa Melayu di sekolah telah memenuhi kriteria pemilihan sebagai pakar seperti yang dinyatakan oleh Akbari & Yazdanmehr (2014), yang menegaskan pakar dalam bidang pendidikan merujuk kepada individu yang mempunyai pengalaman melebihi 5 tahun dan berdasarkan pengalaman mereka secara spesifik. Chin et al.(2013) pula menjelaskan kumpulh pakar adalah mereka yang mempunyai pengalaman dan berkhidmat dalam sesuatu bidang tertentu antara 10-15 tahun sama ada guru, pensyarah, guru pakar dan lain-lain bidang. Selain itu, pemilihan Encik A sebagai sampel pakar kerana pengiktirafan yang diperolehnya menjadikannya seorang yang pakar, iaitu dilantik sebagai Pegawai School Improvement Specialist Scop (SISC+) Bahasa Melayu (Unit Sekolah Rendah) oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2016. Ini bertepatan dengan pernyataan yang dinyatakan oleh Palmer, Stough, Burdenski & Gonzalez (2005), iaitu pengiktirafan daripada institusi tertentu berdasarkan kriteria amalan, pengalaman mengajar dan latihan praktikal yang diperhatikan dan disahkan melalui piawaian penilaian santifik yang ketat dan diperakui.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.3.3 Pensyarah Universiti

Penyelidik juga telah menemu bual pensyarah dari sebuah universiti awam di Malaysia untuk memperoleh dan menganalisis maklumat berkaitan kemahiran seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah. Pensyarah tersebut ialah Encik S (bukan nama sebenar). Beliau dilahirkan di Tangkak, Johor pada tahun 1966. Beliau telah menjadi pensyarah selama 9 tahun di Universiti A (bukan nama sebenar) dalam bidang Bahasa dan Kesususteraan Melayu. Sebelum menjadi pensyarah, beliau merupakan guru di Sekolah Kebangsaan Bandar Easter, Kota Tinggi, Johor selama 2 tahun, kemudian berkhidmat di Sekolah Menengah Alam Shah, Putrajaya selama 11 tahun. Semasa bergelar guru, beliau mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu. Beliau menyambung pengajian di peringkat Sarjana Muda pada tahun 1993 dan peringkat Sarjana (1996), kedua-duanya dalam bidang Kesusasteraan Melayu di Universiti Malaya (UM), dan peringkat Doktor Falsafah (PhD) pada tahun 2010 di UM kerjasama Leiden University Belanda dalam bidang Kesusasteraan Melayu (Bandingan). Beliau telah memperoleh Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) sebanyak empat kali iaitu dua kali semasa bergelar guru pada tahun 1994 dan 2004 dan dua kali semasa bertugas sebagai pensyarah (2009 dan 2015). Encik S dipilih sebagai sampel pakar kerana pengalamannya sebagai guru Bahasa Melayu melebihi 10 tahun seperti yang dinyatakan oleh Akbari & Yazdanmehr (2014), yang menegaskan pakar dalam bidang pendidikan merujuk kepada individu yang mempunyai pengalaman melebihi lima tahun dan berdasarkan pengalaman mereka secara spesifik. Selain itu, pemilihannya sebagai sampel pakar juga disebabkan Encik S mendapat pengiktirafan daripada institusi pendidikan tinggi atas kejayaan beliau menamatkan pengajian hingga di peringkat Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesusasteraan Melayu dan dianugerahkan gelaran Doktor Falsafah.

3.4 Batasan Kajian

Kebanyakan kajian kualitatif menjalankan kerja lapangan bagi tujuan pengumpulan data. Biasanya, seseorang penyelidik perlu berdamping dengan kajian dan berada di tempat yang dipilih seperti di rumah, kantin, di pejabat, di padang atau di sekolah. Memandangkan sesebuah tempat itu tidak berubah, menentukan pilihan tempat kajian adalah mustahak bagi kejayaan sesebuah kajian (Jorgensen, 1989).

Penentuan pilihan tempat kajian juga perlu mengambil kira sifat dan keperluan kajian bagi memastikan tempat yang dipilih tidak membataskan apa yang ingin dikaji. Dalam hal ini, Jorgensen (1989) mengesyorkan penggunaan akal atau fikiran untuk membuat keputusan.

Untuk memenuhi keperluan pengumpulan data bagi kajian ini, sebuah sekolah telah dipilih sebagai tempat kajian. Sekolah yang dipilih itu ialah Sekolah Kebangsaan Sri Wangi, yang terletak dalam daerah Gua Musang, Kelantan. Penyelidik telah memilih sekolah ini sebagai tempat kajian adalah kerana sekolah ini terletak di luar bandar dan mempunyai bilangan murid yang agak ramai iaitu 950 orang murid pada tahun 2019. Murid-murid di sekolah ini juga mempunyai latar belakang keluarga yang berbeza iaitu terdiri daripada keluarga biasa, keluarga yang berada di bawah paras miskin, sederhana dan keluarga yang terdiri dalam golongan profesional. Jurang penguasaan murid antara satu sama lain juga agak ketara kerana latar belakang keluarga yang berbeza

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mempengaruhi tahap penguasaan murid. Oleh sebab kajian ini berkaitan dengan pembinaan, pelaksanaan dan kebolehgunaan modul seni bahasa dalam PdP berasaskan didik hibur dalam mata pelajaran Bahasa Melayu sekolah rendah, maka pengajaran dan penelitian murid di sebuah sekolah adalah mencukupi. Lagipun, pemilihan sebuah sekolah membolehkan penyelidik mempunyai banyak masa di satu tempat. Penyelidik hanya perlu memusatkan penyelidikannya di satu tempat sahaja. Dengan yang demikian, penyelidik dapat mewujudkan pelaksanaan kajian yang teratur dan terperini. Kelas kajian juga dibataskan kepada satu kelas sahaja iaitu Kelas 3C. Kelas ini dipilih menjadi kelas penyelidikan kerana guru kelasnya membenarkan penyelidik membuat pemerhatian terhadap kelasnya. Kelas-kelas yang tidak memberi kerjasama dielakkan dalam kajian ini. Sebagai contoh, ada beberapa orang guru kelas Tahun 1 dan Tahun 2 yang penyelidik ingin jadikan sebagai kelas kajian, menyatakan rasa kurang selesa dengan kehadiran penyelidik untuk membuat kajian. Namun, guru kelas 3C telah menyatakan persetujuan supaya kajian ini dijalankan ke atas kelasnya demi mencari penyelesaian dalam masalah murid semasa proses pembelajaran berlaku. Malah, guru kelas 3C ini cukup memahami dan menyatakan sanggup memberikan kerjasama sepenuhnya , dalam apa jua aspek sehingga kajian ini selesai. Ini bertepatan dengan kenyataan Liamputtong (2014) yang menyatakan peserta kajian yang dipilih mestilah sanggup untuk menyertai kajian tanpa terikat dengan ciri-ciri khusus yang ditetapkan.

Selain itu, kajian ini juga dibataskan kepada pembinaan modul kemahiran seni bahasa sahaja. Dalam DSKP Bahasa Melayu, terdapat lima kemahiran bahasa yang diketengahkan dalam PdP iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca, kemahiran menulis, kemahiran seni bahasa dan kemahiran tatabahasa. Oleh sebab kajia ini memfokuskan pembinaan modul seni bahasa, maka kemahiran-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kemahiran bahasa yang lain dibincangkan dalam kajian ini. Dari aspek peserta kajian pula, dua orang guru Bahasa Melayu telah terlibat sepenuhnya dalam kajian ini, manakala lima orang murid daripada jumlah keseluruhan murid Tahun 3C (35 orang) telah terlibat dalam sepenuhnya dalam pengumpulan data kajian ini seperti temu bual, pemerhatian dan juga analisis dokumen. Bilangan dua orang guru Bahasa Melayu dan lima orang murid tahun tiga sebagai peserta kajian adalah memadai untuk membolehkan penyelidik meneroka dan meneliti perseoalan kajian bagi mendapatkan gambaran yang sebenar tentang PdP kemahiran seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur di sekolah rendah (Marohaini Yusoff, 2016). Tegasnya, bagi pelaksanaan kajian kes seumpama ini, bilangan peserta kajian yang kecil mencukupi memandangkan tujuan utama kajian ini adalah untuk membuat penyelidikan secara holistik tentang PdP kemahiran seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur di sekolah rendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5 Tempoh Kajian

Tempoh pelaksanaan kerja kajian lapangan bagi kajian ini adalah selama dua semester sesi persekolahan iaitu setahun. Tempoh tersebut adalah dari bulan Januari hingga Oktober dalam tahun yang sama. Walaupun tempoh kajian dapat dipendekkan atau dipanjangkan berdasarkan apa yang berlaku dalam sesebuah kajian (Othman Lebar, 2015), dalam konteks kajian ini tempohnya ditetapkan pada permulaan kajian lagi. Hal ini kerana tempoh yang ditetapkan tersebut memadai untuk membolehkan penyelidik meneroka dan meneliti persoalan kajian bagi mendapatkan gambaran holistik tentang penggunaan modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur di sekolah rendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Memandangkan tumpuan kajian adalah terhadap murid-murid Tahun Tiga (Tahap Satu), tempoh setahun masa persekolahan adalah sesuai. Sebagaimana yang telah dinyatakan bahawa tumpuan kajian ini ialah murid Tahun Tiga iaitu murid Tahap Satu. Oleh yang demikian, pelaksanaan pengumpulan data kajian perlu dilakukan dalam masa murid-murid berada dalam Tahun 3 (Tahap Satu) . Sekiranya tempoh tersebut dipanjangkan, murid akan beralih ke Tahun Empat (Tahap Dua) dan ini telah bertentangan dengan tujuan asal kajian iaitu murid- murid Tahap Satu. (Marohaini Yusoff, 2016)

Selain itu, pengumpulan data kualitatif banyak melibatkan interaksi secara bersemuka dengan peserta kajian dalam pesekitaran mereka (Jorgensan, 1989). Oleh yang demikian , tempoh yang agak lama diperlukan bagi memupuk jalinan hubungan antara penyelidik dengan peserta kajian. Di samping itu, penyelidik perlu mempelajari selok-belok budaya sesuatu tempat dan peserta kajian bagi memudahkan pelaksanaan pengumpulan data.

Semakin lama penyelidik berada di sekolah, khususnya kelas yang terpilih, semakin banyak perasaan terancam dalam kalangan guru dapat dikikiskan (Jorgensen, 1989). Dengan cara ini, kepercayaan mereka terhadap penyelidik lebih mudah diperoleh. Dalam tempoh masa itu, penyelidik berjaya mengenali dan memupuk jalinan perhubungan dengan kebayakan guru dan murid di sekolah tersebut. Tambahan pula, aspek masa merupakan satu keperluan yang penting memandangkan dalam sesebuah kajian kualitatif, konteks sebenar perlu dikekalkan sebaik yang boleh. Oleh itu, segala hal yang timbul perlu ditangani tanpa memberi kesan kepada persekitaran sebenar tempat kajian (Marohaini Yusoff, 2016).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6 Instrumen Kajian

Instrumen kajian adalah alat yang digunakan untuk mengukur pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dikaji (Mohd. Nor Hamzah, 2005). Dalam penyelidikan sains sosial, instrumen kajian biasanya menggunakan soal selidik, temu bual dan juga permerhatian yang dijadikan sebagai senarai semak untuk mendapatkan maklumat dan merekod pemerhatian terhadap peserta kajian (Chua Yan Piaw, 2014). Malah, dalam penyelidikan sains sosial seperti ini juga, pengukuran biasanya dibuat menggunakan salah satu daripada instrumen atau teknik pengumpulan data seperti ujian kebolehan, soal selidik, temu bual, pemerhatian dan catatan lapangan serta rakaman audio dan visual. Namun, dalam kajian ini, instrumen kajian yang digunakan ialah pemerhatian dan temu bual. Teknik temu bual digunakan adalah untuk mengetahui pendapat, persepsi dan sikap peserta kajian secara lebih mendalam manakala pemerhatian dan catatan lapangan pula dijalankan adalah untuk mengetahui tingkah laku peserta kajian secara langsung di tempat kajian (Othman Talib, 2013).

Micheal (2001), menekankan kepentingan pelaksanaan kajian rintis sebelum mengutip data sebenar dengan menyenaraikan tujuh kelebihan, iaitu membenarkan ujian awal, mencetuskan idea baharu untuk penyelidik, menyediakan penyemakan yang menyeluruh terhadap prosedur statistik, mengurangkan kesalahan dari segi pengendalian, memberi maklum balas kepada penyelidik tentang kos dan tempoh masa yang diperlukan serta memberi maklum balas tentang kesesuaian instrumen. Instrumen dalam kajian ini akan dikelaskan kepada dua aspek iaitu a) soalan-soalan temu bual dan b) pemerhatian (nota lapangan).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.1 Temu Bual

Temu bual merupakan salah satu sumber penting untuk mendapatkan maklumat dalam kajian kualitatif. Menurut Othman Lebar (2015), penyelidikan kualitatif banyak bergantung kepada temu bual secara terbuka dalam mengumpul maklumat. Temu bual merupakan strategi keseluruhan pengumpulan data kajian ataupun boleh merupakan salah satu daripada teknik yang digunakan dalam kajian (Othman lebar, 2015). Temu bual juga merupakan perbualan dua hala antara penemu bual dengan responden yang bertujuan untuk mengumpul maklumat kajian (Chua Yan Piaw, 2014). Kaedah temu bual ini biasanya dilaksanakan mengikut kgemaran dan kebiasaan penyelidik dan boleh dikategorikan kepada tiga jenis, iaitu temu bual berstruktur, temu bual semi berstruktur dan temu bual tidak berstruktur (Chua Yan Piaw, 2014). Dalam kajian ini, penyelidik telah memilih untuk menggabungkan ketiga-tiga jenis temu bual bagi mendapatkan data yang banyak dan kaya selepas menemu bual responden.

Pengendalian temu bual boleh dijalankan melalui beberapa cara. Dalam kajian ini, penyelidik memilih untuk mengendalikan temu bual ini dalam dua fasa iaitu fasa satu dan fasa dua. Dalam fasa satu, penyelidik bertanyakan soalan secara umum yang berkaitan dengan pendidikan negara, prestasi pelajaran sekolah serta hal tuju sekolah. Dalam fasa kedua pula, soalan penyelidik lebih bertumpu kepada aspek didik hibur dan pelaksanaan di dalam bilik darjah serta kesannya kepada murid. Jadual 3.3 dan 3.4 di bawah menunjukkan panduan soalan dalam fasa satu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.3

Contoh Soalan Temu Bual Fasa Satu Bersama Guru Besar.

FASA SATU	PANDUAN SOALAN	CATATAN
GURU BESAR	1. Siapakah nama penuh cikgu? 2. Cikgu berasal dari mana? 3. Berapakah umur cikgu sekarang? 4. Di manakah cikgu mendapat latihan perguruan? 5. Tahun latihan dan peringkat pengajian?	

Jadual 3.4

Contoh Soalan Temu Bual Fasa Satu Bersama Guru Bahasa Melayu.

FASA SATU	PANDUAN SOALAN	JAWAPAN
GURU BAHASA MELAYU	1. Siapakah nama penuh cikgu? 2. Tempat dilahirkan dan umur? 3. Berapa lamakah telah berkhidmat sebagai guru? 4. Bidang pengkhususan di maktab atau universiti? 5. Berapa lamakah telah berkhidmat di sekolah ini?	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam fasa kedua pula, soalan penyelidik lebih bertumpu kepada aspek kemahiaran seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur dan pelaksanaan di dalam bilik darjah serta kesannya kepada murid. Contoh panduan soalan fasa dua adalah seperti dalam Jadual 3.5 dan 3.6 di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.5

Panduan Soalan Temu Bual Fasa Dua Bersama Guru Besar.

FASA DUA	PANDUAN SOALAN	CATATAN
GURU BESAR	1. Sudah berapa lama cikgu berkhidmat sebagai guru? 2. Sebagai Guru Besar pula, sudah berapa lama cikgu berkhidmat di SK Sri Wangi? 3. Pada pendapat cikgu, adakah pembelajaran didik hibur ini baik untuk murid-murid? 4. Mengapa cikgu berkata demikian? 5. Maksud cikgu? 6. . Dalam erti kata lain, elemen didik hibur ini mampu menarik minat murid? 7. Adakah guru-guru BM di SK Sri Wangi menerapkan unsur-unsur didik hibur dalam P&P ? 8. Selain nyanyian, adakah guru-guru BM memasukkan elemen-elemen didik hibur lain seperti bercerita, lakonan atau puisi? 9. Bagaimana penerimaan murid terhadap lakonan, bercerita dan puisi? 10. Sebagai Guru Besar, adakah cikgu menyokong pembelajaran didik hibur ini? 11. Bagaimanakah bentuk sokongan itu? 12. Maksudnya, bahan-bahan didik hibur disediakan oleh pihak sekolah? 13. Pada pandangan cikgu, mampukah pembelajaran didik hibur ini meningkatkan penguasaan murid?	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.6

Panduan soalan temu bual fasa dua bersama guru Bahasa Melayu..

FASA DUA	PANDUAN SOALAN	CATATAN
GURU BM	1. Adakah murid-murid seronok semasa pembelajaran tadi? 2. Adakah cikgu memasukkan unsur didik hibur dalam pengajaran dan pembelajaran? 3. Mengapa cikgu memasukkan didik hibur dalam pengajaran cikgu? 4. Bagaimana dengan penglibatan murid? 5. Apa peranan cikgu semasa P&P didik hibur berlangsung?. Bagaimana pula dengan kawalan kelas? 7. Bagaimana pula dengan tempoh masa pelaksanaan P&P didik hibur? Adakah cukup tempoh masa 30 minit atau perlu masa selama 60 minit? 8. Apakah aktiviti didik hibur yang paling menyeronokkan murid? 9. Bagaimana pula dengan aktiviti didik hibur yang lain? Adakah mereka kurang minat? 10. Pada pendapat cikgu, apakah faedah yang diperoleh oleh murid semasa mengikuti pembelajaran secara didik hibur ini? 11. Dari manakah cikgu mendapatkan bahan didik hibur ini? 12. Adakah terdapat halangan dalam menyediakan bahan untuk P&P berasaskan didik hibur ini?	

Panduan soalan temu bual bagi Fasa 1 dan Fasa 2 telah dibuat rintis oleh dua orang guru pakar bahasa Melayu di sekolah iaitu Ketua Panitia Bahasa Melayu (KPBM) dan Penolong Kanan Pentadbiran (PKP). Hasil daripada pengesahan soalan ini, terdapat beberapa penambahan dan pengguguran soalan yang telah dimurnikan oleh penyelidik. Contoh jadual temu bual Fasa 2 adalah seperti dalam Jadual 3.7 di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.7

Contoh Jadual Temu Bual

Soalan	Contoh Soalan Temu Bual	Peserta	Lokasi
Soalan 1	"Adakah cikgu menyediakan Rancangan Pengajaran Harian menggunakanpendekatandidikhibur sebelummemulakan pengajaran?"	Cikgu Y	Bilik guru
Soalan 2	"Bagaimanakah cara untuk memilih tajuk-tajuk untuk dimasukkan dalam modul didikhibur?"	Cikgu Z	Pusat Sumber
Soalan 3	"Seronok tak belajar Bahasa Melayu tadi?"	Murid F	Pondok bacaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.2 Pemerhatian

Pemerhatian merupakan perlakuan merekod fenomena yang biasanya menggunakan instrumen, dan merekodkannya untuk tujuan saintifik dan sebagainya (Othman Lebar, 2015). Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan nota lapangan untuk merekod pemerhatian semasa melakukan kajian pembinaan modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur ini.

Pemerhatian kualitatif pada asasnya bersifat naturalistik, iaitu memerhati sesuatu perkara atau fenomena yang berlaku dalam konteks sebenar. Penyelidik telah melihat kepada trend, pola dan gaya perlakuan dalam skop yang lebih besar. Pada peringkat awal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pemerhatian, penyelidik memasuki lapangan kajian dengan minat serta idea yang umum tanpa kategori, senarai semak dan pemerhatian khusus. Tujuannya untuk membolehkan penyelidik melihat tingkah laku dan perhubungan yang timbul daripada pemerhatian yang dibuat.

Pemerhatian yang berfokus digunakan di peringkat akhir kajian untuk memeriksa tema-tema analitik, bagi menjelaskan sama ada ia menjelaskan perlakuan dan hubungannya melalui tempoh yang lama dalam pelbagai latar. Di samping itu, penyelidik juga terlibat sebagai pemerhati penuh iaitu penyelidik melibatkan diri secara aktif dalam bidang yang dikaji. Menurut Chua Yan Piaw (2014), pemerhati sebagai peserta penuh berfungsi untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti yang dikaji, serta status dan identiti pengkaji sebgai pemerhati tidak diketahui oleh peserta-peserta lain dalam kajian. Menurutnya lagi, kebaikan bagi kaedah ini ialah kajian berlaku secara semula jadi.

Dalam nota lapangan ini, penyelidik telah menggunakan nota lapangan berbentuk protokol yang mengandungi lajur untuk nota deskriptif di sebelah kiri dan nota reflektif di lajur sebelah kanan. Menurut Bogdan & Biklen (1992), nota deskriptif mengandungi deskripsi tentang informan, dialog, latar fizikal, hari, tarikh, masa, tempat dan pernyataan tentang pelbagai peristiwa atau aktiviti. Nota reflektif pula memberi peluang kepada penyelidik untuk merekod pendapat peribadi seperti spekulasi, perasaan, masalah, idea dan sebagainya. Contoh nota pemerhatian adalah seperti dalam Jadual 3.8 di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.8

Contoh Nota Pemerhatian

AHAD,28 JANUARI 2018 11.15 PAGI	
PEMERHATIAN	**KOMEN PEMERHATI**
Murid-murid Tahun 3C berjalan-jalan d dalam kelas semasa pertukaran guru semasa. Dua orang murid lelaki agal bising dan bergurau-gurau antara satu sama lain. Murid perempuan, ada yang berjalan dan ada yang membaca Kedengaran Ketua Kelas mengarahkan murid-murid supaya dduduk diam d tempat masing-masing. Ternampak guru semasa datang dan masuk ke kelas Murid-murid terus diam dan berdir tegak. Ketua kelas mengucapkan salan dan diikuti murid-murid lain.	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, penyelidik juga telah membuat jadual pemerhatian untuk menjawab ketiga-tiga soalan kajian iaitu mendapatkan maklumat berkaitan PdP kemahiran seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur, pembinaan modul seni bahasa serta menilai pelaksanaan modul seni bahasa menggunakan pendekatan didik hibur di sekolah rendah. Jadual pemerhatian adalah seperti dalam Jadual 3.9 di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.9

Nota Pemerhatian Terhadap Murid Dan Guru

Soalan Kajian	Pemerhatian	Peserta	Tarikh	Lokasi
Soalan 1	Pemerhatian dari luar kelas semasa PdPc BM berlangsung. Guru BM mengajar seperti biasa, menggunakan buku teks. Masih ada murid yang bercakap-cakap sesama sendiri semasa guru mengajar. Guru menerangkan sesuatu di hadapan dan sesekali meninggikan suara untuk menegur murid supaya memberi perhatian. Murid kurang fokus kerana berbual dengan rakan sebelah. Sesekali guru menyoal murid. Guru meminta murid menyalin nota yang ditulis pada papan putih.	Cikgu Y	25 April 2018	Blok C
Soalan 2	Kelihatan Cikgu Y dan Cikgu Z berbincang tentang pemilihan tema dan kemahiran bahasa yang terdapat dalam buku teks untuk dimasukkan dalam modul.	Cikgu Y dan Cikgu Z		Pusat Sumber
Soalan 3	Murid-murid kelihatan seronok bernyanyi di dalam kelas diiringi muzik. Semua murid gembira dapat bernyanyi semasa belajar.	Murid Tahun 3C		Kelas 3C

3.6.3 Soal Selidik Fuzzy

Dalam kajian ini juga, penyelidik telah menggunakan soal selidik fuzzy sebagai instrumen utama untuk mendapatkan maklumat dan mengumpul data kajian. Soal selidik ini mempunyai banyak kelebihannya seperti berfungsi sebagai senarai semak untuk merekodkan pemerhatian terhadap responden, sebagai soalan temu bual dan sebagai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ujian kertas dan pensel (Chua Yan Piaw, 2014). Soal selidik ini juga dibina bertujuan untuk mengetahui pendapat, persepsi dan sikap reponden terhadap sesuatu isu atau fenomena yang dikaji (Othman Talib, 2013).

Dalam membentuk soalan selidik yang yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi, penyelidik telah mempertimbangkan beberapa aspek sebelum membentuk item soal selidik tersebut. Antaranya ialah mempertimbangkan perasaan responden, item yang pendek dan ringkas, bilangan item yang pendek dan mengumpul data yang konkrit. Hal ini didasari oleh pernyataan Chua Yan Piaw (2014) yang menyatakan bahawa item-item dalam soal selidik haruslah tidak mendatangkan sebarang kesan mental dan fizikal yang negatif kepada responden yang menjawabnya. Semasa membina soal selidik juga, bahasa yang digunakan mestilah mudah, jelas dan tidak terlalu teknikal yang boleh mengganggu emosi responden (Othman Talib, 2013). Tegasnya lagi, perlu dielakkan juga soalan sentitif yang boleh menyentuh isu agama dan pantang larang sesuatu budaya serta elakkan item yang boleh ditafsirkan dengan lebih daripada satu makna.

Dalam membina soalan soal selidik ini juga, penyelidik telah membina soalan soal selidik ini dengan berpandukan beberapa langkah seperti yang dicadangkan oleh Othman Talib (2013). Antara langkah yang digunakan dalam pembinaan soalan soal selidik ialah 1) mengenal pasti konstruk, 2) mengenal pasti item bagi setiap konstruk, 3) memilih skala, 4) kesahan dan keboehpercayaan, 5) kajian rintis, dan 6) mentadbir soal selidik. Namun, dalam aspek pemilihan skala, penyelidik telah menggunakan skala likert 7 mata kerana kajian ini berfokuskan kepada konsesus pakar (kesepakatan pakar) menggunakan kaedah Fuzzy Delphi (FDM).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh sebab kajian ini memfokuskan FDM dalam membina modul, maka proses pembinaan soalan soal selidik yang dibina sedikit berbeza dan unik berbanding pembinaan soalan soal selidik dalam kajian biasa (Ridhuan Jamil, 2020). Keunikannya adalah ia lebih berstruktur dan disertakan sumber seperti literatur dan temu bual yang dijalankan . Maka, dalam konteks kajian yang menggunakan FDM ini, keperluan meletakkan sumber seperti daripada literatur dan temu bual mampu memberikan maklumat asas kepada pakar. Ini dikukuhkan dengan hujah Dulfield"s (1993) yang menegaskan bahawa pendekatan yang boleh digunakan adalah menggunakan borang soal selidik yang diadaptasi daripada kajian literatur atau temu bual. Contoh pembinaan soalan soal selidik menggunakan Kaedah Fuzzy Delphi (FDM) adalah seperti dalam Rajah 3.1 di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Arahan : Sila tandakan (/) pada ruangan yang sesuai.

Pakar yang budiman, sila tandakan (/) tahap persetujuan anda tentang elemen-elemen penyediaan RPH dalam PdP berasaskan pendekatan didik hibur.

Skala persetujuan						
Teramat Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Sederhana Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Teramat Setuju
1	2	3	4	5	6	7

Bil	Elemen penyediaan RPH	Sumber	Skala						
			1	2	3	4	5	6	7
1	Guru perlu menyediakan RPH setiap hari sebelum PdP.	Pakar J (2017)							
2	Guru memahami tujuan penulisan RPH.	Pakar A (2016)							
3	Guru perlu merancang masa penulisan RPH.	Pakar Y (2017)							
4	Guru perlu merujuk DSKP semasa membina RPH.	Pakar A (2016)							
5	Guru merujuk DSKP dalam membina objektif PdP,	Pakar A (2016)							
6	Pendekatan didik hibur dimasukkan setiap kali PdP.	Pakar J (2017)							
7	Pendekatan didik hibur dimasukkan dalamkemahiran sen bahasa sahaja.	Pakar A (2016)							
8	Pembinaan RPH melancarkan PdP guru.	Pakar Y (2017) Pakar J(2017)							
9	PdP berasaskan didikhibur dapat dilaksanakan dalam PdPsebenar.	Pakar J (2017)							
10	Objektif PdP masih boleh dicapai melalui pembelajaran didik hibur.	Pakar A (2016)							

Rajah 3.1. Contoh soal selidik bagi kaedah Kaedah Fuzzy Delphi berserta sumber bagi setiap elemen

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7 Kaedah Pengumpulan Data

Pengumpulan data untuk kajian kes ini bergantung pada bukti daripada pelbagai sumber data. Data daripada kajian ini dikumpul melalui temu bual, pemerhatian terus menerus dan pemerhatian peserta, serta analisis dokumen. Dalam penyelidikan kualitatif, bukti daripada pelbagai sumber adalah perlu dalam penyelidikan kajian untuk mewujudkan kesahan konstruk dan kebolehpercayaan (Yin, 1994). Pada dasarnya, bukti daripada pelbagai sumber memberi pelbagai ukuran fenomena yang serupa, dan membenarkan seseorang membentuk satu fokus dalam penyiasatan. Ini juga adalah sebahagian daripada proses triangulasi yang dapat menghasilkan dapatan yang lebih tepat dan meyakinkan tentang sesuatu konsep yang dikaji (Patton, 1987; Yin,1994; Hammesley & Atkinson, 1995).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7.1 Temu Bual

Temu bual dianggap sebagai salah satu sumber penting bagi mendapatkan maklumat dalam sesebuah kajian. Pengendalian temu bual boleh dijalan dengan beberapa cara. Untuk kajian ini, penyelidik memilih untuk mengendalikan temu bual dalam dua fasa.

Fasa pertama adalah perbualan umum berkaitan dengan sekolah atau isu- isu pendidikan secara umum. Namun begitu, perbualan ini ada kaitanya dengan tajuk penyelidikan yang sedang dikaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Soalan terbuka perlu dikemukakan pada permulaan sesuatu sesi temu bual untuk membolehkan peserta kajian memberi pandangan dan idea dengan bebas tentang sesuatu isu. Tambahan pula, perbualan umum dengan Guru Besar memberi persediaan asas dan pada masa yang sama menyediakan suasana untuk penyiasatan lebih mendalam (Yin, 1994). Perbualan ini juga dijadikan sebagai sesi menjalin kemesraan kerana ini akan membuat peserta kajian (Guru Besar) menjadi lebih selesa, dan bersedia untuk soalan yang lebih terperinci. Perbualan secara umum juga perlu untuk menjalin perhubungan dengan lebih rapat dengan responden. Dalam temu bual pada fasa kedua, soalan temu bual menjadi semakin berfokus kepada protokol penyelidikan bagi menjawab soalan 1 dan Soalan 2 kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7.2 Pemerhatian

Pengumpulan data adalah tidak lengkap tanpa pemerhatian. Ini disebabkan temu bual hanyalah merupakan pengumpulan laporan kendiri individu atau kumpulan individu tertentu. Dengan itu, adalah penting bagi seseorang penyelidik untuk membuat triangulasi maklumat yang dikumpulkan melalui pemerhatian. Data yang dikumpulkan daripada pemerhatian langsung, (iaitu dengan cara melihat dan mendengar apa yang berlaku di tempat kejadian) atau melalui pemerhatian peserta (iaitu dengan mengambil bahagian dalam aktiviti sekolah) mampu membekalkan maklumat yang kaya dan boleh menambah kebolehpercayaan kepada penyelidikan yang dijalankan (Delmont, 1992: Hammerseley dan Atkinson, 1995) .

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada peringkat permulaan kajian, penyelidik menghadapi sedikit masalah tentang siapa yang patut penyelidik perhati dan peristiwa apakah yang patut penyelidik fokuskan. Penyelidik telah memulakan kajian dengan meninjau secara luas apa yang berlaku di sekolah. Misalnya, penyelidik telah menghadiri mesyuarat yang diadakan, kegiatan-kegiatan yang dijalankan serta penglibatan para guru dalam setiap kegiatan dan perjumpaan yang diadakan. Dengan menghadirkan diri dan memerhatikan segala mesyuarat dan acara yang berlaku di sekolah, membolehkan penyelidik mendapatkan gambaran yang jelas apa yang berlaku di sekolah yang sedang dikaji. Perkara ini telah membantu penyelidik membuat laporan bertulis tentang persekitarannya.

Selain itu, penyelidik juga telah membuat pemerhatian secara berfokus terhadap masalah yang dihadapi oleh Guru besar dan guru-guru Bahasa Melayu yang terlibat dalam kajian ini. Pada peringkat ini, penyelidik mula memerhatikan dengan penuh minat isu-isu yang berkaitan dengan penyelidikan penyelidik dan tidak lagi berfokus terhadap isu-isu umum. Misalnya, ketika berada dalam pelbagai peringkat mesyuarat di sekolah yang penyelidik hadiri, penyelidik memberi tumpuan kepada perhubungan guru dengan Guru Besar, tingkah laku komunikasi dan cara kepimpinan pentadbir. Untuk mendapatkan maklumat rinci tentang peranan pentadbir dalam membantu guru meningkatkan strategi pengajaran, penyelidik menjalankan pemerhatian semasa para pentadbir membuat pencerapan terhadap pengajaran guru di dalam kelas dan juga semasa pentadbir bermesyuarat selepas pencerapan.

Selain pemerhatian yang berlatarbelakangkan suasana formal seperti mesyuarat dan persidangan, penyelidik juga membuat pemerhatian di pelbagai lokasi di sekolah. Ini termasuk pemerhatian terhadap guru dan menyertai perbualan mereka di bilik guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan kantin. Pemerhatian terhadap peserta di tempat yang tidak formal begini penting kerana di sinilah tempat mereka bebas berkongsi idea, pendapat, perasaan dan kekecewaan. Dalam konteks kajian ini, tempat begini adalah sumber maklumat atau data yang amat baik. Kehadiran penyelidik di tempat begini dan penglibatannya dalam perbincangan santai bukan sahaja mewujudkan hubungan yang baik, malah dapat menmbah keyakinan mereka terhadap penyelidik sebagai seorang penyelidik.

Semasa menjalankan penyelidikan, penyelidik berasakan lebih banyak maklumat dan data diperoleh daraipada perbualan santai di kantin dan tempat- tempat yang tidak formal berbanding tempat formal seperti mesyuarat dan persidangan. Hal ini demikian kerana guru berasa lebih selesa duduk bersama rakan karib atau rakan sekerja mereka. Mereka juga lebih bebas berkongsi idea dan pendapat serta dapat melepaskan tekanan perasaan. Ini membolehkan penyelidik mendapat banyak data dan lebih telus. Misalnya, hanya dalam pertemuan tidak formal sebegini, penyelidik dapat merasai kekangan serta bebanan kerja yang banyak mempengaruhi gaya pengajaran guru di dalam bilik darjah.

Semasa membuat pemerhatian di sekolah ini, penyelidik tidak boleh terlalu menonjolkan diri dan cuba seberapa boleh untuk tidak menarik perhatian. Dengan itu, penyelidik terpaksa memainkan peranan yang tidak menggugat Guru Besar dan guru-guru yang lain supaya mereka menjadi lebih terbuka dan berkongsi pendapat dengan sukarela. Setiap pendapat atau idea yang dikemukakan oleh Guru Besar atau guru-guru akan dinilai sebagai satu sumber yang sangat bermanfaat dan memenuhi kriteria berdasarkan tajuk penyelidikan. Penyelidik juga memerhatikan tahap keseriusan pihak pentadbir dan guru-guru terhadap gaya pengajaran guru di dalam kelas serta tindakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

susulan yang diambil untuk meningkatkan tahap penguasaan murid khususnya kemahiran 3M.

Kesimpulannya, pemerhatian yang dijalankan dimulakan dengan melihat sesuatu isu itu secara luas dan menyeluruh, dan mengambil pernan sebagai seorang pemerhati semata. Dengan itu, penyelidik boleh membentuk suatu perspektif pada tahap yang pertama berkaitan soalan kajian. Dalam kerja pemerhatian, penyelidik melihat dan mencari perkara atau peristiwa yang tidak merupakan suatu kelaziman. Di samping itu, penyelidik juga perlu membentuk suatu permasalahan tentang sesuatu isu yang ingin dikaji bagi membolehkan penyelidik mendapat pemahaman yang lebih baik. Setelah itu, penyelidik memberi fokus tentang sesuatu peristiwa, kegiatan atau skop untuk pemerhatian yang selaras dengan soalan kajian. Sepanjang penyelidikan dijalankan, penyelidik perlu mencari peluang untuk mendapatkan maklumat bagi mengesahkan dapatan kajian. Penyelidik tidak menonjolkan diri dan mengelakkan diri daripada terlibat dalam perlakuan yang dapat menggugat kedudukan sebagai seorang penyelidik.

3.7.3 Analisis Dokumen

Di samping mendapatkan data daripada temu bual dan pemerhatian, maklumat dalam bentuk dokumen adalah satu sumber bukti penting dalam penyelidikan sebegini. Data berdokumen boleh didapati daripada pelbagai sumber. Menurut Yin (1994), pelbagai data dokumen seperti surat , memorandum, lain-lain dokumen rasmi (seperti agenda, pengumuman, minit mesyuarat, laporan bertulis tentang sesuatu acara), dokumen pentadbiran (seperti cadangan, laporan kemajuan), dokumen dalaman dan juga bahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang tersiar dalam media massa boleh digunakan untuk mendapatkan data yang berkaitan.

Dalam kajian ini, penyelidik telah mengumpulkan dokumen yang berkaitan dari Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Di samping itu, penyelidik juga telah mengumpulkan maklumat tentang rancangan pengajaran harian berkaitan penggunaan didik hibur dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah rendah, lembaran kerja murid, jadual tugas guru, dan laporan prestasi murid.

Memandangkan dokumen memainkan peranan dalam kajian kualitatif, satu cara yang sistematik untuk mendapat dan mengumpulkan dokumen adalah penting. Satu cara dalam pencarian sistematik bagi mendapat dokumen yang penting adalah mengenal pasti komponen utama kajian yang dijalankan.. Dengan itu, penyelidik dapat mengumpulkan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan didik hibur dan kaedah pengajaran guru di dalam bilik darjah. Selain itu, oleh sebab kajian ini melibatkan murid, maka penyelidik juga mengumpulkan dokumen yang menerangkan tentang sekolah, iaitu sejarah dan latar belakangnya, latar belakang sosioekonomi murid serta prestasi akademik murid.

Selain itu, pengumpulan data daripada dokumen juga adalah penting bagi membolehkan penyelidik membuat triangulasi antara teknik pengutipan data yang penyelidik gunakan. Contohnya, data daripada dokumen bukan sahaja membolehkan penyelidik menyokong dan menambah bukti daripada pelbagai sumber, tetapi juga menolong mengesahkan maklumat yang diperoleh daripada temu bual.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, dokumen merupakan satu lagi sumber untuk pengumpulan dan pengesahan data dalam kajian kualitatif. Pengumpulan data daripada dokumen boleh membentuk pengesahan dalam dan antara teknik yang digunakan. Justeru, penyiasatan tentang kesemua sumber dokumen yang boleh didapati adalah penting bagi membuat perbandingan, iaitu melihat persamaan dan perbezaan yang wujud tentang maklumat yang diperoleh dan juga mendapat penjelasan tentang konflik dan pertentangan yang timbul. Ini jelas menunjukkan bahawa bukti dokumen dapat membantu penyelidik membuat triagulasi data sesebuah kajian. Jadual tentang Analisis Dokumen adalah seperti dalam Jadual 3.10 di bawah.

Jadual 3.10

Analisis Dokumen

Soalan	Lokasi	Jenis Dokumen	Dapatan
Soalan 1	Bilik Guru	Jadual Tugas Guru, Jadual Waktu Mengaja dan Data Murid Tahur 3C.	Guru mempunyai tugasan yang merangkumi bidang kurikulum, kokurikulun dan hal ehwal murid Jadual mengajar individu pula sehingga 27 waktu seminggu , belum termasuk sebagai guru ganti.
Soalan 2	Bilik Guru	Rancangan Pengajaran Harian, Laporan Prestas Akademik (Laporan Ujiar)	Guru menyediakan RPH setiap hari dan biasanya RPH dibina sehari sebelun PdPc berlangsung. Laporan akademik murid pula menunjukkan separuh daripada murid-murd Tahur 3Celum menguasai tahap minimun (BMTM).
Soalan 3	Bilik Darjah	Latihan Murid	Tiga perempat daripada murid-murid Tahun3C tidal menyiapkan latihan yang diberikan oleh guru untul disiapkan di rumah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7.4 Soal Selidik Fuzzy

Kaedah pengumpulan data yang seterusnya adalah melalui maklum balas soal selidik. Soalan soal selidik dibina berdasarkan literatur dan juga hasil temu bual daripada beberapa orang pakar yang telah dipilih. Dalam kajian ini, pengumpulan data melalui soal selidik terbahagi kepada dua bahagian iaitu, a) soal selidik fasa 2 iaitu pembangunan dan pembinaan modul dan, b) soal selidik fasa 3 iaitu menilai pelaksanaan kebolehgunaan modul.

Dalam fasa 2 iaitu pembangunan dan pembinaan modul, soalan soal selidik dibina berdasarkan hasil temu bual bersama beberapa orang pakar dalam pendidikan Bahasa Melayu serta daripada kajian literatur yang diperoleh. Hasil daripada soalan soal selidik yang dibina, soalan tersebut dirujuk kepada Pakar S yang berperanan sebagai perujuk kandungan soalan soal selidik.

Borang soal selidik dalam fasa 2 ini mengandungi enam bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C, Bahagian D, Bahagian E dan Bahagian F. Bahagian A mengandungi 9 item yang berkaitan dengan maklumat demografi atau latar belakang responden. Soalan yang terdapat dalam bahagian ini ialah jantina, umur, kelulusan akademik, kelulusan ikhtisas, pengalaman mengajar, pengalaman mengajar Bahasa Melayu, mata pelajaran yang diajar, jawatan serta status perkahwinan. Soalan-soalan dalam bahagian A dibina berasaskan kepada kesesuaiannya dengan objektif kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian B pula mengandungi soalan yang berkaitan dengan amalan pengajaran guru iaitu penyediaan Rekod Pengajaran Harian (RPH) berasaskan pendekatan didik hibur. Soalan soal selidik ini dibina berdasarkan dapatan temu bual daripada lima orang pakar kerana kajian ini menggunakan kaedah Fuzzy Delphi dalam pembinaan modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur. Terdapat 10 item soalan dalam bahagian ini seperti yang dicadangkan Chua Yan Piaw (2014), iaitu bilangan minimum soalan bagi soal selidik menggunakan kertas dan pensel ialah 10 hingga 20 soalan. Pakar diminta untuk memilih satu jawapan sahaja berkaitan tahap persetujuan berdasarkan skala likert 7 mata kerana skala ini akan ditukarkan kepada skala penomboran atau skala fuzzy. Skala likert 7 mata tersebut adalah seperti dalam Jadual 3.11 di bawah:

Jadual 3.11

Skala Likert Tujuh Mata

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mata skala	**Keterangan skala**
1	Teramat tidak setuju
2	Sangat tidak setuju
3	Tidak setuju
4	Sederhana setuju
5	Setuju
6	Sangat setuju
7	Teramat setuju

Bagi bahagian C pula, item soalan berfokuskan penyediaan bahan bantu mengajar (BBM) berasaskan pendekatan didik hibur. Penyelidik membina soalan soal selidik ini berdasarkan dapatan temu bual bersama lima orang pakar yang dipilih dalam kajian ini. Bahagian ini juga mempunyai 10 soalan yang menggunakan skala likert 7 mata untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyatakan tahap peretujuan mereka.

Manakala bahagian D, mengandungi 10 soalan berkaitan aktiviti PdP berasaskan pendekatan didik hibur. Bahagian ini juga menggunakan skala likert 7 mata untuk menyatakan tahap persetujuan pakar. Soalan-soalan ini dibina sendiri oleh penyelidik dengan merujuk dapatan daripada temu bual bersama lima orang pakar dan juga berdasarkan kajian literatur berkaitan pembelajaran menyeronokkan. Begitu juga dengan bahagian E yang mengandungi 10 soalan berkaitan tempoh masa PdP yang sesuai untuk pengajaran berasaskan didik hibur ini. Soalan-soalan ini juga dibina berdasarkan dapatan temu bual penyelidik bersama lima orang pakar.

Bahagian terakhir dalam borang soal selidik menggunakan kaedah fuzzy ini ialah bahagian F. Bahagian F ini mengandugi 10 soalan yang berfokuskan persediaan murid dalam PdP berasaskan pendekatan didik hibur. Soalan-soalan ini dibina juga dibina berdasarkan dapatan temu bual bersama lima orang pakar yang dipilih. Soalan-soalan ini juga meminta responden untuk menyatakan tahap persetujuan menggunakan skala likert 7 mata seperti yang ditetapkan dalam kaedah penomboran fuzzy.

Soal selidik yang telah dibentuk ini telah melalui semakan dengan Pakar S, iaitu seorang pensyarah Pendidikan Bahasa Melayu daripada sebuah universiti awam. Pakar S bertindak sebagai perujuk kandungan dalam memastikan soalan yang dibina adalah betul dan sesuai dengan bidang kajian. Bentuk soalan yang agak mengelirukan dimurnikan atau dibuang. Soal selidik ini juga telah melalui semakan dan penambahbaikan berdasarkan maklum balas responden dalam ujian rintis. Borang soal selidik ini diedarkan sendiri oleh penyelidik kepada 10 orang pakar yang terlibat dalam menjawab soalan soal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

selidik ini. Cara ini dapat menjamin pulangan seratus peratus borang soal selidik dan menjimatkan masa untuk mendapatkan semula borang soal selidik yang telah diisi. Sebelum boring soal selidik diedarkan, penyelidik telah terlebih dahulu meminta kebenaran daripada Guru Besar sekolah untuk mengedarkan borang soal selidik.

Sebelum mengisi borang soal selidik, pakar-pakar yang dipilih telah diberi penjelasan berkaitan dengan cara untuk memberi maklum balas terhadap item- item dalam soal selidik. Pakar-pakar juga dimaklumkan bahawa segala maklumat yang diberikan adalah dirahsiakan dan bertujuan untuk penyelidikan sahaja, bukan untuk tujuan peperiksaan dan semua persetujuan yang diberi dianggap betul. Pakar-pakar diminta menjawab dengan jujur dan ikhlas serta tidak boleh berbincang memandangkan tahap persetujuan yang dinyatakan adalah bersifat peribadi dan merupakan pandangan pakar sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setelah penambahbaikan dan penjelasan dijalankan, borang soal selidik diedarkan kepada sepuluh orang pakar dalam bidang pendidikan Bahasa Melayu. Oleh sebab kajian ini menggunakan kaedah Fuzzy Delphi, maka pemilihan pakar adalah sangat diperlukan. Pemilihan sepuluh orang pakar ini menepati saranan Philip (2000), Cavalli-Sforza dan Ortolano (1984), Turoff (1970), Jones & Twist (1978), Hsu & Sandford (2007), Clayton (1997) dan Delbecq, Van de Ven, Gustafon (1975) yang mencadangkan bilangan pakar adalah seramai sepuluh orang atau lebih. Penyelidik telah memberikan tempoh masa selama 20 hingga 30 minit kepada pakar untuk menjawab soalan soal selidik ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam fasa 3 pula iaitu penilaian kebolehgunaan modul, soalan soal selidik fuzzy dibina berdasarkan hasil temu bual bersama sepuluh orang pakar pelaksana yang telah menjalankan PdP menggunakan modul seni bahasa yang telah dibangunkan. Selepas soalan soal selidik diedarkan, penyelidik mengedarkan borang soal selidik secara terus kepada sepuluh orang pakar pelaksana tersebut untuk dijawab. Pakar-pakar pelaksana telah menjawab soalan soal selidik fuzzy ini dengan jujur dan telus untuk mendapatkan hasil kajian yang empirikal.

3.8 Analisis Data

Terdapat banyak cara yang berbeza dalam menganalisis data kualitatif. Menurut Othman Lebar (2015), penyelidikan kualitatif melibatkan melibatkan proses interpretif dan subjektif serta intuitif dan penyelidik terlibat dengan mendalam dalam proses tersebut. Dalam kajian ini, penyelidik telah menganalisis data kajian kualitatif ini menggunakan dua pendekatan iaitu pendekatan analisis secara naratif deskriptif dan juga menggunakan perisian komputer.

3.8.1 Analisis Data Kualitatif

Data-data yang dikutip berdasarkan pendekatan kualitatif kebanyakannya dalam bentuk perkataan dan frasa. Data-data ini perlu dihuraikan, dianalisa, dicerakin dan ditafsir. Penyelidik perlu meneliti hubung kait antara kepelbagaian tema yang telah dikenal pasti atau menghubungkaitkan idea dengan ciri-ciri latar belakang responden seperti jantina,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

umur, pendidikan, dan sebagainya (Ramlee Ismail, Jamal @ Nordin Yunus dan Marinah Awang, 2020).

Othman Lebar (2015) pula menyatakan proses analisis data kualitatif pada asasya adalah satu proses yang berterusan dan non-linear. Ia merupakan satu prosedur analitik yang melibatkan pemeriksaan makna ke atas kata-kata dan tindakan manusia. Tegasnya, menjalankan analisis data kualitatif memerlukan penyelidik membentuk kategori dan membuat perbandingan serta penyelidik perlu terbuka terhadap kemungkinan-kemungkinan yang timbul daripada data yang dianalisis. Dengan ini, sebarang situasi yang bertentangan dengan pandangan, pendapat, atau pun kepercayaan tentang sesuatu fenomena perlu diserap dengan baik dan bersedia memberi penerangan alternatif dalam melaporkan data kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Merriam (2001) pula menyatakan analisis data merupakan proses yang kompleks yang melibatkan pertimbangan antara data yang konkrit dengan konsep abstrak, antara penaakulan induktif dan deduktif dan deskripsi. Dengan kata lain, analisis data adalah proses mengatur, menstruktur, dan menginterprestasi data yang telah dikumpul. Bagi Strauss & Corbin (1997) pula, menganalisis data kualitatif merupakan satu proses yang bercelaru, kabur, memakan masa, kreatif dan menarik. Dalam kajian kualitatif, pengumpulan dan analisis data biasanya berjalan serentak bagi membina interprestasi data yang koheran. Coffey dan Atkinson (1996), menyarankan bahawa dalam penyelidikan kualitatif, pengumpulan data tidak boleh dijalankan tanpa analisis yang mendalam dijalankan bersama. Cresswell (1998) pula menggambarkan proses analisis data kualitatif ini dalam bentuk satu gelungan yang berterusan dan berkait antara satu sama lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Setiap penyelidik kualitatif cuba memahami fenomena yang dikaji tetapi masing-masing mungkin menggunakan pendekatan yang berbeza dalam menganalisis data mereka. Pendekatan mereka berbeza dalam tahap interprestasi yang mereka gunakan ke atas data dan dalam prosedur sebenar yang digunakan bagi menganalisis data. Anselm Strauss dan Juliet Corbin (1990) menyatakan bahawa terdapat tiga pendekatan dalam menganalisis data kualitatif iaitu pendekatan berkaitan perbandingan yang mereka buat antara laporan kajian kualitatif dengan laporan yang ditulis oleh wartawan, pendekatan kedua ialah pendekatan yang digunakan oleh penyelidik yang ingin menjelaskan seberapa tepat yang mungkin tentang apa yang mereka faham, serta menstrukturkan semula data dalam bentuk realiti yang boleh dikenali dan difahami.

Ramlee Ismail, Jamal @ Nordin Yunus dan Marinah Awang (2020), terdapat pelbagai kaedah dan langkah yang boleh dilakukan oleh penyelidik dalam menganalisis data kualitatif. Antaranya ialah membiasakan atau mendekatkan diri dengan data melalui kaedah mendengar dan membaca semula secara berulang kali temu bual yang direkodkan, transkrip temu bual yang dijalankan, menyusun atau membuat kod mudah untuk dikenal pasti dan membuat penyusunan dan mengasingkan data-data yang sensitif. Selain itu, penyelidik juga boleh membuat analisis data kualitatif ini dengan cara membuat kod atau indeks kepada data-data yang diperoleh daripada temu bual. Antara aktiviti yang boleh dilakukan untuk menganalisis data kualitatif menurut Ramlee Ismail et. al (2020) adalah seperti mengenal pasti tema, membuat semua indeks atau kod, meneliti bagaimana kategori dikembangkan, meneroka hubung kait antara tema dan kategori, mengembangkan teori dan menguji teori berdasarkan data serta membuat laporan dan menggunakan petikan-petikan yang relevan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam menganalisis data kualitatif ini kajian ini, penyelidik telah menggunakan pendekatan analisis data yang diketengahkan oleh Ramlee Ismail et. al (2020). Terdapat lima langkah yang dicadangkan dalam menganalisis data kualitatif seperti a) transkripsi, b) penyusunan data, c) mendekati data, d) koding dan e) tema. Tegasnya lagi, langkah-langkah menganalisis ini tidak perlu dilakukan mengikut urutan, sebaliknya penyelidik boleh melakukannya mengikut keselesaan. Rajah 3.2 di bawah menunjukkan contoh langkah-langkah yang boleh dilakukan dalam membuat analisis kualitatif.



Rajah 3.2. Langkah-langkah dalam Membuat Analisis Data Kualitatif

Berdasarkan Rajah 3.2 di atas, penyelidik telah meletakkan proses transkripsi sebagai permulaan dalam menganalisis data kualitatif. Hal ini demikian kerana majoriti data kualitatif diperoleh secara temu bual dan juga pemerhatian secara langsung terhadap peserta kajian. Transkrip perlu dibuat secara menyeluruh untuk mengelakkan kecenderungan penyelidik memilih perkara-perkara yang diperlukan sahaja. Semasa transkripsi ini dilakukan juga, penyelidik juga memasukkan elemen-elemen bukan verbal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

di dalam transkrip, termasuk penerangan bahasa badan seperti ketawa, diam, berfikir, mengeluh dan sebagainya. Semasa membuat transkripsi ini, penyelidik tidak mengubah bahasa atau ayat yang digunakan oleh peserta kajian semasa ditemu bual atau dibuat pemerhatian.

Setelah data ditranskripkan, penyelidik mula menyusun data dalam bentuk yang mudah untuk dipetik atau digunakan. Oleh yang demikian, setiap data temu bual telah diberikan nombor atau kod untuk memudahkan penyelidik mengenal pasti konteks temu bual bersama peserta kajian termasuklah ciri dan latar belakang peserta kajian. Walau bagaimanapun, penyelidik perlu mematuhi etika penyelidikan dengan tidak menyatakan nama dan latar belakang peserta kajian tanpa kebenaran.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Langkah seterusnya ialah mendekati data. Setelah data ditranskrip dan disusun, penyelidik membaca data secara berulang kali agar lebih memahami makna yang dijelaskan semasa temu bual dijalankan. Data-data yang dibaca berulang kali memudahkan penyelidik untuk memahami dan mentafsirkannya.

Penyelidik telah melakukan pengekodan data setelah penyelidik membaca berulang kali, meneliti dan mendekati keseluruhan teks. Penyelidik mengenal pasti sesuatu idea yang cuba diketengahkan oleh peserta kajian dalam setiap baris ayat atau frasa yang diucapkan. Idea yang tersedia ada dalam transkrip memberi kelebihan kepada penyelidik untuk membuat kod dan mengelompokkan mengikut kategori.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Langkah terakhir dalam menganalisis data kualitatif ini ialah mengenal pasti tema-tema atau sub tema. Tema-tema dan sub tema ini muncul setelah aktiviti merekod dan mengkategorikan data dijalankan. Tema-tema atau sub tema yang mucul akan mempunyai persamaan atau perkaitan dengan isu yang diketengahkan dalam persoalan kajian.

Data yang diperoleh daripada pelbagai sumber pengumpulan data perlu dipindahkan ke dalam bentuk yang boleh dibaca untuk proses analisis dijalankan. Kerja-kerja mengurus dan menyusun atur data memerlukan prosedur dan proses yang sistematik dan praktikal supaya data mudah diakses semula untuk dianalisis selanjutnya. Dalam kajian ini, proses mengurus dan menganalisis data kualitatif adalah mengikut langkah-langkah seperti transkripsi, menyusun atur data, pengekodan dan membentuk sistem kategori.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan pendekatan analisis data secara deskriptif ini untuk menjawab objektif kajian yang pertama iaitu menganalisis maklumat berkaitan pengajaran seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur di sekolah rendah. Analisis data deskriptif ini bertumpu kapada analisis temu bual, pemerhatian dan juga triangulasi data.

3.8.2 Analisis Data Kaedah Fuzzy Delphi (FDM)

Selain itu, penyelidik juga telah menganalisis data kualitatif dalam kajian ini menggunakan pakej perisian komputer. Tujuan perisian komputer ini digunakan adalah untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menguruskan data-data kualitatif yang kompleks sifatnya kerana melibatkan jumlah perkataan yang banyak. Antara pakej perisian komputer yang sering digunakan untuk menguruskan data-data kualitatif adalah seperti NUD*IST, NUD*IST 6, NVivo, NVivo Versi 10, Templet Analisis FDM v2.0, ATLAS. ti dan yang terkini ATLAS. ti 8 (Ramlee Ismail et. al., 2020). Tegasya, pakej-pakej perisian analisis data mempunyai beberapa kelebihan boleh menyimpan data mentah kuantitatif dalam jumlah yang besar, mencari dan memetik data, membuat pengekodan, membina dan menguji teori , menulis laporan serta melukis rajah dan gambar rajah.

Dalam kajian ini, oleh sebab kajian ini mengaplikasikan keadah Fuzzy Delphi dalam pembinaan modul, maka penyelidik telah menganalisis data bagi fasa 2 (pembangunan dan pembinaan modul) dan fasa 3 (penilaian kebolehgunaan modul) dalam kajian ini menggunakan Templet Analisis FDMv2.0 menggunakan Microsoft Excel yang dibangunkan oleh Ridhuan Jamil & Nurulrabihah Mat Noh (2020).

3.8.2.1 Penomboran Segi Tiga Fuzzy

Penomboran Segi Tiga Fuzzy terdiri daripada nilai purata nombor fuzzy iaitu m1, m2 dan m3 dan ia selalu diwakilkan dalam bentuk (m1,m2, m3). Rasional penggunaan ketiga-tiga nilai ini adalah untuk menunjukkan bahawa bagi setiap skala yang dipersetujui dalam sesuatu skala fuzzy tidak berada dalam skala yang tetap seperti dalam skala likert (skala 1 hingga skala 7). Bagi skala fuzzy, sekiranya pakar memilih satu skala dalam borang soal selidik, apabila data itu diterjemahkan ke dalam skala fuzzy, penterjemahan bagi skala yang dipilih akan dipecahkan kepada tiga nilai iaitu nilai minimum (m1), nilai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

paling munasabah(m2) atau nilai maksimum (m3). Ini menunjukkan bahawa dengan penerjemahan data dalam skala fuzzy tidaklah berada pada satu nilai sahaja. Ini yang membezakan penggunaan skala fuzzy berbanding dengan skala likert dalam sesuatu kajian. Jadual 3.12 di bawah menunjukkan perbezaan bagi skala likert dan skala fuzzy bagi 7 mata.

Jadual 3.12

Perbezaan Skala Likert dan Skala Fuzzy Bagi 7 Mata Menurut Mohd Ridhuan Mohd Jamil (2020).

Skala Likert	Aras Skala	Skala Fuzzy
7	Teramat Setuju	(0.9,1.0,1.0)
6	Sangat Setuju	(0.7,0.9,1.0)
5	Setuju	(0.5,0.7,0.9)
4	Sederhana Setuju	(0.3,0.5,0.7)
3	Tidak Setuju	(0.1,0.3,0.5)
2	Sangat Tidak Setuju	(0.0,0.1,0.3)
1	Teramat Tidak setuju	(0.0,0.0,0.1)

Begitu juga dengan penafsiran skala fuzzy bagi seseorang pakar yang memilih sesuatu nombor skala dalam skala likert, contohnya skala likert 7 mata iaitu teramat setuju. Skala likert 7 mata yang dipilih akan memberikan tiga (3) nilai berbeza dalam skala fuzzy. Inilah perbezaan dalam skala likert dengan skala fuzzy apabila proses penganalisisan dilakukan. Nilai kekaburan dapat dikenal pasti apabila menjalankan kajian menggunakan Kaedah Fuzzy Delphi (FDM). Contoh perbezaan skala 7 di antara skala likert dan skala fuzzy dapat ditunjukkan dalam Jadual 3.13 di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.13

Perbezaan Skala 7 Antara Skala Likert Dengan Skala Fuzzy.

Pemilihan Pakar	Skala Likert	Penafsiran Skala Likert	Skala Fuzzy	Penafsiran Skala Fuzzy
Pakar memilih skala dalam skala likert	7	Teramat Setuju	0.9 Nilai minimum (m1)	Nilai persetujuan berkemungkinan berada pada skala 0.9 atau **90% setuju**.
Pakar memilih skala dalam skala likert	7	Teramat Setuju	1.0 Nilai paling munasabah (m2)	Nilai persetujuan berkemungkinan berada pada skala 1.0 atau **100% setuju**.
Pakar memilih skala dalam skala likert	7	Teramat Setuju	1.0 Nilai maksimum (m3)	Nilai persetujuan berkemungkinan berada pada skala 1.0 atau **100% setuju.**

3.8.2.2 Penilaian Fuzzy (Fuzzy Evaluation)

Proses Penilaian Fuzzy pula merupakan satu proses untuk menentukan keutamaan ataupun kedudukan bagi setiap pemboleh ubah dan sub pemboleh ubah, elemen, isu,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

item dan sebagainya. Proses Penilaian Fuzzy ini juga dikenali sebagai Skor Fuzzy yang bertujuan untuk membantu penyelidik melihat aras keperluan, persetujuan, kepentingan, kesesuaian dan tahap bagi sesuatu pemboleh ubah dan berdasarkan konsesus pakar yang bertindak sebagai responden kajian. Simbol bagi penilaian Fuzzy adalah Amax.

Terdapat tiga (3) formula yang boleh digunakan untuk mendapatkan skor fuzzy ini. Walaupun mempunyai tiga formula yang berlainan untuk mendapatkan skor fuzzy, penyelidik boleh memilih mana-mana antara tiga formula ini bagi menentukan keutamaan kerana ia akan menghasilkan nilai skor yang sama (Ridhuan Jamil & Nurulrabihah Mat Noh, 2020). Tiga formula dalam proses ini adalah seperti dalam Jadual 3.14 di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3. 14

Formula Nilai Skor Fuzzy .

Bil	Formula Nilai Skor Fuzzy
1	Amax=1/3* (m1+m2+m3).....persamaan 3.1
2	Amax=1/4* (m1+2m2+m3).....persamaan 3.2
3	Amax=1/6* (m1+4m2+m3).....persamaan 3.3

3.8.2.3 Interpretasi Data Kaedah Fuzzy Delphi

Dalam menganalisis data menggunakan Microsoft Excel Templet FDMv2.0 ini, terdapat tiga syarat yang boleh digunakan untuk menimbangkan dan mengesahkan setiap item, isu, elemen, pemboleh ubah dan sebagainya yang dipersetujui oleh kumpulan pakar sama

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ada item tersebut dibuang atau diterima berdasarkan kesepakatan pakar. Syarat 1 dan syarat 2 adalah terikat antara satu sama lain kerana ia berada dalam bahagian Penomboran Segi Tiga Fuzzy. Dalam bahagian ini, ia berfungsi sebagai suatu proses untuk melihat kepada kesepakatan pakar terhadap sesuatu konstruk dan item sahaja. Bagi Syarat 1 yang menggunakan Nilai Threshold, d (Chen, 2000; Cheng & Lin, 2002), penyelidik telah menggunakan nilai threshold, (d) dengan menggunakan rumus seperti dalam Rajah 3.3 di bawah.

$$d\left(\tilde{m},\tilde{n}\right)=\sqrt{\frac{1}{3}\left[(m_1-n_1)^2+(m_2-n_2)^2+(m_3-n_3)^2\right]}.$$

Rajah 3.3. Rumus mengira nilai threshold (d)

Mengikut syarat 2 pula, peratusan kesepakatan pakar adalah berbeza antara pandangan pakar. Menurut Chu dan Hwang (2008), sekiranya kesepakatan kumpulan pakar adalah sama atau lebih daripada 75%, maka setiap item tersebut adalah diterima sama ada dibuang atau diguna pakai dalam kajian. Namun, Shubashini, et al.(2015) pula menghujahkan bahawa nilai atau yang sama di 67.0% sudah boleh diterima sebagai peratusan kesepakatan pakar. Walapun terdapat perbezaan dalam menentukan peratus kesepakatan pakar dalam FDM, ia bukan merupakan satu isu besar kerana pandangan kesua-dua sarjana ini selari dengan pandangan Powell (2003) yang menghujahkan bahawa kaedah Delphi adalah suatu kaedah yang sangat fleksibel dan unik kerana ia boleh mencapai sesuatu kesepakatan pakar dan berasaskan justifikasi sesebuah kajian. Hal ini disokong dengan pandangan Riduan Jamil et. al., (2020) yang berpendapat terdapat keperluan untuk untuk menunjukkan bagaimanakah proses pengiraan nilai 75.0% dan 67.0% ini diterima sebagai peratus kesepakatan kumpulan pakar dalam


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kaedah Delphi. Jadual 3.15 di bawah menunjukkan proses pengiraan nilai peratusan berdasarkan pandangan Chu dan Hwang (2008) dan Shubashini, et al.(2015).

Jadual 3. 15

Proses Pengiraan Nilai Peratusan Berdasarkan Sarjana.

Bil	Peratus Kesepakatan Pakar	Pembuktian Kesepakatan	Nilai Pecahan	Sumber
1	75.0%		3/4	Chu dan Hwang (2008)
2	67.0%		2/3	Shubashini et al., (2015)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi syarat 3 pula, ia terletak pada bahagian Proses Penilaian Fuzzy (Fuzzy Evaluation Process). Syarat 3 berfungsi untuk melihat nilai skor bagi menentukan kedudukan atau keutamaan (ranking) sesuatu konstruk atau item. Syarat 3 ini juga mampu berperanan untuk melihat sama ada sesuatu konstruk diterima atau ditolak berdasarkan kesepakatan kumpulan pakar dengan membandingkan nilai skor fuzzy dengan nilai a-cut.

Nilai a-cut adalah nilai tengah atau mediam di antara nombor fuzzy (0-1), maka nilai a-cut adalah 0.5. Penggunaan nilai a-cut boleh digunakan dalam proses penilaian fuzzy. Sekiranya nilai skor fuzzy (Amax) adalah lebih daripada 0.5, maka ia menunjukkan bahawa konstruk atau item yang diukur adalah diterima berdasarkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kesepakatan kumpulan pakar dan sekiranya nilainya kurang daripada 0.5, maka konstruk tersebut ditolak berdasarkan kesepakatan pakar dalam sesuatu ujian. Rajah 3.4 di bawah menunjukkan kedudukan nilai a-cut dalam penomboran fuzzy.

0.0	0.1	0.2	0.3	0.4	0.5	0.6	0.7	0.8	0.9	1.0

Rajah 3.4. Kedudukan nilai a-cut dalam penomboran fuzzy

Dalam kajian ini, proses mengurus dan menganalisis data kualitatif sama ada menggunakan kaedah analisis naratif deskriptif mahupun kaedah perisisan komputer adalah mengikut langkah-langkah seperti transkripsi, menyusun atur data, pengekod, membentuk sistem kategori, membina soalan selidik fuzzy dan juga penilaian fuzzy. Jadual 3.16 di bawah menunjukkan cara menganalisis data menggunakan kaedah deskriptif dan juga perisian komputer Microsoft Excel berdasarkan soalan kajian dan instrumen kajian.

Jadual 3.16

Kaedah Analisis Data Berdasarkan Soalan Kajian Dan Instrumen Kajian

Soalan Kajian	Instrumen	Cara Data dianalisis
Soalan Kajian 1 Apakah dapatan yang diperoleh daripada pakar berkaitan kemahiran seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur di sekolah rendah?	Temu bual Pemerhatian	-Transkripsi -Deskriptif -Pengekodan -Teknik Fuzzy Delph (Templet Microsoft Excel) *Skala Fuzzy

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.16 *(sambungan)*

Soalan Kajian	Instrumen	Cara Data dianalisis
Soalan Kajian 2 Bagaimanakah modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur dalam PdP Bahasa Melayu sekolah rendah dibina?	Temu bual Soal selidik fuzzy Analisis dokumen	**Teknik Fuzzy Delphi (Templet Microsoft Excel)** 1. Penomboran segitiga Fuzzy *Skala Fuzzy 2. Penilaian Fuzzy *Nilai skor Fuzzy (Amax) *Intepretasi Data FD -Syarat 1 -Syarat 2
Soalan Kajian 1 Bagaimanakah cara pengesahan kebolehgunaan modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur terhadap PdP murid di dalam sebuah kelas Bahasa Melayu?	Temu bua Pemerhatian Analisis dokumen Soal selidik fuzzy	1. Deskriptif 2. Penilaian Fuzzy (Templet Microsoft Excel) *Nilai skor Fuzzy (Amax) *Intepretasi Data FD -Syarat 3

3.9 Proses Pembinaan Modul Seni Bahasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam proses pembinaan modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur ini, penyelidik telah membahagikan proses pembinaan ini kepada tiga bahagian iaitu a) draf pembinaan modul menggunakan pendekatan DDR, b) pembinaan modul menggunakan kaedah fuzzy Delphi, dan c) pengaplikasian pendekatan DDR, FDM dan model pembangunan sistem Dick dan Carey (1978) dalam pembinaan modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur sekolah rendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.9.1 Draf Pembinaan Modul menggunakan Pendekatan Design Development Research (DDR)

Dalam bahagian ini, penyelidik akan membincangkan proses pembinaan modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur ini secara lebih rinci. Terdapat banyak pendekatan atau prosedur pembinaan modul yang telah dibangunkan. Antaranya pendekatan pembinaan modul yang diperkenalkan oleh Sidek Mohd Noah (2005), Sharifah Alwiah Alsagoff (1981), Rusell (1974), dan pendekatan pembinaan modul menggunakan model reka bentuk instruksional yang diasaskan oleh Dick dan Carey (1978). Walaupun terdapat kelainan dari segi prosedur atau pendekatan yang digunakan dalam pembinaan modul oleh tokoh-tokoh sarjana di atas, namun matlamat akhirnya adalah untuk menghasilkan modul yang bermutu tinggi (Sidek Mohd Noah dan Jamaludin Ahmad, 2005, 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh sebab penyelidik menjalankan kajian membina modul, maka penyelidik telah menggunakan penyelidikan reka bentuk pembangunan (DDR) yang diasaskan oleh Richey dan Klien (2007, 2014). Menurut Mohd Ridhuan Mohd Jamil dan Nurulrabihah Mat Noh (2020), pendekatan reka bentuk dan pembangunan ditakrifkan sebagai suatu penyelidikan yang sistematik bagi menjelaskan proses reka bentuk, pembangunan dan penilaian yang bertujuan untuk membina asas emperikal terhadap penciptaan dan penghasilan produk dan peralatan. Untuk memastikan kesemua kajian yang dijalankan di dalam setiap fasa itu berkesan, maka suatu model sandaran adalah sangat diperlukan. Oleh yang demikian, dalam kajian ini penyelidik telah memilih dan menggunakan model pembangunan reka bentuk sistematik Dick dan Carey (1978, 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendekatan Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR) adalah suatu pendekatan yang bersifat memayungi (*umbrella*) kepada sesuatu kajian yang dijalankan dengan bersistematik (Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Nurulrabihah Mat Noh, 2020). Menurut Gunaydin & Karamete (2016), pendekatan DDR ini melibatkan suatu pembangunan, pelaksanaan dan penilaian bagi sesebuah proses. Bagi Richey dan Klien (2007) pula, pendekatan DDR ini secara asasnya terbentuk melalui empat fasa pembinaan iaitu; a) fasa analisis keperluan, b) fasa reka bentuk, c) fasa pembangunan dan d) fasa penilaian. Namun, dalam kajian ini penyelidik telah menggabungkan fasa dua dan fasa tiga pembinaan iaitu fasa reka bentuk dan fasa pembangunan, lalu membentuk tiga fasa sahaja dalam pembinaan modul seni bahasa ini. Hal ini telah didasari oleh kajian-kajian lepas yang telah dijalankan oleh Hidayatul Fariha et.al (2019). Justifiksai penggabungan fasa dua dan fasa tiga adalah bertujuan untuk memastikan sesuatu proses pembangunan produk itu adalah konsisten dengan menggunakan kumpulan pakar atau peserta kajian yang sama (Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Nurulrabihah Mat Noh, 2020). Tiga fasa pembinaan tersebut melibatkan fasa satu (analisis keperluan), fasa dua (mereka bentuk dan pembangunan) dan fasa tiga (penilaian). Menurut Richey dan Klein (2008), DDR dianggap sebagai kajian berbentuk formatif kerana penyelidikan dijalankan sepanjang proses reka bentuk dan pembangunan. Sejajar dengan itu, teknik persampelan dalam kajian formatif selalunya terhad kepada persampelan dan bertujuan, Manakala proses kesahan dan kebolehpercayaan dalam pendekatan penyelidikan ini perlulah mengikut proses dan alat yang telah ditetapkan. Fasa-fasa pembinaan dalam DDR boleh dilihat seperti dalam Jadual 3.17 di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.17

Fasa-fasa Pembangunan dan Reka Bentuk

Tahap Fasa	**Keterangan Fasa**
Fasa Satu	Analisis Keperluan
Fasa Dua	Reka bentuk dan Pembangunan
Fasa Tiga	Penilaian

Dalam fasa satu iaitu fasa analisis keperluan, McArdle (1998) telah menghujahkan bahawa analisis keperluan adalah suatu proses menjalankan beberapa siri aktiviti untuk mengenal pasti masalah atau isu yang timbul dalam persekitaran kerja dan mampu menentukan sama ada penambahbaikan adalah tindakan yang tepat dilakukan atau sebaliknya. Fasa ini sangat penting kerana penyelidik mampu mendapatkan maklumat daripada kumpulan sasar tentang keperluan produk yang ingin direka bentuk atau dibangunkan.

Bagi Mohd Ridhuan Mohd Jamil dan Nurulrabihah Mat Noh (2020) pula, mengendalikan kajian bagi analisis keperluan merupakan satu bentuk kajian yang sistematik dan berdasarkan kepada suatu teknik pengumpulan maklumat yang spesifik. Hal ini demikian kerana analisis keperluan yang dijalankan dengan baik dapat menyediakan maklumat yang berguna yang dapat membawa kepada penyelesaian kepada keperluan yang kritikal. Dalam analisis keperluan ini, terdapat beberapa kaedah pengukuran yang boleh digunakan seperti pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Keterangan kaedah pengukuran dalam fasa analisis keperluan adalah seperti dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.18 di bawah.

Jadual 3.18

Fasa Analisis Keperluan Dan Kaedah Pengukuran Yang Digunakan

FasaMethod Pengukuran	**Peserta Kajian Terlibat**	
Fasa 1		
Analisis Keperluan	Pemerhatian	Murid/Pakar
	Soal Selidik	
	Analisis Dokumen	
	Kaedah Fuzzy Delphi	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fasa kedua dalam kajian pembangunan modul ini dikenali sebagai fasa reka bentuk dan pembangunan. Fasa ini dijalankan bertujuan untuk mereka bentuk dan membangunkan sesuatu produk seperti modul yang dihasratkan. Fasa ini melibatkan suatu proses pembinaan dan pembangunan produk yang bersistematik untuk menjelaskan latar belakang model sandaran dan kajian-kajian dalam reka bentuk penyelidikan (Richey & Klien, 2014). Bagi Mohd Ridhuan Mohd Jamil dan Nurulrabihah Mat Noh (2020), fasa ini merupakan fasa yang paling kritikal dalam kajian yang menggunakan pendekatan DDR ini. Hal ini demikian kerana fasa ini melibatkan proses mengenal pasti keputusan penting yang dibuat semasa proses mereka bentuk, menerangkan alternatifyang dipertimbangkan dan membincangkan rasional yang menyokong alternatif yang dipilih.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jika disorot daripada hujah Van den Akker, Gravemeijer, McKenney, dan Nievee (2006), telah menghujahkan bahawa terdapat tiga hujah yang kuat yang menyatakan fasa ini amat penting; iaitu sesuatu produk yang dibangunkan seperti model, modul, kerangka, kurikulum dan sebagainya mestilah berkait rapat dan relevan dengan pendidikan, pembinaan dan pembangunan produk mestilah mempunyai nilai-nilai ilmiah dan sangat praktikal dengan teori yang disandarkan serta berupaya memperkukuh dan mengembangkan amalan PdP dalam bidang pendidikan. Oleh yang demikian, penyelidik telah menggunakan beberapa kaedah pengukuran dalam fasa kedua ini seperti dalam Jadual 3.19 di bawah.

Jadual 3.19

Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan dan Kaedah Pengukuran Yang Digunakan.

Fasa	**Metod Pengukuran**	**Peserta Kajian / Pakar terlibat**
Fasa 2 Pembangunan dan Reka Bentuk Modul	Temu bual Analisis kandungan Kaedah Fuzzy Delphi	Peserta Analisis buku teks, DSKP

Fasa ketiga dalam reka bentuk dan pembangunan menggunakan DDR ini ialah fasa penilaian. Dalam hal ini, penilaian dalam kajian pembangunan merujuk kepada kebolehgunaan produk yang dihasilkan. Sesuatu produk yang dihasilkan seperti modul ini perlu diuji untuk memastikan modul yang dihasilkan benar- benar berkualiti dan berfungsi dengan baik. Hal ini demikian kerana sokongan secara empirikal tentang keberkesanan produk perlu dilakukan dan bukan bergantung pada testimoni keberkesanan yang tidak berasas (Richey & Klein, 2007). Mengikut Mohd Ridhuan et.al (2017), penilaian kebolehgunaan membawa maksud membuat tafsiran dan penilaian terhadap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sesuatu produk yang dibangunkan. Ujian kebolehgunaan dalam fasa penilaian terhadap produk yang dihasilkan dapat dilihat daripada tiga aspek utama iaitu a) keberkesanan; b) kecekapan dan c) kepuasan pengguna dan setiap aspek ini bergantung pada produk yang dihasilkan (Milano & Ulius, 1998). Manakala menurut Jeng dan Tzeng (2012) pula, sesuatu produk yang dibangunkan boleh dilihat kebolehgunaannya melalui pendapat dan persepsi pengguna yang arif dalam menggunakan produk tersebut.

Bagi mendapatkan penilaian pengesahan produk yang dibangunkan , Richey (2005), telah menegaskan bahawa penilaian pengesahan produk sebagai proses yang dirancang dengan teliti untuk mengumpul dan menganalisis data empirikal yang bertujuan untuk mengesahkan keberkesanan produk. Maka, proses penilaian pengesahan produk boleh berlaku sama ada secara dalaman atau luaran. Bagi Richey (2005) lagi, penilaian pengesahan dalaman amat berkait rapat dengan elemen, komponen, kandungan, dan proses produk serta bagaimana produk tersebut boleh digunakan dalam pengajaran.

Manakala penilaian pengesahan luaran pula merujuk kepada bagaimana produk yang dihasilkan itu memberi impak kepada produk itu sendiri serta pengguna akhir (murid-murid). Matlamatnya adalah untuk mengenal pasti ciri-ciri produk dan menentukan kesan produk dalam PdP yang dibangunkan. Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan penilaian pengesahan dalaman dalam membuat penilaian kesahan produk kerana produk yang dihasilkan amat berkait rapat dengan elemen, kandungan, komponen dan proses pembinaan modul seni bahasa dan melihat bagaimana modul yang dihasilkan boleh digunakan dalam PdP. Penyelidik juga menentukan kaedah pengukuran yang boleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

digunakan dalam fasa penilaian ini seperti dalam Jadual 3.20 di bawah.

Jadual 3.20


Fasa Penilaian Dan Kaedah Pengukuran Yang Digunakan.

Fasa	**Method Pengukuran**	**Peserta Kajian**
Fasa 3		
Fasa Penilaian BM	Temu bual	Murid/ Guru
	Pemerhatian lembaran	Analisis
	Analisis Dokumen	kerja, DSKP
	FDM	Pakar

Setelah dibincangkan dengan jelas fasa-fasa yang terdapat dalam DDR ini, maka dapat disimpulkan bahawa pendekatan DDR dalam kajian ini memayungi kepada sesuatu kajian secara saintifik kerana terkandung fasa-fasa kajian yang sangat teratur seperti fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan pembangunan serta fasa penilaian kebolehgunaan terhadap modul yang dibangunkan. Selain itu, pendekatan DDR ini juga memerlukan model sandaran bagi setiap fasa bagi memastikan setiap fasa yang dijalankan bersifat empirikal dan berkesan. Yang terakhir, pendekatan DDR ini memerlukan penyelidik memahami dan mengikuti segala prosedur suatu pendekatan dan metodologi yang dijalankan. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kajian kualitatif untuk mencapai dapatan kajian dalam menjawab objektif dan soalan kajian. Rajah 3.5 di bawah ini menunjukkan carta alir pembinaan modul seni bahasa menggunakan pendekatan DDR.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.5. Carta Alir Pembinaan Modu Seni Bahasa menggunakan Pendekatan DDR.

3.9.2 Pembinaan Modul Menggunakan Kaedah Fuzzy Delphi (FDM)

Kaedah Fuzzy Delphi (FDM) telah digunapakai sebagai alat mendapatkan kesepakatan pakar. Kekuatan teknik ini ialah ia mampu mengurangkan tempoh kajian yang panjang dengan cara mengurangkan kajian delphi. Penggunaan elemen fuzzy yang disepadukan dalam teknik delphi berupaya menganalisis kesepakatan pakar dalam satu pusingan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sahaja (Mohd. Ridhuan, Saedah Siraj, Farazila Yusof, Nurulrabihah Mat Noh, Zaharah Hussin, Ahmad Ariffin Sapar (2015). Begitu juga dengan pembinaan modul menggunakan Kaedah Fuzzy Delphi (FDM). Terdapat beberapa langkah yang perlu dipatuhi agar kajian ini dianggap sebagai kajian yang empirikal (Ridhuan Jamil, 2020) Pematuhan kepada prosedur ini berupaya mendapatkan dapatan kajian yang empirikal (Arasinah Kamis, Amarumi Alwi & Bushra Limuna Ismail, 2021).

Menurut Ridhuan et.al (2020), terdapat tujuh langkah yang harus dipatuhi apabila menggunakan kaedah Fuzzy Delphi ini. Tujuh langkah yang harus dipatuhi tersebut ialah; 1) membentuk soalan bagi soal selidik fuzzy, 2) penyebaran dan pengutipan data, 3) penukaran pemboleh ubah linguistik ke dalam penomboran segi tiga fuzzy, 4) menukarkan skala likert kepada skala fuzzy, 5) pematuhan Syarat 1, 6) pematuhan Syarat 2, dan 7) penentuan nilai skor fuzzy. Dalam kajian ini, penyelidik telah mengaplikasikan dan mematuhi kesemua langkah seperti yang dinyatakan oleh Ridhuan et. al., (2020) dalam membina dan membangunkan modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur di sekolah rendah.

Langkah pertama yang dipatuhi ialah, penyelidik telah membentuk soalan bagi soal selidik fuzzy Delphi berdasarkan temu bual bersama pakar dan berdasarkan kajian literatur. Lazimya, pembentukan soalan bagi soal selidik adalah sama seperti pembinaan soal selidik biasa. Tetapi, terdapat sedikit perbezaan semasa membina soalan soal selidik fuzzy iaitu soalan soal selidik fuzzy disertakan sumber seperti temu bual pakar atau kajian literatur. Dengan memasukkan sumber, ia mampu memberikan maklumat asas kepada kumpulan pakar (Ridhuan et. al., 2020). Contoh soalan soal selidik fuzzy berserta sumber bagi setiap elemen adalah seperti dalam Jadual 3.21 di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bawah.

Jadual 3.21

Contoh Soal Selidik Bagi Kaedah Fuzzy Delphi Berserta Sumber Bagi Setiap Elemen

Skala persetujuan						
Teramat Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Sederhana Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Teramat Setuju
1	2	3	4	5	6	7

Bil	Elemen Penyediaan BBM	Sumber	Skala						
			1	2	3	4	5	6	7
1	BBM disediakan setiap kal PdP berlangsung.	Pakar (2017)	.						
2	BBM disediakan sekali sekala sahaja.	Rasid Jamian (2013)							
3	Guru mempelbagaikan BBM setiap kali PdP dijalankan.	Pakar (2016)	A						
4	Guru kerap menggunakan BBM bercetak dalam PdP.	Pakar (2017), Pakar (2017)	F Z						
5	Guru menggunakan BBM berbentuk elektronik untuk menarik minat murid.	Md. Khair Md No (2015)							
6	Murid tertarik jika guru membawa BBM.	Pakar (2017)	Z						
7	Murid menjadi lebih berminat dengan penggunaan BBM dalam kelas.	Pakar (2016), Pakar A (2016)	S						
8	BBM yang disediakan melancarkan proses PdP guru.	Pakar J (2016)							
9	Guru menghadapi kekangan masa dan kos dalam penyediaan BBM yang baik.	Pakar (2017)	Y						
10	BBM yang disediakan oleh sekolah atau panitia tidak mencukupi.	Pakar Pakar Z (2017)	Y						

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam langkah kedua pula iaitu penyebaran dan pengutipan data, penyelidik mengedarkan sendiri borang soal selidik kepada 10 orang pakar yang terlibat dalam menjawab soalan soal selidik ini. Cara ini dapat menjamin pulangan seratus peratus borang soal selidik dan menjimatkan masa untuk mendapatkan semula borang soal selidik yang telah diisi. Sebelum borang soal selidik diedarkan, penyelidik telah terlebih dahulu meminta kebenaran daripada Guru Besar sekolah untuk mengedarkan borang soal selidik.

Sebelum mengisi borang soal selidik, pakar-pakar yang dipilih telah diberi penjelasan berkaitan dengan cara untuk memberi maklum balas terhadap item- item dalam soal selidik. Pakar-pakar juga dimaklumkan bahawa segala maklumat yang diberikan adalah dirahsiakan dan bertujuan untuk penyelidikan sahaja, bukan untuk tujuan peperiksaan dan semua persetujuan yang diberi dianggap betul. Pakar-pakar diminta menjawab dengan jujur dan ikhlas serta tidak boleh berbincang memandangkan tahap persetujuan yang dinyatakan adalah bersifat peribadi dan merupakan pandangan pakar sendiri. Penyelidik telah memberikan tempoh masa selama 20 hingga 30 minit kepada pakar untuk menjawab soalan soal selidik ini.

Langkah ketiga merupakan penukaran pemboleh ubah linguistik ke dalampenomboran segi tiga fuzzy (*triangular fuzzy numbers*). Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan skala likert tujuh mata untuk mengukur tahap persetujuan pakar. Skala likert tujuh mata dipilih kerana semakin tinggi bilangan data, semakin jitu dan tepat data yang diperoleh. Tahap-tahap persetujuan skala likert tujuh mata dan pemboleh ubah linguistik yang ditukar kepada skala fuzzy adalah seperti dalam Jadual 3.22 di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.22

Penukaran Aras Persetujuan Pemboleh Ubah Linguistik Ke Dalam Penomboran Segi Tiga Fuzzy.

Tahap skala likert	Pembolah ubal linguistik	Skala fuzzy
1	Teramat tidak setuju	(0.0, 0.0, 0.1)
2	Sangat tidak setuju	(0.0, 0.1, 0.3)
3	Tidak setuju	(0.1, 0.3, 0.5)
4	Sederhana setuju	(0.3, 0.5, 0.7)
5	Setuju	(0.5, 0.7, 0.9)
6	Sangat setuju	(0.7, 0.9, 1.0)
7	Teramat setuju	(0.9, 1.0, 1.0)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Langkah seterusnya ialah langkah keempat iaitu menukarkan semua skala likert ke skala fuzzy. Setelah penyelidik mendapatkan semua data dan maklumat daripada kumpulan pakar, penyelidik telah menukarkan semua data skala likert kepada skala fuzzy. Kemudian, data-data ini akan dianalisis menggunakan perisian Microsoft Excel menggunakan Templet Analisis FDM V2.0 yang dibangunkan oleh Ridhuan Jamil et.al., (2020). Nilai threshold (d) dikira menggunakan formula yang telah ditetapkan seperti dalam Rajah 3.6 di bawah.

$$d\left(\tilde{m},\tilde{n}\right)=\sqrt{\frac{1}{3}\left[(m_1-n_1)^2+(m_2-n_2)^2+(m_3-n_3)^2\right]}.$$

Rajah 3.6. Rumus mengira nilai *threshold (d).*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam langkah kelima pula, penyelidik perlu mematuhi Syarat 1 seperti yang ditetapkan dalam kaedah fuzzy Delphi sebagai satu alat pengukuran dalam kajian yang dijalankan. Dalam Syarat 1 kaedah fuzzy Delphi ini, jika jarak di antara purata dengan nilai pakar adalah kurang atau sama dengan nilai threshold (d)=0.2, maka kesemua pakar dianggap telah mencapai dan membuat konsesus (kesepakatan).

Seterusnya, bagi langkah keenam pula, penyelidik perlu mematuhi dan memenuhi Syarat 2 yang ditetapkan dalam kajian yang menggunakan kaedah fuzzy Delphi ini. Syarat 2 tersebut ialah peratusan mencapai kesepakatan kumpulan pakar adalah lebih atau sama dengan nilai 75% (Chu & Hwang, 2008). Namun, terdapat juga pandangan lain yang menyatakan nilai peratusan nilai yang boleh diterima adalah 67%, bergantung pada kajian yang dijalankan (Shubashini et al., 2015). Namun, jika data yang diperoleh tidak mencapai konsesus pakar, maka pusingan fuzzy perlu dilakukan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Langkah terakhir iaitu langkah ketujuh yang dicadangkan adalah pengiraan agregat penilaian fuzzy untuk menentukan nilai skor fuzzy dan keutamaan bagi setiap item atau elemen. Pengiraan dan penilaian skor fuzzy ini adalah menggunakan rumus skor fuzzy, Amax = ¼ (m1 + 2m2 + m3).Nilai skor fuzzy yang terhasil mestilah

antara nilai 0 hingga 1 kerana nombor fuzzy berada dalam julat 0 hingga 1. Jika nilai yang terhasil adalah kurang daripada 0 atau lebih daripada 1, maka nilai itu bukanlah nilai skor fuzzy.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


3.9.3 Pengaplikasian DDR, FDM dan Model Pembangunan Sistem Dick dan Carey dalam Pembinaan Modul Seni Bahasa

Seperti yang telah dinyatakan, DDR merupakan satu proses pembinaan sesuatu produk seperti modul yang sangat bersistematik kerana mempunyai fasa-fasa tertentu iaitu fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk pembangunan dan fasa penilaian dalam proses pembinaannya. Pembinaan modul menerusi pendekatan DDR ini dikukuhkan lagi dengan penggunaan kaedah Fuzzy Delphi (FDM) yang menentukan konsesus (kesepakatan) pakar bagi memperkukuhkan lagi pembinaan modul serta penggunaan model pembangunan yang menjadi sandaran kepada pendekatan DDR ini. Maka, dalam kajian pembinaan modul seni bahasa ini, penyelidik telah memilih model pendekatan sistem Dick dan Carey (1978, 2014) sebagai model sandaran utama dalam membina dan membangunkan modul seni bahasa ini bersama-sama dengan kaedah Fuzzy Delphi (FDM).

Model pendekatan sistem yang diperkenalkan oleh Dick dan Carey (1978) ini mempunyai sepuluh langkah dalam pendekatan secara instruksional ini. Sepuluh langkah tersebut adalah seperti mengenal pasti matlamat, menjalankan analisis instruksional, analisis pembelajar dan konteks, menetapkan objektif kajian, membangunkan instrumen penilaian, membangunkan strategi instruksional, membina dan memilih bahan pengajaran, membina dan menjalankan ujian formatif, menyemak semula dan membina dan menjalankan ujian sumatif (Dick et.al., 2014). Rajah 3.7 menunjukkan model pendekatan sistem Dick dan Carey (1978, 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.7. Model Pendekatan Sistem Dick dan Carey 1978

Berdasarkan model pendekatan sistem Dick dan Carey (1978) ini, terdapat sepuluh langkah yang ditetapkan dalam pembinaan dan pembangunan sesuatu modul. Sepuluh langkah tersebut telah disepadukan dengan pendekatan penyelidikan reka bentuk dan pembangunan (DDR) yang diasaskan oleh Richey dan Klien (2007) dalam membina dan membangunkan modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur ini. Selain itu, penyelidik juga memasukkan kepelbagaian metodologi dalam proses pembinaan dan pembangunan modul seni bahasa ini, iaitu Kaedah Fuzzy Delphi (FDM). Kaedah Fuzzy Delphi ini dimasukkan adalah bertujuan untuk memastikan dapatan kajian adalah empirikal dan menepati objektif serta mampu memberi hasil kajian seperti yang diharapkan.

Dalam proses pembinaan dan pembangunan modul seni bahasa ini, penyelidik telah membahagikan proses pembinaan modul ini kepada tiga fasa utama menurut DDR iaitu Fasa Satu (Analisis Keperluan), Fasa Dua (Pembangunan dan Pembinaan)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan Fasa Tiga (Penilaian). Dalam fasa analisis keperluan ini, penyelidik memastikan fasa ini adalah selari dengan objektif satu kajian ini iaitu menganalisis maklumat berkaitan PdP kemahiran seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur di sekolah rendah. Dalam fasa analisis keperluan ini juga, penyelidik telah menggunakan kaedah kualitatif dan kepelbagaian metodologi (Kaedah Fuzzy Delphi) untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kemahiran seni bahasa ini. Antara instrumen yang digunakan untuk mendapatkan maklumat berkaitan PdP kemahiran seni bahasa ini ialah temu bual beberapa orang pakar dalam bidang pendidikan Bahasa Melayu seperti Ketua Panitia Bahasa Melayu, guru mata pelajaran Bahasa Melayu, Guru Besar, Pegawai Pejabat Pendidikan Daerah (SISC+), dan juga pensyarah universiti awam dalam pengkhususan pendidikan Bahasa Melayu.

Selain daripada itu, penyelidik juga telah menemu bual beberapa orang murid Tahun Tiga daripada kelas yang dikaji. Untuk mendapatkan maklumat yang lebih banyak, penyelidik juga melakukan pemerhatian terhadap amalan PdP guru serta melakukan analisis dokumen berkaitan PdP kemahiran seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur. Bagi memastikan fasa analisis keperluan ini menepati kehendak seperti yang dicadangkan dalam DDR iaitu memerlukan model sandaran, maka penyelidik telah menetapkan tiga langkah pertama dalam model Dick dan Carey (1978) sebagai panduan dalam membina modul seni bahasa ini. Tiga langkah pertama yang ditetapkan dalam model Dick dan Carey (1978) ini ialah mengenal pasti matlamat, menjalankan analisis konstruksional dan menganalisis pelajar dan konteks. Keterangan pembinaan modul seni bahasa dalam fasa analisis keperluan ini adalah seperti dalam Jadual 3.23 di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.23

Pembinaan Dan Pembangunan Modul Seni Bahasa Dalam Fasa Analisis Keperluan.

Fasa dalam DDR	Objektif Kajian	Langkah dalam Mode Dick dan Carey	Method Kajian
Fasa 1 (Analisis Keperluan	Menganalisis maklumat berkaitan PdP kemahiran seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur sekolah rendah	Langkah 1: : Mengena pasti matlamat Langkah 2 : Menjalankan Analisis Konstruksional Langkah 3: Menganalisis Pelajar dan konteks	Kajian kualitati dan Kaedah Fuzzy Delphi -temu bual -pemerhatian -soal selidik fuzzy -analisis dokumen

Setelah proses fasa analisis keperluan selesai dilaksanakan, penyelidik bergerak ke fasa seterusnya iaitu fasa dua. Dalam DDR, fasa dua merupakan fasa pembinaan dan pembangunan sesuatu model atau modul. Dalam fasa pembinaan dan pembangunan ini, penyelidik menyelaraskan fasa ini dengan objektif kedua kajian ini iaitu membina modul kemahiran seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur sekolah rendah. Oleh hal yang demikian, penyelidik telah merujuk langkah-langkah yang terdapat dalam model Dick dan Carey (1978) bagi tujuan panduan dalam membina modul seni bahasa ini. Sebelum membina modul, penyelidik terlebih dahulu membuat draf pembinaan modul seni bahasa dengan mendasari langkah keempat hingga langkah ketujuh dalam model Dick dan Carey. Langkah keempat yang ditetapkan dalam model Dick dan Carey (1978) ini ialah menetapkan objektif pembelajaran. Menetapkan objektif pembelajaran merupakan pernyataan tentang apa yang akan dicapai oleh murid setelah mereka selesai mengikuti sesuatu pembelajaran. Dalam langkah keempat ini juga, penyelidik telah mengenal pasti tema-tema yang terdapat terkandung dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun Tiga Sekolah Kebangsaan. Penyelidik telah mengenal pasti jumlah tema, unit, tajuk dan kemahiran bahasa dalam buku teks tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setelah penetapan objektif dilakukan, penyelidik telah membangunkan instrumen penilaian yang terdapat dalam langkah kelima. Penyelidik telah berbincang bersama dua orang guru Bahasa Melayu dan seorang guru kanan Bahasa Melayu untuk membangunkan instrumen penilaian yang mampu mengukur pencapaian pembelajaran murid. Aspek yang diperhatikan dalam menentukan instrumen penilaian yang digunakan adalah instrumen mestilah dapat mengukur prestasi murid dalam mencapai objektif pembelajaran yang telah ditetapkan. Dalam membuat instrumen penilaian ini, pemberian skor untuk setiap langkah yang dilakukan oleh murid perlu diberikan. Ujian acuan penanda aras disusun secara langsung untuk mengukur tingkah laku yang digambarkan dalam tujuan. Terdapat empat jenis ujian acuan penanda aras iaitu ujian perilaku awal, ujian pendahuluan, latihan dan ujian penanda aras yang merangkumi seluruh tujuan pembelajaran yang mencerminkan hasil pembelajaran yang diikuti oleh murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, dalam fasa dua ini juga, penyelidik telah membangunkan strategi pembelajaran seperti yang terkandung dalam langkah keenam model Dick dan carey (1978). Berdasarkan maklumat yang telah dikumpulkan sebelumnya, perancangan program pembelajaran dapat menentukan strategi seterusnya yang digunakan dalam pembelajaran. Strategi yang digunakan ini dikenali sebagai strategi pembelajaran atau *instructional strategy*. Dick and Carey (1978) mengelompokkan strategi itu dalam lima komponen iaitu, aktiviti prapembelajaran, penyediaan bahan atau isi, penyertaan murid, penilaian dan aktiviti lanjutan.

Aktiviti prapembelajaran dilakukan dengan memotivasi murid, memberitahu tujuan pembelajaran dan memaklumkan ketrampilan prasyarat pada murid. Selanjutnya dilakukan penyediaan bahan. Aktiviti ini bukan hanya untuk menjelaskan konsep-konsep

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

baharu semta-mata, tetapi juga menjelaskan hubungan antara konsep. Guru juga memutuskan berapa jenis dan jumlah contoh yang diberikan untuk setiap konsep. Salah satu komponen yang paling utama dalam proses pembelajaran adalah latihan dengan mengingat semula. Guru perlu memberikan aktiviti yang relevan dengan tujuan disertai dengan mengingat semula maklumat tentang prestasi dan hasil kerja murid. Untuk kegiatan lanjutan pula, guru meninjau lagi strategi secara keseluruhan untuk menentukan keberhasilan proses belajar.

Langkah terakhir dalam fasa dua ini berdasarkan langkah ketujuah model Dick dan Carey (1978) ialah membina dan memilih bahan pengajaran. Bahan pengajaran memuatkan isi yang digunakan oleh murid untuk mencapai tujuan. Antaranya adalah tujuan khusus dan tujuan umum serta semua yang menyokong terjadinya proses belajar dalam diri murid. Bahan pengajaran juga mengandungi maklumat yang digunakan oleh murid untuk melihat kemajuan mereka selepas pembelajaran. Semua bahan pengajaran harus dilengkapi dengan ujian objektif atau ukuran kemampuan murid. Dalam aspek ini, penyelidik telah berbincang bersama dua orang guru Bahasa Melayu dan Ketua Panitia Bahasa Melayu tentang pembinaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang berasaskan kemahiran seni bahasa untuk dijadikan sebagai modul seni bahasa. Hasil perbincangan memutuskan untuk memasukkan tema, unit, tajuk, standard kandungan, standard pembelajaran serta objektif pembelajaran dalam RPH yang dibina. Selain itu, penyelidik juga memasukkan set induksi, perkembangan aktiviti, refleksi, latihan berpandu dan separa berpandu, pemulihan dan pengayaan serta bahan bantu mengajar yang bersesuaian dengan tajuk pembelajaran yang dipilih.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam proses pembinaan modul seni bahasa ini juga, penyelidik telah mengambil kira faktor tempoh masa PdP, kesediaan murid serta bahan bantu mengajar. Setelah kesemua dua belas set RPH Bahasa Melayu Tahun Tiga yang berfokuskan kemahiran seni bahasa telah siap dibina, penyelidik telah menghantar draf modul tersebut kepada dua orang pensyarah dari universiti awam yang pakar dalam bidang pendidikan Bahasa Melayu bagi tujuan disemak dan dirintis. Setelah disemak dan dirintis, penyelidik telah membuat beberapa penambahbaikan modul berdasarkan pendapat dan pandangan pakar yang telah menyemaknya. Setelah penambahbaikan dilakukan, penyelidik telah meneruskan langkah pembinaan modul ini ke fasa yang seterusnya iaitu fasa tiga. Keterangan pembinaan modul seni bahasa dalam fasa pembinaan dan pembangunan adalah seperti dalam Jadual 3.24 di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.24

Pembinaan Dan Pembangunan Modul Seni Bahasa Dalam Fasa Pembinaan Dan Pembangunan

Fasa dalam DDR	**Objektif Kajian**	**Langkah dalam Mode Dick dan Carey**	**Method Kajian**
Fasa 2 (Pembinaan dan Pembangunan)	Membina modul kemahiran sen bahasa berasaskar pendekatan didik hibur di sekolah rendah.	Langkah 4 : Menetapkan objektif. Langkah 5 : Bina instrumen penilaian. Langkah 6 : Bangunkar strategi instruksiona Langkah 7 : Membina dan memilih bahar pengajaran.	Kajian kualitati dan Kaedah Fuzzy Delphi -temu bual -pemerhatian -Soal selidik fuzzy -analisis dokumen

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fasa ketiga atau fasa terakhir dalam DDR ialah fasa penilaian. Secara lazimnya, sesuatu produk yang dihasilkan haruslah diuji untuk memastikan produk yang dihasilkan benar-benar berkualiti dan berfungsi dengan baik. Lantaran itu, fasa ini bertujuan untuk melihat kesesuaian serta kebolehgunaan sesuatu produk yang telah dibangunkan(Richey dan Klien, 2014). Menurut Ridhuan et. al., (2017), penilaian kebolehgunaan ialah membuat tafsiran dan penilaian terhadap sesuatu produk yang dibangunkan. Secara umumnya, kebolehgunaan boleh dilihat daripada tiga aspek iaitu keberkesanan, kecekapan dan kepuasan pengguna di mana setiap aspek adalah bergantung kepada produk yang dihasilkan (Milano & Ullius, 1998).

Tiga langkah terakhir dalam model Dick dan Carey (1978) telah dimasukkan dalam fasa ketiga ini iaitu membina dan menjalankan ujian formatif (langkah kelapan), semak semula modul (langkah kesembilan) dan membina dan menjalankan ujian sumatif (langkah kesepuluh). Penyelidik telah memberi penerangan dan bimbingan yang jelas kepada guru Bahasa Melayu Tahun Tiga sebelum melaksanakan ujian formatif ini. Penyelidik juga telah menyediakan bahan bantu mengajar (BBM) yang bersesuaian kepada guru Bahasa Melayu bagi melancarkan lagi PdP kemahiran seni bahasa. Setelah ujian formatif selesai dijalankan, penyelidik telah menemu bual guru Bahasa Melayu dan menganalisis lembaran kerja yang dijawab oleh murid.

Dapatan daripada temu bual bersama guru, temu bual bersama murid dan lembaran kerja murid dianalisis untuk melihat kesesuaian dan kebolehgunaan modul tersebut. Proses ini beralih ke langkah kesembilan iaitu menyemak semula modul. Semakan modul tersebut melibatkan penetapan objektif, pembinaan instrumen penilaian, pembinaan strategi serta melihat semula pemilihan bahan pengajaran. Setelah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perbincangan bersama guru Bahasa Melayu serta hasil analisis lembaran kerja murid, penyelidik telah membuat beberapa perubahan dan penambahbaikan berdasarkan dapatan yang dianalisis. Draf modul yang telah siap dimurnikan perlu dilaksanakan semula di dalam kelas Bahasa Melayu untuk melihat kebolehgunaannya. Keterangan pembinaan modul seni bahasa dalam fasa penilaian adalah seperti dalam Jadual 3.25 di bawah.

Jadual 3.25


Pembinaan Dan Pembangunan Modul Seni Bahasa Dalam Fasa Penilaian.

Fasa dalam DDR	**Objektif Kajian**	**Langkah dalam Model Dick dan Carey**	**Method Kajian**
Fasa 3 (Penilaian)	Menilai pelaksanaan modul seni bahasa yang dibina di dalam sebuah kelas Bahasa Melayu di sekolah rendah.	Langkah 8: Membina dan menjalankan ujian formatif Langkah 9: Semak semula modul. Langkah 10: Membina dan menjalankan ujian sumatif.	Kajian kualitati dan Kaedah Fuzzy Delphi -temu bual -pemerhatian -analisis dokumen -Soal selidik fuzzy

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.10 Kerangka Kajian



Rajah 3.8. Kerangka Kajian Pembinaan Modul Seni Bahasa Berasaskan Didik Hibur

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.11 Rumusan

Kajian dalam bab ini menghuraikan reka bentuk kajian iaitu kajian kualitatif deskriptif, peserta kajian serta pakar-pakar yang terlibat dalam kajian ini. Instrumen kajian yang digunakan adalah seperti temu bual, soal selidik, analisis dokumen dan juga pemerhatian. Selain itu, penyelidik juga menghuraikan kepelbagaian metodologi dalam kajian ini iaitu Design Development Research (DDR) dan Kaedah Fuzzy Delphi (FDM). Kaedah pengumpulan dan analisis data secara perisian komputer menggunakan Microsoft Excel iaitu Templet Analisis FDM v2.0 dihuraikan secara rinci bersama model Dick & Carey (1978, 2014) yang dijadikan model sandaran dalam pembangunan modul seni ini. Kerangka kajian juga disertakan bagi menerangkan kajian ini secara lebih jelas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1 Pengenalan

Dalam Bab Empat ini, penyelidik menghuraikan dapatan kajian bagi menjawab tiga soalan kajian dalam kajian ini. Tiga soalan kajian yang terkandung dalam kajian ini ialah;

1. Apakah dapatan berkaitan pengajaran kemahiran seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur sekolah rendah ?

2. Bagaimanakah modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dibina? ;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3. Bagaimanakah penilaian kebolehgunaan modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur terhadap PdP murid di dalam sebuah kelas Bahasa Melayu dijalankan?

Berdasarkan data temu temu, pemerhatian,analisis dokumen dan soal selidik fuzzy yang diperoleh daripada tiga soalan kajian tersebut, triangulasi ketiga-tiga data tersebut menjawab soalan kajian di atas. Data dianalisis secara deskriptif iaitu penceritaan semula temu bual, analisis terhadap dokumen yang dilihat dan disemak, serta huraian terhadap pemerhatian (pencerapan) yang dilakukan. Selain itu, dapatan juga dianalisis menggunakan Kaedah Fuzzy Delphi (FDM) menggunakan Templet Analisis FDM v2.0 menggunakan Mikrosoft Excel.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2 Dapatan Fasa Satu : Analisis Keperluan Amalan Proses Pengajaran dan Pembelajaran Seni Bahasa Berasaskan Pendekatan Didik Hibur Sekolah Rendah

Bahagian ini akan menjawab Soalan 1 kajian iaitu; Apakah dapatan berkaitan pengajaran kemahiran seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur sekolah rendah? Dapatan dalam bahagian ini juga merupakan dapatan bagi Fasa 1 kajian iaitu dapatan analisis keperluan kerana kajian ini menggunakan kaedah Pembangunan dan Pembinaan Reka Bnetuk (DDR) dalam membina modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur di sekolah rendah. Bagi menjawab soalan pertama ini, penyelidik telah menemu bual tiga orang guru yang terlibat secara langsung dalam kajian ini iaitu Guru Bahasa Melayu Tahun 3 iaitu Cikgu Y (bukan nama sebenar), Guru Bahasa Melayu Tahun 2 (Cikgu Z)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan Guru Besar Sekolah Kebangsaan Sri Wangi (Cikgu J). Selain itu, penyelidik juga telah menemu bual 5 orang murid Tahun 3C yang dijadikan peserta dalam kajian ini, untuk mendapatkan maklumat tentang pengajaran guru di dalam bilik darjah. Lima orang murid yang terlibat dalam kajian ini ialah Adik F, Adik I, Adik A, Adik M dan Adik L (bukan nama sebenar).

Selain daripada kaedah temu bual, penyelidik juga menggunakan kaedah pemerhatian dan analisis dokumen untuk memperoleh maklumat yang lebih jelas dan terperinci. Pemerhatian yang dijalankan lebih bertumpu kepada Guru BM Tahun 3C dan juga 5 orang murid Tahun 3C. Murid-murid tersebut terdiri daripada 3 orang murid lelaki dan 2 orang murid perempuan. Soalan temu bual tidak berstruktur, pemerhatian dan analisis dokumen yang telah dijalankan. melibatkan amalan pengajaran guru serta pembelajaran murid di dalam bilik darjah. Penyelidik menghuraikan hasil dapatan daripada triangulasi data ini secara dapatan proses pengajaran guru serta amalan pembelajaran murid. Setelah dapatan temu bual dan pemerhatian diperoleh, penyelidik telah mendekati data, membuat transkripsi serta membuat penyusunan data. Maka, penyelidik telah menemukan tema-tema dan sub- tema hasil daripada aktiviti mengekodkan dan mengkategori yang membolehkan penyelidik mengesahkan kewujudan sesuatu tema dan seterusnya meneroka tema ini secara mendalam. Antara tema yang muncul daripada data yang dikutip ialah; a) penyediaan rancangan pengajaran harian, b) bahan bantu mengajar, c) aktiviti pengajaran dan pembelajaran, d) tempoh masa PdP, dan e) persediaan murid. Tema-tema ini akan dijelaskan dengan lebih rinci lagi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.1 Penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH)

Tema pertama yang muncul daripada data yang dikutip ialah penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) . Rancangan Pengajaran Harian merupakan terjemahan Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT) yang mengandungi sekurang- kurangnya maklumat seperti objektif, rangka kerja aktiviti PdP, pelan pengajaran yang tersusun dan terperinci yang mengandungi beberapa elemen yang perlu ditulis bagi bertujuan memudahkan guru mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Hasil temu bual mendapati bahawa responden (Cikgu Y) menyatakan beliau menyediakan RPH setiap hari iaitu sebelum bermulanya sesi pengajaran dan pembelajaran. Menurut Cikgu Y, penyediaan RPH ini sangat penting kepada para guru kerana RPH yang dibina dapat membantu para guru dalam pengajaran. Antara kepentingan penyediaan RPH menurut Cikgu Y ialah guru dapat menentukan dan memastikan objektif pembelajaran tercapai, meningkatkan keyakinan diri guru sebelum mengajar, mengelak sebarang penyelewengan daripada perkara yang hendak diajar, menentukan masa dan isi pelajaran, menentukan strategi atau aktiviti yang terbaik untuk menyampaikan isi pelajaran, merancang penggunaan bahan bantu mengajar, mengembangkan isi pelajaran secara lancar serta dapat membuat penilaian yang bersesuaian dengan tajuk dan kemahiran yang diajar.

Tegasnya, beliau memang menyediakan RPH pada setiap hari dan RPH ini dibina sebelum PdP berlangsung. Tambahnya lagi, RPH ini sangat penting untuk disediakan setiap hari kerana RPH inilah yang menjadi panduan guru semasa melaksanakan proses pengajaran agar proses PdP dapat dilaksanakan dengan lancar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jika RPH tidak disediakan, guru akan mengajar mengikut apa yang terlintas dalam fikiran tanpa perancangan aktiviti yang teratur. Akibatnya, pengajaran akan bercelaru dan murid-murid tidak faham apa yang cikgu ajar. Ini dapat dibuktikan dengan kata-katanya yang berbunyi;

> "Kalau tidak buat RPH, cikgu akan mengajar ikut suka dia tanpa aktiviti yang betul. Akibatnya, murid pening dan tidak faham apa yang cikgu ajar."
>
> (TBG1 S1)

Menurutnya lagi, masa yang paling sesuai untuk membina RPH ini adalah sehari sebelum PdP bermula kerana guru dapat merancang pelaksanaan PdP dengan baik dari aspek masa, aktiviti, strategi dan bahan bantu mengajar. Jika RPH dibina dengan terburu-buru, maka aktiviti yang akan dilaksanakan mungkin kurang berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kenyataan Cikgu Y ini selari dengan kenyataan Cikgu Z. Menurut Cikgu Z yang juga merupakan guru BM Tahun 2, penyediaan RPH adalah sangat penting bagi seseorang guru kerana pengajaran tanpa merujuk panduan yang dirancang khusus biasanya tidak menepati kemahiran dan objektif yang akan diajar. Malah, pengajaran yang tidak berpandukan RPH boleh menimbulkan kecelaruan aktiviti, tidak menepati tempoh masa, kegagalan mengawal murid- murid, murid-murid menjadi bosan dan sebagainya.

> "Mengajar tanpa merujuk RPH umpama mengajar tanpa tujuan. Aktiviticikgu bercelaru dan murid-murid tak tahu apa-apa. Murid- murid tidak faham dan menjadi bosan. Akibatnya, murid-murid mula berbual dan bising."
>
> (TBG2 S1)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cikgu Z yang merupakan guru yang sudah 18 tahun menceburi bidang perguruan ini menambah, penyediaan RPH yang baik ialah RPH yang mempunyai beberapa elemen seperti tema, tajuk, kemahiran, objektif, aktiviti, nilai, elemen merentas kurikulum, bahan bantu mengajar, pentaksiran dan refleksi. Kemahiran dan objektif yang hendak diajar pula mestilah merujuk DSKP yang telah ditetapkan. Tambahnya, beliau menyediakan RPH ini sehari sebelum PdP bermula, dan jika terdapat kekangan pun, RPH ini akan disediakan lebih awal iaitun sebelum PdP berlangsung.

Malah, Guru Besar iaitu Cikgu J turut menekankan bahawa setiap guru wajib menyediakan RPH terlebih dahulu sebelum mengajar kerana RPH merupakan sumber dan panduan para guru semasa melaksanakan aktiviti pengajaran. Banyak perkara seperti set induksi, aktiviti, bahan bantu mengajar, kaedah pengajaran, penetapan masa perlu dinyatakan terlebih dahulu dan pelaksanaannya perlu disesuaikan dengan aras kebolehan murid. Semua itu bergantung kepada kebijaksanaan guru dalam mengaplikasikannya di dalam bilik darjah. Jika tidak sesuai, guru boleh mengubah suai mengikut keadaan.

Sebagai Guru Besar, beliau selalu mengingatkan para guru supaya menyediakan RPH sebelum memulakan PdP kerana penulisan RPH adalah wajib dan jika guru tidak menulis RPH, itu sudah dikira sebagai satu kesalahan. Tambahnya, beliau sebagai Guru Besar juga perlu menyediakan RPH sebelum PdP bermula. Ini boleh dilihat melalui kata-katanya semasa sesi temu bual dijalankan bersamanya.

> "Setiap kali dalam mesyuarat bersama guru, saya selalu tekankan kepada guru supaya menulis RPH setiap hari sebelum memulakan PdP. Jika RPH tidak ditulis, maknanya guru itu telah melanggar etika perguruan. Setiap hari Khamis,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> saya dan Guru Penolong Kanan yang lain akan menyemak RPH ini ditulis atau tidak. Jika tidak ditulis, saya akan mengeluarkan nota ingatan supaya guru itu menulis RPH."
>
> (TBG3 S1)

Berdasarkan kenyataan yang disuarakan oleh Cikgu J ini jelas menunjukkan bahawa penyediaan dan penulisan RPH ini sangat penting bagi guru sebelum memulakan PdP. Malah menurutnya lagi, RPH yang disediakan lebih awal dan terancang mampu menghasilan PdP yang baik dan berkesan.

Bukan itu sahaja, penyelidik juga telah menemu bual murid Tahun 3C iaitu Adik F (bukan nama sebenar). Adik F mengiakan bahawa Cikgu Y ada menyediakan RPH setiap kali masuk mengajar di dalam kelas. Menurutnya lagi, Cikgu Y akan sentiasa merujuk buku tebal berkulit keras (merujuk buku RPH) di atas meja guru dan kemudiannya mengajar murid-murid berpandukan buku tebal itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> "Cikgu mengajar sekejap, lepas tu dia pergi ke meja guru. Dia baca buku tebal. Lepas tu, dia mengajar semula."
>
> (TBM1 S1)

Pernyataan Adik F ini disokong dengan pernyataan Adik I (bukan nama sebenar) yang menyatakan setiap kali selesai sesuatu aktiviti, guru akan pergi ke meja guru dan membaca buku tebal (buku RPH). Selepas itu, guru akan mengajar mengikut apa yang dibacanya tadi.

> "Cikgu selalu pergi baca buku tebal atas meja. Lepas tu cikgu buat aktiviti. Lepas buat aktiviti, cikgu tengok pula buku tebal atas meja."
>
> (TBM2S1)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan kenyataan kedua-dua orang murid ini, jelas menunjukkan bahawa Cikgu Y ini memang menyediakan RPH sebelum memulakan Pdp dan sentiasa merujuk RPH semasa PdP berlangsung. Namun, hasil temu bual dan analis dokumen, pengkaji mendapati Cikgu Y kurang memasukkan unsur-unsur didik hibur dalam RPH yang dibinanya. Beliau hanya memasukkan unsur didik hibur ini sekali sekala, bergantung kepada kesesuaian masa dan tajuk. Kebiasaannya, elemen didik hibur ini akan diajar jika ada kemahiran seni bahasa sahaja. Menurut Cikgu Y lagi, pengajaran kemahiran dalam mata pelajaran Bahasa Melayu berpandu kepada buku teks dan DSKP. Lazimnya, dalam buku teks telah dinyatakan kemahiran Bahasa seperti kemahiran mendengar dan bertutur (hari pertama), kemahiran membaca (hari kedua), kemahiran menulis (hari ketiga), kemahiran seni Bahasa (hari keempat) dan kemahiran tatabahasa (hari kelima). Kemahiran seni bahasa (didik hibur) ini biasanya diajar pada hari Rabu setiap minggu persekolahan. Bagi kemahiran lain pula, unsur didik hibur ini amat jarang untuk digunakan dalam PdP.


Kadang kala, pendekatan didik hibur yang dikatakan dilaksanakan pada hari Rabu juga kurang diaplikasikan oleh responden. Menurut responden, beliau tidak sempat untuk menyediakan bahan bantu mengajar yang sesuai untuk kemahiran seni bahasa yang disarankan. Contohnya, jika terdapat aktiviti nyanyian mengikut irama tertentu, beliau hanya membaca sahaja seni kata lagu tanpa mengikut irama dan tidak menggunakan iringan muzik. Tambahnya, cara ini lebih mudah dan senang. Murid-murid pula diminta menyebut seni kata lagu dan menjawab soalan yang diberikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pelaksanaan pendekatan didik hibur pada hari keempat sahaja sangat berbeza dengan pandangan Cikgu J. Menurut beliau, unsur didik hibur ini perlu dimasukkan dalam setiap kemahiran Bahasa yang dipelajari dan perlu ditulis dalam RPH. Pendekatan didik hibur ini tidak semestinya diajar pada hari yang terdapat kemahiran seni Bahasa sahaja, bahkan boleh juga diajar dalam kemahiran-kemahiran lain seperti mendengar dan bertutur, membaca, menulis dan pengajaran tatabahasa itu sendiri. Menurutnya lagi, kemahiran-kemahiran bahasa yang lain juga sangat sesuai untuk dimasukkan unsur-unsur didik hibur. Contohnya, pengajaran tatabahasa biasanya membosankan murid. Namun, jika dimasukkan unsur-unsur didik hibur seperti bercerita, teka teki, permainan bahasa, sudah semestinya pengajaran membosankan akan bertukar menjadi santai dan menyeronokkan.

> "Pendekatan didik hibur ini sangat sesuai untuk pengajaran semua kemahiran Bahasa, tidak kira kemahiran lisan, membaca, menulis atau pengajaran tatabahasa. Sebagai contoh, pengajaran tatabahasa biasanya membosankan murid. Namun, jika cikgu menggunakan didik hibur, sudah pasti murid berasa seronok untuk belajar tatabahasa. Ini sangat baik untuk murid itu sendiri."
> (TBG3S4)




Rajah 4.1. RPH yang mengandungi kemahiran seni bahasa didik hibur

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun, terdapat juga penulisan RPH oleh responden yang tidak memasukkan pendekatan didik hibur dalam aktiviti pengajarannya. Dalam penyediaan RPH oleh responden, pendekatan didik hibur tidak dinyatakan secara jelas dalam aktiviti PdP sama ada dilaksanakan atau tidak, seperti dalam jadual di bawah.



Rajah 4.2. RPH yang tidak mengandungi pendekatan didik hibur.

Kesimpulannya, penyelidik mendapati para guru kurang memasukkan unsur-unsur didik hibur semasa penyediaan RPH yang dibinanya. Mereka hanya memasukkan unsur didik hibur ini sekali sekala, bergantung kepada kesesuaian masa dan tajuk. Elemen didik hibur ini hanya diajar jika ada kemahiran seni bahasa sahaja, dan bukannya diajar dalam kemahiran-kemahiran bahasa yang lain. Pendekatan didik hibur yang dikatakan dilaksanakan pada hari Rabu juga kurang diaplikasikan oleh responden.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.2 Bahan Bantu Mengajar

Tema kedua yang muncul dapatam dapatan yang dikutip ialah penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dalam pengajaran menggunakan pendekatan didik hibur. Menurut Cikgu J, BBM merupakan intipati dalam membantu guru bagi melicinkan dan melancarkan pengajaran dalam usaha memudahkan murid memahami konsep dan isi serta dapat menarik minat murid-murid untuk belajar.

Tambahnya, penggunaan pelbagai sumber BBM dapat menolong meningkatkan pengalaman dan menolong murid untuk mendapatkan kebaikan daripada pelajaran. Hal ini demikian kerana murid-murid mempunyai perbezaan dalam cara belajar dan tahap penguasaan. Dengan penggunaan pelbagai BBM dalam pengajaran, murid bukan sahaja boleh nampak pergerakan yang dilakukan, malah murid dapat membaiki kesalahan yang dilakukan semasa menjalankan aktiviti tersebut. Keadaan ini menjadikan proses PdP menjadi lebih bertenaga untuk menarik minat murid untuk mengikuti pembelajaran. Penggunaan BBM dalam pembelajaran sememangnya banyak memberi kebaikan dan manfaat kepada murid-murid. Antara manfaatnya ialah memberi rangsangan dan mengekalkan minat murid, merangsang minda murid, melahirkan perasaan ingin tahu murid, mempelbagaikan aktiviti, pengukuhan kefahaman, memberi pengalaman baru dan sebagainya.

Berdasarkan temu bual penyelidik bersama responden, penyelidik mendapati bahawa responden jarang menyediakan BBM setiap kali PdP berlangsung. BBM hanya disediakan pada masa-masa tertentu sahaja. Menurut responden, BBM tidak disediakan pada setiap hari kerana responden meghadapi beberapa cabaran seperti kekurangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

masa berkualiti untuk menyediakannya, terutama semasa berada di sekolah. Hal ini menyebabkan responden tidak menyediakan BBM untuk dimasukkan dalam akativiti PdP secara didik hibur.

> "Tak sempat nak buat BBM setiap hari. Banyak kerja nak kena buat. Urus budak Tahun 1, siapkan data murid, pengurusan RMT, mesyuarat -mesyuarat awal tahun, hias kelas, programtransisi tahun 1 dan macam- macam lagi. Lepas tu pula, semua perkara perlu dihantar dengan segera. Kadang-kadang, nak pergi rehat 30 minit pun tak sempat. Tapi, BBM yang s*imple-simple* tu kita cuba sediakan juga".
>
> (TBG1 S2)

Kenyataan responden ini hampir sama dengan penjelasan hasil dapatan temu bual dengan Cikgu Z. Menurut Cikgu Z, BBM tidak dapat disediakan setiap kali PdP berlangsung kerana para guru menghadapi beberapa cabaran untuk menyediakannya. Tambahan pula, para guru terpaksa melakukan banyak tugas sampingan yang lain yang menjadi cabaran kepada para guru. Contoh tugas- tugas sampingan yang lain ialah mengemas kini fail-fail murid, pengurusan fail panitia, program-program sekolah, melengkapkan sistem data murid dan guru, kursus, latihan sukan dan permainan untuk pasukan sekolah, latihan kelab dan badan beruniform dan sebagainya. Kesannya, BBM secara didik hibur amat sedikit penggunaanya di dalam bilik darjah semasa PdPc berlangsung.

Menurutnya lagi, setiap hari para guru terpaksa mengajar sehingga 7-10 waktu sehari bermula pukul 7.45 pagi hingga 1.45 tengah hari. Jika ada guru yang tidak hadir, guru ini akan menjadi guru ganti sehingga 2 waktu (60 minit). Ini sekaligus akan mengurangkan masa rehat guru untuk menanda buku latihan mahupun membuat BBM. Selepas pukul 2.00 petang, para guru pula terpaksa mengikuti mesyuarat sama

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ada di sekolah mahupun di luar sekolah, kelas tambahan petang, bengkel dan latihan dalaman, kegiatan kokurikulum, latihan sukan seperti bola sepak, bola baling, bola tampar, olahraga, dan sebagainya lagi. Terdapat juga para guru yang terpaksa mengikuti kelas tambahan pada waku malam. Inilah cabaran-cabaran yang terpaksa ditempuhi oleh para guru dan keadaan ini menyebabkan guru begitu kesuntukan masa untuk menyediakan BBM pada setiap hari.

> "Hmmm..tak dan nak buat BBM. Banyak kerja nak kena buat. Kebanyakan guru BM pegang kelas. Buat urusan kelas, isi APDM, isi buku rekod kehadiran murid, *meeting* 2 hingga 4 mata pelajaran, kalau ada cikgu tak hadir, kena masuk *relief*, latihan bola tampar, bola baling. Kadang-kadang, buku budak pun tak sempat tanda. Kalau ada masa lebih sikit, barulah boleh fotostat bahan untuk murid".
>
> (TBG2 S2)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Malah, dapatan temu bual bersama murid juga mendapati cabaran penyediaan BBM ini memang terjadi kepada para guru. Menurut Adik A (bukan nama sebenar), iaitu murid Tahun 3C, dia menyatakan bahawa Cikgu Y (responden) tidak selalu membawa BBM ke kelas. Kadang-kadang Cikgu Y akan membawa BBM dan ada kalanya hanya membawa buku rekod mengajar. Biasanya, BBM yang dibawa lebih kepada salinan fotostat dan carta bergambar.

> "Cikgu banyak bawa kertas yang difotostat. Ada juga cikgu bawa kertas besar yang ada gambar (carta bergambar). Kadang-kadang, cikgu tak bawa apa-apa. Bawa buku besar je."
>
> (TBM3 S2)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Cikgu Y oleh sebab terdapat banyak cabaran dalam menyediakan BBM yang menarik, maka responden lebih banyak menyediakan BBM yang diulang cetak (fotostat) kerana BBM jenis ini lebih senang dan mudah untuk disediakan dan diaplikasikan dalam bilik darjah. Kebolehpercayaan bahan ini juga agak tinggi kerana bahan yang dipilih untuk difotostat mestilah berkaitan dengan tajuk, kemahiran, standard kandungan dan standard pembelajaran yang terkandung dalam DSKP. Cara ini bukan sahaja dapat membantu guru dalam PdP, tetapi juga dapat menarik perhatian murid untuk mengikuti pembelajaran yang berkesan.

Tambahnya, BBM yang menggunakan alatan elektronik seperti radio, tayangan televisyen, telefon pintar, dan lain-lain lagi juga ada tetapi sangat jarang digunakan. Menurut responden, telefon pintar boleh dijadikan sebagai BBM yang baik jika penggunaannya disertakan bersama televisyen dan pembesar suara tambahan. Namun, saiz telefon yang kecil dan pembesar suara yang agak rendah, maka penggunaan telefon pintar ini tidak dapat dinikmati oleh keseluruhan murid di dalam kelas. Hanya murid yang berada di bahagian hadapan yang dapat melihat dan mendengar aplikasi daripada telefon pintar ini. Murid-murid yang berada di bahagian belakang tidak dapat menikmati fungsi telefon pintar ini. Oleh itu, guru terpaksa menyediakan pembesar suara tambahan. Jelasnya lagi, kepelbagaian bahan yang perlu disediakan ini memberi satu cabaran kepada guru kerana dalam masa yang sama para guru terpaksa membuat dan menyelesaikan tugasan-tugasan lain di sekolah.

Namun, Cikgu Y tidak menafikan bahawa penggunaan BBM dalam bilik darjah mampu memberi reaksi yang positif terhadap penerimaan murid-murid. Beliau menegaskan bahawa BBM yang menarik dan pelbagai dapat memberi gambaran awal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kelancaran PdP yang akan dilaksanakan. Murid-murid sangat seronok jika beliau membawa sesuatu bahan yang baharu masuk ke dalam kelas. Tambahnya, murid-muridnya sangat teruja untuk mengetahui BBM yang akan digunakan semasa PdP nanti. Mereka akan tertunggu-tunggu bilakah dan bagaimanakah bahan itu akan digunakan dalam PdP. Malah, mereka akan berani bertanya kepada guru apakah bahan itu, bilakah akan digunakan dan bagaimana ingin menggunakannya? Dari sini, timbul perasaan ingin tahu murid terhadap bahan yang dibawa dan bagaimana akan dikaitkan dengan tajuk pada hari itu. Mereka akan lebih berminat dan mula memberi perhatian kepada guru sebelum, semasa dan selepas PdP berlangsung.

Kenyataan ini turut disokong dengan pendapat Cikgu Z Menurut Cikgu Z apa-apa sahaja BBM yang dibawa oleh guru ke dalam bilik darjah mampu menarik minat murid. Apabila murid-murid berminat untuk belajar, kawalan kelas juga menjadi terkawal kerana murid-murid tidak bising dan tidak bermain dengan perkara-perkara yang lain. Malah, murid-murid yang kurang aktif juga menunjukkan minat yang tinggi untuk mengikuti pembelajaran.

Tambahnya, keadaan ini sangat berbeza seandainya guru masuk ke kelas hanya membawa buku teks sahaja (tanpa membawa BBM). Guru yang menggunakan buku teks sepenuhnya sebagai bahan rujukan dan bahan bantu mengajar, menyebabkan murid-murid berasa bosan dan tidak berminat dengan PdP. Ini ditambah pula dengan kegagalan komunikasi dan pendekatan pengajaran berpusatkan guru menambah kebosanan murid. Dari sinilah murid-murid mula hilang fokus dan bermain-main serta berbual-bual sesama sendiri kerana murid- murid tidak mempunyai sesuatu perkara yang dapat menarik perhatian mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> "Cikgu, kalau masuk ke kelas tak bawa apa-apa, murid-murid jadi seperti biasa. Bangun, bagi salam, duduk, dengar cikgu mengajar dan jawab latihan. Mereka jadi bosan kerana terlalu biasa dengan cara ini. Tidak ada kelainan yang dapat menarik minat mereka."
>
> (TBG2 S2)

Menurut Cikgu Y pula, keadaan ini menjadi lebih sukar untuk para guru apabila BBM yang disediakan oleh Panitia Bahasa Melayu agak terbatas. Mereka terpaksa berkongsi BBM dengan para guru yang lain terutamanya guru Tahun 1 dan Tahun 2. Tambahnya, Panitia BM ada menyediakan BBM tetapi BBM yang disediakan adalah tidak mencukupi kerana ramai guru BM lain juga yang turut sama menggunakan BBM tersebut. Kebiasaannya, para guru BM Tahun 1 dan 2 yang lebih banyak dan kerap menggunakan BBM yang disediakan oleh panitia. Ini berlaku kerana bilangan kelas Tahun 1 hingga Tahun 6 adalah sebanyak 23 buah kelas, dan ini telah mengehadkan penggunaan BBM yang disediakan oleh panitia. Bagi mencari penyelesaian, para guru terpaksa menyediakan sendiri BBM agar PdP terus berjalan dengan lancar.

> "Panitia Bahasa Melayu memang ada sediakan BBM, tapi tak cukup. Maklumlah. Bilangan kelas Tahun 1 sampai Tahun 6 banyak. Semua nak guna BBM, lebih-lebih lagi Tahun 1 dan 2. Jadi, nak tak nak, kita sendiri yang mesti sediakan BBM ini."
>
> (TBG1S2)

Kesimpulannya, data menunjukkan fenomena yang sebenarnya berlaku dalam amalan pengajaran guru berasaskan didik hibur di sekolah rendah. Para guru amat bersetuju bahawa BBM mampu menarik minat murid untuk mengikuti pembelajaran yang menyeronokkan. Namun, mereka menghadapi banyak cabaran dalam menyediakan BBM yang menarik dan berkesan setiap kali berlangsungnya PdP. Mereka tidak menyediakan BBM yang berkualiti pada setiap kalai PdP berlangsung dan mereka juga tidak boleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengharapkan BBM yang disediakan oleh pihak panitia semata-mata kerana jumlah BBM yang ada tidak mencukupi. Walau bagaimanapun, para guru telah mencuba sebaik mungkin untuk menyediakan BBM yang menarik walaupun tidak pada setiap kali PdP berlangsung.

4.2.3 Aktiviti

Tema ketiga yang muncul hasil kutipan data ialah aktiviti PdP di dalam bilik darjah. Aktiviti merupakan satu set atau susunan langkah pengajaran yang dirancang oleh guru untuk menyampaikan isi pelajaran agar objektif tercapai. Menurut Cikgu Y aktiviti pengajaran yang dirancang dengan tersusun mengikut langkah demi langkah dapat memberi kejayaan dalam PdP. Aktiviti ini mesti dirancang dengan baik mengikut aras penguasaan murid. Jika murid-murid itu aras penguasaannya rendah, maka guru harus merancang aktiviti yang lebih mudah dan aktiviti itu mestilah menarik dan seronok.

> "Aktiviti pengajaran kena rancang betul-betul. Mesti ikut aras murid. Jika murid lemah, cikgu perlu rancang aktiviti yang mudah dan seronok. Yang penting murid faham dan objektif pelajaran tercapai."
>
> (TBG1 S4)

Berdasarkan temu bual tidak berstruktur dengan responden, pengkaji mendapati responden memulakan PdP dengan menggunakan set induksi. Menurutnya, tujuan set induksi digunakan adalah untuk merangsang minat dan keinginan murid ke arah tajuk pembelajaran. Tambahnya, set induksi yang menarik dan fantastik boleh menarik minat murid. Malah, murid-murid berasa seronok dan tertanya-tanya apakah tajuk yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

akan dipelajari. Ini sekaligus dapat menarik minat murid untuk terus bersama guru dalam sesi PdP yang akan dilaksanakan. Set induksi ini menjadi lebih berkesan seandainya guru berjaya menggunakan BBM yang dapat memberi suatu kelainan kepada murid-murid. Contohnya, guru memaparkan gambar-gambar, memainkan lagu, bercerita dan sebagainya. Elemen-elemen kelainan inilah yang sentiasa dinantikan oleh murid-murid kerana mereka perlukan sesuatu yang baharu untuk mengikuti pembelajaran yang berbeza setiap hari.

Namun, dalam pengajarannya, Cikgu Y memang memulakan pengajaran dengan set induksi, tetapi beliau jarang menggunakan BBM kerana tidak sempat menyediakannya. Beliau lebih banyak menggunakan kaedah soal jawab dan bercerita dengan murid untuk mengaitkan dengan tajuk pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurutnya lagi, aktiviti yang selalu digunakannya semasa PdP di dalam kelas ialah aktiviti perbincangan dan soal jawab. Menurut responden lagi, aktiviti perbincangan kerap diadakan kerana aktiviti ini senang untuk dilaksanakan dan murid-murid juga gemar aktiviti perbincangan dalam kumpulan diadakan. Namun begitu, aktiviti ini perlu disertai dengan tugasan yang menarik serta kawalan guru yang betul kerana jika dibiarkan, murid akan berbual dengan perkara yang lain dan bukannya berbincang tentang pembelajaran.

Begitu juga dengan aktiviti soal jawab. Aktiviti ini sangat mudah dilaksanakan kerana guru hanya perlu menyoal murid apa yang dipelajari, faham atau tidak serta bertanyakan pendapat murid. Biasanya, aktiviti soal jawab ini dijalankan terus selepas guru mengajar sesuatu kemahiran untuk memastikan tahap kefahaman murid. Walau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bagaimanapun, aktiviti bercerita dan nyanyian juga dijalankan mengikut kesesuaian kemahiran dan tajuk.

Kenyataan responden ini dikukuhkan lagi dengan pendapat Cikgu Z yang menyatakan bahawa aktiviti soal jawab paling kerap digunakan kerana aktiviti ini sangat senang untuk dilaksanakan. Semasa proses pengajaran berlangsung, murid bebas untuk bertanya guru jika tidak faham dan guru juga boleh bertanya kepada murid tentang kemahiran yang dipelajari. Dari sinilah guru dapat menilai kefahaman murid sama ada murid itu faham atau tidak.

Namun, Cikgu Z turut menjelaskan bahawa aktiviti perbincangan dalam kumpulan kurang sesuai untuk dilakukan terhadap murid-murid yang mempunyai aras penguasaan bahasa yang lemah kerana mereka lebih banyak berbual-bual perkara yang tidak berkaitan dengan tajuk. Guru akan cuba membantu setiap kumpulan untuk menyelesaikan masalah, namun ketika guru berada di kumpulan lain, kumpulan lain pula yang berbual-bual kosong tanpa cuba menyelesaikan tugasan secara berkumpulan. Ini menimbulkan kesukaran kepada guru untuk memastikan semua murid melibatkan diri secara aktif dalam PdP. Oleh sebab itulah, beliau lebih gemar melakukan aktiviti soal jawab salam PdP.

> "Budak-budak kelas sederhana ni kena perhati betul-betul. Kalau bagi kerja, kita kena pantau dengan betul. Kita kena bimbing setiap kumpulan. Satu lagi, kita kena tegas kerana budak-budak ni, kita pergi bimbing kumpulan lain, kumpulan dia pula yang main-main."
>
> (TBG2 S3)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun, Cikgu Y menegaskan bahawa aktiviti yang paling disukai oleh murid-murid ialah menyanyi kerana memang sifat murid-murid suka untuk menyanyi. Tambahnya, apabila bernyanyi, murid-murid seolah-olah dapat melepaskan tekanan dan bebas mengeluarkan suara, tetapi mengikut rentak dan irama yang ditetapkan. Tambahan lagi, lagu yang akan dinyanyikan merupakan lagu-lagu popular masa kini. Mereka begitu seronok, terlompat-lompat keriangan dan tidak sabar untuk menyanyi. Secara tidak langsung, murid-murid akan mempelajari sesuatu tajuk itu dengan perasaan gembira dan mengikuti pembelajaran dengan jayanya serta menepati objektif yang ditetapkan. Namun, beliau menegaskan pelaksanaan aktiviti nyanyian di dalam kelas agak sukar untuk dilaksanakan dengan baik kerana beliau perlu menyediakan radio, lirik lagu dan perlu kawalan kelas yang baik supaya murid-murid tidak bising.

> "Murid-murid sebenarnya suka menyanyi. Ya lah, menyanyi ni seronok. Murid bebas mengeluarkan suara beramai-ramai nyanyi lagu kesukaan mereka. Tapi, jangan terlalu dibiarkan. Silap langkah, kelas menjadi huru-hara. PdP entah ke mana, objektif pula tak tercapai."
>
> (TBG1 S3)

Pendapat Cikgu Y ini selari dengan pendapat Cikgu Z yang menyatakan bahawa murid-murid sangat suka untuk menyanyi. Apabila diberitahu aktiviti yang akan dilaksanakan ialah aktiviti nyanyian, mereka bersorak dan begitu seronok. Jika ada BBM seperti radio atau tayangan, mereka semakin seronok dan gembira. Semua murid akan menyanyi mengikut melodi yang dinyanyikan. Mereka kelihatan tidak takut untuk mengeluarkan suara, menyebut perkataan dengan betul dan sebagainya. Namun, beliau menyatakan beliau sendiri jarang melakukan aktiviti nyanyian dalam bilik darjah kerana beliau menghadapi beberapa cabaran dalam menyediaan BBM berasaskan nyanyian ini. Tambahan pula, aktiviti nyanyian ini perlu disesuaikan dengan tajuk dan kemahiran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang telah ditetapkan dalam buku teks dan DKSP.

Kenyataan Cikgu Y dan Cikgu Z ni memang ada asasnya. Kenyataan mereka ini turut diakui oleh murid-murid Tahun 3C itu sendiri. Menurut Adik M (bukan nama sebenar), dia memang suka menyanyi. Tetapi, Cikgu Y jarang menjalankan aktiviti nyanyian di dalam kelas. Sebaliknya, aktiviti soal jawab yang selalu dilakukan.

> "Saya memang suka nyanyi. Tapi, dalam kelas cikgu tak buat. Masa mengajar, cikgu banyak soal dan suruh murid jawab. Kadang-kadang, murid buat kerja dalam kumpulan. Lepas tu kita kena bentang depan kelas."
>
> (TBM4 S3)

Berdasarkan dapatan-dapatan yang diperoleh di atas, penyelidik mendapati jelas menunjukkan reponden amat kurang menjalankan aktiviti nyanyian di dalam kelas semasa aktiviti PdP berlangsung. Responden menyatakan punca beliau jarang melaksanakan aktiviti nyanyian adalah kerana terdapatnya beberapa cabaran dalam menyediakan BBM yang berkaitan dengan nyanyian seperti radio, pembesar suara dan sebagainya. Responden lebih banyak menggunakan aktiviti soal jawab dan perbincangan dalam kumpulan kecil.

Walaupun banyak aktiviti yang telah dijalankan di dalam bilik darjah, namun masih terdapat segelintir murid yang kurang mahu melibatkan diri secara aktif. Hasil temu bual pengkaji dengan responden, beliau menyatakan masih ada segelintir murid yang masih tidak mahu terlibat dalam aktiviti yang dijalankan. Mereka kelihatan seperti malu, tidak yakin untuk mengeluarkan idea dan kurang bercakap walaupun sesama sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurutnya lagi, biasanya murid-murid ini merupakan murid yang pendiam dan kurang bergaul dengan murid-murid lain. Bagi mengatasi masalah ini, responden telah merancang aktiviti dalam bentuk kumpulan kecil atau berpasangan . Aktiviti ini perlu disertakan dengan bahan bantu mengajar yang menarik supaya dapat merangsang minat mereka dan pembelajaran mestilah bersifat santai dan menghiburkan. Tambahan pula, murid-murid lain dalam kumpulan atau pasangannya dapat membantu mereka semasa aktiviti berlangsung. Dengan cara ini, murid-murid yang kurang terlibat secara aktif tadi akan berasa yakin dan selesa dengan ahli kumpulannya.

Menurut responden lagi, kaedah kumpulan yang diaplikasikannya ini mendapat penerimaan yang baik daripada murid-murid. Pembelajaran berpusatkan murid berjaya mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan tanpa rasa takut kepada guru. Hal ini demikian kerana murid- murid berani untuk bercakap sesama sendiri dalam melaksanakan tugasan walaupun bukan dalam bentuk formal. Mereka bebas mengeluarkan idea, memilih idea yang sesuai dan menggugurkan idea yang kurang sesuai. Apabila membentangkan dapatan tugasan, wakil kumpulan akan tampil untuk menyampaikan dapatan dan murid-murid lain bebas bertanya. Dari sinilah pelibatan mereka secara menyeluruh dapat dilihat. Namun, sekali lagi responden menegaskan bahawa kawalan guru yang betul dapat mewujudkan pembelajaran yang baik, jika sebaliknya suasana pembelajaran akan bertukar menjadi satu medan untuk murid-murid bermain.

Hasil pemerhatian penyelidik pula mendapati bahawa responden memang memberi peluang kepada murid-murid berbincang dalam kumpulan. Mereka akan diberi arahan dan tempoh masa tertentu untuk mencari sesuatu maklumat atau menyelesaikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

masalah. Semasa perbincangan inilah mereka akan berbual untuk mengeluarkan idea dan pendapat, menerima dan menolak idea rakan-rakan dan memilih idea yang tepat untuk diketengahkan. Pemerhatian juga mendapati responden berjaya mengawal pembelajaran murid dengan baik agar tidak menyeleweng daripada fokus pembelajaran. Selepas itu, murid akan tampil dan membentangkan pendapat mereka di hadapan murid-murid lain. Namun, semasa dan selepas pembentangan, penyelidik mendapati responden tidak memberi peluang kepada murid-murid lain untuk bertanya sebaliknya hanya guru yang membuat penambahbaikan terhadap dapatan pembentangan.

Setiap usaha, komitmen dan hasil kerja murid perlu diberikan penghargaan dan pengiktirafan yang sewajarnya. Pujian dan penghargaan ini penting kepada murid-murid sebagai satu motivasi. Biasanya, pujian dan penghargaan akan diberikan selepas murid-murid menyatakan pendapat atau menyiapkan sesuatu tugasan. Menurut responden, beliau kerap memberi pujian kepada murid- muridnya. Dengan memberi pujian dan penghargaan, murid-murid berasa usaha mereka itu dihargai oleh guru dan mereka berasa sangat seronok. Mereka gembira kerana guru memuji hasil usaha mereka. Mereka menjadi lebih bersemangat untuk melakukan sesuatu yang baharu yang berkaitan bidang tugasnya. Murid- murid yang lain juga begitu bersemangat untuk menjawab soalan, berani untuk tampil ke hadapan kelas dan terlibat secara aktif dalam PdP.

Pendekatan yang sama turut dilakukan oleh Cikgu Z. Beliau juga menyatakan beliau selalu memberi pujian kepada murid semasa PdP berlangsung. Tujuan pujian ini diberikan adalah sebagai tanda penghargaan kepada jawapan murid dan usaha mereka. Jika jawapan salah atau tidak tepat, guru tetap memberikan pujian yang lebih bersifat motivasi dan tidak putus asa. Jika guru memberikan pujian, murid akan berasa dihargai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan gembira kerana dipuji di hadapan murid-murid lain. Keadaan ini boleh menimbulkan minat murid-murid lain untuk menyertai akiviti yang dilaksanakan. Menurutnya lagi, penghargaan yang selalu diberikan ialah memberikan tepukan gemuruh, mengucapkan perkataan motivasi seperti "Tahniah", "Syabas", "Bagus", "Cuba lagi", dan sebagainya.

Kenyataan Cikgu Y dan Cikgu Z ini konsisten dengan dapatan daripada murid-murid. Menurut Adik M, selepas menjawab soalan atau menyiapkan latihan, Cikgu Y akan mengucapkan tahniah kepadanya. Kadang kala, cikgu akan membaca hasil kerjanya di hadapan kelas dan meminta murid-murid lain memberikan tepukan gemuruh kepadanya kerana membuat latihan dengan betul. Dia berasa sangat gembira dan begitu dihargai. Begitu juga dengan Maizatul Iqma. Dia juga menyatakan Cikgu Y ini sangat baik kerana selalu memberikan pujian kepadanya seperti mengucapkan perkataan *bagus, baik , cuba lagi* dan sebagainya. Jika jawapan yang diberikan salah atau kurang tepat, beliau akan membimbing murid-murid untuk membina jawapan yang betul.

> "Kalau saya jawab, cikgu kata bagus, tahniah. Kalau salah, cikgu kata bagus juga tetapi kurang tepat. Lepas tu, cikgu akau bimbing jawapan yang betul. Kadang-kadang, cikgu bagi coklat (gula-gula)."
>
> (TBM3 S3)

Pernyataan pujian dan penghargaan ini turut disokong oleh Cikgu J. Menurut beliau, para guru memang patut memberi pujian dan penghargaan kepada setiap murid atas segala hasil usaha mereka sama ada betul atau salah. Jika salah, guru boleh memberi pennghargaan dalam bentuk kata-kata motivasi dan sebagainya. Sebagai Guru Besar, beliau selalu mengingatkan guru-gurunya supaya memberi pujian dan motivasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepada murid kerana murid-murid akan berasa bangga apabila dipuji oleh guru mereka. Walaupun dengan sepatah kata; *Bagus*, murid-murid sudah berasa bangga dengan dirinya sendiri. Ini secara tidak langsung dapat mengekalkan minat murid dalam pembelajaran dan mereka tidak sabar untuk mengikuti pembelajaran yang seterusnya.

> "Ya, pujian dan penghargaan kepada murid sangat penting dan perlu diberikan oleh guru tidak kira jawapan murid itu betul atau salah. Dengan pujian inilah murid-murid berasa seronok dan dihargai.
> Walaupun cikgu kata bagus, murid-murid akan seronok di hadapan kawan-kawannya. Guru tak perlu beri ucapan yang panjang-panjang untuk memuji murid. Inilah yang dikatakan pembelajaran yang seronok. Dan, amalan memberi pujian ini saya selalu tekankan kepada cikgu-cikgu saya."
>
> (TBG3 S3)

Pada akhr PdP, penyelidik mendapati responden telah membuat penilaian terhadap pencapaian objektif yang ditetapkan. Menurut responden, penilaian itu mesti dibuat untuk mengukur kebolehfahaman murid terhadap tajuk atau kemahiran yang dipelajari dan mencapai objektif yang ditetapkan. Biasanya, penilaian itu dibuat secara lisan ataupun bertulis. Terdapat juga penilaian dalam bentuk tugasan dalam kumpulan kecil iaitu memerlukan murid-murid menyiapkan tugasan secara perbincangan dan dapatan akan dibentangkan di depan murid- murid lain. Pembelajaran dan penilaian ini perlu selari dengan objektif pembelajaran yang ditetapkan, sesuai dengan aras kebolehan murid. Menurut beliau lagi, penilaian kemahiran pada akhir PdP ini sangat bertepatan dengan KSSR yang ada sekarang iaitu Penilaian Bilik Darjah (PBD). Penilaian ini memerlukan guru memberi skor Tahap Penguasaan (TP) terhadap kebolehan murid berdasarkan pernyatan TP. Ini secara tidak langsung dapat mengukur tahap penguasaan murid terhadap sesuatu kemahiran yang telah diajar. Tahap Penguasaan murid ini perlu direkodkan dalam buku RPH setiap guru mata pelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji mendapati responden ini ada menyediakan penilaian dan merekodkan TP murid ke dalam buku RPH yang disediakan.

Kesimpulannya, para guru memulakan PdP dengan set induksi untuk menarik minat murid. Namun, para guru lebih berfokus kepada teknik soal jawab dan kurang menggunakan BBM yang sepatutnya. Ini tidak dapat menarik perhatian murid untuk belajar dengan riang. Begitu juga dengan perkembangan aktiviti semasa PdPc berlangsung. Para guru jarang menggunakan aktiviti berasaskan didik hibur sebaliknya lebih banyak menggunakan teknik soal jawab sahaja. Namun, terdapat juga sedikit aktiviti berasaskan didik hibur iaitu perbincangan dalam kumpulan yang memerlukan murid berbincang untuk menyelesaikan tugasan yang diberi oleh guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.4 Masa

Tema keempat yang muncul dalam data yang dikutip dalam amalan pengajaran guru ialah aspek tempoh masa pengajaran Bahasa Melayu. Menurut Guru Besar iaitu Cikgu J, peruntukan masa bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun 3 ialah 300 minit seminggu. Dalam sehari, masa yang diperuntukan adalah sebanyak 30 minit atau 60 minit. Tempoh masa yang diperuntukan adalah sangat penting dalam menentukan pelaksanaan PdP yang berkesan. Menurut Cikgu Y, bagi pelaksanaan PdP yang mempunyai pendekatan didik hibur yang baik, tempoh masa yang paling baik adalah selama 60 minit. Jika tempoh masa PdP selama 30 minit, pembelajaran secara menyeronokkan tidak dapat dicapai secara maksima kerana guru terpaksa mengejar masa dan menyelesaikan beberapa perkara yang timbul dalam bilik darjah sebelum dan semasa PdP berlangsung.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi beliau sendiri, dalam melaksanakan PdP yang baik dan menarik, beliau memerlukan masa yang sesuai iaitu 60 minit. Peruntukan masa 60 minit diperlukan kerana beliau terpaksa menghadapi beberapa cabaran apabila berada di dalam kelas. Menurutnya lagi, sekiranya tempoh masa pengajaran selama 30 minit, terdapat cabaran yang terpaksa dihadapinya dan perkara yang telah menjadi amalan harian dalam kelas ialah membersihkan kelas selama 5 minit supaya kelas kekal bersih (program 5 minit), pengurusan murid, menguruskan kehadiran murid, kelewatan murid masuk ke kelas semula selepas waktu rehat, dari kelas sains di makmal sains, dari padang selepas aktiviti Pendidikan Jasmani dan sebagainya. Walau berdepan dengan cabaran yang telah menjadi kelaziman, beliau menegaskan bahawa objektif pembelajaran pada hari itu tetap tercapai kerana guru telah merancang pelaksanaan PdP yang baik mengikut kesesuaian masa, Cuma pendekatan didik hibur yang tidak dapat dilaksanakan dan aktiviti pengajaran juga adalah yang mudah dan ringkas.

> "Huh, tak sempat! Tiga puluh minit sangat pendek, tak sempat buat apa pun. Masuk kelas 5 minit dah semestinya membersihkan kelas, ambil kehadiran murid, mengurus kelas supaya murid-murid bersedia dan banyak perkara lagi yang kena uruskan. Tapi, kita kena pandai urus masa. Mengajar tetap mengajar. Cuma, didik hibur tak sempat buat. Latihan tetap dibuat untuk menilai murid."
>
> (TBG1 S4)

Sebaliknya, keadaan ini sangat berbeza sekiranya tempoh pengajaran selama 60 minit dijalankan. Menurut responden, tempoh masa ini bersesuaian dengan pelaksanaan PdP yang menyeronokkan kerana guru dapat melaksanakan set induksi dengan baik, menyusun langkah pengajaran dan melibatkan penyertaan murid dalam aktiviti menyeronokkan serta memberi penilaian kepada murid dengan baik. Beliau juga dapat menyediakan BBM dan digunakan secara optima di dalam kelas.Selain itu, murid-murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

juga akan diberi ruang dan peluang untuk terlibat secara aktif dalam setiap aktiviti yang dijalankan. Tambahnya lagi, apabila murid-murid terlibat secara aktif, maka guru dapat membuat penilaian terhadap murid dan mengukur sama ada objektif PdP dapat dicapai atautidak.

Pendapat yang sama disuarakan oleh Cikgu Z. Jika masa yang diperuntukkan pendek, maka agak mustahil untuk para guru melaksanakan PdP yang menyeronokkan dengan baik kerana para guru terpaksa menghadapi beberapa kemungkinan yang timbul semasa berada di dalam kelas. Beberapa kemungkinan yang timbul itulah yang menjadi penghalang pelaksanaan PdP yang menyeronokkan murid. Tambahnya lagi, jika tempoh mengajar 30 minit, beliau tidak dapat melaksanakan pendekatan didik hibur yang baik kerana kesuntukan masa. Biasanya, bagi tempoh pengajaran selama 30 minit, pengajaran lebih berpusat kepada guru dan murid hanya mendengar dan menjawab soalan yang dikemukakan serta menjawab latihan mudah.

Walau bagaimanapun, menurut Cikgu Z lagi, selain masa, terdapat beberapa aspek lain yang lebih penting dalam mewujudkan PdP yang menyeronokkan seperti penggunaan BBM, penggunaan teknologi maklumat, kepelbagaian aktiviti, perwatakan guru dan lain-lain lagi. Gabungan beberapa elemen inilah yang mampu mewujudkan pembelajaran yang menyeronokkan yang seterusnya dapat menarik minat murid untuk mengikuti PdP di dalam bilik darjah.

Hasil pemerhatian penyelidik mendapati jika tempoh masa pengajaran selama 30 minit, responden bukan sahaja tidak dapat menggunakan pendekatan didik hibur, malah tidak dapat mengajar dengan baik. Responden kelihatan kesuntukan masa untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengurus kelas seperti mengawal keadaan murid, membersihkan kelas, mengambil kehadiran dan sebagainya. Aktiviti pembelajaran juga agak terhad kerana pengajaran lebih berpusatkan guru dan tidak menggunakan BBM. Murid-murid pula bersifat mendengar dan menjawab apa yang disoal sahaja tanpa aktiviti kelas yang menarik. Sebaliknya, jika tempoh pengajaran selama 60 minit, pengkaji mendapati responden ini lebih bersedia, tidak terburu-buru dalam pengajarannya, dapat menggunakan BBM atau lembaran yang difotostat, melaksanakan aktiviti mengikut susunana, mewujudkan aktiviti kumpulan dan pembentangan serta membuat penilaian kepada murid.

Kesimpulannya, tempoh masa pengajaran memainkan peranan yang sangat penting dalam mewujudkan pembelajaran yang menarik dan menyeronokkan. Tempoh masa PdPc selama 60 minit mampu merealisasikan PdPc berasaskan didik hibur yang baik, berbanding dengan tempoh PdPc selama 30 minit. Hal ini demikian kerana murid-murid akan dapat menguasai kemahiran bahasa yang dipelajari dengan baik dalam suasana pembelajaran yang santai dan menyeronokkan. Namun, faktor-faktor lain juga sangat penting dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan.

4.2.5 Persediaan Murid


Tema kelima yang muncul dalam dapatan amalan pengajaran guru ini ialah persediaan murid-murid. Jumlah murid Tahun 3C adalah seramai 36 orang murid. Murid lelaki adalah seramai 20 orang manakala murid perempuan pula adalah seramai 16 orang. Menurut responden, kehadiran murid-murid Tahun 3C pada setiap hari adalah memuaskan, iaitu sekitar 85-90%. Kebanyakan murid-murid ini terdiri daripada keluarga yang susah dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sederhana. Ibu bapa mereka bekerja sendiri atau sebagai buruh kasar. Murid-murid ini tinggal lebih kurang 3 hingga 8 kilometer daripada sekolah. Jika hari hujan, peratus kehadiran murid-murid Tahun 3C akan merosot. Menurut responden lagi, kehadiran murid-murid akan terjejas jika hari hujan kerana ibu bapa tidak mempunyai kereta untuk menghantar anak- anak ke sekolah.

Dalam aspek persediaan murid-murid Tahun 3C sebelum memulakan PdP, responden menyatakan rata-rata murid kurang bersedia untuk memulakan PdP. Murid-murid kelihatan seperti bukan berada di dalam kelas. Mereka kerap termenung, hilang fokus, mengantuk, tidak bermaya dan seolah-olah tidak tahu tujuan datang ke sekolah. Buku teks dan buku latihan juga tidak dibawa, latihan tidak disiapkan, jadual kelas hilang dan sebagainya. Malah, mereka juga tidak tahu waktu mata pelajaran yang akan diikuti. Namun, terdapat juga murid-murid yang sudah bersedia untuk memulakan pembelajaran. Rajah 4.3 menunjukkan contoh latihan murid yang tidak siap.


Baca cerita di bawah. Salin cerita tersebut dengan memasukkan imbuhan dan tanda baca yang betul.

azlin baru pindah ke taman murni semasa pindah banyak barang dibawa oleh keluarga azlin barang barang tersebut dibawa dengan sebuah lori yang besar azlin dan keluarganya naiki kereta ke rumah baharu mereka

apabila sampai ke taman murni jiran jiran baharu azlin turut bantu mereka angkat barang keluarga azlin berasa sangat gembira kerana dapat jiran baharu yang baik hati dan suka bantu mereka harap agar hubungan baik tersebut akan berkekalan azlin berasa sangat gembira kerana dapat kawan baharu

Rajah 4.3. Contoh latihan murid yang tidak siap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut responden lagi, keadaan ini disebabkan oleh faktor keluarga murid-murid itu sendiri. Rata-rata ibu bapa murid-murid ini bekerja sendiri dan sebagai buruh kasar di kilang kayu. Pendapatan mereka kurang RM 1500 sebulan dan mereka tinggal di kawasan setinggan berhampiran kilang kayu. Adik beradik mereka juga agak ramai dan ibu bapa kurang memberi tumpuan terhadap pembelajaran mereka. Ada kalanya, murid-murid itu datang lambat ke sekolah dan jika hari hujan, mereka tidak menghantar anak-anak ke sekolah. Keadaan inilah yang menyebabkan motivasi dan kesedaran murid untuk belajar hilang.

> "Kebanyakan murid kelas ni boleh dikategorikan sebagai susah. Mak ayah mereka kebanyakan kerja sendiri, kerja buruh kilang kayu. Gaji ada yang tak sampai RM1000. Duduk rumah setinggan. Adik beradik ramai. Kereta pun tak ada. Kalau hari hujan, budak-budak tak datang sekolah."
>
> (TBG1 S5)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, bilangan murid yang agak ramai dalam kelas juga merupakan faktor murid kurang bersedia untuk belajar. Bilangan mereka yang ramai menyebabkan mereka lebih banyak bercakap daripada belajar. Keadaan ini boleh menyebabkan murid-murid kurang bersedia untuk mengikuti pembelajaran yang baik. Ketidakselesaan ini juga mungkin dipengaruhi oleh pengaruh rakan sekelas. Akibat murid yang agak ramai, pelbagai ragam dan tingkah laku yang kurang baik boleh mengganggu murid-murid lain. Murid-murid lain juga mungkin terikut-ikut dengan tingkah laku tersebut.

Tambahnya, apabila guru masuk ke kelas, murid-murid masih tidak mengendahkan kehadiran guru, malah ada yang sedang bercakap-cakap, berjalan dan melakukan kerja-kerja lain. Hanya selepas salam hormat diberikan, barulah mereka berada dalam keadaan diam dan terkawal. Selepas doa dibacakan, mereka mula

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bercakap-cakap semula tanpa menghiraukan guru yang berada di dalam kelas. Sikap yang ditunjukkan ini jelas menunjukkan mereka kurang kesedaran terhadap pembelajaran dan tidak bersedia untuk memulakan pembelajaran pada hari itu

> "Ramai budak kelas ni. 36 orang. Semua perangai sama, suka bermain. Hanya beberapa orang sahaja yang nak belajar. Kita masuk kelas pun dia buat tak hirau. Nilai hormat kepada cikgu sangat kurang. Kita kena sergah dulu baru dengar kata. Kalau terlalu berlembut, dia orang ni jadi kurang ajar. Sebab tu saya selalu tegas dengan budak-budak ni "
>
> (TBG1 S5)

Kebiasaannya, jika murid-murid kurang bersedia untuk memulakan pembelajaran, maka tumpuan mereka juga akan terganggu semasa pelaksanaan PdP. Walau bagaimanapun, kebijaksanaan guru dalam merancang aktiviti dan mengelola kelas mampu mengubah tumpuan murid daripada leka kepada memberi tumpuan walaupun bukan sepenuhnya. Menurut reponden, murid-murid Tahun 3C boleh memberi tumpuan di dalam kelas semasa pelaksanaan PdP sekiranya aktiviti pembelajaran itu dipelbagaikan. Dengan aktiviti yang pelbagai dan menarika, murid-murid akan tertarik dengan pembelajaran. Mereka akan dilibatkan sepenuhnya dalam aktiviti pembelajaran yang menyeronkkan.

Namun, menurutnya lagi, faktor ketegasan guru dalam mengelola dan mengawal kelas juga sangat penting kerana kebiasaannya, murid-murid Tahun 3C ini agak sukar dikawal jika dibiarkan tanpa ketegasan guru. Bilangan mereka yang ramai dan tahap pemikiran mereka yang masih keanak-anakan menyukarkan kawalan kelas sekiranya murid-murid ini dibiarkan tanpa teguran. Mereka asyik bermain, bergurau, bercakap, berjalan-jalan dan membuat bising jika tidak dikawal dengan betul. Contoh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pemerhatian terhadap pembelajaran murid adalah seperti dalam jadual 4.1 di bawah.

Jadual 4.1

Borang Pemerhatian Terhadap Pembelajaran Murid.

RABU, 25 APRIL 2018 **9.15 PAGI**	
PEMERHATIAN	**KOMEN PEMERHATI**
Pemerhatian dari luar kelas semasa PdP BM berlangsung. Guru BM mengajar seperti biasa, menggunakan buku teks. Masih ada murid yang bercakap-cakap sesama sendiri semasa guru mengajar. Guru menerangkan sesuatu dihadapan dan sesekali meninggikan suara untuk menegur murid supaya memberi perhatian. Murid berada dalam kumpulan. Murid kurang fokus kerana berbual dengan rakan sebelah. Sesekali guru menyoal murid. Guru meminta murid menyalin nota yang ditulis pada papan putih.	Murid kurang fokus dan pembelajaran bersifat satu hala.

Menurut Cikgu Z pula, walaupun pengajaran secara didik hibur diamalkan dalam PdP, namun itu bukan satu cara untuk murid-murid mengikuti pembelajaran menyeronokkan semata-mata tanpa tujuan, sebaliknya guru perlu bijak mengurusnya. Jika dibiarkan tanpa kawalan, pendekatan didik hibur yang menekankan pembelajaran menyeronokkan akan bertukar menjadi medan untuk murid membuat bising tanpa sebarang tujuan.

> "Pendekatan didik hibur memang bagus dimasukkan dalam PdP. Tapi, sebagai guru kita tidak boleh biarkan murid belajar dengan seronok semata-mata tanpa kawalan guru kerana silap-silap, mereka hanya berseronok sahaja tanpa memahami dan menguasai kemahiran Bahasa."
>
> (TBG2 S5)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kenyataan Cikgu Y dan Cikgu Z ini jelas sekali menunjukkan pendekatan didik hibur mampu menarik minat murid untuk belajar, tetapi perlu kebijaksanaan guru semasa mengelola aktiviti yang dirancang agar murid-murid tidak hilang fokus dan tujuan pembelajaran semasa PdP berlangsung. Walaupun murid-murid diberikan aktiviti, namun mereka perlu dibimbing dengan sedikit ketegasan guru supaya mereka tidak bermain dengan perkara yang tidak sepatutnya.

Hasil pemerhatian penyelidik terhadap pengajaran responden, semasa aktiviti pembelajaran berlangsung murid-murid ini kurang diberi peluang untuk bertanya. Menurut responden, mereka kurang diberi peluang untuk bertanya kerana responden terpaksa mengajar dan mengawal kelas dengan nada yang tinggi untuk memastikan murid-murid diam semasa PdP berlangsung. Jika diberi ruang yang terlalu banyak untuk bertanya, mereka akan bercakap-cakap sesama sendiri dan kurang menjawab kepada tajuk pembelajaran. Hal ini boleh menimbulkan kebisingan semasa PdP berlangsung sedangkan objektif pembelajaran gagal untuk dicapai.

Penyelidik juga mendapati murid-murid ini ada diberi peluang berbincang sesama mereka tentang sesuatu tajuk. Responden juga telah memberi arahan yang jelas. Namun terdapat murid-murid dalam kumpulan yang tidak mendengar arahan serta bermain-main sesama sendiri. Dari sinilah timbulnya masalah kepada ahli kumpulan yang lain kerana mereka tidak memahami arahan guru. Akibatnya, mereka mula membuat kerja-kerja lain dan berbual-bual kosong. Ini akan menyebabkan mereka gagal memahami kemahiran bahasa yang dipelajari pada hari itu. Bagi mengelak murid dalam keadaan bising dengan aktiviti dan perlakuan yang kurang baik , responden terpaksa memantau ke semua kumpulan dan memberi arahan semula berulang kali. Dengan cara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ini, murid- murid dapat kembali meneruskan pelajaran dengan betul.

Selepas membuat aktiviti secara perbincangan, responden akan menyuruh wakil setiap kumpulan untuk membuat pembentangan tentang dapatan mereka. Menurut responden, murid-murid kelihatan agak takut dan tidak yakin untuk membuat pembentangan di hadapan kelas. Hal ini berlaku mungkin disebabkan murid tidak biasa bercakap di depan khalayak, tidak dapat menuturkan Bahasa Melayu standard yang baik, malu dan kurang idea. Oleh itu, responden perlu memberi motivasi kepada murid supaya berani untuk bertutur dan mengeluarkan idea walaupun idea itu kurang tepat atau tidak menjawab kepada soalan. Menurutnya lagi, beliau juga cuba membimbing jawapan murid supaya murid berani bertutur di depan khalayak menggunakan Bahasa Melayu yang betul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada akhir pembelajaran, murid-murid akan dinilai oleh guru. Tujuan penilaian ini dilakukan adalah untuk mengukur kebolehfahaman murid terhadap kemahiran dan tajuk pelajaran pada hari itu, serta memastikan objektif PdP tercapai. Menurut responden, penilaian ini sangat penting untuk melihat sejauhmana murid memahami kemahiran yang telah diajar. Tambahnya, beliau selalu memberi penilaian kepada murid setiap kali selesai pengajaran Bahasa. Penilaian yang biasa dilakukan ialah penilaian formatif seperti menjawab latihan, pemerhatian, persembahan, tugasan kumpulan, soal jawab dan sebagainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penilaian ini sangat penting kerana guru-guru perlu merekodkan Tahap Penguasaan (TP) murid-murid selepas sesuatu kemahiran yang diajar untuk direkodkan dalam Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). Namun, terdapat juga segelintir murid yang tidak menjawab latihan dan tidak menyiapkan latihan. Oleh itu, responden terpaksa menilai mereka dari aspek lain seperti pemerhatian dan soal jawab.

> "Pada akhir pengajaran, saya akan buat penilaian kepada murid. Tujuannya nak lihat sama ada murid tu fahamatau tidak. Biasanya saya akan buat menjawab latihan. Ada juga saya buat penilaian secara pemerhatian. Itu saya lebih focus kepada murid-murid yang tak siap latihan bertulis."
>
> (TBG1 S5)

Berdasarkan data triangulasi yang diperoleh, ternyata pendekatan didik hibur ini merupakan suatu elemen yang sangat penting kepada guru-guru dan murid-murid. Pendekatan didik hibur dalam pengajaran Bahasa Melayu ini ternyata dapat menarik minat murid untuk belajar kerana pembelajaran yang dilaksanakan ini menekankan elemen keseronokan dan bersifat santai. Namun, masih terdapat beberapa perkara yang diperlukan untuk mengisi kelompangan amalan proses pengajaran didik hibur yang telah dijalankan oleh guru di sekolah.

Analisis data triangulasi antara temu bual dengan pemerhatian mendapati bahawa responden ada melaksanakan pengajaran menggunakan pendekatan didik hibur, tetapi pelaksanaan pendekatan didik hibur itu adalah tidak menyeluruh. Responden melaksanakan pendekatan didik hibur ini secara kadang-kadang, bergantung kepada situasi dan masa. Pendekatan didik hibur ini dijalankan secara sekali sahaja dalam seminggu iaiatu pada hari keempat PdP. Malah, responden juga menghadapi beberapa cabaran dalam mengajar pendekatan secara didik hibur ini dengan berkesan. Contohnya,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

jika tempoh pengajaran selama 30 minit, responden tidak dapat menggunakan tempoh 30 minit itu secara optima kerana terdapat beberapa amalan dalam kelas yang perlu dilaksanakan oleh responden. Ini akan mengganggu tempoh pembelajaran di dalam kelas dan seterusnya PdP menyeronokkan tidak dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan.

Begitu juga semasa menyediakan BBM untuk pembelajaran secara didik hibur. Responden menghadapi cabaran dari aspek masa, iaitu kekangan masa untuk menyediakan BBM. Tugas harian responden yang pelbagai di sekolah, menjawat beberapa jawatan penting dalam pengurusan sekolah, serta terlibat dalam aktiviti kokurikulum serta mesyuarat membataskan lagi ruang masa responden untuk menyediakan BBM yang baik dan sesuai. Kadang kala, responden hanya membawa buku teks untuk dijadikan sebagai BBM. Hasilnya, PdP hanya berpusat kepada buku teks dan guru. Ini boleh menambahkan lagi rasa bosan murid terhadap pembelajaran Bahasa Melayu.

Bagi mengatasi masalah ini, penyelidik akan membina modul kemahiran seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur ini berserta dengan BBM untuk memudahkan guru-guru mengaplikasikan pendekatan secara didik hibur ini dengan kerap dan berkesan. Dengan adanya BBM yang sesuai dan menarik, reaksi murid-murid akan berubah daripada bosan kepada menyeronokkan, di samping dapat mencapai objektif PdP pada hari itu.

Kesimpulannya, data daripada temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen terhadap murid dan juga guru telah menemukan beberapa tema baharu dalam amalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengajaran guru dan pembelajaran murid tentang kemahiran seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur. Tema-tema yang muncul tersebut telah dianalisis secara rinci bagi menjawab Soalan 1 kajian ini.

4.3 Dapatan Fasa 2 : Pembinaan dan Pembangunan Reka Bentuk

Bahagian ini akan menjawab Soalan 2, iaitu Bagaimanakah modul seni bahasa berasaskan pendekatan dalam PdP Bahasa Melayu dibina? Bagi menjawab Soalan 2 kajian, analisis data dilakukan melalui dua kaedah iaitu melalui kaedah penomboran fuzzy (Microsoft Excel) dan kaedah deskriptif (menghuraikan proses pembinaan modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur dalam mata pelajaran Bahasa Melayu sekolah rendah). Oleh sebab kajian ini mengaplikasikan kaedah Fuzzy Delphi Method (FDM) dalam pembangunan dan pembinaan modul, maka penyelidik telah menggunakan perisian Microsoft Excel yang menggunakan Templet Analiais FDM v2.0 yang dibangunkan oleh Ridhuan Jamil dan Nurulrabihah Mat Noh (2020) untuk menganalisis dapatan soalan soal selidik fuzzy.

4.3.1 Dapatan Pembinaan Modul Seni Bahasa Menggunakan Kaedah Fuzzy Delphi (FDM)

Dalam proses pembangunan dan pembinaan modul menggunakan kaedah Fuzzy Delphi (FDM), soalan soal selidik fuzzy telah diedarkan kepada sepuluh orang pakar yang telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dipilih dalam bidang pendidikan Bahasa Melayu. Setelah borang tersebut telah siap dijawab, data soal selidik fuzzy kemudiannya dianalisis menggunakan analisis penomboran fuzzy menggunakan Templat Analisis FDM v2.0 melalui perisian Microsft Excel. Tujuan data dianalisis menggunakan penomboran fuzzy adalah untuk melihat sama ada dapatan tersebut memenuhi syarat-syarat dan peratusan kesepakatan pakar yang telah ditetapkan dalam pendekatan FDM sebelum proses pembangunan dan pembinaan modul. Setelah syarat-syarat dan kesepakatan pakar telah dipenuhi, maka penyelidik mula jalankan proses pembangunan dan pembinaan modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur di sekolah rendah.

Dalam menganalisis data soal selidik fuzzy menggunakan pendekatan FDM ini, terdapat beberapa syarat yang harus dipatuhi. Syarat-syarat tersebut ialah penomboran segi tiga fuzzy (Triangular Fuzzy Numbers) dan proses penilaian fuzzy (Fuzzy Evaluation Process). Dalam penomboran segi tiga fuzzy, penyelidik menganalisis data menggunakan nilai threshold (d) dan peratus kesepakatan pakar.

4.3.1.1 Penomboran Segi Tiga Fuzzy

Syarat 1 adalah melibatkan nilai *threshold (d)*. Untuk mengukur kesepakatan kumpulan pakar, nilai *threshold (d)* yang terhasil mestilah lebih kecil atau sama dengan nilai 0.2 atau (d) $\leq$ 0.2. Dalam konteks kajian ini, tiga titik perpuluhan digunakan. Maka setiap item yang mengandungi nilai *threshold (d)* yang tidak mencapai nilai 0.3 dan ke atas akan diterjemahkan sebagai diTERIMA berdasarkan kesepakatan pakar . Penentuan nilai *threshold (d)* ini adalah berdasarkan rumus dalam Rajah 4.4 di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

$$d\left(\tilde{m},\tilde{n}\right)=\sqrt{\frac{1}{3}\left[(m_1-n_1)^2+(m_2-n_2)^2+(m_3-n_3)^2\right]}$$

(Chen, 2000; Cheng & Lin, 2002)

Rajah 4.4. Rumus nilai *threshold (d)*

Syarat 2 pula adalah melibatkan peratusan kesepakatan kumpulan pakar. Syarat ini adalah bersandarkan kepada pendekatan kaedah delphi tradisional nilai peratusan ini ditentukan berdasarkan jumlah item yang mengandungi nilai *threshold (d)* yang tidak mencapai nilai 0.3 dan ke atas. Ini membawa maksud bahawa setiap item yang mempunyai nilai *threshold (d)* bersamaan atau kurang daripada 0.2 akan diterima dan ditukarkan kepada nilai peratusan berdasarkan kaedah delphi tradisional. Penggunaan peratus kesepakatan Pakar ≥ 66.7% dipilih berdasarkan kepada bilangan pakar sepakat adalah sebanyak 2/3 daripada jumlah pakar (Shubashini, G., Izran Sarrazin, M., Jawahar, N.L., Abdul Hakim, M., Gunavathy, K, 2015; Chu & Hwang, 2008; Murry & Hammons, 1995).

4.3.1.2 Penilaian Fuzzy

Bagi syarat 3 pula, penentuan nilai skor *fuzzy (A)* adalah bersandarkan kepada nilai α–cut iaitu 0.5 atau Skor *Fuzzy (A)* ≥ nilai α – cut = 0.5. Sekiranya nilai skor *fuzzy (A)*adalah kurang daripada 0.5, maka item yang diukur adalah ditolak berdasarkan kesepakatan kumpulan pakar. Sekiranya nilainya sama dengan 0.5 dan ke atas, maka ia diterima berdasarkan kesepakatan kumpulan pakar. Selanjutnya proses menentukan kedudukan dan keutamaan item boleh dilakukan di mana nilai skor *fuzzy (A)* paling

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tinggi dianggap berada pada kedudukan pertama. Penentuan nilai skor *Fuzzy(A)* ini adalah berdasarkan rumus berikut:

$A = (1/3)*(m_1 + m_2 + m_3)$

(Tang & Wu, 2010; Bodjanova, 2006)

Tujuan soal selidik Fuzzy Delphi ini dijalankan adalah untuk menentukan objektif kajian berdasarkan elemen-elemen yang telah dikenal pasti dalam pembinaan modul seni bahasa ini. Antara objektif kajian soalan soal selidik fuzzy adalah seperti di bawah;

1. Mengenal pasti elemen penyediaan RPH bagi modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur berdasarkan kesepakatan kumpulan pakar.

2. Mengenal pasti elemen penyediaan BBM bagi modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur berdasarkan kesepakatan kumpulan pakar.

3. Mengenal pasti elemen aktiviti bagi modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur berdasarkan kesepakatan kumpulan pakar.

4. Mengenal pasti elemen tempoh masa bagi modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur berdasarkan kesepakatan kumpulan pakar.

5. Mengenal pasti elemen persediaan murid dalam PdP bagi modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur berdasarkan kesepakatan kumpulan pakar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan borang soal selidik fuzzy, Bahagian A mengandungi maklumat demografik pakar. Seramai sepuluh orang pakar dalam pendidikan Bahasa Melayu telah dipilih dalam kajian FDM ini. Pakar-pakar ini terdiri daripada lima orang pakar lelaki (50%) dan lima orang pakar perempuan (50%). Dari aspek tahap pendidikan, seorang daripada pakar (10%) berkelulusan peringkat Ijazah Sarjana manakala sembilan orang pakar lagi (90%) berkelulusan peringkat Ijazah Sarjana Muda. Kesemua pakar yang dipilih merupakan pakar dalam pendidikan Bahasa Melayu kerana telah berkhidmat melebihi 16 tahun dan kesemua mereka (100%) juga mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu. Dari aspek perjawatan pula, tujuh orang pakar tersebut (70%) terdiri daripada guru- guru Bahasa Melayu, seorang Guru Besar (10%), seorang Pegawai PPD (10%) dan seorang lagi pensyarah universiti awam (10%). Kesemua pakar yang dipilih dalam kajian ini berbangsa Melayu (100%). Jadual 4.2 di bawah menunjukkan demografik pakar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2
Demografik Pakar

Demografik		Bilangan Pakar	Peratusan
Jantina	Lelaki	5	50.0%
	Perempuan	5	50.0%
Tahap Pendidikan	PhD	-	-
	Ijazah Sarjana	1	10%
	Ijazah	9	90%
	Diploma	-	-
	Sijil	-	-
Tempoh Berkhidmat Dalam Bidang Pendidikan	5-10 tahun	-	-
	11- 15 tahun	-	-
	16 tahun ke atas	10	100%
Mata Pelajaran Diajar	Bahasa Melayu	10	100%
	Bukan Bahasa Melayu	-	-
Pengalaman Mengajar Bahasa Melayu	5-10 tahun	-	-
	11- 15 tahun	-	-
	16 tahun ke atas	10	100%

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2 *(sambungan)*

Demografik		Bilangan Pakar	Peratusan
Jawatan	Guru	7	70%
	Guru Penolong Kanan /Guru Besar	1	10%
	Guru Cemerlang	-	-
	Pegawai PPD	1	10%
	Pensyarah	1	10%
Bangsa	Melayu	10	100%
	Bukan Melayu	-	-

Bahagian B pula terdiri daripada elemen penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH). Terdapat sepuluh item yang disediakan dalam bahagian ini. Bagi nilai threshold (d), kesemua sepuluh item tentang penyediaan RPH mempunyai nilai kurang daripada 0.2, iaitu item tersebut diterima. Begitu juga dengan peratus kesepakatan kumpulan pakar, kesemua sepuluh item yang dinyatakan berada pada kadar 90-100% kesepakatan kumpulan pakar. Ini menunjukkan bahawa syarat penomboran segi tiga fuzzy telah dipenuhi dan item- item tersebut diterima. Bagi syarat proses penilaian fuzzy pula, skor fuzzy (A) bagi semua item melebihi 0.797 hingga 0.937. Ini bermaksud item yang melebihi 0.5 seperti dalam syarat penilaian fuzzy adalah boleh diterima. Jadual 4.3 di bawah menunjukkan syarat segi tiga fuzzy dan proses penilaian fuzzy bagi elemen penyediaan RPH.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.3

Syarat Triangular Fuzzy Numbers Dan Fuzzy Evaluation Process Bagi Elemen Penyediaan RPH

Bil	Elemen penyediaan RPH	Syarat *Triangular Fuzzy Numbers*		Syarat *Fuzzy Evaluation Process*				Kesepakatan Pakar
		Nilai *Threshold* d	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skor *Fuzzy (A*	
1	Guru perlu menyediakan RPH setiap hari sebelum PdP.	0.064	100.0%	0.840	0.970	1.000	0.937	TERIMA
2	Guru memahami tujuan penulisan RPH.	0.101	100.0%	0.780	0.930	0.990	0.900	TERIMA
3	Guru perlu merancang masa penulisan RPH.	0.049	100.0%	0.740	0.920	1.000	0.887	TERIMA
4	Guru perlu merujuk DSKP semasa membina RPH.	0.027	100.00%	0.880	0.990	1.000	0.957	TERIMA
5	Guru merujuk DSKP dalam membina objektif PdP,	0.027	100.00%	0.720	0.910	1.000	0.877	TERIMA
6	Pendekatan Didik hibur dimasukkan setiap kali PdP .	0.000	100.00%	0.900	1.000	1.000	0.967	TERIMA
7	Pendekatan didik hibur dimasukkan dalam kemahiran seni bahasa sahaja.	0.049	100.00%	0.860	0.980	1.000	0.947	TERIMA

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.3*(sambungan)*

Bil	Elemen penyediaan RPH	Syarat *Triangular Fuzzy Numbers*		Syarat *Fuzzy Evaluation Process*				Kesepakatan Pakar
		Nilai *Threshold*, d	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skor *Fuzzy (A*	
8	Pembinaan RPH melancarkan PdP guru.	0.073	100.00%	0.820	0.960		0.927	TERIMA
9	PdP berasaskan didik hibur dapat dilaksanakan dalam PdP sebenar.	0.098	90.00%	0.820	0.950	0.990	0.920	TERIMA
10	Objektif PdP masih boleh dicapai melalui pembelajaran didik hibur.	0.172	100.00%	0.640	0.810	0.940	0.797	TERIMA

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam aspek penilaian pakar bagi setiap item dalam elemen penyediaan RPH pula, kesemua pakar telah bersetuju dengan item-item tersebut dengan nilai threshold (d) kurang daripada 0.2 iaitu kesemua item mempunyai nilai threshold (d) antara 0.000 hingga 0.172. Bagi peratus kesepakatan kumpulan pakar pula, semua item mencapai 100% kecuali bagi item kesembilan, yang memperoleh 90.0%. Namun, ia masih menepati peratus kesepakatan pakar yang ditetapkan iaitu melebihi 66%. Manakala skor fuzzy (A) pula, semua item melebihi 0.5 iaitu antara 0.797 hingga 0.957.Ini bermaksud, semua item ini melebihi skor fuzzy (A) 0.5 dan item-item tersebut diterima. Jadual 4.4 di bawah menunjukkan kesepakatan pakar bagi setiap item dalam elemen penyediaan RPH.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.4

Kesepakatan Pakar Pada Setiap Item Dalam Elemen Penyediaan RPH

PAKAR	ELEMEN									
	1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**	**7**	**8**	**9**	**10**
1	0.046	0.295	0.031	0.015	0.015	0.000	0.031	0.092	0.069	0.142
2	0.107	0.056	0.122	0.015	0.015	0.000	0.031	0.061	0.069	0.142
3	0.046	0.056	0.031	0.015	0.015	0.000	0.122	0.061	0.069	0.142
4	0.107	0.056	0.031	0.015	0.015	0.000	0.031	0.061	0.069	0.142
5	0.107	0.099	0.031	0.015	0.137	0.000	0.122	0.092	0.086	0.114
6	0.046	0.099	0.031	0.015	0.015	0.000	0.031	0.092	0.069	0.249
7	0.046	0.099	0.031	0.015	0.015	0.000	0.031	0.092	0.324	0.249
8	0.046	0.099	0.122	0.015	0.015	0.000	0.031	0.061	0.086	0.249
9	0.046	0.056	0.031	0.015	0.015	0.000	0.031	0.061	0.069	0.142
10	0.046	0.099	0.031	0.137	0.015	0.000	0.031	0.061	0.069	0.142
Nilai Purata *Treshold* d	**0.064**	**0.101**	**0.049**	**0.027**	**0.027**	**0.000**	**0.049**	**0.073**	**0.098**	**0.172**
Peratusan Kesepakatan Pakar (%)	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**90.0**	**100.0**
Skor Fuzzy (A)	0.937	0.900	0.887	0.957	0.877	0.967	0.947	0.927	0.920	0.797

Bahagian C pula terdiri daripada elemen penyediaan bahan bantu mengajar (BBM). Terdapat sepuluh item yang disediakan dalam bahagian ini. Bagi nilai threshold (d), kesemua sepuluh item tentang penyediaan BBM mempunyai nilai kurang daripada 0.2, iaitu antara 0.027 hingga 0.168. Ini bermaksud item tersebut diterima. Begitu juga dengan peratus kesepakatan kumpulan pakar, kesemua sepuluh item yang dinyatakan mencapai 100% kesepakatan kumpulan pakar. Ini menunjukkan bahawa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

syarat *triangular fuzzy numbers* telah dipenuhi dan item-item tersebut diterima. Bagi syarat *fuzzy evaluation process* pula, skor fuzzy (A) bagi semua item melebihi 0.777 hingga 0.957. Ini bermaksud item yang melebihi 0.5 seperti dalam syarat penilaian fuzzy adalah boleh diterima. Jadual 4.5 di bawah menunjukkan syarat *triangular fuzzy numbers* dan *fuzzy evaluation process* bagi elemen penyediaan BBM.

Jadual 4.5

Syarat Triangular Fuzzy Numbers Dan Fuzzy Evaluation Process Bagi Elemen Penyediaan BBM.

Bil	Penyediaan BBM	Syarat *Triangular Fuzzy Numbers*		Syarat *Fuzzy Evaluation Process*				Kesepakatan Pakar
		Nilai *Threshold*, d	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skor *Fuzzy (A)*	
1	BBM disediakan setiap kali PdP berlangsung.	0.121	100.0%	0.620	0.820	0.960	0.800	TERIMA
2	BBM disediakan sekali sekala sahaja.	0.073	100.0%	0.820	0.960	1.000	0.927	TERIMA
3	Guru mempelbagaikan BBM setiap kali PdP dijalankan.	0.138	100.0%	0.600	0.790	0.940	0.777	TERIMA
4	Guru kerap Menggunakan BBM bercetak.	0.027	100.00%	0.880	0.990	1.000	0.957	TERIMA
5	Guru menggunakan BBM berbentuk elektronik untuk menarik minat murid.	0.076	100.00%	0.800	0.950	1.000	0.917	TERIMA
6	Murid tertarik jika guru membawa BBM.	0.140	100.00%	0.620	0.810	0.950	0.793	TERIMA

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.5 *(sambungan)*

Bil	Penyediaan BBM	Syarat *Triangular Fuzzy Numbers*		Syarat *Fuzzy Evaluation Process*				Kesepakatan Pakar
		Nilai *Threshold*, d	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skor *Fuzzy* (A)	
7	Murid menjadi lebih berminat dengan penggunaan BBM dalam kelas.	0.168	100.00%	0.700	0.860	0.960	0.840	TERIMA
8	BBM yang disediakan melancarkan proses PdP guru.	0.157	100.00%	0.680	0.850	0.960	0.830	TERIMA
9	Guru menghadapi kekangan masa dan kos dalam penyediaan BBM yang baik.	0.064	100.00%	0.840	0.970	1.000	0.937	TERIMA
10	BBM yang disediakan oleh sekolah atau panitia tidak mencukupi.	0.140	100.00%	0.620	0.810	0.950	0.793	TERIMA

Dalam aspek penilaian pakar bagi setiap item dalam elemen penyediaan BBM pula, kesemua pakar telah bersetuju dengan item-item tersebut dengan nilai threshold (d) kurang daripada 0.2 iaitu kesemua item mempunyai nilai threshold (d) antara 0.064 hingga 0.168. Bagi peratus kesepakatan kumpulan pakar pula, semua item mencapai 100%. Ini menepati peratus kesepakatan pakar yang ditetapkan iaitu melebihi 66%. Manakala skor fuzzy (A) pula, semua item melebihi 0.5 iaitu antara 0.777 hingga 0.957. Ini bermaksud, semua item ini melebihi skor fuzzy (A) 0.5 dan item-item tersebut diterima. Jadual 4.6 di bawah menunjukkan kesepakatan pakar pada setiap item dalam elemen penyediaan BBM.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.6

Kesepakatan Kumpulan Pakar Pada Setiap Item Dalam Elemen Penyediaan BBM.

PAKAR	ELEMEN									
	1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**	**7**	**8**	**9**	**10**
1	0.151	0.061	0.138	0.015	0.076	0.139	0.206	0.065	0.046	0.113
2	0.151	0.061	0.138	0.015	0.076	0.139	0.206	0.065	0.046	0.113
3	0.151	0.061	0.138	0.015	0.076	0.139	0.206	0.092	0.046	0.113
4	0.151	0.061	0.279	0.015	0.076	0.139	0.206	0.092	0.107	0.113
5	0.101	0.092	0.114	0.015	0.076	0.139	0.057	0.092	0.046	0.254
6	0.101	0.092	0.114	0.015	0.076	0.113	0.186	0.092	0.046	0.139
7	0.101	0.092	0.114	0.015	0.076	0.113	0.186	0.201	0.046	0.139
8	0.101	0.092	0.114	0.137	0.076	0.113	0.186	0.065	0.046	0.139
9	0.101	0.061	0.114	0.015	0.076	0.113	0.186	0.201	0.107	0.139
10	0.101	0.061	0.114	0.015	0.076	0.254	0.057	0.201	0.107	0.139
Nilai Purata *Treshold*, d	**0.121**	**0.073**	**0.138**	**0.027**	**0.076**	**0.140**	**0.168**	**0.157**	**0.064**	**0.140**
Peratusan Kesepakatan Pakar (%)	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**
Skor Fuzzy (A)	**0.800**	**0.927**	**0.777**	**0.957**	**0.917**	**0.793**	**0.840**	**0.830**	**0.937**	**0.793**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian D pula terdiri daripada elemen aktiviti PdP berasaskan pendekatan didik hibur. Terdapat sepuluh item yang disediakan dalam bahagian ini. Bagi nilai threshold (d), kesemua sepuluh item tentang aktiviti berasaskan pendekatan didik hibur mempunyai nilai kurang daripada 0.2, iaitu antara 0.049 hingga 0.107. Ini bermaksud item tersebut diterima. Begitu juga dengan peratus kesepakatan kumpulan pakar, kesemua sepuluh item yang dinyatakan mencapai 100% kesepakatan kumpulan pakar. Ini menunjukkan bahawa syarat *triangular fuzzy numbers* telah dipenuhi dan item-item tersebut diterima. Bagi syarat *fuzzy evaluation process* pula, skor fuzzy (A) bagi semua item melebihi 0.863 hingga 0.927. Ini bermaksud item yang melebihi 0.5 seperti dalam syarat penilaian fuzzy adalah boleh diterima. Jadual 4.7 di bawah menunjukkan syarat *triangular fuzzy numbers* dan *fuzzy evaluation process* bagi elemen aktiviti PdP berasaskan pendekatan didik hibur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.7

Syarat Triangular Fuzzy Numbers Dan Fuzzy Evaluation Process Bagi Elemen Aktiviti Pdp Berasaskan Pendekatan Didik Hibur

Bil	**Aktiviti PdP berasaskan Pendekatan Didik Hibur**	**Syarat *Triangular Fuzzy Numbers***		**Syarat *Fuzzy Evaluation Process***				**Kesepakatan Pakar**
		Nilai *Threshold*, d	**Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %**	**m1**	**m2**	**m3**	**Skr *Fuzzy (A)***	
1	Guru memulakan PdP dengan set induksi.	0.076	100.0%	0.800	0.950	1.000	0.917	TERIMA
2	Set induksi mampu merangsang pemikiran murid.	0.076	100.0%	0.800	0.950	1.000	0.917	TERIMA

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.7 *(sambungan)*

Bil	Aktiviti PdP berasaskan Pendekatan Didik Hibur	Syarat *Triangular Fuzzy Numbers*		Syarat *Fuzzy Evaluation Process*				Kesepakatan Pakar
		Nilai *Threshold*, d	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skr *Fuzzy (A)*	
3	Kepelbagaian aktiviti berjaya menarik minat murid.	0.049	100.0%	0.740	0.920	1.000	0.887	TERIMA
4	Pembelajaran menarik memerlukan unsur hiburan dalam PdP.	0.073	100.00%	0.820	0.960	1.000	0.927	TERIMA
5	PdP menarik perlu berpusatkan pelajar dan bahan.	0.076	100.00%	0.800	0.950	1.000	0.917	TERIMA
6	Murid cepat bosan dengan PdP berpusatkan guru.	0.064	100.00%	0.760	0.930	1.000	0.897	TERIMA
7	Murid perlu dilibatkan sepenuhnya dalam PdP.	0.107	100.00%	0.720	0.890	0.980	0.863	TERIMA
8	Murid seronok dengan aktiviti menyeronokkan seperti nyanyian.	0.073	100.00%	0.780	0.940	1.000	0.907	TERIMA
9	Penghargaan dan pujian dapat meningkatkan motivasi murid.	0.073	100.00%	0.820	0.960	1.000	0.927	TERIMA
10	Pembelajaran menyeronokkan mampu mencapai objektif PdP.	0.073	100.00%	0.780	0.940	1.000	0.907	TERIMA

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam aspek penilaian pakar bagi setiap item dalam elemen aktiviti PdP berasaskan pendekatan didik hibur pula, kesemua pakar telah bersetuju dengan item-item tersebut dengan nilai threshold (d) kurang daripada 0.2 iaitu kesemua item mempunyai nilai threshold (d) antara 0.049 hingga 0.107. Bagi peratus kesepakatan kumpulan pakar pula, semua item mencapai 100%. Ini menepati peratus kesepakatan pakar yang ditetapkan iaitu melebihi 66%. Manakala skor fuzzy (A) pula, semua item melebihi 0.5 iaitu antara 0.863 hingga 0.927. Ini bermaksud, semua item ini melebihi skor fuzzy (A) 0.5 dan item-item tersebut diterima. Jadual 4.8 di bawah menunjukkan kesepakatan pakar pada setiap item dalam aktiviti PdP.

Jadual 4.8

Kesepakatan Pakar Pada Setiap Item Dalam Aktviti Pdp Berasaskan Pendekatan Didik Hibur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PAKAR	ELEMEN									
	1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**	**7**	**8**	**9**	**10**
1	0.076	0.076	0.031	0.061	0.076	0.046	0.242	0.061	0.092	0.092
2	0.076	0.076	0.031	0.061	0.076	0.046	0.242	0.061	0.061	0.061
3	0.076	0.076	0.031	0.061	0.076	0.107	0.025	0.061	0.061	0.092
4	0.076	0.076	0.031	0.061	0.076	0.107	0.025	0.092	0.092	0.092
5	0.07	0.07	0.03	0.06	0.07	0.10	0.15	0.06	0.09	0.06

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.8 *(sambungan)*

PAKAR	ELEMEN									
	1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**	**7**	**8**	**9**	**10**
	6	6	1	1	6	7	3	1	2	1
6	0.076	0.076	0.122	0.092	0.076	0.046	0.025	0.092	0.092	0.061
7	0.076	0.076	0.031	0.092	0.076	0.046	0.153	0.092	0.061	0.061
8	0.076	0.076	0.031	0.092	0.076	0.046	0.153	0.061	0.061	0.061
9	0.076	0.076	0.031	0.061	0.076	0.046	0.025	0.061	0.061	0.092
10	0.076	0.076	0.122	0.092	0.076	0.046	0.025	0.092	0.061	0.061
Nilai Purata *Treshold*, d	**0.076**	**0.076**	**0.049**	**0.073**	**0.076**	**0.064**	**0.107**	**0.073**	**0.073**	**0.073**
Peratusan Kesepakatan Pakar (%)	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**
Skor Fuzzy (A)	**0.917**	**0.917**	**0.887**	**0.927**	**0.917**	**0.897**	**0.863**	**0.907**	**0.927**	**0.907**

Bahagian E pula terdiri daripada tempoh masa PdP berasaskan pendekatan didik hibur. Terdapat sepuluh item yang disediakan dalam bahagian ini. Bagi nilai threshold (d), kesemua sepuluh item tentang aktiviti berasaskan pendekatan didik hibur mempunyai nilai kurang daripada 0.2, iaitu antara 0.049 hingga 0.157. Ini bermaksud item tersebut diterima. Begitu juga dengan peratus kesepakatan kumpulan pakar, kesemua sepuluh item yang dinyatakan mencapai 100% kesepakatan kumpulan pakar kecuali item yang kelima dan item yang kesembilan yang menacapai 90% kesepakatan pakar. Walau bagaimanapun, peratus kesepakatan kumpulan pakar ini masih melebihi 66% seperti yang ditetapkan dalam kajian ini. Ini menunjukkan bahawa syarat *triangular fuzzy numbers* telah dipenuhi dan item-item tersebut diterima. Bagi syarat *fuzzy evaluation process* pula, skor fuzzy (A) bagi semua item melebihi 0.830 hingga 0.947. Ini bermaksud item yang melebihi 0.5 seperti dalam syarat penilaian fuzzy adalah boleh diterima. Jadual 4.9 di bawah menunjukkan syarat *triangular fuzzy numbers* dan *fuzzy evaluation process* bagi elemen tempoh masa PdP berasaskan pendekatan didik hibur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.9

Syarat Triangular Fuzzy Numbers Dan Fuzzy Evaluation Process Bagi Elemen Tempoh Masa Pdp Berasaskan Pendekatan Didik Hibur.

Bil	Tempoh masa PdP berasaskan Pendekatan Didik Hibur	Syarat *Triangular Fuzzy Numbers*		Syarat *Fuzzy Evaluation Process*				Kesepakatan Pakar
		Nilai *Threshold*, d	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skor *Fuzzy (A)*	
1	Tempoh masa PdP memainkan peranan penting dalam pembelajaran menyeronokkan..	0.157	100.0%	0.680	0.850	0.960	0.830	TERIMA
2	Guru peka terhadap tempoh masa PdP.	0.073	100.0%	0.780	0.940	1.000	0.907	TERIMA
3	Guru menjalankan aktiviti berpandukan tempoh masa yang ditetapkan.	0.049	100.0%	0.860	0.980	1.000	0.947	TERIMA
4	Tempoh masa 30 minit dalam PdP kurang sesuai untuk pembelajaran menyeronokkan.	0.145	100.00%	0.720	0.880	0.970	0.857	TERIMA
5	Tempoh masa 30 minit membataskan aktiviti menyeronokkan dalam PdP.	0.103	90.00%	0.800	0.940	0.990	0.910	TERIMA
6	Guru tidak sempat untuk melaksanakan PdP yang menyeronokkan.	0.132	100.00%	0.780	0.920	0.980	0.893	TERIMA
7	Tempoh masa yang sesuai untuk pembelajaran menyeronokkan adalah 60 minit.	0.073	100.00%	0.820	0.960	1.000	0.927	TERIMA

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.9 *(sambungan)*

Bil	Tempoh masa PdP berasaskan Pendekatan Didik Hibur	Syarat *Triangular Fuzzy Numbers*		Syarat *Fuzzy Evaluation Process*				Kesepakatan Pakar
		Nilai *Threshold*, d	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skor *Fuzzy (A)*	
8	Tempoh masa 60 minit dapat mewujudkan PdP yang menarik.	0.107	100.00%	0.720	0.890	0.980	0.863	TERIMA
9	Penilaian murid masih dapat dilakukan dalam tempoh masa PdP 30 minit.	0.103	90.00%	0.800	0.940	0.990	0.910	TERIMA
10	Objektif PdP masih dapat dicapai dalam tempoh masa 30 minit.	0.107	100.00%	0.720	0.890	0.980	0.863	TERIMA

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam aspek penilaian kesepakatan pakar bagi setiap item dalam elemen tempoh masa PdP berasaskan pendekatan didik hibur pula, kesemua pakar telah bersetuju dengan item-item tersebut dengan nilai threshold (d) kurang daripada 0.2 iaitu kesemua item mempunyai nilai threshold (d) antara 0.049 hingga 0.157.Bagi peratus kesepakatan kumpulan pakar pula, semua item mencapai 100%. Ini bermaksud semua item tersebut boleh diterima. Manakala skor fuzzy (A) pula, semua item melebihi 0.5 iaitu antara 0.830 hingga 0.947. Ini bermaksud, semua item ini melebihi skor fuzzy (A) 0.5 dan item-item tersebut diterima. Jadual 4.10 di bawah menunjukkan kesepakatan pakar pada setiap item.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.10

Kesepakatan Pakar Pada Setiap Item Dalam Elemen Tempoh Masa Pdp

PAKAR	ELEMEN									
	1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**	**7**	**8**	**9**	**10**
1	0.192	0.061	0.122	0.231	0.071	0.108	0.092	0.153	0.071	0.153
2	0.065	0.061	0.031	0.038	0.071	0.108	0.061	0.153	0.071	0.153
3	0.065	0.061	0.031	0.162	0.084	0.108	0.061	0.242	0.084	0.025
4	0.065	0.061	0.031	0.162	0.084	0.108	0.061	0.242	0.084	0.153
5	0.201	0.061	0.122	0.162	0.084	0.108	0.092	0.025	0.309	0.025
6	0.201	0.092	0.031	0.231	0.309	0.284	0.092	0.025	0.084	0.025
7	0.192	0.092	0.031	0.231	0.071	0.284	0.061	0.025	0.084	0.025
8	0.192	0.092	0.031	0.038	0.084	0.054	0.061	0.153	0.071	0.025
9	0.192	0.092	0.031	0.038	0.084	0.108	0.061	0.025	0.084	0.242
10	0.201	0.061	0.031	0.162	0.084	0.054	0.092	0.025	0.084	0.242
Nilai Purata *Treshold*, d	**0.157**	**0.073**	**0.049**	**0.145**	**0.103**	**0.132**	**0.073**	**0.107**	**0.103**	**0.107**
Peratusan Kesepakatan Pakar	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**
Skor Fuzzy (A)	**0.830**	**0.907**	**0.947**	**0.857**	**0.910**	**0.893**	**0.927**	**0.863**	**0.910**	**0.863**

Bahagian F pula merupakan persediaan murid dalam PdP berasaskan pendekatan didik hibur. Terdapat sepuluh item yang disediakan dalam bahagian ini. Bagi nilai threshold (d), kesemua sepuluh item tentang aktiviti berasaskan pendekatan didik hibur mempunyai nilai kurang daripada 0.2, iaitu antara 0.027 hingga 0.133. Ini bermaksud item tersebut diterima. Begitu juga dengan peratus kesepakatan kumpulan pakar, kesemua sepuluh item yang dinyatakan mencapai 100% kesepakatan kumpulan pakar kecuali item yang keempat yang menacapai 90% kesepakatan pakar. Walau bagaimanapun, peratus kesepakatan kumpulan pakar ini masih melebihi 66% seperti yang ditetapkan dalam kajian ini. Ini menunjukkan bahawa syarat *triangular fuzzy numbers* telah dipenuhi dan item- item tersebut diterima. Bagi syarat *fuzzy evaluation process* pula,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

skor fuzzy (A) bagi semua item melebihi 0.810 hingga 0.957. Ini bermaksud item yang melebihi 0.5 seperti dalam syarat penilaian fuzzy adalah boleh diterima. Jadual 4.11 di bawah menunjukkan syarat *triangular fuzzy numbers* dan *fuzzy evaluation process* bagi elemen persediaan murid dalam PdP berasaskan pendekatan didik hibur.

Jadual 4.11

Syarat Triangular Fuzzy Numbers Dan Fuzzy Evaluation Process Bagi Elemen Persediaan Murid Dalam Pdp Berasaskan Pendekatan Didik Hibur.

Bil	Persediaan murid dalam PdP berasaskan Pendekatan Didik Hibur	Syarat *Triangular Fuzzy Numbers*		Syarat *Fuzzy Evaluation Process*				Kesepakatan Pakar
		Nilai *Threshold*, d	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skor *Fuzzy (A)*	
1	Sikap dan tingkah laku murid mempengaruhi PdP.	0.027	100.0%	0.880	0.990	1.000	0.957	TERIMA
2	Tahap kesediaan murid memberi gambaran awal PdP.	0.088	100.0%	0.680	0.870	0.980	0.843	TERIMA
3	Murid kelas sederhana kurang memberi tumpuan terhadap PdP.	0.049	100.0%	0.860	0.980	1.000	0.947	TERIMA
4	Murid kelas sederhana kurang berminat dengan pelajaran.	0.087	90.00%	0.840	0.960	0.990	0.930	TERIMA
5	Murid perlu dimotivasikan oleh guru sebelum PdP.	0.027	100.00%	0.880	0.990	1.000	0.957	TERIMA
6	Ramai murid kelas sderhana yang tidak menyiapkan	0.101	100.00%	0.780	0.930	0.990	0.900	TERIMA

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.11 *(sambungan)*

Bil	Persediaan murid dalam PdP berasaskan Pendekatan Didik Hibur	Syarat *Triangular Fuzzy Numbers*		Syarat *Fuzzy Evaluation Process*				Kesepakatan Pakar
		Nilai *Threshold*, d	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skor *Fuzzy (A)*	
	kerja sekolah.							
7	Ramai murid kelas sederhana yang tidak membawa buku teks Bahasa Melayu.	0.133	100.00%	0.640	0.830	0.960	0.810	TERIMA
8	Murid kelas sederhana agak takut untuk menyatakan idea sendiri.	0.073	100.00%	0.820	0.960	1.000	0.927	TERIMA
9	Murid kelas sederhana perlu diberi peluang untuk menyatakan idea mereka sendiri.	0.049	100.00%	0.860	0.980	1.000	0.947	TERIMA
10	Murid kelas sederhana kurang yakin dengan diri sendiri.	0.065	100.00%	0.720	0.900	0.990	0.870	TERIMA

Dalam aspek penilaian pakar bagi setiap item persediaan murid dalam PdP berasaskan pendekatan didik hibur pula, kesemua pakar telah bersetuju dengan item-item tersebut dengan nilai threshold (d) kurang daripada 0.2 iaitu kesemua item mempunyai nilai threshold (d) antara 0.027 hingga 0.133. Bagi peratus kesepakatan kumpulan pakar pula, semua item mencapai 100%. Ini bermaksud semua item tersebut boleh diterima. Manakala skor fuzzy (A) pula, semua item melebihi 0.5 iaitu antara 0.810 hingga 0.957. Ini bermaksud, semua item ini melebihi skor fuzzy (A) 0.5 dan item-item tersebut diterima. Jadual 4.12 di bawah menunjukkan kesepakatan pakar pada setiap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

item bagi elemen persediaan murid.

Jadual 4.12

Kesepakatan Pakar Pada Setiap Item Persediaan Murid Dalam Pdp Berasaskan Pendekatan Didik Hibur.

PAKAR	ELEMEN									
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
1	0.137	0.038	0.122	0.054	0.015	0.056	0.088	0.092	0.031	0.253
2	0.015	0.038	0.122	0.054	0.015	0.056	0.088	0.061	0.031	0.015
3	0.015	0.038	0.031	0.054	0.015	0.056	0.088	0.061	0.031	0.015
4	0.015	0.038	0.031	0.054	0.137	0.295	0.088	0.061	0.031	0.015
5	0.015	0.038	0.031	0.101	0.015	0.056	0.164	0.092	0.031	0.145
6	0.015	0.215	0.031	0.338	0.015	0.099	0.088	0.061	0.031	0.145
7	0.015	0.038	0.031	0.054	0.015	0.099	0.164	0.092	0.022	0.015
8	0.015	0.038	0.031	0.054	0.015	0.099	0.164	0.092	0.031	0.015
9	0.015	0.215	0.031	0.054	0.015	0.099	0.230	0.061	0.031	0.015
10	0.015	0.183	0.031	0.054	0.015	0.099	0.164	0.061	0.022	0.015
Nilai Purata *Treshold*, d	**0.027**	**0.088**	**0.049**	**0.087**	**0.027**	**0.101**	**0.133**	**0.073**	**0.049**	**0.065**
Peratusan Kesepakatan Pakar (%)	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**
Skor Fuzzy (A)	**0.957**	**0.843**	**0.947**	**0.930**	**0.957**	**0.900**	**0.810**	**0.927**	**0.947**	**0.870**

4.3.2 Dapatan Pembinaan Modul Seni Bahasa secara Kualitatif

Setelah syarat-syarat pembinaan modul yang dianalisis secara FDM telah dipenuhi, langkah pertama yang penyelidik telah lakukan dalam proses membina modul ini ialah penyelidik telah mengenal pasti tema-tema yang terdapat dalam buku teks Bahasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Malaysia Tahun 3. Penyelidik mendapati terdapat 10 tema berbeza yang ditetapkan dalam buku teks Bahasa Malaysia Tahun tiga ini. Penyelidik juga mendapati bahawa dalam setiap tema terdapat tiga unit kecil, dan jumlah keseluruhan unit-unit kecil ialah 30 unit. Dalam setiap unit pula, terdapat beberapa tajuk kecil yang mempunyai beberapa kemahiran bahasa yang berbeza seperti kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca, kemahiran menulis, kemahiran seni Bahasa dan kemahiran tatabahasa. Jadual 4.13 di bawah menunjukkan tema-tema dan unit-unit dalam buku teks Bahasa Malaysia Tahun 3.

Jadual 4.13

Tema dan Unit-unit dalam Buku Teks Bahasa Malaysia Tahun 3

BIL TEMA	TAJUK TEMA	UNIT-UNIT DALAM TEMA/TAJUK
TEMA 1	SEKOLAH	UNIT 1 : Mari Bekerjasama UNIT 2 : Bantu Membantu Amalan Murni UNIT 3 Muafakat Membawa Berkat
TEMA 2	KESELAMATAN	UNIT 4: Jaga Keselamatan Diri UNIT 5 : Panduan Keselamatan UNIT 6 Berwaspada Selalu
TEMA 3	KESIHATAN DAN KEBERSIHAN	UNIT 7 : Sihatkan Tubuh Kita UNIT 8 : Jaga Kesihatan Diri UNIT 9 : Badan Sihat Fikiran Cerdas
TEMA 4	PERPADUAN	UNIT 10 : Hubungan Harmoni UNIT 11 : Bertolak Ansur Amalan Kita UNIT 12 Amalan Murni Hidup Sejahtera
TEMA 5	EKONOMI KITA	UNIT 13 : Pembeli Bijak UNIT 14 : Berjimat Amalan Mulia UNIT 15 : Usaha Jaya
TEMA 6	PERTANIAN DAN PENTERNAKAN	UNIT 16 : Tanaman Hiasan UNIT 17 : Nelayan UNIT 18 : Hasil Tani
TEMA 7	TRADISI KITA	UNIT 19 : Budaya Bangsa UNIT 20 : Produk Seni UNIT 21 : Dengarlah Cerita
TEMA 8	NEGARAKU TERCINTA	UNIT 22 : Kebanggaan Kita UNIT 23 : Sejarah Negara Kita UNIT 24 : Cintailah Negara Kita
TEMA 9	ALAM CERIA HIDUP SEJAHTERA	UNIT 25 : Mesra Alam UNIT 26 : Pendidikan Alam Sekitar UNIT 27 Jagalah Alam Kita
TEMA 10	SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI	UNIT 28 : Aktiviti Sains UNIT 29 : Sains dan Teknologi UNIT 30 : Inovasi dan Reka Cipta

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyelidik juga telah mendapati bilangan tajuk-tajuk yang terdapat dalam buku teks ini adalah sebanyak 144 tajuk yang meliputi pelbagai tema dan 144 kemahiran bahasa yang telah ditetapkan mengikut tajuk yang telah disusun berdasarkan tema. Daripada 144 kemahiran bahasa yang diketengahkan, 26 daripadanya adalah kemahiran seni bahasa.

Untuk membina modul pengajaran Bahasa Melayu berasaskan didik hibur ini, penyelidik mendapati bahawa 144 kemahiran bahasa yang dinyatakan adalah terlalu banyak dan perlu dikecilkan mengikut kesesuaian tempoh masa kajian. Oleh itu, penyelidik telah berbincang bersama dua orang guru Bahasa Melayu Tahun 3 dan seorang guru kanan bahasa Melayu untuk menetapkan bilangan kemahiran bahasa yang perlu diajar dan bentuk kemahiran bahasa yang perlu dipilih. Hasil perbincangan memutuskan bahawa adalah lebih sesuai untuk mengambil satu tajuk bagi setiap tema. Oleh yang demikian, terdapat 12 tajuk yang akan dibina dalam modul ini yang meliputi 12 tema.

Dari aspek kemahiran bahasa pula, ketiga-tiga orang guru Bahasa Melayu tersebut mencadangkan supaya kemahiran seni bahasa yang perlu dimasukkan ke dalam modul ini kerana kemahiran seni bahasa ini amat bertepatan dengan kajian ini iaitu membina modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur. Kemahiran-kemahiran lain seperti mendengar dan bertutur, membaca, menulis dan tatabahasa merupakan kemahiran yang telah ada dalam kemahiran seni bahasa. Menurut Cikgu Y, para guru juga kurang berkemahiran dalam mengajarkan Bahasa Melayu berasaskan didik hibur ini. Oleh yang demikian, kemahiran seni bahasa sangat sesuai untuk dimasukkan dalam modul ini. Setelah kata putus dicapai, penyelidik telah meneliti setiap tajuk dari setiap unit

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan tema yang mengandungi kemahiran seni bahasa. Jadual 4.14 menunjukkan kemahiran seni bahasa dalam setiap tema.

Jadual 4.14

Kemahiran Seni Bahasa Yang Terkandung Dalam Setiap Tema Dan Unit

BIL	TEMA	UNIT	TAJUK	KEM. BAHASA
1	Sekolah	2	Mari Bernyanyi	4.1.1
2	Sekolah	3	nbaan Katak dengan Siput	4.2.1
3	Keselamatan	5	Tangga Bergerak	4.2.1
4	Keselamatan	6	Berkelah di Pantai teluk Cempedak	4.2.1
5	Kesihatan dan Kebersihan	8	Jaga Kesihatan Diri	4.3.1
6	Kesihatan dan Kebersihan	8	i Bernyanyi : Adikku Ceria	4.1.1
7	Perpaduan	10	Cegahlah Denggi	4.2.2
8	Perpaduan	11`	Amalan Muafakat	4.3.1
9	Perpaduan	11	Mari Berpantun	4.4.1
10	Perpaduan	12	Hidup Sejahtera	4.3.1
12	Ekonomi Kita	13	Adik Pengguna Bijak	4.1.2
13	Ekonomi Kita	14	Mari Baca dan Lakonkan	4.3.2
14	Ekonomi Kita	15	Anugerah Pelajar Cemerlang	4.3.4
15	Pertanian dan Penternakan	16	Taman Mini-Pantun	4.4.2
16	Pertanian dan Penternakan	18	Kebun Sayur Aeroponik	4.2.1
17	Tradisi Kita	19	Cerita Nenek	4.2.1
18	Tradisi Kita	19	Tarian Inang	4.1.2
20	Tradisi Kita	21	Mari Lakonkan	4.3.2
21	Negaraku Tercinta	22	Tokoh Nilam Kebangsaan	4.2.2
22	Negaraku Tercinta	22	Mari Berlakon	4.3.1
23	Negaraku Tercinta	24	Bina dan Baca	4.4.2
24	Alam Ceria Hidup Sejahtera	25	Masyarakat Rimba	4.3.2
25	Alam Ceria Hidup Sejahtera	27	Cerita Hujan	4.2.1
26	Sains, Teknologi dan Inovasi	29	Mari Lakonkan	4.3.1

Setelah penyelidik mengenal pasti kemahiran-kemahiran seni bahasa yang terdapat dalam dalam buku teks Bahasa Malaysia Tahun 3, penyelidik telah berbincang bersama Cikgu Y dan Cikgu Z untuk memilih kemahiran-kemahiran seni bahasa yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sesuai dengan unit dan tajuk. Kemahiran- kemahiran seni bahasa tersebut adalah selari dan menepati pernyataan seperti yang terkandung dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu Tahun 3.

4.3.2.1 Merangka Draf Modul

Setelah meneliti tema-tema, unit dan tajuk serta 26 kemahiran seni Bahasa yang terkandung dalam Buku Teks Bahasa Malaysia Tahun 3, penyelidik mula merangka draf untuk membina modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur ini. Jadual 4.15 di bawah menunjukkan pemilihan dan penetapan kemahiran seni bahasa dalam modul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.15

Pemilihan Dan Penetapan Kemahiran Seni Bahasa Dalam Modul.

BIL	TEMA	UNIT	TAJUK	KEMAHIRN BAHASA	MUKA SURAT
1	Sekolah	2	Bekerjasama Hidup Bahagia	4.1.1	9
2	Keselamatan	5	Panduan Keselamatan	4.1.2	26
3	Kesihatan dan Kebersihan	8	Adikku Ceria	4.1.1	42
4	Perpaduan	11	Mari Berpantun	4.4.1	57
5	Perpaduan	12	Dengarlah Nasihat	4.3.2	63
6	Ekonomi Kita	14	Adik Pengguna Bijak	4.2.2	68
7	Ekonomi Kita	14	Baca dan Lakonkan	4.3.2	72
8	Tradisi Kita	19	Cerita Nenek	4.2.1	101
9	Tradisi Kita	19	Tarian Inang	4.1.2	102

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.15 *(sambungan)*

BIL	TEMA	UNIT	TAJUK	KEMAHIRN BAHASA	MUKA SURAT
10	Tradisi Kita	21	Mengenang Jasa Ibu	4.3.2	111
11	Negaraku Tercinta	22	Tokoh NIlam Kebangsaan 2011	4.2.2	116
12	lam Ceria Hidup Sejahtera	27	Cerita Hujan	4.2.1	146

Langkah seterusnya dalam merangka draf modul ini ialah penyelidik berbincang bersama Cikgu Y dan Cikgu Z untuk menetapkan tema, memilih unit dan tajuk serta kemahiran seni Bahasa. Penyelidik telah menetapkan untuk membina 12 set Rancangan Pengajaran Harian (RPH) berdasarkan 12 kemahiran seni bahasa yang berbeza berdasarkan tema dan unit dalam buku teks. Pemilihan kemahiran seni bahasa juga dipelbagaikan agar murid-murid dapat mengikuti PdP dengan kemahiran yang berbeza dan menyeronokkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.2.2 Proses Pembinaan Modul

Bagi membina modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur ini, langkah seterusnya yang penyelidik telah jalankan ialah merangka pembinaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH). Penyelidik telah menetapkan beberapa aspek penting yang perlu ada dalam RPH seperti penulisan tema, unit dan tajuk, kemahiran bahasa yang diajar, penetapan objektif berpandukan DSKP, elemen merentas kurikulum, aktiviti pengajaran (set induksi, perkembangan aktiviti dan penutup), pemilihan dan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM), penetapan tempoh masa pengajaran yang sesuai, langkah pengukuhan dan pengayaan serta penilaian dan hasil pembelajaran. Penyelidik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

telah membina 12 modul RPH yang digunakan oleh para guru nanti dan setiap modul tersebut mempunyai keistimewaannya tersendiri.

Dalam modul 1, penyelidik telah memilih tajuk "Bekerjasama Hidup Bahagia" di bawah tema Sekolah. Dalam tajuk ini, kemahiran bahasa yang ditetapkan ialah kemahiran 4.1.1 iaitu bercerita menggunakan gaya bahasa yang indah dan santun. Pada permulaan pembelajaran (set induksi), penyelidik telah mempamerkan beberapa keping gambar berwarna aktiviti keluarga pada hujung minggu dan meminta murid menyatakan aktiviti yang mereka lihat. Apabila murid melihat gambar, mereka akan teruja dan seronok serta dapat menyatakan dengan yakin apa yang mereka lihat.

Setelah itu, penyelidik menarik minat murid apabila memperdengarkan lagu "Didi & Friends" yang berjudul Satu Buku di Atas Meja". Penyelidik telah menggunakan BBM telefon bimbit yang disambung tanpa wayar terus pada pembesar suara pintar yang mengandungi lagu-lagu terpilih yang telah dimuat turun. Penggunaan telefon bimbit sebagai BBM amat wajar kerana telefon bimbit merupakan keperluan utama para guru pada hari ini dan begitu mudah untuk digunakan.

Penyelidik meminta murid-murid menyanyi bersama-sama dalam suasana yang riang ria. Selepas itu, penyelidik meminta murid-murid menyanyikan lagu "Bekerjasama Hidup Bahagia" dengan irama "Satu Buku di Atas Meja". Penyelidik telah memilih irama nyanyian Didi & Friends kerana murid-murid pada hari ini begitu suka dengan kartun tersebut. Murid-murid menjadi semakin seronok kerana dapat menyanyi menggunakan lagu kegemaran mereka. Penyelidik mengaitkan objektif pembelajaran apabila meminta murid berbincang dalam kumpulan untuk mencari mesej berdasarkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lagu tersebut. Setelah diberi masa yang sesuai, murid bercerita tentang mesej dalam lagu sambal dibantu oleh rakan dalam kumpulan. Ini menambahkan lagi keyakinan murid untuk bercerita kerana mereka membina pengetahuan mereka sendiri melalui nyanyian.

Untuk terus memberi didikan secara terhibur dan menyeronokkan, penyelidik telah menyiapkan beberapa keping kad contoh kosa kata umum dan istilah. Sekali lagi, penyelidik meminta murid berbincang dalam kumpulan untuk mencari dan menulis kosa kata umum dan istilah ke dalam borang grafik yang disediakan oleh penyelidik. Borang grafik berbentuk latihan bertulis itu juga mengandungi watak animasi Didi & Friends bagi tujuan merangsang minat murid untuk menjawab soalan supaya tidak bosan. Setelah diberi masa yang bersesuaian, wakil kumpulan akan membentangkan dapatan di hadapan kelas. Pada akhir pengajaran, penyelidik meminta murid menyanyikan semula lagu menggunakan melodi "Satu Buku di Atas Meja" dan menyatakan semula mesej yang terdapat dalam lagu sebagai aktiviti pengukuhan.

Dalam modul kedua, penyelidik memilih tajuk Panduan Keselamatan yang terdapat dalam tema Keselamatan. Kemahiran Bahasa dalam tajuk ini ialah 4.1.2, iaitu memahami dan menghasilkan lirik lagu yang mengandungi mesej secara terkawal dan menyampaikan melalui nyanyian secara didik hibur. Objektif yang ditetapkan ialah melengkapkan dua baris lagu yang mengandungi mesej dalam nyanyian dan membaca untuk menambah empat kosa kata umum dan istilah.

Pada permulaan PdP, penyelidik menarik perhatian murid dengan cara memperdengarkan lagu asal "Gelang Si Paku Gelang". Penyelidik memainkan lagu tersebut menerusi telefon bimbit dan pembesar suara pintar kerana BBM ini lebih mesra

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepada guru. Lagu ini juga telah dimuat turun dan disusun terus dalam kad memori. Murid-murid juga diminta menyanyikan sama-sama lagu ini bagi memberi keseronokan kepada mereka.


Dalam modul dua ini juga, penyelidik telah meminta murid-murid menyanyikan lagu "Panduan Keselamatan" menggunakan melodi "Geylang Si Paku Geylang" secara beramai-ramai. Penyelidik sekali lagi meminta murid berbincang untuk melengkapkan lirik lagu berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan oleh pengkaji. Apa yang menarik, murid-murid membina pengetahuan mereka sendiri apabila diberi bimbingan mencari maksud kosa kata dengan merujuk kamus dalam kumpulan masing-masing. Di sinilah mereka belajar dan berkomunikasi bersama untuk membina pengetahuan baharu.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Keseronokan murid-murid belajar terus diserlahkan apabila mereka diminta untuk membina satu rangkap lagu bertemakan keselamatan mengikut idea mereka sendiri namun terkawal dan mereka boleh boleh menyanyikan lagu yang mereka cipta mengikut melodi kesukaan mereka sendiri. Tanpa disedari, objektif PdP telah berjaya dicapai apabila murid-murid berjaya melengkapkan lirik lagu dan mencari maksud kosa kata secara sendiri. Bahan bertulis juga disediakan dengan cara merangsang minda murid iaitu menggunakan peta pemikiran. Pada akhir PdP, murid diminta membuat persembahan nyanyian berdasarkan lagu yang mereka cipta sendiri dan pengakhiran PdP ini amat menyeronokkan murid. Rajah 4.5 di bawah menunjukkan contoh melengkapkan lirik lagu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.5. Contoh Melengkapkan lirik lagu

Bagi modul tiga, penyelidik memilih tajuk Adikku Ceria yang terkandung dalam tema Kesihatan dan Kebersihan. Dalam tajuk ini, kemahiran Bahasa yang ditetapkan ialah 4.2.2, iaitu menyanyikan lagu mengikut irama kanak-kanak serta menjelaskan maksud bahasa yang indah dalam lirik lagu.

Pada pemulaan PdP, penyelidik memulakan PdP dengan memperdengarkan lagu Didi & Friends menggunakan radio CD. Murid-murid diminta menyanyikan lagu bertajuk Adikku Ceria bersama iringan muzik. Seterusnya, penyelidik meminta murid melengkapkan lirik lagu tersebut dalam kumpulan dan mereka sekali lagi bersama-sama berbincang tentang kisah dalam lagu tersebut. Apa yang menarik, penyelidik telah menyediakan contoh bahan grafik cerita berdasarkan lagu tersebut dan murid diminta

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengisi tempat kosong untuk melengkapkan cerita tersebut. Ini secara tidak langsung dapat membuka minda murid untuk memahami konsep penceritaan dalam lagu. Malah, pilihan jawapan yang disediakan juga mampu merangsang minat murid untuk mencari jawapan. Bukan setakat itu, penyelidik terus menarik minat murid untuk belajar apabila menjalankan permainan bahasa (kuiz) kepada murid iaitu menyusun huruf membentuk perkataan tentang makanan berkhasiat.

Permainan Bahasa ini ditetapkan tempoh masa selama tiga minit untuk murid menjawabnya. Dengan cara ini, murid-murid terus menerokai pembelajaran dalam suasana yang menyeronokkan dan kumpulan yang betul menjawab kesemuanya dalam tempoh masa tiga minit dikira sebagai pemenang. Pada akhir PdP, murid menytakan semula mesej yang terkandung dalam lagu sebagai pengukuhan dan mengakhiri PdP dengan nyanyian lagu Adikku Ceria. Rajah 4.6 di bawah menunjukkan contoh permainan bahasa dalam modul tiga.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lampiran 3 : Makanan Berkhasiat
Permainan Bahasa : Susun huruf supaya membentuk perkataan yang betul.


1. aryus




2. metbikai




3. suus



4. gnadgi



5. nakeckag



Rajah 4.6. Contoh latihan menggunakan permainan bahasa

Dalam modul keempat pula,tajuk pembelajaran yang dipilih ialah Bertolak Ansur Amalan Mulia yang terdapat dalam Tema Perpaduan. Kemahiran bahasa yang ditetapkan ialah kemahiran 4.4.1, melafaz dan memahami pantun empat kerat dengan sebutan dan intonasi yang betul dan jelas menggunakan bahasa yang indah secara didik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hibur. Objektif pembelajarannya pula ialah, pada akhir pengajaran murid-murid dapat menyebut dan melengkapkan maksud dua rangkap pantun empat kerat yang dipersembahkan secara didik hibur.

Pada peringkat permulaan PdP, guru akan melafazkan pantun 2 kerat dan pantun 4 kerat sebagai pengenalan kepada konsep pantun menggunakan pembesar suara pintar. Kemudian, guru mempamerkan contoh pantun empat kerat yang dilafazkan tadi dan meminta murid melafazkannya kembali. Selepas murid melafazkannya, guru akan menerangkan ciri-ciri pantun termasuklah pembayang dan maksud serta rima akhirnya (ab,ab). Apa yang menarik, penyelidik telah mengedarkan lembaran contoh pantun yang dicetak berwarna dan ciri-cirinya juga dicetak dengan warna yang berlainan untuk menarik perhatian murid dan seterusnya murid dapat mengenali ciri-ciri pantun tersebut. Pembayang dan maksud juga dicetak dengan warna yang berbeza. Seterusnya, murid-murid melafazkan dua rangkap pantun empat kerat yang terdapat dalam buku teks dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai. Langkah seterusnya, guru meminta murid berbincang dalam kumpulan untuk melengkapkan dua rangkap pantun (rangkap 3 dan rangkap 4) yang diedar dalam borang lampiran. Bagi merangsang idea murid, guru menyediakan pilihan jawapan kepada murid supaya menjadi panduan kepada mereka. Selepas perbincangan dan pembentangan, guru menerangkan konsep kosa kata umum dan istilah berserta contoh kepada murid. Bagi memudahkan murid mencari kosa kata umum dan istilah yang terdapat dalam pantun, pengkaji telah menyediakan satu borang grafik berserta jawapan pilihan dan mereka diminta berbincang dalam kumpulan untuk mengelaskannya. Setiap kumpulan akan menulis jawapan mereka di papan putih sebagai satu cara meningkatkan keyakinan murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sesuai dengan pembelajaran secara konstruktivisme, penyelidik meminta murid untuk membina satu rangkap pantun bertemakan Keluarga Bahagia secara kumpulan. Ketua bagi setiap kumpulan akan membentangkannya di hadapan kelas dan murid-murid dari kumpulan lain akan bertindak sebagai guru, iaitu memberi nasihat dan bimbingan jika terdapat kesilapan tentang ciri pantun yang dibina serta penggunaan kata. Dengan cara ini, murid-murid pastinya menjadi seronok kerana mereka dapat mengeluarkan idea mereka sendiri serta mereka juga bertindak sebagai pemberi nasihat dan bimbingan kepada murid-murid lain.

Bagi modul lima pula, penyelidik telah memilih tajuk "Dengarlah Nasihat" yang terkandung dalam tema Perpaduan. Dalam tajuk ini, kemahiran bahasa yang ditetapkan ialah 4.3.2, iaitu mengubah suai cerita yang mempunyai unsur pengajaran secara berpandu dan mempersembahkan cerita secara kreatif. Pada permulaan PdP, penyelidik telah menarik minat murid dengan mempamerkan topeng tiga ekor haiwan yang menjadi watak dalam cerita ini iaitu Tupai, Belatuk dan Semut. Penyelidik meminta murid menyebut nama haiwan berdasarkan topeng watak yang dipamerkan tadi. Ini memberi satu keseronokan kepada murid-murid apabila mereka dapat meneka nama-nama haiwan tersebut. Permulaan PdP yang menarik dan menyeronokkan ini pastinya membuatkan murid tertunggu-tunggu tentang aktiviti seterusnya.

Pada langkah seterusnya, penyelidik telah meminta murid-murid membaca dan memahami cerita yang terdapat dalam buku teks. Kemudian, tiga orang murid dari kumpulan berbeza dipilih secara rawak untuk melakonkan watak Tupai, Belalang dan Semut. Mereka perlu memakai topeng mengikut watak masing- masing. Dengan cara ini, murid-murid menjadi lebih teruja untuk menghayati watak tersebut dan berasa gembira

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kerana dapat berlakon di hadapan kelas. Ini secara tidak langsung akan menarik perhatian murid-murid lain untuk mengikuti pembelajaran pada hari itu. Setelah selesai lakonan, murid-murid yang lain diminta menyatakan mesej yang terkandung dalam cerita tersebut dan meramalkan kesudahan cerita itu.

Penyelidik telah menyediakan satu permainan bahasa untuk murid-murid mencari nilai baik yang terdapat dalam cerita tersebut, iaitu mencari dan mewarnakan perkataan yang mempunyai nilai baik yang terdapat dalam kotak perkataan. Ini akan memberi suatu kelainan dan keseronokan kepada murid kerana mereka perlu mencari perkataan terlebih dahulu dan diikuti dengan mewarna perkataan yang telah ditemukan. Penyelidik telah menyediakan satu lembaran grafik frasa perkataan yang dicetak berwarna serta maksud di sebalik maklumat tersirat itu. Bagi merangsang idea murid, penyelidik telah memberikan tiga jawapan pilihan kepada murid. Mereka boleh berbincang sama ada dalam kumpulan atau pun secara berpasangan untuk mencari maksud tersirat itu. Pada akhir PdP, murid-murid diminta berlakon semula dengan memakai topeng watak dan menyatakan semula nilai-nilai yang terkandung dalam cerita .

Dalam modul enam, penyelidik telah memilih tajuk Adik Pengguna Bijak yang terdapat dalam unit 14, iaitu Berjimat Amalan Mulia. Dalam tajuk ini, kemahiran seni bahasa yang ditetapkan ialah 4.1.2, iaitu memahami dan menghasilkan lirik lagu secara terkawal, dan menyampaikan nyanyian secara didik hibur.

Keistimewaan yang terdapat dalam modul enam ini ialah guru menggunakan elemen muzik untuk menarik minat murid pada permulaan PdP. Guru telah memperdengarkan lagu "Seringgit Dua Kupang" menggunakan CD dan radio dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

meminta murid menyanyikan bersama-sama. Selepas mengaitkan lagu tersebut dengan tajuk pembelajaran, pengkaji menyediakan satu satu lirik lagu bertajuk Adikku Pengguna Bijak kepada murid dan meminta mereka menyanyikan mengikut melodi Seringgit Dua Kupang. Selepas aktiviti nyanyian, penyelidik meneruskan aktiviti dengan meminta murid melengkapkan 2 rangkap lagu Adikku Pengguna Bijak berdasarkan jawapan pilihan yang disediakan.

Penyelidik juga telah menyediakan satu lembaran kerja yang berkaitan kosa kata umum dan kosa kata istilah bagi bidang ekonomi. Bagi memudahkan kefahaman murid, pengkaji telah menyediakan enam perkataan yang terdiri daripada kosa kata umum dan kosa kata istilah dan meminta murid secara berkumpulan mengelaskannya di dalam ruangan yang disediakan. Setelah pembentangan dilakukan, penyelidik membuat aktivit pengayaan dengan menyediakan satu set lembaran kerja penyelesaian masalah, iaitu tindakan yang harus dilakukan jika terbeli barangan yang telah rosak.

Pada akhir PdP, penyelidik sekali lagi telah menarik perhatian murid dengan meminta murid membuat simulasi cara-cara memilih dan membeli barangan di kedai runcit. PdP pada hari tersebut diakhiri dengan aktiviti nyanyian yang menyeronokkan murid.

Pada modul tujuh pula, penyelidik telah memilih tajuk "Baca dan Lakonkan" yang terdapat pada tema Ekonomi Kita. Kemahiran bahasa yang ditetapkan dalam tajuk ini ialah kemahiran 4.3.2, iaitu mengujarkan dialog secara spontan berpundukan bahan rangsangan dengan bahasa badan yang sesuai untuk menyampaikan pengajaran melalui aktiviti lakonan secara didik hibur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam modul ini, penyelidik telah menyediakan BBM yang menarik iaitu wang kertas dan tabung menyimpan duit. Selain itu, bagi memantapkan PdP, pengkaji juga menyediakan lagu bertajuk "Lagu Duit" yang dipopularkan oleh kumpulan Kembara pada permulaan PdP menggunakan radio dan CD. Pada perkembangan PdP, penyelidik telah mempamerkan beberapa contoh tabung yang menarik. Kemudian, murid diminta menaakul bahan grafik yang terdapat dalam buku teks Bahasa Malaysia, iaitu bahan-bahan dan langkah-langkah dalam menghasilkan tabung.

Penyelidik juga telah menyediakan satu peta pemikiran untuk murid-murid melengkapkan bahan-bahan yang digunakan untuk membuat tabung secara berkumpulan. Penyelidik juga menyediakan satu lembaran kerja secara grafik langkah-langkah menghasilkan tabung. Bahan grafik ini disertakan gambar dan frasa, dan murid-murid diminta untuk melengkapkan langkah-langkah tersebut mengikut urutan secara perbincangan dalam kumpulan. Selepas itu, ketua kumpulan akan membentangkan dapatan di hadapan kelas melalui aktiviti berlakon.

Sebagai latihan pangayaan, penyelidik juga meminta murid menyenaraikan tiga kebaikan amalan menabung. Pada akhir PdP, murid-murid diminta melukis tabung idaman mereka sendiri dan mewarnakannya mengikut warna kegemaran mereka.

Pada modul kelapan pula, penyelidik telah memilih tajuk "Cerita Nenek" yang terdapat dalam tema Tradisi Kita. Kemahiran seni bahasa dalam tajuk ini ialah 4.2.1, iaitu melafazkan pantun yang mengandungi bahasa yng indah dan menerangkan maksud. Pada permulaan PdP, penyelidik telah menayangkan satu cerita animasi bertajuk, "Si Tanggang Anak Derhaka" melalui "*youtube*" yang dipancarkan pada skrin besar. Selepas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tayangan, penyelidik meminta murid menyatakan mesej atau pengajaran yang terkandung dalam cerita tersebut dan mengaitkannya dengan tajuk sebenar.

Penyelidik juga telah meminta murid membaca petikan "Cerita Nenek" menggunakan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai. Dalam kumpulan, murid berbincang tentang mesej yang terdapat dalam cerita tersebut. Penyelidik juga telah menyediakan satu borang grafik yang menarik untuk dilengkapkan oleh murid-murid. Dengan merujuk perkataan yang dicetak berwarna dalam teks, pengkaji telah mengelaskan perkataan pada kosa kata umum dan kosa kata istilah (sastera) dan murid diminta untuk mengisi tempat kosong menggunakan huruf vokal. Latihan yang berpandu dan pelbagai ini pastinya dapat merangsang minda murid untuk menemukan jawapan yang betul dan tepat. Bukan itu sahaja, penyelidik juga menyediakan lembaran kerja melengkapkan maksud pantun dua kerat secara grafik dan murid berbincang secara berkumpulan untuk mencari maksud pantun. Kemudian, murid-murid diminta untuk membentangkan maksud pantun di hadapan kelas. Pada akhir PdP, murid-murid diminta untuk menghasilkan 2 rangkap pantun 2 kerat yang mempunyai nilai atau pengajaran yang baik secara berkumpulan. Setiap kumpulan yang berjaya menyiapkan pantun 2 kerat akan diberi markah.

Pada modul kesembilan, penyelidik telah memilih tajuk "Tarian Inang". Kemaihiran seni bahasa yang ditetapkan ialah kemahiran 4.1.2, iaitu memahami dan menghasilkan lirik lagu yang mengandungi mesej secara terkawal dan menyampaikan melalui nyanyian secara didik hibur. Pada permulaan PdP, penyelidik menarik perhatian murid dengan menayangkan video tentang Tarian Inang menggunakan LCD yang dipancar pada papan putih. Murid menghayati lagu dan pergerakan tarian inang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tersebut. Sambil menyanyi, murid-murid boleh meniru pergerakan tarian tersebut secara berpasangan. Selesai menyanyi dan meniru pergerakan tarian, murid-murid diminta mengubah suai seni kata lagu secara berpandu dan terkawal. Oleh itu, penyelidik telah menyediakan satu lembaran yang mengandungi lirik lagu yang diubah suai secara berpandu dan murid-murid diminta untuk melengkapkannya. Setelah perbincangan dilakukan, penyelidik telah memberikan pengayaan iaitu meminta murid menyatakan sebab tarian inang seperti ini perlu dikekalkan dan jawapan mereka akan dicatat ke dalam buku latihan. Pada akhir PdP, murid-murid diminta menyanyi lagu yang digubah semula sambil menari mengikut rentak tarian inang dengan iringan muzik.

Dalam modul kesepuluh, penyelidik memilih tajuk Cerita Hujan yang terdapat dalam tema Alam Ceria Hidup Sejahtera. Kemahiran seni bahasa yang ditetapkan dalam tajuk ini ialah 4.2.1, iaitu mengujarkan cerita dengan sbutan yang betul, intonasi yang jelas dan susunan idea yang tepat melalui penceritaan secara didik hibur.

Dalam modul ini, penyelidik memulakan PdP dengan mempamerkan gambar matahari yang tersenyum dan gambar awan hitam menggunakan kad manila bersaiz A3. Murid-murid menjana idea dengan membuat perkaitan ramalan tentang matahari dan awan hitam. Aktiviti menyeronokkan diteruskan dengan aktiviti lakonan tentang watak Hujan dan watak Pokok. Sebelum lakonan dimulakan, murid-murid disediakan replika pokok dan hujan, dan murid-murid dikehendaki memakai replika tersebut pada badan mereka. Dengan memakai replika tersebut, murid-murid pastinya teruja dan gembira kerana diberi peluang untuk berlakon. Selain berlakon, mereka dapat memperkembangkan potensi mereka serta dapat melatih cara berfikir dan berkomunikasi denagn menggunakan sebutan yang betul, intonasi yang jelas dan susunan idea yang tepat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setelah selesai aktiviti lakonan, penyelidik telah menyediakan satu peta alir tentang mengujarkan cerita dengan betul berdasarkan bahan yang telah dibaca. Murid-murid akan berkongsi idea dan pendapat untuk menyusun idea mengikut urutan yang betul menggunankan bahasa yang sesuai. Penyelidik juga memberi markah kepada kumpulan yang dapat mengujarkan cerita mengikut urutan yang betul dan tepat. Dengan cara memberi markah dan pengiktirafan ini, murid-murid akan berasa lebih seronok dan bersemangat dalam melakukan tugasan. Lembaran kerja menyatakan maksud ayat yang dicetak berwarna juga diedarkan kepada murid-murid untuk dincangkan dalam kumpulan. PdP diakhiri dengan murid menceritakan semula cerita tersebut dan murid-murid melukis gambar hujan dan tumbuhah-tumbuhan yang hidup subur di dalam buku latihan.

Pada modul kesebelas, penyelidik telah memilih tajuk Tokoh Nilam Kebangsaan 2011 yang terdapat pada tema Negaraku Tercinta. Kemahiran seni bahasa yang ditetapkan ialah 4.2.2, iaitu mengujarkan idea yang tepat menggunakan bahasa yang indah untuk menyampaikan mesej melalui penceritaan melalui didik hibur. Penyelidik memulakan PdP dengan memperdengarkan lagu "Mari Membaca" nyanyian Dato" Siti Nurhaliza menggunakan telefon bimbit dan pembesar suara pintar. Murid-murid diminta menyanyikan bersama-sama lagu tersebut dan mengaitkannya dengan tajuk pembelajaran. Aktiviti pembelajaran menyeronokkan diteruskan dengan murid melengkapkan cerita tentang Tokoh Nilam Kebangsaan 2011 menggunakan ayat tunggal dan ayat majmuk.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi merangsang minda murid, penyelidik telah menyediakan jawapan pilihan sebagai panduan kepada murid-murid. Bakat penceritaan murid terus ditonjolkan apabila urid-murid diminta menceritakan semula bahan yang dibaca menggunakan ayat tunggal dan ayat majmuk dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai di hadapan kelas. Murid yang dapat mengujarkan cerita dengan baik akan diberi ganjaran sebagai penghargaan. Aktiviti pengayaan juga disediakan iaitu murid-murid perlu menjelaskan akibat jika rakyat Malaysia malas membaca dalam borang yang disediakan. PdP diakhiri dengan aktiviti menghiburkan iaitu murid-murid memnyanyikan semula lagu Mari Membaca dengan iringan muzik.

Bagi modul terakhir iaitu modul yang ke-12, penyelidik telah memilih tajuk Mengenang Jasa Ibu yang terdapat dalam pada tema Tradisi Kita. Pada tajuk ini, kemahiran seni bahasa yang ditetapkan ialah 4.3.2, iaitu mengubah suai cerita yang mempunyai unsur pengajaran secara berpandu dan mempersembahkannya melalui cerita secara didik hibur.

Dalam modul ini, penyelidik telah bercerita menggunakan watak Si Tanggang sebagai permulaan cerita dan mempamerkan gambar Si Tanggang disumpah menjadi batu. Dengan penceritaan seperti ini, murid-murid akan berasa seronok mendengarnya dan ingin mengikuti pembelajaran dengan lebih bersemangat kerana cerita seperti ini mengandungi pengajaran yang baik dan disukai murid. Penyelidik juga telah menyediakan satu borang peta pemikiran untuk murid-murid mengisi tempat kosong untuk melengkapkan dialog tentang cerita yang telah dibaca. Penyelidik terus memasukkan aktiviti menyeronokkan dengan meminta murid berlakon tentang cerita yang telah dibaca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setelah selesai berlakon, murid-murid diminta meramalkan kesudahan cerita tersebut dalam bentuk penulisan mengisi tempat kosong. Seterusnya, bagi memperkembang minda murid, penyelidik telah menyediakan satu peta buih berganda untuk membuat perbandingan tentang sifat watak Kisah Si Tanggang dengan watak yang terdapat dalam cerita Mengenang Jasa Ibu. Dalam aktiviti pengayaan, penyelidik meminta murid secara berkumpulan untuk mengubah suai cerita Mengenang Jasa Ibu kepada cerita sendiri dan wakil kumpulan akan membentangkan cerita tersebut di hadapan kelas. PdP pada hari itu diakhiri dengan nyanyian beramai-ramai lagu Ibu Tersayang nyanyian Upin dan Ipin dengan iringan muzik.

Kesimpulannya, penyelidik telah membina draf modul ini berdasarkan tema, unit dan tajuk serta kemahiran seni bahasa yang terdapat dalam buku teks Bahasa Malaysia Tahun 3. Penyelidik telah membina 12 modul Rancangan Pengajaran Harian (RPH) sebagai panduan kepada para guru hasil perbincangan bersama rakan-rakan guru yang mengajarkan Bahasa Melayu Tahun 3. Selain itu, penyelidik menjadikan dapatan amalan proses pengajaran guru sebagai panduan untuk membina modul ini dengan melihat beberapa keperluan yang diperlukan oleh para guru dalam pengajaran Bahasa Melayu berasaskan didik hibur ini.

4.3.3 Modul Seni Bahasa Disemak dan Disahkan

Bagi membina modul ini, penyelidik telah menetapkan dua belas modul yang berbeza kemahiran seni bahasa untuk disemak dan disahkan mengikut elemen- elemen yang telah ditetapkan. Elemen-elemen yang telah ditetapkan itu ialah set induksi, perkembangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

aktiviti, bahan bantu mengajar, dan juga penilaian dan pentaksiran.

Sebelum modul seni bahasa berasaskan didik hibur ini dilaksanakan di dalam bilik darjah, modul ini perlu disemak dan disahkan terlebih dahulu. Oleh yang demikian, penyelidik telah merujuk kepada dua orang pensyarah Bahasa Melayu dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) iaitu Encik L dan Encik M serta dua orang guru kanan mata pelajaran Bahasa Melayu dari Sekolah Kebangsaan Sri Wangi (SKSW) iaitu Cikgu F dan Cikgu S untuk menyemak dan mengesahkan modul ini sama ada perlu dibuat penambahbaikan sebelum dilaksanakan atau tidak. Setelah mendapatkan kembali modul seni bahasa ini, penyelidik telah membuat penambahbaikan terhadap modul berdasarkan komen- komen dan penilaian daripada pakar penilai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.3.1 Semakan Set Induksi

Dalam bahagian set induksi ini, pengkaji telah memilih lima daripada dua belas modul yang disemak untuk dianalisis. Lima modul yang dipilih untuk daripada dua belas modul tersebut ialah modul 1, modul 4, modul 5, modul 7 dan modul 8. Modul-modul ini dipilih kerana mempunyai tema, tajuk dan kemahiran seni bahasa yang berbeza. Modul-modul ini telah dianalisis dari aspek komen-komen penilai dan juga penambahbaikan yang disarankan. Analisis-analisis dapatan tersebut merangkumi aspek set induksi, aktiviti pembelajaran, penggunaan BBM dan pentaksiran. Contoh analisis dapatan adalah seperti dalam Jadual 4.16 di bawah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.16

Semakan Set Induksi

Bil Modul	Set Induksi	usan Komen Penilai	umusan Cadangan Penambahbaikan
Modul 1	Memulakan PdP dengan mempamerkan gambar kepada murid.	Dapat merangsang dan berjaya menarik minat murid untuk mengikut pembelajaran.	Seeloknya gambar yang dipamerkan itu bersai besar supaya dapa dilihat oleh semua murid.
Modul 4	Melafazkan pantun 2 kerat dan 4 kera menggunakan pembesar suara	Suatu kelainan kepada murid dan murid-murid tertunggu-tunggu aktivit seterusnya. Berjaya menarik minat murid.	Lebih sesuai dan menaril jika dipamerkan atau ditulis seni kata pantun untul ditunjukkan kepada murid.
Modul 5	Menggunakan konsep penceritaan bersert penggunaan topeng haiwan.	Murid begitu seronok mendengar cerita dar tertarik dengan topeng haiwan yang digunakan.	Sangat elok jik ditayangkan pada skri besar dalam kelas.
Modul 7	Memulakan PdP dengan memainkan lagu dan mempamerkan dui contoh kepada murid.	Penggunaan lagu sanga baik untuk menarik minat murid kerana lagu yang dimainkan mempunyai sen kata yang mudah dar senang diikut. Penggunaan duit contoh dapat menjana pengetahuan sdia ada dengan diri murid.	Tiada cadangan penambahbaikan.
Modul 8	Menggunakan konsep penceritaan dan melih sedutan gambar bersiri tentang cerita.	Permulaan PdP yang menarik kerana guru menggunakan gamba bersiri sedutan cerita Si Tanggang dan bercerita kisah Si Tanggang sebelun mengaitkan dengan tajuk.	Jika murid dapat meliha tayangan video, murid menjadi lebil teruja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhannya, penyelidik mendapati set induksi yang dimulakan dengan pelbagai cara dan kepelbagaian penggunaan BBM sebelum PdP mampu menarik minat awal murid-murid untuk belajar. Penggunaan muzik dan lagu contohnya membangkitkan suasana yang menghiburkan di dalam kelas. Persepsi awal murid-murid terhadap sesuatu pembelajaran pada hari itu ialah pembelajaran yang menyeronokkan. Oleh yang demikian, set induksi yang dimulakan dengan baik, menarik dan menyeronokkan merupakan satu elemen penting yang menjadi asas kejayaan dalam pelaksanaan PdP nanti.

4.3.3.2 Dapatan Semakan Aktiviti Pembelajaran

Jadual 4.17

Jadual Semakan Aktiviti Pembelajaran

Bil Modul	Aktiviti Pembelajaran	Rumusan Komen Penilai	Rumusan Cadangan Penambahbaikan
Modul 1	Menggunakan elemen muzik Menjalankan perbincangan dalam bentuk kumpulan	Berjaya menarik minat murid melalui muzik semasa PdP. Aktiviti perbincangan menepati Pembelajaran Abad 21. Langkah aktiviti terlalu panjang.	Mengurangkan langkah aktiviti yang dicadangkan kerana terlalu panjang,
Modul 4	Perbincangan dalam kumpulan. Guru sebagai pemudah cara.	Satu perancangan aktiviti yang baik kerana guru memberi ruang dan peluang kepada murid berbincang dan berkongsi idea untuk mencipta pantun	Memendekkan langkah dalam aktiviti pengajaran supaya semua langkah dapat dilaksanakan dengan baik.

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.17 *(sambungan)*

Bil Modul	Aktiviti Pembelajaran	Rumusan Komen Penilai	Rumusan Cadangan Penambahbaikan
Modul 5	Murid berlakon untuk melengkapkan dialog. Murid berbincang dalam kumpulan untuk mencari maksud tersirat.	Membina sikap berani dalam kalangan murid melalui aktiviti lakonan. Aktiviti yang dijalankan menepati objektif pembelajaran.	Menyediakan teks lakonan untuk membantu merangsang idea murid. Murid perlu dibimbing untuk mencari maksud tersirat.
Modul 7	Murid berbincang cara menghasilkan tabung. Murid membentangkan cara-cara membuat tabung di hadapan kelas.	Penglibatan murid yang ramai dan menyeluruh apabila diajukan soalan berkaitan wang perbelanjaan dan simpanan murid merupakan sesuatu yang positif kerana murid- murid menunjukkan minat terhadap tajuk tersebut. Murid-murid teruja untuk memberikan idea semasa perbincangan muntuk menghasilakn tabung sendiri.	Guru perlu lihat dari aspek pergurusan masa kerana aktiviti yang panjang boleh mengganggu pengurusan masa PdP.
Modul 8	Murid membaca petikan cerita, mengadakan perbincangan mencari maksud kosa kata dan melafazkan pantun serta maksudnya.	Aktiviti yang tidak terlalu padat dan bersesuaian dengan aras murid. Murid dapat terlibat secara aktif dalam PdP dan sesuai dengan tempoh masa. Mengaplikasi kemahiran KBAT –menyatakan tujuan pantun diafazkan pada zaman dahulu.	Menunjukkan atau memperdengarkan contoh melafazkan pantun dengan betul dan murid-murid mengikutinya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, secara keseluruhannya penyelidik telah melaksanakan aktiviti-aktiviti pembelajaran yang begitu menyeronokkan murid-murid. Aktiviti perbincangan, lakonan, nyanyian dan bercerita merupakan antara aktiviti yang begitu digemari oleh murid-murid. Aktiviti-aktiviti ini mampu menjadikan murid sebagai seorang murid yang aktif dalam perbincangan, berani untuk menonjolkan bakat serta mampu membina keterampilan diri ke arah yang lebih positif sesuai dengan pembelajaran abad ke-21 ini. Murid-murid dilibatkan secara optimum untuk membina pengetahuan dan menguasai pelbagai kemahiran bahasa melalui aktiviti yang menyeronokkan.

4.3.3.3 Dapatan Semakan BBM

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.18

Semakan Bahan Bantu Mengajar

Bil	Modul	Bahan Bantu Mengajar	Rumusan Komen Penilai	Rumusan Cadangan Penambahbaikan
	Modul 1	Menggunakan radio dan lagu Menggunakan kad kosa kata	Penggunaan lagu dan kad kosa kata dapat menimbulkan suasana seronok semasa belajar. Penggunaan kad kosa kata tidak dinyatakan secara jelas sama ada dipamerkan di hadapan kelas atau setiap kumpulan diberikan kad kosa kata. Murid terlibat secara aktif.	Perlu dinyatakan secara jelas penggunaan kad kosa kata.
	Modul 4	Menggunakan papan putih untuk mencatat pantun. Menggunakan lembaran kerja sebagai BBM.	Dapat dilihat oleh semua murid. Tidak ditunjukkan rangkap pembayang dan maksud bagi Lampiran 1.	Mempamerkan contoh pantun dan ciri-cirinya pada kertas mahjung atau pada skrin menggunakan LCD.

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.18 *(sambungan)*

Bil Modul	Bahan Bantu Mengajar	Rumusan Komen Penilai	Rumusan Cadangan Penambahbaikan
		berkaitan wang.	dapat bernyanyi bersama-sama dengan
	Mempamerkan contoh wang dan nilainya.	Penggunaan wang sebagai BBM sangat menarik kerana scara tidak angsang murid murid dapat mengenali wang serta nilai-nilainya.	riang dan ceria.
Modul 5	Menggunakan topeng haiwan sebagai BBM.	Topeng yang disediakan memberi perangsang kepada murid untuk berlakon.	Sangat baik sekiranya topeng haiwan dicuba pakai oleh semua murid.
Modul 7	Penggunaan lagu.	Lagu yang dimainkan begitu menarik minat murid kerana	Jika disediakan lirik lagu pasti murid-murid
Modul 8	Menggunakan cerita yang terdapat dalambuku teks.	BBM yang digunakan kurang menarik.	Guru perlu menyediakan BBM yang lebih menarik seperti
	Menggunakan bahan lembaran kerja.	Untuk lembaran kerja, murid dapat memahaminya.	tayangan video atau radio untuk melafazkan pantun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, guru telah menyediakan BBM yang pelbagai dan menarik seperti radio, kad kosa kata, topeng haiewan, wang kertas serta lembaran kerja. Kepelbagaian lembaran kerja ini mampu merangsang minat murid untuk mengikuti pembelajaran dengan lebih menyeronokkan. Penggunaan BBM ini juga sangat menghiburkan murid-murid kerana mereka sangat suka aan seuatu yang baharu dan menarik. Namun, guru perlu memastikan BBM yang disediakan bersifat mesra murid , iaitu mudah untuk digunakan oleh guru dan juga murid- murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.3.4 Dapatan Semakan Pentaksiran

Jadual 4.19

Jadual Semakan Pentaksiran

Bil Modul	Penilaian	Rumusan Komen Penilai	Rumusan Cadangan Penambahbaikan
Modul 1	Penilaian secara bertulis melalui penggunaan lembaran kerja.	Pengkaji ada melakukan penilaian dan pentaksiran selepas PdP iaitu secara bertulis. Lembaran kerja yang menarik serta bersesuaian dengan kehendak objektif dan aras kebolehan murid.	Penilaian lain seperti pemerhatian; murid membentangkan jawapan di hadapan kelas.
Modul 4	Menggunakan lembaran kerja dalam penilaian.	Latihan penilaian yang agak mudah dan sesuai untuk murid memahaminya. Tiada latihan untuk murid mengenal pasti ciri pembayang dan maksud pantun.	Murid didedahkan dengan konsep pembayang dan maksud dalam pantun.
Modul 5	Penilaian secara pemerhatian, bertulis dan menggunakan eleman KBAT.	Latihan mewarna nilai agak mudah dan sesuai dengan aras penguasaan murid. Latihan yang dapat mencapai objektif.	Jawapan boleh dibuat secara melintang juga.
Modul 7	Menggunakan lembaran kerja yang berbeza iaitu peta buih dan carta alir untuk menilai idea murid.	Peta buih yang mudah difahami dan dapat dijawab dengan baik oleh murid. Carta alir menghasilkan tabung berdasarkan gambar yang diberi memberi panduan kepada jawapan murid.	Tiada cadangan penambahbaikan.
Modul 8	Penilaian secara pemerhatian, soal jawab dan lembaran kerja.	Lembaran kerja yang disediakan sangat menarik dan merangsang idea murid untuk membina jawapan.	Cuba penilaian yang melihat kebolehan dan kreativiti murid seperti persembahan murid melafazkan pantun dengan gaya dan intonasi yang sesuai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, guru telah menggunakan lembaran kerja secara bertulis, pemerhatian, soal jawab dan membuat tugasan secara berkumpulan sebagai kaedah membuat pentaksiran kepada murid-murid. Kepelbagaian kaedah pentaksiran ini berjaya mewujudkan satu pendekatanpentaksiran yang dilihat mesra dan santai kepada murid-murid kerana dapat dilakukan secara bermain. Lembaran kerja yang menarik, murid dapat berinteraksi sesama sendiri untuk menyelesaiakan tugasan berkumpulan dilihat dapat membentuk sahsiah murid menjadi lebih berani, yakin dan dapat berkongsi idea dengan orang lain. Dengan cara ini, keterampilan murid-murid akan menjadi lebih terserlah.

4.4 Dapatan Fasa 3 : Penilaian Kebolehgunaan Modul Seni Bahasa Berasaskan Pendekatan Didik Hibur

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam Fasa 3 kajian reka bentuk ini iaitu fasa penilaian kebolehgunaan modul, penyelidik membincangkan analisis fasa 3 ini melalui dua kaedah iaitu, analisis menggunakan kaedah deskriptif dan analisis secara penilaian fuzzy. Oleh sebab pembangunan dan pembinaan modul dalam kajian ini menggunakan soal selidik fuzzy, maka penyelidik menganalisis penilaian kebolehgunaan modul ini juga menggunakan penilaian fuzzy Delphi (FDM).

4.4.1 Dapatan secara Kualitatif

Semasa pelaksanaan modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur di dalam kelas, penyelidik telah membuat penilaian melalui pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen terhadap guru dan juga para murid. Pemerhatian, temu bual dan analisis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dokumen tersebut melibatkan beberapa aspek yang dikaji seperti set induksi, aktiviti pembelajaran, penggunaan BBM dan pentaksiran.

4.4.1.1 Pemerhatian

Dalam aspek pemerhatian, penyelidik telah membuat pemerhatian yang melibatkan beberapa aspek yang dikaji dalam modul seni bahasa seperti set induksi, aktiviti pembelajaran, penggunaan BBM serta pentaksiran yang dilakukan. Pemerhatian ini juga difokuskan kepada para guru dan para murid. Penyelidik hanya memfokuskan kepada lima modul terpilih sahaja untuk dianalisis.

Dalam aspek pemerhatian, penyelidik mendapati para guru menggunakan BBM yang bersesuaian pada peringkat awal PdP yang bertujuan untuk menarik minat murid. Antara BBM yang digunakan oleh guru ialah carta bergambar, pembesar usara, penggunaan topeng haiwan, mamainkan lagu serta menayangkan video. Pemerhatian terhadap murid mendapati murid-murid kelihatan sangat teruja, seronok, bersemangat, gembira, riang hati, tidak takut dan sebagainya. Murid-murid juga kelihatan sangat berani untuk bertanya dan tidak sabar untuk mengikuti langkah PdP seterusnya. Jadual 4.20 di bawah menunjukkan contoh pemerhatian terhadap set induksi yang melibatkan beberapa modul yang terpilih.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.20

Contoh Pemerhatian terhadap Set Induksi

No. Modul	Dapatan Pemerhatian (Guru)	Dapatan Pemerhatian (Murid)
Modul 1	Guru menggunakan carta bergambar tentang aktiviti keluarga untul menarik minat murid.	Murid kelihatan teruja dan menyatakan idea tentang gambar.
Modul 4	Guru mempamerkan 2 rangkap pantur dan melafazkan pantun menggunakar pembesar suara.	Murid-murd sangat seronok dar turut melafazkan pantur bersama guru.
Modul 5	Guru bercerita sambil mempamerkar topeng-topeng berwatak haiwan.	Murid bersemangat dar menyebut berulang kali watak watak haiwan pada topeng tersebut.
Modul 7	Guru memulakan PdP dengar memainkan lagu serta menunjukkar contoh duit.	Murid sangat seromok dı rgembira. Ada dalam kalangar mereka yang berdiri dan iku bernyanyi bersama-sama.
Modul 8	Guru menayangkan sedutan videc berkaitan cerita Si Tanggang.	Murid berminat dengan cerita dan memberi tumpuar sepenuhnya kepada sedutan video.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pemerhatian terhadap aktiviti PdP yang dilaksanakan dalam modul seni bahasa pula, penyelidik mendapati guru telah menjalankan aktiviti yang menarik seperti yang dirancang awal dalam modul. Para guru telah menjalankan aktiviti yang pelbagai seperti perbincangan dalam kumpulan, aktiviti berlakon, menyanyi, bercerita, berpantun dan sebagainya yang memberi keseronokan kepada murid. Aktiviti yang berpusatkan murid dan bahan ini berjaya mengoptimumkan penglibatan murid dalam pembelajaran menyeronokkan. Pelaksanaan aktiviti tersebut juga bersesuaian dengan tempoh masa yang ditetapkan. Jadual 4.21 di bawah menunjukkan contoh pemerhatian terhadap aktiviti PdP.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.21

Contoh Pemerhatian terhadap Aktiviti Pembelajaran

No. Modul	Dapatan Pemerhatian
Modul 1	Guru telah menjalankan aktiviti perbincangan dalam kumpulan untuk menyelesaikan tugasan. Penggunaan elemen muzik berjaya menarik minat murid. Murid-murid kelihatan ceria dan seronok. PdP yang menepati Pembelajaran Abad ke-21.
Modul 4	Guru memasukkan unsur sastera iaitu pantun dalam aktiviti PdP dan meminta murid berbincang untuk melengkapkan maksud pantun berdasarkan jawapan yang disediakan. Murid- murid diberi peluang untuk melafazkan pantun di hadaan kelas. Murid-murid kelihatan sedikit malu untuk melafazkan pantun tetapi setelah ditunjuk ajar oleh guru, mereka mula yakin dan seronok.
Modul 5	Murid-murid diberi peluang untuk menonjolkan bakat mereka dalam lakonan. Aktiviti dijalankan dengan baik dengan respons murid yang menyeronokkan. Murid-murid berani untuk mengeluarkan idea dan bertutur di hadapan khalayak dengan yakin. Guru bertindak sebagai pembimbing dan pemudah cara kepada murid semasa murid mencari maksud tersirat draipada pantun.
Modul 7	Guru berjaya mengaitkan tajuk pembelajaran dengan pengetahuan sedia ada murid. Murid-murid aktif menyatakan cara-cara menghasilkan tabung buatan sendiri. Pengalaman murid tersebut dapat diaplikasikan dalam tugasan mereka iaitu menghasilkan tabung . Semasa pembentangan juga, murid- murid kelihatan yakin dan berani menceritakan langkah- langkah penghasilan tabung. Objektif pembelajaran tercapai.
Modul 8	Guru berjaya mewujudkan aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan. Murid-murid menceritakan secara ringkas cerita-cerita lama yang perrnah didenagr atau dibaca oleh mereka. Perbincangan dalam kumpulan untuk mencari maksud kosa kata dilihat agak menarik kerana murid-murid dapat berbincang dan mencari jawapan tepat.

Begitu juga dengan pemerhatian terhadap penggunaan bahan bantu mengajar (BBM). Hasil pemerhatian penyelidik mendapati para guru telah menggunakan BBM seperti yang dirancang dalam modul. Bahan bantu mengajar (BBM) tersebut digunakan pada setiap sesi PdP berlangsung. Antara BBM yang digunakan dalam PdP termasuklah radio, telefon bimbit, carta bergambar, komputer riba, topeng dan sebagainya mampu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menarik minat murid pada setiap sesi PdP berlangsung. Penyelidik juga mendapati BBM yang digunakan banyak membantu guru dalam menyampaikan isi pelajaran secara visual serta mambantu murid untuk memahami isi pelajaran dengan lebih mudah dan cepat. Penggunaan BBM yang menarik berjaya mewujudkan suasana pembelajaran yang santai dan menghiburkan murid-murid. Jadual 4.22 di bawah menunjukkan contoh pemerhatian terhadap BBM.

Jadual 4.22

Contoh Pemerhatian terhadap BBM

No. Modul	**Pemerhatian** **Penggunaan BBM**
Modul 1	Guru menggunakan radio dan lagu sebagai BBM dalam pembelajaran Modul 1 ini. Kad kosa kata juga digunakan semasa perbincangan murid-murid dalam kumpulan. BBM yang menarik dapat menarik minat murid untuk belajar secara seronok.
Modul 4	Guru menggunakan kertas mahjung untuk menunjukkan contoh pantun serta ciri-cirinya dan ditampal pada papan putih. Penggunaan warna yang berlainan pada pembayang dan maksud dapat menarik perhatian murid dan memahami konsep pembayang dan maksud dalam pantun. Murid-murid masih memberitumpuan terhadap PdP.
Modul 5	Guru menggunakan topeng haiwan seperti tupai, belalang dan semut sebagai BBM. Kepelbagaian watak pada topeng haiwan dalamcerita memberikan lagi kesan yang menyeronokkan kepada murid. Murid menjadi berani dan gembira untuk mengeluarkan idea berkaitan tajuk. Hampir keseluruhan murid sangat riang semasa belajar.
Modul 7	BBM yang digunakan ialah telefon pintar dan pembesar suara. BBM ini digunakan untuk memainkan lagu bertajuk "Duit". Guru juga menggunakan contoh wang kertas sebagai BBM yang dapat menarik minat murid. Murid-murid sangat gembira kerana dapat bernyanyi bersama-sama dan dapat menunjukkan duit masing- masing. PdP berlangsung dalam suasana yang menyeronokkan murid.

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.22 *(sambungan)*

No. Modul	Pemerhatian Penggunaan BBM
Modul 8	Guru menggunakan radio untuk memperdengarkan pantun kepada murid. Murid-murid kelihatan senyum dan santai mendengar contoh pantun yang diperdengarkan. Terdapat juga murid-murid yang cuba ikut melafazkan pantun tersebut. Guru memperdengarkan pantun secara berulang kali memberi impilkasi positif terhadap penghayatan murid. Mereka dilihat begitu tekun mendengar sambil cuba mengikut bacaan pantun tersebut. BBM ini berupaya menarik minat murid untuk belajar dalam suasana menyeronokkan.

4.4.1.2 Temu bual

Selepas pelaksanaan modul seni bahasa di dalam bilik darjah, penyelidik telah menemu bual guru dan juga beberapa orang murid untuk mendapatkan maklumat berkaitan pelaksanaan modul seni bahasa yang dibina. Hasil temu bual bersama guru mendapati PdP menggunakan modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur mampu mengubah minat murid daripada pembelajaran yang membosankan kepada pembelajaran yang menghiburkan. Modul yang disediakan telah menjadi panduan kepada para guru untuk melaksanakan pengajaran Bahasa Melayu menggunakan pendekatan secara didik hibur dengan cara yang lebih berkesan.

Selain itu, berdasarkan temu bual bersama guru juga mendapati pengajaran guru menjadi lebih sistematik dengan set induksi yang dapat menarik minat murid, perkembangan aktiviti yang tersusun dan pelbagai. Bukan setakat itu sahaja, penglibatan murid juga sangat aktif disebabkan penggunaan BBM yang menarik dan menyeronokkan serta lembaran kerja yang berjaya merangsang idea murid menjadikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PdP itu berjaya mencapai objektifnya.

Hasil temu bual bersama murid pula, penyelidik mendapati murid-murid sangat seronok untuk mengikuti PdP Bahasa Melayu .Hal ini disebabkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan kerana guru tidak terlalu mengongkong murid dan murid dapat menyanyi dan berseronok semasa belajar. Selain itu, dapatan temu bual juga mendapati murid-murid sangat tertarik akan BBM yang dibawa dan digunakan oleh guru semasa PdP. Jadual 4.23 di bawah menunjukkan contoh temu bual pelaksanaan beberapa contoh modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur bersama dengan guru.

Jadual 4.23

Jadual Dapatan Temu Bual Pelaksanaan Modul Seni Bahasa Hibur bersama Guru

No. Modul	Soalan Temu bual	Dapatan Temu bual
Modul 1	Adakah murid-murid seronok dengan set induksi yang dijalankan?	Ya, murid-murid seronok dengan set induksi yang dijalankan.
	Adakah murid-murid dapat mengikuti pembelajaran secara menyeronokkan?	Ya, murid-murid dapat mengikuti pembelajaran yang menyeronokkan.
	Adakah BBM yang digunakan dapat membantu menarik minat murid?	Ya. BBM yang digunakan banyak membantu menarik minat murid .
Modul 4	Bagaimanakah penerimaan murid tentang pembelajaran hari ini?	Murid dapat menerima pembelajaran dengan baik sekali. Mereka kelihatan begitu seronok dan ceria.
	Adakah BBM yang digunakan sesuai dengan aras dan kebolehan murid?	Ya. BBM yang digunakan dapat membantu murid memahami isi pelajaran dengan jelas.
	Adakah murid-murid terlibat secara aktif dalam PdP?	Ya. Murid-murid begitu seronok semasa melafazkan pantun dan boleh dikatakan mereka terlibat secara aktif dalam PdP ini.

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.23 *(sambungan)*

No. Modul	Soalan Temu bual	Dapatan Temu bual
Modul 5	Adakah aktiviti lakonan yang dijalankan dapat menghiburkan murid?	Ya. Aktiviti lakonan yang dilaksanakan dapat menghiburkan murid semasa mereka belajar.
	Bagaimana dengan penerimaan murid terhadap aktiviti lakonan?	Penerimaan murid amat baik walaupun pada awalnya mereka kelihatan malu- malu.
	Adakah objektif pembelajaran yang ditetapkan tercapai?	Ya. Objektif pembelajaran yang ditetapkan berjaya dicapai oleh sebilangan besar murid.
Modul 7	Apakah kemahiran seni bahasa yang dijalankan?	Kemahiran seni bahasa yang diajar ialah mengujarkan dialog secara spontan melalui aktiviti lakonan.
	Adakah murid-murid seronok belajar pada hari ini?	Ya. Murid-murid sangat seronok belajar kerana aktiviti yang dijalankan adalah menghiburkan selain penggunaan lagu sebagai BBM.
	Apakah aktiviti yang paling menyeronokkan murid?	Aktiviti yang paling disukai oleh murid-murid ialah aktiviti nyanyian.
Modul 8	Adakah PdP pada hari ini menyeronokkan murid- murid?	Ya. PdP pada hari ini menyeronokkan murid-murid.
	Bagaimana dengan aktiviti yang dijalankan?	Aktiviti yang dijalankan ialah mengadaan perbincangan untuk mencari maksud kosa kata dan melafazkan pantun.
	Adakah lembaran kerja dapat membantu murid mencapai objektif PdP?	Betul. Lembaran kerja yang diberikan banyak membantu murid mencapai objektif pembelajaran di samping aktiviti yang menarik.
	Adakah terdapat sebarang permasalahan yang timbul semasa melaksanakan pembelajaran secara didik hibur ini?	Tiada permasalahan besar yang timbul semasa melaksanakan pembelajaran secara didik hibur ini. Masalah kecil yang ada cuma guru perlu memastikan murid-murid tidak keterlaluan semasa perbincangan diadakan.

Selain daripada pemerhatian dan temu bual, penyelidik juga mendapatkan penilaian kebolehgunaan melalui analisis dokumen. Dokumen yang dianalisis ialah lembaran kerja berbentuk latihan bertulis menggunakan peta pemikiran yang disediakan dalam lima modul pengajaran yang telah dipilih. Berdasarkan dapatan yang diperoleh, penyelidik mendapati bahawa penggunaan peta pemikiran dalam lembaran kerja amat membantu murid-murid untuk menjawab soalan yang dikemukakan. Mereka dapat berbincang dalam kumpulan untuk menyelesaikan tugasan kerana peta pemikiran yang disediakan berserta

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pilihan jawapan banyak membantu mereka untuk memahami kehendak soalan. Selain itu, objektif pembelajaran juga dapat dicapai dengan baik kerana murid mudah memahami aktiviti dan kehendak soalan. Melalui analisis dokumen juga, penyelidik mendapati lembaran kerja yang berbentuk permainan sangat membantu dan merangsang murid untuk menyiapkan tugasan dengan lancar. Jadual 4.24 di bawah menunjukkan dapatan melalui analisis dokumen iaitu lembaran kerja murid berdasarkan beberapa modul yang telah dipilih.

Jadual 4.24

Analisis dokuumen terhadap pelaksanaan modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur.

No. Modul	Lembaran Kerja	Dapatan
Modul 1	Menggunakan lembaran kerja mengisi tempat kosong untuk mengenal pasti kosa kata umum dan kosa kata istilah berdasarkan pilihan jawapan yang diberi .	Sebahagian besar murid dapat menjawab soalan yang diberi kerana jawapan yang diberi dapat memberi panduan kepada murid. Murid-murid sangat seronok apabila jawapan mereka betul.
Modul 4	Melengkapkan pantun berdasarkan pilihan jawapan yang diberi.	Murid-murid dapat melengkapkan pantun dengan betul kerana mereka telah memahami ciri-ciri pantun berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan.
	Melengkapkan kosa kata menggunakan peta pemikiran dan jawapan yang diberi sebagai pilihan.	Murid-murid berjaya mengelaskan kosa kata umum dan kosa kata istilah (kemasyarakatan) dengan baik berpandukan pilihan jawapan. Objektif pembelajaran tercapai.

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.24 *(sambungan)*

No. Modul	Lembaran Kerja	Dapatan
Modul 5 .	Mewarnakan nilai baik berdasarkan perkataan yang diberi dalam bentuk permainan bahasa.	Permainan bahasa yang berjaya menarik perhatian murid untuk mencari nilai-nilai baik dalam jadual bahasa berdasarkan perkataan yang diberi. Murid-murid kelihatan seronok semasa berbincang dan menemukan jawapan serta dapat mewarnakannya.
Modul 7 :	Menyatakan bahan-bahan yang diperlukan untuk membuat tabung menggunakan peta bulatan.	Peta bulatan yang menarik perhatian murid untuk mencari diisi bahan-bahan yang diperlukan untuk membuat tabung. Mereka merujuk teks dan berbincang untuk mencari jawapan.
	Melengkapkan perkataan dan frasa berdasarkan gambar menggunakan peta alir yang diberi.	Murid-murid berjaya mengisi perkataan atau frasa yang betul berdasarkan gambar yang diberi dalambentuk carta alir. Mereka kelihatan berbincang dalam kumpulan untuk menyelesaikan tugasan dan merujuk gambar sebagai panduan. Lembaran kerja yang berjaya merangsang idea murid untuk mengukuhkan kemahiran menulis murid-murid.
Modul 8	Mengisi tempat kosong dengan huruf vokal untuk membentuk kosa kata umum dan istilah menggunakan peta pemikiran.	Murid-murid sangat seronok menjawab soalan kerana latihan yang diberikan sangat merangsang minda murid dan menyeronokkan mereka.
		Murid-murid berjaya mengelaskan kosa kata umum dan kosa kata istilah dengan baik kerana mereka hanya perlu mengisi tempat kosong dengan huruf vokal yang diberi untuk membentuk perkataan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.2 Dapatan Penilaian Kebolehgunaan Modul Seni Bahasa Berasaskan Pendekatan Didik Hibur secara Kaedah Fuzzy Delphi (FDM)

Dapatan kajian ini adalah untuk menjawab objektif bagi fasa tiga dalam Pendekatan Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR) iaitu penilaian kebolehgunaan modul seni bahasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berasaskan pendekatan didik hibur yang telah dibangunkan. Proses penilaian kebolehgunaan ini melibatkan 10 orang pakar pelaksana. Kumpulan pakar pelaksana ini adalah terdiri daripada para guru yang mengajar dalam bidang Bahasa Melayu melebihi tempoh lima tahun. Pemilihan para guru ini adalah berdasarkan kepada pandangan dan hujah Berliner (2004) yang menyatakan dalam konteks pemilihan pakar dalam kalangan pengamal dan pelaksana (pakar dalam sesuatu bidang PdP), para guru yang mempunyai pengalaman melebihi tempoh lima tahun adalah dikategorikan dalam golongan pakar pelaksana bagi sesuatu bidang pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Bagi mendapatkan maklumat penilaian kebolehgunaan modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur ini, penyelidik telah membina soalan selidik fuzzy. Soalan soal selidik Fuzzy dibina berdasarkan dapatan daripada temu bual pakar-pakar yang telah melaksanakan PdP Bahasa Melayu menggunakan modul seni bahasa yang dibina. Soalan soal selidik Fuzzy terbahagi kepada enam (6) bahagian iaitu, a) demografik pakar, b) penyediaan RPH, c) penyediaan BBM, d) aktiviti PdP, e) tempoh masa PdP, dan f) persediaan murid. Penyelidik telah menganalisis penilaian kebolehan menggunakan FDM ini berdasarkan syarat- syarat yang ditetapkan bagi pendekatan FDM ini. Antara syarat-syarat yang ditetapakan dalam penilaian FDM ini ialah penomboran segi tiga fuzzy (triangular fuzzy numbers) dan penilaian fuzzy (fuzzy evaluation value).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.2.1 Penomboran Segi Tiga Fuzzy (*Triangular Fuzzy Numbers)*

Langkah seterusnya ialah penyelidik berbincang bersama responden untuk menetapkan tema, memilih unit dan tajuk serta kemahiran seni bahasa. Penyelidik telah menetapkan untuk membina 12 set Rancangan Pengajaran Harian (RPH) berdasarkan 12 kemahiran seni bahasa yang berbeza berdasarkan tema dan unit dalam buku teks. Pemilihan kemahiran seni bahasa juga dipelbagaikan agar murid-murid dapat mengikuti PdP dengan kemahiran seni bahasa yang berbeza dan menyeronokkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setelah selesai pemilihan dan penetapan kemahiran seni bahasa, penyelidik telah merangka pembinaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH). Penyelidik telah menetapkan beberapa aspek penting yang perlu ada dalam RPH seperti penulisan tema, unit dan tajuk, kemahiran bahasa yang diajar, penetapan objektif berpandukan DSKP, aktiviti pengajaran (set induksi, perkembangan aktiviti dan penutup), pemilihan dan penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM), penetapan tempoh masa pengajaran yang sesuai, langkah pengukuhan dan pengayaan serta penilaian dan hasil pembelajaran. Penyelidik telah membina 12 set RPH yang digunakan oleh para guru.

Setelah 12 set modul seni bahasa berasaskan didik hibur ini dibina, modul ini perlu disemak dan disahkan sebelum dilaksanakan dalam PdP Bahasa Melayu. Oleh yang demikian, penyelidik telah merujuk kepada dua orang pensyarah Bahasa Melayu dari Universiti A serta dua orang guru kanan mata pelajaran bahasa Melayu dari Sekolah Kebangsaan W untuk menyemak dan mengesahkan modul ini sama ada perlu dibuat penambahbaikan sebelum dilaksanakan atau tidak.

Setelah disemak dan disahkan oleh para penilai, penyelidik membuat analisis dapatan melalui data tringulasi iaitu pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen terhadap modul seni bahasa yang dibina. Aspek-aspek yang dianalisis merangkumi set induksi, aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penggunaan bahan bantu mengajar serta pentaksiran.

Dalam fasa tiga DDR pula iaitu fasa penilaian kebolehgunaan, penyelidik menganalisis fasa penilaian kebolehgunaan modul seni bahasa ini melalui dua kaedah itu kaedah kulitatif deskriptif dan Kaedah Fuzzy Delphi (FDM). Penyelidik menganalisis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dapatan daripada pelaksanaan modul ini menggunakan kaedah kualitatif deskriptif iaitu pemerhatian, temu bual terhadap 10 orang pakar pelaksana dan analisis dokumen bagi kelima-lima modul pengajaran yang telah dilaksanakan. Aspek yang dianalisis merangkumi set induksi, aktiviti pembelajaran, bahan bantu mengajar dan pentaksiran bagi kelima-lima modul yang dilaksanakan. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini, hanya lima modul yang dilaksanakan dalam bilik darjah iaitu modul 1, modul 4, modul 5, modul 7 dan modul 8. Justifikasi pelaksanaan lima modul sahaja kerana penyelidik mendapati dapatan yang diperoleh adalah sama, tepu dan tidak ada penemuan baharu lagi. Oleh yang demikian, penyelidik memutuskan untuk menetapkan lima modul sahaja yang dilaksanakan dalam bilik darjah.

Dapatan melalui pemerhatian, penyelidik mendapati murid-murid sangat teruja dengan setiap set induksi yang digunakan pada permulaan PdP. Murid-murid juga kelihatan seronok dengan kepelbagaian aktiviti dan bahan bantu mengajar yang digunakan oleh guru. Murid-murid dapat memberi tumpuan dan dapat melibatkan diri secara aktif dalam keseluruhan aktiviti yang dilaksanakan. Murid-murid kelihatan berani untuk mengeluarkan pendapat dan berkongsi idea semasa perbincangan dalam kumpulan berlangsung. Aktiviti pembelajaran dilihat lebih berpusatkan murid, murid dan bahan serta guru hanya sebagai pemudah cara bagi mereka.

Dari aspek bahan bantu mengajar (BBM) pula, dapatan pemerhatian terhadap 10 orang pakar pelaksana menunjukkan penggunaan pelbagai BBM seperti radio, televisyen, saluran *youtube*, alat pembesar suara pintar, kertas mahjung, wang kertas, carta bergambar, topeng dan kad kosa kata sangat baik dalam pembelajaran yang berkualiti. Penggunaan BBM yang menarik ini berjaya mewujudkan pembelajaran yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyeronokkan dan berkesan. Malah, murid yang pada awalnya agak malu untuk memnbentangkan dapatan kelihatan yakin apabila diberi bimbingan dan motivasi oleh guru dan murid. Nyanyian dan tayangan video sangat digemari oleh murid-murid. Pemerhatian juga mendapati BBM seperti ini mampu memberi impak yang besar kepada pembelajaran murid. BBM yang dipelbagaikan dalam setiap modul yang berbeza bukan sahaja dapat memberi keseronokan kepada murid-murid malah dapat mengekalkan minat murid untuk belajar sesuatu yang baharu menggunakan BBM itu tadi.

Dari aspek pentaksiran pula, dapatan daripada pemerhatian penyelidik mendapati bahawa pentaksiran banyak dilakukan secara bertulis. Lembaran kerja dan permainan bahasa secara bertulis direka dengan agak menarik menggunakan peta pemikiran seperti peta buih, peta bulatan, carta alir dan sebagainya mampu merangsang idea murid untuk menjawab soalan yang dikemukakan. Setiap latihan yang diberikan juga diberi jawapan pilihan atau gambar rangsangan agar murid-murid dapat menghubungkaitkan kehendak soalan dengan jawapan. Selain daripada pentaksiran secara bertulis, penyelidik juga mendapati pentaksiran uga dijalankan secara pemerhatian seperti lakonan, bercerita dan berpantun dalam setiap modul pengajaran.

Berdasarkan dapatan temu bual bersama pakar pelaksana pula, penyelidik mendapati set induksi yang dicadangkan banyak membantu guru untuk menarik minat murid belajar. Tambahnya, kepelbagaian kaedah dan teknik dalam set induksi mampu mewujudkan rangsangan murid terhadap tajuk pembelajaran pada hari itu dan menghadirkan rasa teruja murid untuk terus mengikuti pembelajaran. Bagi aktiviti pembelajaran berasaskan pendekatan didik hibur pula, dapatan temu bual daripada pakar pelaksana menunjukkan aktiviti berasaskan pendekatan didik hibur yang dicadangkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

adalah sangat baik dan menepati Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21). Aktiviti yang dicadangkan adalah menyeronokkan dan berjaya melibatkan keseluruhan murid. Penggunaan muzik, lakonan, bercerita, berpantun dan permainan bahasa , perbincangan dalam kumpulan serta pembentangan memberi keseronokan kepada murid semasa pembelajaran. Contohnya, murid-murid boleh bernyanyi, berlakon, bercerita dan berpuisi dengan riang dan gembira semasa belajar. Walaupun kelas mungkin kelihatan sedikit bising, namun itu sebenarnya proses pembelajaran yang memerlukan mereka terlibat secara aktif tetapi dalam keadaan terkawal dengan bantuan guru. Oleh yang demikian, pembelajaran yang menarik, seronok dan berkesan ini membolehkan objektif pembelajaran pada hari itu tercapai.

Hasil dapatan temu bual penyelidik bersama lima orang murid pula mendapati murid-murid sangat seronok belajar menggunakan modul seni bahasa berasaskan didik hibur ini. Mereka sangat seronok kerana dapat menyanyi dengan rakan-rakan, dapat bercerita, dapat berbual dengan kawan (perbincangan kumpulan) dan sebagainya. Menurut mereka lagi, guru tidak marah dengan perbuatan mereka (terlibat aktif dalam perbincangan) dan jika tidak tahu, guru dapat membimbing mereka hingga faham. Mereka juga seronok dan tertarik dengan bahan bantu mengajar yang digunakan oleh guru semasa belajar. Berdasarkan dapatan temu bual bersama murid tersebut, penyelidik mendapati kepelbagaian penggunaan BBM dalam PdP yang berbeza sangat membantu untuk menarik minat murid. Sebagai contoh, apabila guru membawa radio masuk ke kelas, mereka terus seronok dan teruja untuk mengetahui tajuk dan aktiviti pembelajaran pada hari itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyelidik juga menganalisis dapatan pelaksanaan modul ini menggunakan analisis dokumen. Dokumen yang dianalisis ialah lembaran kerja murid dan buku tulis murid. Hasil dapatan terhadap lembaran kerja bagi kelima-lima modul mendapati murid-murid berjaya menyiapkan lembaran kerja dengan baik. Lembaran kerja yang menarik merupakan aspek yang sangat membantu murid-murid membina pengetahuan untuk memahami kehendak soalan yang dinyatakan.

Kepelbagaian bentuk lembaran kerja seperti peta buih, peta bulatan, mengelaskan sesuatu, permainan bahasa, mengisi tempat kosong menggunakan huruf vokal dapat menimbulkan keseronokan kepada murid- murid dan mereka tidak bosan. Malah, mereka semakin seronok kerana guru memberi pilihan jawapan dan mereka boleh berbincang sesama sendiri untuk menentukan jawapan yang tepat. Begitu juga dengan buku tulis murid. Mereka berjaya menulis dan menyalin sesuatu yang diminta oleh guru dengan baik kerana guru meminta mereka mencatat sesuatu dalam bentuk yang menyeronokkan seperti peta bulatan dan peta buih. Murid-murid mudah berasa bosan apabila menulis dalam bentuk yang panjang. Oleh yang demikian, guru memudahkan gaya penulisan mereka dalan bentuk peta pemikiran. Inilah yang menyebabkan mereka menjadi semakin seronok untuk belajar kerana mereka dapat belajar dalam suasana santai dan menghiburkan, sesuai dengan fitrah mereka sebagai kanak-kanak.

Selepas dianalisis secara kualitatif deskriptif, penyelidik juga menganalisis kajian ini secara Kaedah Fuzzy Delphi Method (FDM). Tujuan analisis secara FDM dijalankan adalah untuk mendapatkan hasil kajian atau data kajian dengan lebih berkesan dan empirikal. Setelah 10 orang pakar pelaksana melaksanakan modul seni bahasa ini di dalam bilik darjah, penyelidik telah menemu bual kesemua 10 orang pakar pelaksana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tersebut. Setelah itu, penyelidik membina soalan soal selidik fuzzy berdasarkan dapatan temu bual bersama pakar pelaksana. Soalan bagi soal selidik fuzzy mengandungi enam bahagian iaitu, Bahagian A (demografik pakar), Bahagian B (penyediaan rancangan pengajaran harian), Bahagian C (penyediaan bahan bantu mengajar), Bahagian D (aktiviti pembelajaran), Bahagian E (tempoh masa pelaksanaan) dan Bahagian F (persediaan murid).

Dalam Bahagian B, penilaian kebolehgunaan modul seni bahasa dianalisis menerusi elemen penyediaan RPH dalam modul seni bahasa yang dibina. Dari segi nilai *threshold (d),* kesemua sepuluh item memperoleh nilai *threshold (d)* kurang daripada 0.2, iaitu antara 0.027 hingga 0.145. Ini menunjukkan bahawa kesemua kesepuluh item yang dibina diterima kerana melepasi syarat nilai *threshod (d)* iaitu kurang atau tidak melebihi 0.2. Dari aspek konsesus (kesepakatan) pakar pula, kesemua sepuluh item soalan telah memperoleh 100% kesepakatan kumpulan pakar. Peratusan yang diperoleh ini melepasi syarat 66.7% kesepakatan kumpulan pakar yang dinyatakan oleh Shubashini et, al. (2015). Manakala dari segi skor fuzzy (A) pula, semua item melepasi skor fuzzy (A) iaitu melebihi 0.5, iaitu memperoleh skor antara 0.817 hingga 0.957. Ini bermaksud modul seni bahasa dalam aspek penyediaan RPH ini sesuai digunakan untuk murid-murid.

Dalam Bahagian C pula, penilaian kebolehgunaan modul seni bahasa dianalisis menerusi elemen penyediaan BBM dalam modul seni bahasa yang dibina. Dari segi nilai *threshold (d),* kesemua sepuluh item memperoleh nilai *threshold (d)* kurang daripada 0.2, iaitu antara 0.064 hingga 0.157. Ini menunjukkan bahawa kesemua kesepuluh item yang dibina diterima kerana melepasi syarat nilai *threshod (d)* iaitu kurang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

atau tidak melebihi 0.2. Dari aspek kesepakatan pakar pula, kesemua sepuluh item soalan telah memperoleh 100% kesepakatan kumpulan pakar. Peratusan yang diperoleh ini melepasi syarat 66.7% kesepakatan kumpulan pakar yang dinyatakan oleh Shubashini et, al. (2015). Manakala dari segi skor fuzzy (A) pula, semua item melepasi skor fuzzy (A) iaitu melebihi 0.5, iaitu memperoleh skor antara 0.777 hingga 0.937. Ini bermaksud modul seni bahasa dalam aspek penyediaan BBM ini sesuai digunakan dalam PdP.

Bagi Bahagian D pula, penilaian kebolehgunaan modul seni bahasa dianalisis menerusi elemen aktiviti PdP dalam modul seni bahasa yang dibina. Dari segi nilai *threshold (d),* kesemua sepuluh item memperoleh nilai *threshold (d)* kurang daripada 0.2, iaitu di antara 0.049 hingga 0.128. Ini menunjukkan bahawa kesemua kesepuluh item yang dibina diterima kerana melepasi syarat nilai *threshod (d)* iaitu kurang atau tidak melebihi 0.2. Dari aspek konsesus (kesepakatan) pakar pula, kesemua sepuluh item soalan telah memperoleh 100% kesepakatan kumpulan pakar. Peratusan yang diperoleh ini melepasi syarat 66.7% kesepakatan kumpulan pakar yang dinyatakan oleh Shubashini et, al. (2015). Manakala dari segi skor fuzzy (A) pula, semua item melepasi skor fuzzy (A) iaitu melebihi 0.5, iaitu memperoleh skor di antara 0.800 hingga 0.927. Ini bermaksud modul seni bahasa dalam aspek aktiviti pembelajaran ini sesuai digunakan dalam PdP.

Seterusnya dapatan Bahagian E pula, penilaian kebolehgunaan modul seni bahasa dianalisis menerusi elemen tempoh masa PdP dalam modul seni bahasa yang dibina. Dari segi nilai *threshold (d),* kesemua sepuluh item memperoleh nilai *threshold (d)* kurang daripada 0.2, iaitu di antara 0.065 hingga 0.133. Ini menunjukkan bahawa kesemua

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kesepuluh item yang dibina diterima kerana melepasi syarat nilai *threshod (d)* iaitu kurang atau tidak melebihi 0.2. Dari aspek kesepakatan pakar pula, kesemua sepuluh item soalan telah memperoleh 100% kesepakatan kumpulan pakar. Peratusan yang diperoleh ini melepasi syarat 66.7% kesepakatan kumpulan pakar yang dinyatakan oleh Shubashini et, al. (2015). Manakala dari segi skor fuzzy (A) pula, semua item melepasi skor fuzzy (A) iaitu melebihi 0.5, iaitu memperoleh skor di antara 0.810 hingga 0.917. Ini bermaksud modul seni bahasa dalam aspek tempoh masa PdP ini sesuai digunakan dalam PdP.

Akhir sekali Bahagian F iaitu, penilaian kebolehgunaan modul seni bahasa dianalisis menerusi elemen persediaan murid dalam modul seni bahasa yang dibina. Dari segi nilai *threshold (d),* kesemua sepuluh item memperoleh nilai *threshold (d)* kurang daripada 0.2, iaitu di antara 0.027 hingga 0.135. Ini menunjukkan bahawa kesemua kesepuluh item yang dibina diterima kerana melepasi syarat nilai *threshod (d)* iaitu kurang atau tidak melebihi 0.2. Dari aspek konsesus (kesepakatan) pakar pula, kesemua sepuluh item soalan telah memperoleh 100% kesepakatan kumpulan pakar. Peratusan yang diperoleh ini melepasi syarat 66.7% kesepakatan kumpulan pakar yang dinyatakan oleh Shubashini et, al. (2015). Manakala dari segi skor fuzzy (A) pula, semua item melepasi skor fuzzy (A) iaitu melebihi 0.5, iaitu memperoleh skor di antara 0.800 hingga 0.957. Ini bermaksud modul seni bahasa dalam aspek tempoh masa PdP ini sesuai digunakan dalam PdP.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3 Perbincangan Dapatan

Dalam bahagian ini, penyelidik membincangkan dapatan yang diperoleh secara komprehensif menerusi tiga bahagian utama iaitu fasa satu (analisis keperluan) , fasa dua (pembangunan dan pembinaan modul), dan fasa tiga (penilaian kebolehgunaan modul).

Perbincangan Dapatan Fasa Satu (Analisis Keperluan)

Perbincangan dapatan dalam bahagian ini selaras dengan soalan kajian yang pertama iaitu "Apakah dapatan berkaitan pengajaran kemahiran seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur di sekolah rendah?"

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam fasa satu kajian DDR ini iaitu analisis keperluan, dapatan kajian dianalisis melalui kaedah kualitatif iaitu kaedah pemerhatian dan temu bual bersama guru dan murid-murid. Hasil pemerhatian penyelidik mendapati bahawa para guru ada menjalankan pengajaran secara didik hibur ini tetapi tidak secara sepenuhnya. Para guru hanya menetapkan pengajaran Bahasa Melayu berasaskan pendekatan didik hibur ini pada hari-hari tertentu sahaja, iaitu pada hari Rabu kerana pada hari tersebut telah ditetapkan kemahiran seni bahasa seperti yang ditetapkan dalam buku teks. Hal ini sangat bertentangan dengan apa yang ditegaskan oleh Guru Besar SK W iaitu Encik J (2017) bahawa pendekatan didik hibur perlu diajar pada setiap kali PdP berlangsung, dan bukannya pada hari-hari tertentu sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melalui pemerhatian juga, penyelidik mendapati pendekatan didik hibur yang dikatakan dilaksanakan pada hari Rabu juga kurang diaplikasikan oleh para guru. Hal ini demikian kerana para guru tidak sempat untuk menyediakan bahan bantu mengajar (BBM) yang sesuai untuk digunakan dalam kemahiran seni bahasa seperti yang disarankan. Berdasarkan apa yang dinyatakan oleh responden ini, ternyata bahawa guru gagal mengubah suai pengajaran dan tidak kreatif untuk mewujudkan PdP yang lebih menarik. Ini bertepatan dengan kenyataan Shamsuddin Othman (2013), bahawa kegagalan guru merancang dan mengubah suai PdP boleh menyebabkan murid menjadi cepat bosan. Para guru sepatutnya menjadi lebih kreatif dengan mempelbagaikan kaedah dan strategi PdP agar lebih menarik walaupun tanpa penggunaan BBM.

Dapatan pemerhatian juga mendapati aktiviti PdP yang dijalankan masih bersifat tradisional iaitu berpusatkan guru, murid kurang dilibatkan dan aktiviti hanya membaca teks dan menjawab soalan yang disediakan sahaja. Dapatan ini jelas bertentangan dengan apa yang dinyatakan oleh Tay Meng Guat (2015) yang menegaskan bahawa pembelajaran menyeronokkan semestinya berpusatkan murid untuk membantu meningkatkan persekitaran pembelajaran yang selesa dan mengurangkan tekanan kepada murid. Amalan PdP secara tradisional yang diamalkan oleh responden ini sebenarnya menyekat minat dan kerativiti murid dalam menikmati pembelajaran yang lebih santai dan menghiburkan. Kaedah ini ternyata berbeza dengan pendekatan didik hibur yang yang lebih menekankan elemen hiburan dan menyeronokkan dalam PdP yang dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil temu bual penyelidik bersama responden juga, penyelidik mendapati bahawa responden menghadapi banyak cabaran dan kekangan untuk menyediakan BBM yang menarik pada setiap kali PdP. Hal ini menyebabkan responden mengajar secara tutorial sahaja dan murid menjadi cepat bosan. Responden juga mendedahkan bahawa BBM yang disediakan oleh pihak panitia adalah terhad dan tidak mencukupi. Masalah dan cabaran yang dihadapi oleh responden dalam menyediakan BBM ini mengukuhkan lagi kajian lampau oleh Layang Ugek (2009), mendedahkan bahawa kekurangan bahan mengajar telah menjadi satu faktor pembelajaran kurang menarik minat murid. Namun, responden telah berusaha dan cuba sebaik mungkin untuk menyediakan BBM yang menarik walaupun tidak pada setiap kali PdP berlangsung.

Selain itu, hasil dapatan temu bual bersama responden juga mendedahkan bahawa aktiviti yang selalu digunakan oleh responden semasa PdP dalam kelas ialah aktiviti perbincangan dan soal jawab. Menurut responden lagi, aktiviti perbincangan kerap diadakan kerana aktiviti ini senang untuk dilaksanakan dan murid-murid juga gemar aktiviti perbincangan dalam kumpulan diadakan. Dengan adanya aktiviti perbincangan dalam kumpulan ini, murid-murid menjadi lebih seronok dan cepat faham apa yang dipelajari. Dapatan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Rahmah Jantan dan Nor Afini Resab (2016) yang menyatakan pembelajaran beraktiviti yang melibatkan kumpulan murid bukan sahaja berupaya meningkatkan tahap literasi murid malah dapat menggembirakan murid-murid semasa pembelajaran berlaku dan serterusnya memudahkan objektif pembelajaran tercapai. Namun begitu, aktiviti perbincangan secara berkumpulan ini perlu disertai dengan tugasan yang menarik serta kawalan guru yang betul kerana jika dibiarkan, murid akan leka berbual tanpa berfokus kepada tajuk pembelajaran dan boleh memyebabkan kebisingan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun, responden menegaskan bahawa aktiviti yang paling disukai oleh murid-murid ialah menyanyi kerana memang sifat murid-murid suka untuk benyanyi. Tambahnya, apabila menyanyi, murid-murid seolah-olah dapat melepaskan tekanan dan bebas mengeluarkan suara, tetapi mengikut rentak dan irama yang ditetapkan. Mereka begitu seronok, terlompat-lompat keriangan dan tidak sabar untuk menyanyi. Ini bertepatan dengan kajian aktiviti nyanyian yang dapat mencetuskan rasa dan suasana menyeronokkan murid-murid semasa PdP. Antaranya ialah kajian Turnbull, Gupta dan Murad (2018) yang menyatakan nyanyian dan muzik adalah bentuk hiburan yang menyeronokkan dan menarik serta dapat membantu murid mempelajari bahasa dalam suasana yang meriangkan. Aktiviti nyanyian ini juga disokong dengan kajian Fonteles J, Fernandes M dan Quiroz D (2017) yang menyatakan penggunaan muzik dalam aktiviti PdP berjaya menggembirakan murid-murid, dapat menarik perhatian serta berjaya mengekalkan maklumat yang diperoleh.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun, responden juga mendedahkan bahawa pelaksanaan aktiviti nyanyian di dalam kelas agak sukar untuk dilaksanakan dengan baik kerana responden perlu menyediakan radio, lirik lagu dan perlu kawalan kelas yang baik supaya murid-murid tidak bising.

Dapatan temu bual juga mendapati elemen sastera yang menjadi pendekatan didik hibur seperti lakonan, bercerita dan pantun kurang dilaksanakan di dalam bilik darjah kerana para guru kurang berkemahiran dalam elemen-elemen tersebut di samping kurangnya panduan untuk mereka rujuk. Walhal, pendekatan didik hibur seperti lakonan, bercerita dan pantun ini sebenarnya merupakan elemen yang telah terkandung dalam pembelajaran seni bahasa dan termaktub dalam Dokumen Standard Kandungan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan Pentaksiran (DSKP) yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Dapatan ini menggambarkan guru kurang menguasai kaedah dan strategi pengajaran untuk mewujudkan PdP dengan lebih menarik dan berkesan. Dapatan yang diperoleh ini bertepatan dengan hasil pemeriksaan Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (2017), yang mendapati sesetengah guru menghadapi masalah untuk menyampaikan isi pelajaran yang menarik dan sesuai. Hal ini berpunca daripada guru yang masih kurang menguasai kaedah dan strategi pengajaran Bahasa Melayu menyebabkan murid tidak berminat mempelajari Bahasa Melayu. (KPM, 2017).

Dapatan ini juga selari dengan kenyataan Mohd. Qhairil Anwar Azhar dan Zamri Mahamod (2018) yang menyatakan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru masih lagi berbentuk *"chalk and talk"* dan guru kurang mempelbagaikan kaedah dan teknik pengajaran yang mampu merangsang kemahiran berfikir pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Perbincangan Dapatan Fasa Dua (Pembangunan dan Pembinaan Modul)

Perbincangan dapatan dalam bahagian ini selaras dengan soalan kajian yang kedua iaitu "Bagaimanakah modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur dalam PdP Bahasa Melayu dibina"?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam fasa dua DDR pula iaitu fasa pembangunan dan pembinaan modul, penyelidik menganalisis fasa dua ini menggunakan dua kaedah iaitu Kaedah Fuzzy Delphi (FDM) dan kaedah kualitatif deskriptif untuk membina modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur ini. Oleh yang demikian, penyelidik telah menyediakan soalan soal selidik fuzzy. Soalan soal selidik fuzzy dibina berdasarkan dapatan temu bual bersama lima orang pakar dalam pendidikan Bahasa Melayu dan juga berdasarkan sorotan literatur kajian (Ridhuan Jamil dan NurulRabihah Mat Noh (2020). Borang soal selidik fuzzy telah diedarkan kepada sepuluh orang pakar yang telah dipilih dalam bidang pendidikan Bahasa Melayu. Ini menepati syarat bilangan pakar dalam sesuatu kajian fuzzy yang menetapkan bilangan pakar 10 atau lebih (Philip, 2000).

Setelah borang tersebut telah siap dijawab, data soal selidik fuzzy kemudiannya dianalisis menggunakan analisis penomboran fuzzy menggunakan Templat Analisis FDM v2.0 melalui perisian Microsft Excel (Ridhuan Jamil dan NurulRabihah Mat Noh (2020). Tujuan data dianalisis menggunakan penomboran fuzzy adalah untuk melihat sama ada dapatan tersebut memenuhi syarat-syarat dan peratusan konsesus (kesepakatan) pakar yang telah ditetapkan dalam pendekatan FDM sebelum proses pembangunan dan pembinaan modul (Ramlan Mustapha dan Ghazali Darusalam, 2018). Setelah syarat-syarat dan konsesus pakar telah dipenuhi, maka penyelidik mula menjalankan proses pembangunan dan pembinaan modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur di sekolah rendah.

Dalam menganalisis data soal selidik fuzzy menggunakan pendekatan FDM ini, terdapat beberapa syarat yang harus dipatuhi. Syarat-syarat tersebut ialah penomboran segi tiga fuzzy (*triangular fuzzy numbers*) dan proses penilaian fuzzy *(fuzzy evaluation*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

process). Dalam penomboran segi tiga fuzzy, penyelidik menganalisis data menggunakan nilai threshold (d) dan peratus konsesus pakar (Ridhuan Jamil dan NurulRabihah Mat Noh (2020). Sebagai contoh, dalam aspek penilaian pakar bagi setiap item dalam elemen aktiviti PdP modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur, dapatan menunjukkan kesemua 10 orang pakar telah bersetuju dengan aktiviti-aktiviti yang dirancang dalam modul seni bahasa tersebut dengan nilai *threshold (d)* kurang daripada 0.2 iaitu kesemua item mempunyai nilai *threshold (d)* antara 0.049 hingga 0.107. Bagi peratus kesepakatan kumpulan pakar pula, dapatan menunjukkan semua item mencapai 100%. Ini menepati peratus kesepakatan pakar yang ditetapkan iaitu melebihi 66%. Manakala skor fuzzy (A) pula, dapatan yang diperoleh menunjukkan semua item melebihi 0.5 iaitu antara 0.863 hingga 0.927. Ini bermaksud, semua item ini melebihi skor fuzzy (A) 0.5 dan item-item tersebut diterima.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setelah analisis secara FDM dilaksanakan, dapatan jelas menunjukkan bahawa segala item dan elemen yang terkandung dalam modul seni bahasa seperti penyediaan rancangan pengajaran harian (RPH), penyedian bahan bantu mengajar (BBM), pelaksanaan aktiviti, tempoh masa pelaksanaan dan persediaan murid menunjukkan kesemua item telah melepasi syarat-syarat yang ditetapkan dalam penilaian fuzzy, konsesus pakar yang melebihi 67% iaitu antara 90-100% dan skor fuzzy (A) melebihi 0.5 . Berdasarkan dapatan inilah, penyelidik mendapati segala item dalam setiap elemen diterima, maka penyelidik telah membina modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur di sekolah rendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setelah syarat-syarat dalam analisis FDM dipatuhi dan diterima, penyelidik telah membuat draf pembangunan dan pembinaan modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur di sekolah rendah ini menggunakan kaedah kualitatif deskriptif. Penyelidik telah berbincang dan menemu bual lima orang guru Bahasa Melayu yang juga merupakan pakar dalam bidang pendidikan Bahasa Melayu untuk membina modul tersebut. Dapatan perbincangan bersama guru Bahasa Melayu mendapati penyelidik telah mengambil kira tahap akademik dan penguasaan murid sebelum pembinaan modul dilakukan. Tujuan tahap akademik dan penguasaan murid diambil kira adalah bertujuan untuk memudahkan pemahaman murid tentang tugasan yang diberikan dan mampu dilaksanakan oleh mereka berdasarkan kecerdasan, kebolehan dan bakat yang ada pada mereka (Atan Long, 1986). Ini juga bertepatan dengan langkah satu hingga langkah tiga dalam model pendekatan sistem Dick dan Carey (2014) iaitu mengenal pasti matlamat, menjalankan analisis instruktional dan analisis pelajar dan konteks.

Penyelidik dan guru Bahasa Melayu juga berbincang dalam membina modul yang mudah tetapi bermutu kerana modul yang baik mudah diikuti dan difahami oleh murid. Ini selaras dengan saranan Sharifah Alwiah Alsagoff (1981) yang menyatakan modul yang baik ialah modul yang mudah diikuti dan difahami oleh murid. Selain itu, penyelidik juga telah membuat analisis dokumen iaitu Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) Bahasa Malaysia Tahun Tiga (KPM, 2011) untuk memantapkan lagi modul yang dihasilkan.

Setelah temu bual dan analisis dokumen dijalankan, penyelidik telah mengenal pasti tema-tema yang terdapat dalam buku teks Bahasa Malaysia Tahun Tiga. Penyelidik mendapati terdapat 10 tema berbeza yang terkandung dalam buku teks Bahasa Malaysia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tahun Tiga ini. Penyelidik juga mendapati bahawa dalam setiap tema terdapat tiga unit kecil, dan jumlah keseluruhan unit-unit kecil ialah 30 unit. Dalam setiap unit pula, terdapat beberapa tajuk kecil yang mempunyai beberapa kemahiran bahasa yang berbeza seperti kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca, kemahiran menulis, kemahiran seni bahasa dan kemahiran tatabahasa.

Hasil analisis dokumen juga, penyelidik mendapati bilangan tajuk- tajuk yang terdapat dalam buku teks ini adalah sebanyak 144 tajuk yang meliputi pelbagai tema dan 144 kemahiran bahasa yang telah ditetapkan mengikut tajuk yang telah disusun berdasarkan tema. Daripada 144 kemahiran bahasa yang diketengahkan, 26 daripadanya adalah kemahiran seni bahasa.

Untuk membina modul seni bahasa berasaskan didik hibur ini, penyelidik berpendapat bahawa 144 kemahiran bahasa yang dinyatakan adalah terlalu banyak dan perlu dikecilkan mengikut kesesuaian tempoh masa kajian. Oleh itu, penyelidik telah berbincang dan menemu bual bersama dua orang guru Bahasa Melayu Tahun 3 dan seorang guru kanan Bahasa Melayu untuk menetapkan bilangan kemahiran bahasa yang perlu diajar dan bentuk kemahiran bahasa yang perlu dipilih. Hasil perbincangan memutuskan bahawa adalah lebih sesuai untuk mengambil satu tajuk bagi setiap tema. Oleh yang demikian, terdapat 12 tajuk yang perlu dibina dalam modul ini yang meliputi 12 tema ini.

Dari aspek kemahiran bahasa pula, hasil temu bual bersama guru Bahasa Melayu, mereka mencadangkan supaya kemahiran seni bahasa yang perlu dimasukkan ke dalam modul ini kerana kemahiran seni bahasa ini amat bertepatan dengan kajian ini iaitu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membina modul pengajaran bahasa Melayu berasaskan didik hibur. Kemahiran-kemahiran lain seperti mendengar dan bertutur, membaca, menulis dan tatabahasa merupakan kemahiran yang telah ada dalam kemahiran seni bahasa. Para guru juga kurang berkemahiran dalam mengajarkan Bahasa Melayu berasaskan didik hibur ini. Kenyataan ini selari dengan kenyataan daripada Jemah Nazir bahawa guru masih kurang menguasai kaedah dan strategi pengajaran Bahasa Melayu menyebabkan murid tidak berminat mempelajari Bahasa Melayu. (KPM, 2017).

Oleh yang demikian, kemahiran seni bahasa sangat sesuai untuk dimasukkan dalam modul ini. Setelah kata putus dicapai, penyelidik telah meneliti setiap tajuk dari setiap unit dan tema yang mengandungi kemahiran seni bahasa. Setelah meneliti tema-tema, unit dan tajuk serta 26 kemahiran seni Bahasa yang terkandung dalam Buku Teks Bahasa Malaysia Tahun 3, penyelidik mula merangka draf untuk membina modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur ini.

Langkah seterusnya ialah penyelidik berbincang bersama guru Bahasa Melayu untuk menetapkan tema, memilih unit dan tajuk serta kemahiran seni bahasa. Penyelidik telah menetapkan untuk membina 12 set Rancangan Pengajaran Harian (RPH) berdasarkan 12 kemahiran seni bahasa yang berbeza berdasarkan tema dan unit dalam buku teks. Pemilihan kemahiran seni bahasa juga dipelbagaikan agar murid-murid dapat mengikuti PdP dengan kemahiran seni bahasa yang berbeza dan menyeronokkan. Pada peringkat ini, penyelidik telah membina objektif-objektif bagi setiap tajuk yang dipilih untuk dimasukkan ke dalam modul seni bahasa ini. Penetapan objektif bagi setiap tajuk ini menepati langkah keempat dalam model Dick dan Carey (2014) serta selari dengan pernyataan Sharifah Alwiah Alsagoff (1981) iaitu penyelidik perlu mencipta

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

objektif-objektif yang ingin dicapai oleh murid setelah selesai mengikuti sesuatu tajuk pembelajaran dalam modul.

Setelah selesai pemilihan dan penetapan kemahiran seni bahasa, penyelidik telah merangka pembinaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH). Penyelidik telah menetapkan beberapa aspek penting yang perlu ada dalam RPH seperti penulisan tema, unit dan tajuk, kemahiran bahasa yang diajar, penetapan objektif berpandukan DSKP, aktiviti pengajaran (set induksi, perkembangan aktiviti dan penutup), pemilihan dan penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM), penetapan tempoh masa pengajaran yang sesuai, langkah pengukuhan dan pengayaan serta penilaian dan hasil pembelajaran. Fasa-fasa ini memenuhi langkah empat hingga langkah kesembilan dalam model Dick dan Carey (2014). Penyelidik telah membina 12 set RPH yang digunakan oleh para guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setelah 12 set modul seni bahasa berasaskan didik hibur ini dibina, modul ini perlu disemak dan disahkan sebelum dilaksanakan dalam PdP Bahasa Melayu. Oleh yang demikian, penyelidik telah merujuk kepada dua orang pensyarah Bahasa Melayu dari Universiti A serta dua orang guru kanan mata pelajaran bahasa Melayu dari Sekolah Kebangsaan W untuk menyemak dan mengesahkan modul ini sama ada perlu dibuat penambahbaikan sebelum dilaksanakan atau tidak.

Setelah disemak dan disahkan oleh para penilai, penyelidik membuat analisis dapatan melalui data tringulasi iaitu pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen terhadap modul seni bahasa yang dibina. Aspek-aspek yang dianalisis merangkumi set induksi, aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penggunaan bahan bantu mengajar serta pentaksiran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perbincangan Dapatan Fasa Tiga (Penilaian Kebolehgunaan Modul)

Perbincangan dapatan dalam bahagian ini selaras dengan soalan kajian yang ketiga iaitu "Bagaimanakah cara penilaian kebolehgunaan modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur terhadap PdP murid di dalam sebuah kelas Bahasa Melayu?"

Dalam fasa tiga DDR pula iaitu fasa penilaian kebolehgunaan, penyelidik menganalisis fasa penilaian kebolehgunaan modul seni bahasa ini melalui dua kaedah itu kaedah kualitatif deskriptif dan Kaedah Fuzzy Delphi (FDM). Penyelidik menganalisis dapatan daripada pelaksanaan modul ini menggunakan kaedah kualitatif deskriptif iaitu pemerhatian, temu bual terhadap 10 orang pakar pelaksana dan analisis dokumen bagi kelima-lima modul pengajaran yang telah dilaksanakan. Aspek yang dianalisis merangkumi set induksi, aktiviti pembelajaran, bahan bantu mengajar dan pentaksiran bagi kelima-lima modul yang dilaksanakan. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini, hanya lima modul yang dilaksanakan dalam bilik darjah iaitu modul satu, modul empat, modul lima, modul tujuh dan modul lapan. Justifikasi pelaksanaan lima modul sahaja kerana penyelidik mendapati dapatan yang diperoleh adalah sama, tepu dan tidak ada penemuan baharu lagi. Oleh yang demikian, penyelidik memutuskan untuk menetapkan lima modul sahaja yang dilaksanakan dalam bilik darjah.

Dapatan melalui pemerhatian, penyelidik mendapati murid-murid sangat teruja dengan setiap set induksi yang digunakan pada permulaan PdP. Murid-murid juga kelihatan seronok dengan kepelbagaian aktiviti dan bahan bantu mengajar yang digunakan oleh guru. Murid-murid dapat memberi tumpuan dan dapat melibatkan diri secara aktif dalam keseluruhan aktiviti yang dilaksanakan. Murid-murid kelihatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berani untuk mengeluarkan pendapat dan berkongsi idea semasa perbincangan dalam kumpulan berlangsung. Penglibatan murid yang berani dan yakin ini adalah bertepatan dengan kajian oleh Mohd Zahar Kusnun dan Affero Ismail (2017) yang menyatakan pelaksanaan pendekatan didik hibur dalam pembelajaran telah meningkatkan motivasi murid untuk lebih yakin dan berani dalam mengikuti PdP.

Dari aspek bahan bantu mengajar (BBM) pula, dapatan pemerhatian terhadap 10 orang pakar pelaksana menunjukkan penggunaan pelbagai BBM seperti radio, televisyen, saluran *youtube*, alat pembesar suara pintar, kertas mahjung, wang kertas, carta bergambar, topeng dan kad kosa kata sangat baik dalam pembelajaran yang berkualiti. Malah, penggunaan saluran *youtube* menggunakan internet dan perkakas komputer ini telah dinyatakan keberkesanannya oleh golongan sarjana seperti Abdul Rasid Jamian (2013), Muhammad Khairi Mohamed Nor (2015), Salman Firdaus Sidek et al. (2014) yang menyatakan penggunaan multimedia interaktif dan perisian komputer mampu menarik minat murid untuk mewujudkan pembelajaran menyeronokkan. Penggunaan BBM yang menarik ini berjaya mewujudkan pembelajaran yang menyeronokkan dan berkesan.

Malah, murid yang pada awalnya agak malu untuk membentangkan dapatan kelihatan yakin apabila diberi bimbingan dan motivasi oleh guru dan murid. Nyanyian dan tayangan video sangat digemari oleh murid-murid. Pemerhatian juga mendapati BBM seperti ini mampu memberi impak yang besar kepada pembelajaran murid. BBM yang dipelbagaikan dalam setiap modul yang berbeza bukan sahaja dapat memberi keseronokan kepada murid- murid malah dapat mengekalkan minat murid untuk belajar sesuatu yang baharu menggunakan BBM itu tadi. Ini bersesuaian dengan kenyataan Layang Ugek (2009) yang menyatakan penggunaan bahan bantu mengajar yang sesuai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pastinya dapat menarik minat murid untuk mengikuti pembelajaran dengan aktif dan terlibat sepenuhnya semasa PdP berlangsung.

Dari aspek pentaksiran pula, dapatan daripada pemerhatian penyelidik mendapati bahawa pentaksiran banyak dilakukan secara pemerhatian dan bertulis. Lembaran kerja dan permainan bahasa secara bertulis direka dengan agak menarik menggunakan peta pemikiran seperti peta buih, peta bulatan, carta alir dan sebagainya mampu merangsang idea murid untuk menjawab soalan yang dikemukakan. Setiap latihan yang diberikan juga diberi jawapan pilihan atau gambar rangsangan agar murid-murid dapat menghubungkaitkan kehendak soalan dengan jawapan. Penggunaan teknik permainan bahasa dalam mentaksir murid ini menepati kajian lampau oleh Bagavathy (2005) yang menyatakan permainan bahasa dapat membantu murid menguasai tatabahasa. Oleh yang demikian, penggunaan permainan bahasa dalam mentaksir murid adalah satu strategi untuk menarik minat murid untuk terus belajar. Selain daripada pentaksiran secara bertulis, penyelidik juga mendapati pentaksiran juga dijalankan secara pemerhatian seperti lakonan, bercerita dan berpantun dalam setiap modul pengajaran.

Berdasarkan dapatan temu bual bersama pakar pelaksana pula, penyelidik mendapati set induksi yang dicadangkan banyak membantu guru untuk menarik minat murid belajar. Tambahnya, kepelbagaian kaedah dan teknik dalam set induksi mampu mewujudkan rangsangan murid terhadap tajuk pembelajaran pada hari itu dan menghadirkan rasa teruja murid untuk terus mengikuti pembelajaran. Bagi aktiviti pembelajaran berasaskan pendekatan didik hibur pula, dapatan temu bual daripada pakar pelaksana menunjukkan aktiviti berasaskan pendekatan didik hibur yang dicadangkan adalah sangat baik dan menepati Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut pakar pelaksana, aktiviti yang dicadangkan adalah menyeronokkan dan berjaya melibatkan keseluruhan murid. Penggunaan muzik, lakonan, bercerita, berpantun dan permainan bahasa , perbincangan dalam kumpulan serta pembentangan memberi keseronokan kepada murid semasa pembelajaran. Hal ini demikian kerana guru mempelbagaikan kaedah pengajaran daripada berpusatkan guru kepada berpusatkan murid dan bahan. Murid-murid melakukan aktiviti menyeronokkan yang berbeza pada setiap kali PdP. Contohnya, murid-murid boleh bernyanyi, berlakon, bercerita dan berpuisi dengan riang dan gembira semasa belajar. Walaupun kelas mungkin kelihatan sedikit bising, namun itu sebenarnya proses pembelajaran yang memerlukan mereka terlibat secara aktif tetapi dalam keadaan terkawal dengan bantuan guru. Mereka juga dilibatkan sepenuhnya dengan penggunaan BBM dan menjawab soalan menggunakan peta pemikiran yang dapat merangsang minda mereka. Oleh yang demikian, pembelajaran yang menarik, seronok dan berkesan ini membolehkan objektif pembelajaran pada hari itu tercapai.

Hasil dapatan temu bual penyelidik bersama lima orang murid pula mendapati murid-murid sangat seronok belajar menggunakan modul seni bahasa berasaskan didik hibur ini. Mereka sangat seronok kerana dapat menyanyi dengan rakan-rakan, dapat bercerita, dapat berbual dengan kawan (perbincangan kumpulan) dan sebagainya. Menurut mereka lagi, guru tidak marah dengan perbuatan mereka (terlibat aktif dalam perbincangan) dan jika tidak tahu, guru dapat membimbing mereka hingga faham. Mereka juga seronok dan tertarik dengan bahan bantu mengajar yang digunakan oleh guru semasa belajar. Berdasarkan dapatan temu bual bersama murid tersebut, penyelidik mendapati kepelbagaian penggunaan BBM dalam PdP yang berbeza sangat membantu untuk menarik minat murid. Sebagai contoh, apabila guru membawa radio

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

masuk ke kelas, mereka terus seronok dan teruja untuk mengetahui tajuk dan aktiviti pembelajaran pada hari itu.

Hasil dapatan temu bual bersama murid juga mendapati mereka seronok untuk belajar kerana faham dengan apa yang diajar olegh guru. Guru mengajar perkara (tajuk pembelajaran) yang mudah (menggunakan aras rendah mengikut aras penguasaan murid). Apabila mereka faham dan dapat menjawab soalan daripada guru, mereka semakin seronok belajar. Malah, mereka semakin berani untuk berlakon bersama rakan, yakin untuk membuat pembentangan dan dapat membina pengetahuan dengan berkongsi idea bersama rakan selepas pembentangan berlangsung. Dapatan aspek keyakinan murid dalam lakonan setelah pelaksanaan modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur ini adalah bersesuaian dengan kajian yang telah dijalankan oleh Mat Taib Pa (2012), yang menyatakan bahawa murid dapat meningkatkan aspek kosa kata dalam bahasa Arab melalui teknik lakonan yang dijalankan. Manakala Abdul Rasid Jamian, Nurul Nadiah dan Shamsudin Othman (2016) pula menyatakan elemen lakonan yang digunakan dalam pengajaran Bahasa Melayu dapat meningkatkan penulisan karangan murid. Latihan yang diberikan sebagai latihan pengukuhan juga dapat disiapkan dalam masa yang ditetapkan hasil perbincangan dalam kumpulan. Penggunaan peta pemikiran yang pelbagai pula berjaya membantu murid menjawab soalan dengan baik dan betul.

Penyelidik juga menganalisis dapatan pelaksanaan modul ini menggunakan analisis dokumen. Dokumen yang dianalisis ialah lembaran kerja dan buku tulis murid. Hasil dapatan terhadap lembaran kerja bagi kelima-lima modul mendapati murid-murid berjaya menyiapkan lembaran kerja dengan baik. Lembaran kerja yang menarik merupakan rangsanganyang sangat membantu murid-murid membina pengetahuan untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memahami kehendak soalan yang dinyatakan.

Kepelbagaian bentuk lembaran kerja seperti peta buih, peta bulatan, mengelaskan sesuatu, permainan bahasa, mengisi tempat kosong menggunakan huruf vokal dapat menimbulkan keseronokan kepada murid- murid dan mereka tidak bosan. Malah, mereka semakin seronok kerana guru memberi pilihan jawapan dan mereka boleh berbincang sesama sendiri untuk menentukan jawapan yang tepat. Begitu juga dengan buku tulis murid. Mereka berjaya menulis dan menyalin sesuatu yang diminta oleh guru dengan baik kerana guru meminta mereka mencatat sesuatu dalam bentuk yang menyeronokkan seperti peta bulatan dan peta buih. Murid-murid mudah berasa bosan apabila menulis dalam bentuk yang panjang. Oleh yang demikian, guru memudahkan gaya penulisan mereka dalan bentuk peta pemikiran. Inilah yang menyebabkan mereka menjadi semakin seronok untuk belajar kerana mereka dapat belajar dalam suasana santai dan menghiburkan, sesuai dengan fitrah mereka sebagai kanak-kanak.

Selepas dianalisis secara kualitatif deskriptif, penyelidik juga menganalisis kajian ini secara Kaedah Fuzzy Delphi Method (FDM). Tujuan analisis secara FDM dijalankan adalah untuk mendapatkan hasil kajian atau data kajian dengan lebih berkesan dan empirikal (Ridhuan Jamil dan Nurulrabihah Mat Noh, 2020). Setelah 10 orang pakar pelaksana melaksanakan modul seni bahasa ini di dalam bilik darjah, penyelidik telah menemu bual kesemua 10 orang pakar pelaksana tersebut. Setelah itu, penyelidik membina soalan soal selidik fuzzy berdasarkan dapatan temu bual bersama pakar pelaksana. Soalan bagi soal selidik fuzzy mengandungi enam bahagian iaitu, Bahagian A (demografik pakar), Bahagian B (penyediaan rancangan pengajaran harian), Bahagian C (penyediaan bahan bantu mengajar), Bahagian D (aktiviti pembelajaran), Bahagian E

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(tempoh masa pelaksanaan) dan Bahagian F (persediaan murid).

Dapatan dalam Bahagian A iaitu demografik pakar, terdapat sepuluh orang pakar dipilih untuk melaksanakan PdP menggunakan modul seni bahasa yang dibina ini. Sepuluh orang pakar pelaksana yang dipilih ini terdiri daripada lima orang pakar lelaki (50%) dan lima orang pakar perempuan (50%). Seorang daripada pakar tersebut (10%) mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana manakala sembilan orang pakar lagi (90%) mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam pendidikan Bahasa Melayu. Pakar-pakar pelaksana tersebut mempunyai pengalaman mengajar 11 hingga 15 tahun seramai empat orang (40%) manakala enam orang pakar lagi (60%) mempunayai pengalaman mengajar melebihi 16 tahun. Kesemua sepuluh orang pakar pelaksana yang dipilih (100%) mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu dan mereka merupakan guru akademik yang tidak menjawat jawatan sebagai pentadbir di sekolah ataupun sebagai pegawai di PPD. Dengan ini, kesemua pakar pelaksana dapat menjalankan pengajaran dan pembelajaran modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur ini dengan lancar tanpa tugas-tugas pentadbiran.

Dalam Bahagian B pula, penilaian kebolehgunaan modul seni bahasa dianalisis menerusi elemen penyediaan RPH dalam modul seni bahasa yang dibina. Dari segi nilai *threshold (d),* kesemua sepuluh item memperoleh nilai *threshold (d)* kurang daripada 0.2, iaitu di antara 0.027 hingga 0.145. Ini menunjukkan bahawa kesemua kesepuluh item yang dibina diterima kerana melepasi syarat nilai *threshod (d)* iaitu kurang atau tidak melebihi 0.2. Dari aspek konsesus (kesepakatan) pakar pula, kesemua sepuluh item soalan telah memperoleh 100% kesepakatan kumpulan pakar. Peratusan yang diperoleh ini melepasi syarat 66.7% kesepakatan kumpulan pakar yang dinyatakan oleh Shubashini et, al.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(2015). Manakala dari segi skor fuzzy (A) pula, semua item melepasi skor fuzzy (A) iaitu melebihi 0.5, iaitu memperoleh skor di antara 0.817 hingga 0.957. Ini bermaksud modul seni bahasa dalam aspek penyediaan RPH ini sesuai digunakan untuk murid-murid.

Seterusnya Bahagian C pula, penilaian kebolehgunaan modul seni bahasa dianalisis menerusi elemen penyediaan BBM dalam modul seni bahasa yang dibina. Dari segi nilai *threshold (d),* kesemua sepuluh item memperoleh nilai *threshold (d)* kurang daripada 0.2, iaitu di antara 0.064 hingga 0.157. Ini menunjukkan bahawa kesemua kesepuluh item yang dibina diterima kerana melepasi syarat nilai *threshod (d)* iaitu kurang atau tidak melebihi 0.2. Dari aspek konsesus (kesepakatan) pakar pula, kesemua sepuluh item soalan telah memperoleh 100% kesepakatan kumpulan pakar. Peratusan yang diperoleh ini melepasi syarat 66.7% kesepakatan kumpulan pakar yang dinyatakan oleh Shubashini et, al. (2015). Manakala dari segi skor fuzzy (A) pula, semua item melepasi skor fuzzy (A) iaitu melebihi 0.5, iaitu memperoleh skor di antara 0.777 hingga 0.937. Ini bermaksud modul seni bahasa dalam aspek penyediaan BBM ini sesuai digunakan dalam PdP.

Dalam Bahagian D pula, penilaian kebolehgunaan modul seni bahasa dianalisis menerusi elemen aktiviti PdP dalam modul seni bahasa yang dibina. Dari segi nilai *threshold (d),* kesemua sepuluh item memperoleh nilai *threshold (d)* kurang daripada 0.2, iaitu di antara 0.049 hingga 0.128. Ini menunjukkan bahawa kesemua kesepuluh item yang dibina diterima kerana melepasi syarat nilai *threshod (d)* iaitu kurang atau tidak melebihi 0.2. Dari aspek konsesus (kesepakatan) pakar pula, kesemua sepuluh item soalan telah memperoleh 100% kesepakatan kumpulan pakar. Peratusan yang diperoleh ini melepasi syarat 66.7% kesepakatan kumpulan pakar yang dinyatakan oleh Shubashini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

et, al. (2015). Manakala dari segi skor fuzzy (A) pula, semua item melepasi skor fuzzy (A) iaitu melebihi 0.5, iaitu memperoleh skor di antara 0.800 hingga 0.927. Ini bermaksud modul seni bahasa dalam aspek aktiviti pembelajaran ini sesuai digunakan dalam PdP.

Dapatan untuk Bahagian E pula, penilaian kebolehgunaan modul seni bahasa dianalisis menerusi elemen tempoh masa PdP dalam modul seni bahasa yang dibina. Dari segi nilai *threshold (d),* kesemua sepuluh item memperoleh nilai *threshold (d)* kurang daripada 0.2, iaitu di antara 0.065 hingga 0.133. Ini menunjukkan bahawa kesemua kesepuluh item yang dibina diterima kerana melepasi syarat nilai *threshod (d)* iaitu kurang atau tidak melebihi 0.2. Dari aspek konsesus (kesepakatan) pakar pula, kesemua sepuluh item soalan telah memperoleh 100% kesepakatan kumpulan pakar. Peratusan yang diperoleh ini melepasi syarat 66.7% kesepakatan kumpulan pakar yang dinyatakan oleh Shubashini et, al. (2015). Manakala dari segi skor fuzzy (A) pula, semua item melepasi skor fuzzy (A) iaitu melebihi 0.5, iaitu memperoleh skor di antara 0.810 hingga 0.917. Ini bermaksud modul seni bahasa dalam aspek tempoh masa PdP ini sesuai digunakan dalam PdP.

Bahagian terakhir yang dianalisis menggunakan soal selidik fuzzy ialah Bahagian F. Dalam Bahagian F ini, penilaian kebolehgunaan modul seni bahasa dianalisis menerusi elemen persediaan murid dalam modul seni bahasa yang dibina. Dari segi nilai *threshold (d),* kesemua sepuluh item memperoleh nilai *threshold (d)* kurang daripada 0.2, iaitu di antara 0.027 hingga 0.135. Ini menunjukkan bahawa kesemua kesepuluh item yang dibina diterima kerana melepasi syarat nilai *threshod (d)* iaitu kurang atau tidak melebihi 0.2. Dari aspek konsesus (kesepakatan) pakar pula, kesemua sepuluh item

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

soalan telah memperoleh 100% kesepakatan kumpulan pakar. Peratusan yang diperoleh ini melepasi syarat 66.7% kesepakatan kumpulan pakar yang dinyatakan oleh Shubashini et, al. (2015). Manakala dari segi skor fuzzy (A) pula, semua item melepasi skor fuzzy (A) iaitu melebihi 0.5, iaitu memperoleh skor di antara 0.800 hingga 0.957. Ini bermaksud modul seni bahasa dalam aspek persediaan murid ini sesuai untuk digunakan dalam PdP Bahasa Melayu di sekolah rendah.

5.4 Implikasi Pelaksanaan Modul Seni Bahasa Berasaskan Pendekatan Didik Hibur

Bahagian ini merupakan perbincangan tentang implikasi kajian berdasarkan dapatan kajian sebelum ini. Penyelidik menggariskan dua implikasi utama dalam kajian ini iaitu implikasi praktis dan implikasi bidang yang dikaji. Implikasi praktis merujuk kepada amalan profesional yang terkait secara langsung atau tidak langsung dengan fenomena yang dikaji. Amalan ini melibatkan individu, kumpulan atau organisasi yang terdiri daripada kumpulan pengamal atau kumpulan sasaran. Manakala implikasi bidang pula merujuk kepada ilmu atau disiplin yang terkait secara langsung atau tidak langsung dengan kajian yang dilakukan. Dalam kajian ini, penyelidik memfokuskan implikasi bidang ini kepada pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berasaskan pendekatan didik hibur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Implikasi Praktis : Implikasi kepada Murid

Pelaksanaan modul seni bahasa berasaskan pedekatan didik hibur ini dalam PdP bahasa Melayu sememangnya memberi implikasi yang positif terhadap murid-murid. Berdasarkan dapatan temu bual dengan murid, penyelidik mendapati murid-murid menjadi semakin berminat untuk belajar kerana pembelajaran yang dilaksanakan adalah menarik dan menyeronokkan. Murid- murid menunjukkan minat untuk belajar sejak dari awal guru masuk ke bilik darjah hingga ke akhir PdP. Mereka seronok melakukan pelbagai aktiviti seperti menyanyi, bercerita, berpantun, mendeklamasikan sajak, berlakon dan sebagainya bersama rakan-rakan.

Mereka juga menjadi lebih bermotivasi dan yakin pada kemampuan diri untuk bersama-sama menyertai pembelajaran dalam suasana yang formal dan bebas daripada tekanan. Pembelajaran yang menarik, santai dan bebas tekanan ini ternyata merupakan ciri-ciri pembelajaran didik hibur. Bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang riang dan menyeronokkan.

Selain itu, mereka juga menjadi lebih aktif dalam pembelajaran yang boleh membina pengetahuan melalui aktiviti bermain dan pendekatan didik hibur yang menyeronokkan. Pembelajaran lebih berpusatkan murid dan bahan menyebabkan mereka lebih santai semasa belajar. Ini dibuktikan dengan dapatan temu bual dengan murid yang mendapati mereka sangat suka terlibat semasa PdP berlangsung dan guru tidak marah kepada mereka. Ini jelas menunjukkan yang murid-murid belajar dalam suasana riang dan bebas dari tekanan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penggunaan pelbagai bahan bantu mengajar dalam PdP yang berlainan juga berjaya memberi kesan yang memberangsangkan kepada minat murid-murid. Murid-murid amat tertarik dengan sesuatu BBM yang baharu dan merangsang minat mereka seperti yang digunakan dalam pembelajaran, terutamanya BBM yang berbentuk tayangan video, nyanyian berbantukan muzik, dan sebagainya. Malah, BBM yang dihasilkan sendiri oleh guru juga berjaya mempengaruhi minat murid untuk meneruskan pembelajaran dalam suasana yang santai dan menyeronokkan. Hasil temu bual dengan murid juga mendedahkan bahawa murid-murd sangat teruja melihat sesuatu (BBM) yang dibawa oleh guru apabila masuk ke dalam kelas. Murid-murid kelihatan tidak sabar untuk melihat apakah BBM yang dibawa oleh guru dan bagaimanakah BBM itu digunakan dalam pembelajaran nanti. Di sinilah kebijaksanaan seseorang guru dalam menyediakan BBM yang menarik dengan ciri-ciri yang merangsang minat murid perlu diutamakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Malah, hasil daripada PdP berasaskan pendekatan didik hibur yang lebih santai, menghiburkan dan berinovasi ini, murid telah melakukan satu perubahan paradigma yang besar dalam pembelajaran mereka iaitu telah mengubah sikap lama pembelajaran mereka sebelum ini iaitu daripada malas kepada rajin, tidak bersedia menjadi lebih bersedia, kurang berminat menjadi lebih bermotivasi, daripada takut kepada lebih berani, daripada pemalu kepada lebih yakin, daripada berangan-angan kepada keterlibatan yang aktif dalam pembelajaran dan daripada pasif kepada pembelajaran aktif. Mereka juga menjadi lebih kreatif dalam melakukan sesuatu tugasan atau aktiviti. Hasil daripada pembelajaran yang menyeronokkan ini, murid-murid dapat mengaplikasikan apa sahaja yang dipelajarinya di dalam bilik darjah dan menghubungkannya dengan disiplin ilmu yang lain. Dengan ini, objektif pembelajaran seni bahasa yang ditetapkan berjaya dicapai dengan baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Implikasi kepada Guru

Pelaksanaan modul pengajaran bahasa Melayu berasaskan didik hibur ini bukan sahaja membawa implikasi positif kepada murid, malah juga kepada para guru, khususnya para guru yang mengajarkan bahasa Melayu.

Dengan adanya modul sebegini, para guru mendapat satu panduan baharu dalam mengajarkan bahasa Melayu berasaskan pendekatan didik hibur. Modul ini berjaya menjadikan pengajaran dan pembelajaran guru di dalam bilik darjah lebih menarik dan menyeronokkan. Para guru dapat merancang pelaksanaan PdP dengan baik mengikut susunan langkah aktiviti yang sesuai dengan tempoh masa yang ditetapkan. Buktinya, melalui temu bual penyelidik dengan guru mendapati para guru berasa selesa dengan modul seperti ini kerana pengajarannya telah dirancang dengan baik dan tersusun dalam pelbagai aspek seperti set induksi, aktiviti dan juga penutup. Malah, bahan pengajaran seperti BBM dan lembaran kerja juga disediakan untuk memberi panduan dan kepelbagaian dalam pengajaran guru.

Bukan itu sahaja, guru Bahasa Melayu juga dapat mengubah gaya pembelajaran daripada statik kepada pembelajaran yang lebih bergerak atau lebih aktif. Contohnya, guru membawa murid-murid keluar dari bilik darjah dan belajar sesuatu yang baharu di luar bilik darjah untuk mengelakkan kebosanan murid. Ini secara tidak langsung dapat mengatasi masalah kurangnya keberkesanan pengajaran guru di dalam bilik darjah dan mengubah gaya pembelajaran daripada pembelajaran konvensional kepada Pembelajaran Abad ke-21.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, para guru juga memperoleh maklumat tentang penggunaan BBM yang digunakan dalam setiap modul yang diajar. Dengan adanya BBM tersebut, para guru dapat mengaplikasikan BBM tersebut dengan baik dan berkesan. Kepelbagaian BBM yang mesra seperti penggunaan telefon bimbit, pembesar suara pintar, komputer, carta bergambar dan sebagainya juga menjadi tarikan dalam mewujudkan pembelajaran secara didik hibur ini. Dengan ini, PdP guru menjadi lancar, menarik, berpusatkan murid dan bahan serta menyeronokkan.

Begitu juga dengan pentaksiran. Dengan adanya modul ini, para guru dapat mentaksir dan menilai murid secara menyeluruh. Oleh sebab pelibatan murid adalah menyeluruh, para guru dapat mentaksir murid secara pemerhatian, soal jawab, bercerita, perbincangan dalam kumpulan, menyiapkan projek mudah, latihan bertulis dan sebagainya. Begitu juga dengan lembaran kerja murid. Modul ini telah menyediakan lembaran kerja bagi setiap modul mengikut tajuk yang ditetapkan. Lembaran-lembaran kerja ini pula dibina menggunakan peta pemikiran seperti peta buih, peta buih berganda, peta bulatan, peta pokok, dan carta alir. Lembaran kerja berbentuk permainan bahasa juga dibina untuk menarik minat murid untuk menjawab soalan dalam keadaan seronok dan santai kerana lembaran kerja yang disediakan tidak terlalu padat dan rumit. Contoh lembaran kerja permainan bahasa ialah mencari perkataan, mengisi tempat kosong menggunakan huruf vokal dan sebagainya. Ini secara tidak langsung memudahakan guru untuk melaksanakan pentaksiran secara bertulis.

Kesimpulannya, modul pengajaran Bahasa Melayu berasaskan didik hibur ini telah berjaya memberi implikasi yang positif bukan sahaja kepada murid-murid, bahkan juga memberi kesan baik kepada para guru. Pengajaran dan pembelajaran menjadi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

semakin menarik dan menyeronokkan apabila murid-murid dapat terlibat sepenuhnya bersama rakan, serta dapat menggunakan bahan bantu mengajar dengan optimum secara santai dan menghiburkan.

Implikasi kepada KPM dan Pembina Kurikulum

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlu melihat isu ini sebagai satu prospek besar kementerian untuk mewujudkan budaya pengajaran berasaskan didik hibur di sekolah menjadi kenyataan. Pihak KPM mestilah melengkapkan keperluan sekolah dengan Internet berkelajuan tinggi agar murid-murid dan para guru dapat mengapliksikan teknologi maklumat dengan lancar dan berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, pihak KPM juga mestilah menjadikan pengajaran berasaskan didik hibur ini sebagai medium utama pengajaran guru di sekolah, sama ada di peringkat prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah atau peringkat universiti. Untuk itu, pihak KPM melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) perlulah mengadakan bengkel atau kursus-kursus yang berkaitan pengajaran berasaskan didik hibur ini, sama ada bengkel penghasilan BBM, penggunaan teknologi maklumat dalam pengajaran di bilik darjah dan sebagainya. Hal ini bertujuan untuk memastikan semua guru mendapat pendedahan dan kemahiran yang sepatutnya yang oleh diimplimentasikan di dalam PdP.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi Pembina Kurikulum (Bahagian Pembangunan Kurikulum) pula, mereka perlu memberi pertimbangan sewajarnya kepada modul yang dihasilkan ini, sama ada perlu dimasukkan terus atau disisipkan ke dalam buku teks bahasa Melayu di sekolah. Pihak BPK harus melihat modul ini dari aspek kepentingan kepada murid dan juga guru.

Implikasi kepada bidang yang dikaji

Kajian yang dijalankan ini juga memberikan implikasi kepada bidang yang dikaji. Oleh sebab kajian ini merupakan kajian pembinaan dan pembangunan modul seni bahasa berasaskan pendektan didik hibur, maka penyelidik akan menghuraikan implikasi kepada bidang ini terhadap aspek seni bahasa melalui pendekatan didik hibur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Implikasi yang pertama, kajian ini mampu mengangkat nilai kemahiran seni bahasa itu sendiri. Keupayaan murid untuk memahami, mengungkapkan dan menghargai bahasa melalui pembelajaran yang menyeronokkan seperti yang ditekankan dalam pendekatan didik hibur telah mengangkat nilai Bahasa Melayu yang terkandung dalam kemahiran seni bahasa itu.

Selain itu, kajian ini menunjukkan seni bahasa mampu menjadi medium bagi mengukuhkan kemahiran-kemahiran bahasa yang lain seperti kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca, kemahiran menulis dan kemahiran tatabahasa. Seni bahasa yang dilaksanakan dalam bilik darjah melalui penyampaian secara lisan seperti aktiviti nyanyian, bercerita, lakonan serta puisi dengan gaya pembelajaran yang menyeronokkan melalui pendekatan didik hibur telah mempengaruhi minat dan kreativiti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

murid.

Seterusnya, kajian seni bahasa yang melibatkan penggunaan bahasa badan dalam PdP ini bertujuan untuk menunjukkan nilai dan tahap penghayatan murid terhadap aktiviti seni bahasa seperti lakonan, berpuisi, bercerita dan menyanyi. Penghayatan terhadap seni bahasa yang indah ini mampu membantu murid dalam menghasilkan penulisan kreatif menggunakan kosa kata yang indah dalam aktiviti berbahasa. Malah, modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur ini mampu menjadi pemangkin kepada pembelajaran menyeronokkan kepada murid-murid.

Dengan pembinaan dan pengajaran menggunakan modul seni bahasa ini juga, bakat dan dan potensi murid-murid dapat dikesan dan dicungkil oleh guru Bahasa Melayu seawal peringkat sekolah rendah. Aktiviti berbahasa yang disalurkan menerusi lakonan, bercerita, menyanyi atau berpuisi dapat melihat kecenderungan minat murid dan kecenderungan itu disalurkan mengikut aktiviti yang bersesuaian.

Implikasi yang terakhir dalam bidang seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur ialah memartabatkan nilai bahasa yang menjadi medium perpaduan murid-murid yang berbilang kaum. Pelaksanaan kemahiran seni bahasa dalam kurikulum Bahasa Melayu KSSR seawal peringkat sekolah rendah menjadi pemangkin pemupukan perpaduan pada peringkat awal kanak-kanak. Pelaksanaan aktiviti seni bahasa secara berkumpulan yang melibatkan pelbagai kaum telah mewujudkan keseronokan dalam diri murid-murid dan dari sinilah tercetusnya perpaduan dalam kalangan murid. Setiap aktiviti seperti menyanyi, berlakon, bercerita atau berpuisi dilakukan bersama-sama menggunakan bahasa yang indah dan sopan dalam suasana yang menyeronokkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dengan ini secara tidak langsung semua murid yang terdiri daripada pelbagai kaum akan mengungkap Bahasa Melayu yang indah serta menghormati Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara.

5.5 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian yang dijalankan ini telah dapat memberikan gambaran secara terperinci kepada proses pembangunan dan pembinaan modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur di sekolah rendah. Bahagian ini membincangkan beberapa cadangan kajian lanjutan yang boleh dijadikan panduan kepada penyelidik yang akan datang. Hasil daripada dapatan kajian, penyelidik mengemukakan beberapa cadangan yang boleh dijadikan panduan dan tindakan susulan bagi memantapkan lagi pengajaran seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur ini. Penyelidik berharap agar adanya kajian lanjutan tentang modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur ini.

Kajian ini menggunakan teori konstruktivisme bagi konstruk pembelajaran dan model Dick dan Carey sebagai model sandaran dalam membina modul seni bahasa. Penyelidik berharap agar kajian selanjutnya boleh menggunakan teori-teori dan juga model-model yang lain dalam konstruk pembelajaran serta pembinaan modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur ini.

Kajian ini membataskan peserta kajian (murid) untuk penilaian pelaksanaan seramai 37 orang sahaja iaitu dari sebuah kelas Bahasa Melayu Tahun Tiga dari sebuah sekolah. Dicadangkan kajian yang akan datang dapat melibatkan keseluruhan murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tahun tiga dari beberapa buah sekolah dalam daerah kajian. Selain itu, peserta kajian (guru) di peringkat analisis keperluan pula perlu melibatkan semua guru Bahasa Melayu sekolah rendah termasuk sekolah orang asli dalam daerah Gua Musang dan bukan hanya melibatkan sebuah sekolah sahaja. Ini bertujuan utnuk mendapatkan maklumat yang lebih luas, kaya dan terperinci tentang keperluan dalam PdP seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur.

Dalam kajian ini juga, fasa penilaian pelaksanaan modul dianalisis secara Kaedah Fuzzy Delphi (FDM) menggunaan Analisis FDM v2.0. Oleh yang demikian, penyelidik berharap kajian lanjutan boleh menganalisis dapatan pada fasa penilaian pelaksanaan ini menggunakan kaedah yang lain seperti perisian Atlas ti. 9, Teknik Kumpulan Nomianl (NGT), Interpretive Structural Modeling (ISM) dan yang seumpamanya. Dapatan kajian tersebut dapat memberi gambaran yang lebih luas dan jelas tentang keberkesanan pelaksanaan modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur.

Penyelidik mengharapkan agar ada pihak yang akan mengkaji dan menguji modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur ini secara eksperimental dalam kalangan murid-murid di sekolah rendah dan sekolah menengah. Kajian lanjutan juga boleh membuat perbandingan keberkesanan antara pengajaran menggunakan modul didik hibur ini dengan pengajaran menggunakan kaedah konvensional. Perbandingan ini boleh dikaji dari aspek kekuatan yang boleh djadikan sebagai pegangan dan kelemahan-kelemahan yang boleh ditambah baik untuk tujuan menarik minat murid ke arah mengikuti pembelajaran yang menyeronokkan dan memberi kesan positif kepada mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, kajian yang dijalankan ini lebih bertumpu kepada pengajaran bahasa Melayu berasaskan didik hibur dalam kemahiran seni bahasa seperti yang terkandung dalam Dokumen Standard Kandungan Pelajaran (DSKP) Bahasa Melayu Tahun 3 sekolah rendah sahaja. Penyelidik berharap kajian ini boleh diperluaskan kepada kemahiran-kemahiran bahasa lain yang terkandung dalam DSKP seperti kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca, kemahiran menulis dan kemahiran tatabahasa. Penyelidik juga berharap agar kajian ini perluaskan lagi terhadap aspek keberkesanan pengajaran berasaskan didik hibur bagi murid-murid Tahap 2 iaitu murid-murid tahun empat, lima dan enam.

5.6 Kesimpulan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini telah mengemukakan jawapan kepada persoalan kajian yang berkaitan modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur di sekolah rendah. Ringkasan dapatan kajian telah dikemukakan dan perbincangan dapatan telah dilakukan untuk menjelaskan lagi persoalan dalam kajian pembangunan dan pembinaan modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur di sekolah rendah.

Kajian yang telah dilaksanakan oleh penyelidik mempunyai objektif untuk membangunkan modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur di sekolah rendah. Kajian ini menggunakan kaedah kajian pembangunan (DDR) yang melibatkan tiga fasa kajian. Fasa pertama adalah kajain analisis keperluan dan penyelidik telah membuat pemerhatian dan menemu bual 10 orang pakar dalam pendidikan Bahasa Melayu. Berdasarkan temu bual bersama 10 orang pakar tersebut, penyelidik telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membina soalan soal selidik fuzzy tujuh mata.

Fasa kedua merupakan fasa pembangunan dan pembinaan modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur di sekolah rendah. Dalam fasa ini, penyelidik menggunakan Kaedah Fuzzy Delphi (FDM) untuk membina modul. Data yang diperoleh daripada soal selidik fuzzy dianalisis secara mikrosoft Excel menggunakan Analisis FDM v2.0 untuk mendapatkan kesepakatan pakar dalam pembinaan modul seni bahasa tersebut. Hasil analisis FDM mendapati peratus kesepakatan pakar adalah melebihi 90% dan ini bermaksud modul ini sesuai untuk dibangunkan dan dibina.

Fasa ketiga kajian ini ialah fasa penilaian kebolehgunaan modul. Fasa pelaksanaan modul melibatkan 10 orang pakar pelaksana yang terdiri daripada guru-guru Bahasa Melayu yang dipilih khusus berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan dalam FDM. Secara keseluruhannya, hasil dapatan temu bual bersama pakar pelaksana mendapati modul yang dibina berjaya menarik minat murid untuk mengikuti PdP dalam suasana yang menyeronokkan. Dapatan temu bual bersama dengan murid-murid pula mendapati murid-murid sangat seronok dengan PdP yang santai dan menghiburkan mereka melalui penggunaan modul seni bahasa yang dibina. Manakala dapatan melalui FDM pula mendapati peratusan kesepakatan pakar melebihi 90% dan melepasi syarat-syarat yang ditetapkan dalam FDM. Ini bermaksud modul seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur di sekolah rendah yang dibina dan dilaksanakan ini adalah diterima dalam aspek kebolehgunaannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat dua implikasi utama hasil daripada dapatan kajian iaitu implikasi praktis dan implikasi kepada bidang yang dikaji. Implikasi praktis merujuk kepada implikasi kepada murid, guru dan pembina dasar. Dari aspek implikasi kepada murid, berdasarkan dapatan temu bual dengan murid, penyelidik mendapati murid-murid menjadi semakin berminat untuk belajar kerana pembelajaran yang dilaksanakan adalah menarik dan menyeronokkan. Murid-murid menunjukkan minat untuk belajar sejak dari awal guru masuk ke bilik darjah hingga ke akhir PdP. Mereka seronok melakukan pelbagai aktiviti seperti menyanyi, bercerita, berpantun, mendeklamasikan sajak, berlakon dan sebagainya bersama rakan-rakan.

Implikasi kepada guru pula, dengan adanya modul sebegini, para guru mendapat satu panduan baharu dalam mengajarkan bahasa Melayu berasaskan pendekatan didik hibur. Modul ini berjaya menjadikan pengajaran dan pembelajaran guru di dalam bilik darjah lebih menarik dan menyeronokkan. Para guru dapat merancang pelaksanaan PdP dengan baik mengikut susunan langkah aktiviti yang sesuai dengan tempoh masa yang ditetapkan. Para guru juga berjaya mempelbagaikan kaedah dan strategi pengejaran mereka menjadi lebih menarik. Buktinya, melalui temu bual penyelidik dengan guru mendapati para guru berasa selesa dengan modul seperti ini kerana pengajarannya telah dirancang dengan baik dan tersusun dalam pelbagai aspek seperti set induksi, aktiviti dan juga penutup.

Implikasi kepada KPM pula, pihak KPM mestilah menjadikan pengajaran berasaskan didik hibur ini sebagai medium utama pengajaran guru di sekolah, sama ada di peringkat prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah atau peringkat universiti. Untuk itu, pihak KPM melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pelajaran Daerah (PPD) perlulah mengadakan bengkel atau kursus-kursus yang berkaitan pengajaran berasaskan didik hibur ini, sama ada bengkel penghasilan BBM, penggunaan teknologi maklumat dalam pengajaran di bilik darjah dan sebagainya. Hal ini bertujuan untuk memastikan semua guru mendapat pendedahan dan kemahiran yang sepatutnya yang oleh diimplimentasikan di dalam PdP.

Selain itu, kajian ini juga memberi implikasi kepada bidang yang dikaji iaitu seni bahasa berasaskan pendekatan didik hibur. Kajian ini mampu mengangkat nilai kemahiran seni bahasa itu sendiri. Keupayaan murid untuk memahami, mengungkapkan dan menghargai bahasa melalui pembelajaran yang menyeronokkan seperti yang ditekankan dalam pendekatan didik hibur telah mengangkat nilai Bahasa Melayu yang terkandung dalam kemahiran seni bahasa itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, kajian ini menunjukkan seni bahasa mampu menjadi medium bagi mengukuhkan kemahiran-kemahiran bahasa yang lain seperti kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca, kemahiran menulis dan kemahiran tatabahasa. Seni bahasa yang dilaksanakan dalam bilik darjah melalui penyampaian secara lisan seperti aktiviti nyanyian, bercerita, lakonan serta puisi dengan gaya pembelajaran yang menyeronokkan melalui pendekatan didik hibur telah mempengaruhi minat dan kreativiti murid.

Akhir sekali, daripada kajian ini dicadangkan kajian lanjutan untuk meneruskan penyelidikan dalam usaha menambah baik dan mengembangkan ilmu pengetahuan dan aspek-aspek yang menunjangi dasar dan aspirasi pendidikan Negara seiring dengan era globalisasi sebagai tuntutan masa kini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN

A. Rahman Haron, Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Sharifah Nor Puteh, Jamaludin Badushah. (2012). Teknik SALAK dalam menjana idea membina ayat dengan cepat dan efektif: *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu,* 2 (Nov 2012) 83-92.

A. Rahman Haron, Jamaludin Badushah, Zamri Mahamod. (2015). Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam SALAK dengan elemen nyanyian dan elemen pantun: *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5, (Mei 2015): 53-60.

Abdul Hamid Mahmood, Siti Saniah Abu Bakar, Sanat Md. Nasir. (2012). *Memartabatkan Bahasa Melayu pengajian bahasa.* Tanjung Malim. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Abdul Rasid Jamian. (2013). Pelaksanaan Pembelajaran Menyeronokkan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu.* 49-63.

Abdul Rasid Jamian & Hasmah Ismail. (2013), Pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran dan pembelakaran Bahasa Melayu: *Jurnal Pendidikan Bahasa.* .2 (Nov.2013): 49-63.

Abdul Rasid Jamian, Nurul Nadiah Razali, Shamsudin Othman. (2016). Pengaplikasian teknik didik hibur meningkatkan pencapaian penulisan karangan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 41(1) 39-45.

Abdul Rasid Jamian & Shamsudin Othman (2011). *Standard Sekolah Rendah*. Jabatan Pendidikan Bahasa Dan Kemanusiaan, 292–312.

Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 1(1), 1–12. Retrieved from http://journalarticle.ukm.my/2528.

Abdul Rasid Jamian. (2016). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu.*1(1)1–11. Retrieved from http://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/19.

Abu Bakar Atan & Ikhsan Othman. (2003). *Falsafah Pendidikan dan Kurikulum.*Tanjong Malim. Quantom Books.

Adenan Ayob, Kamariah Abu Bakar, Zakaria Kasa, Aida Suraya Md.Yunus (2011). *Multimedia dalam pengajaran Bahasa Melayu*: Emeritus Publications.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Adler, M., & Ziglio, E. (1996). *Gazing into the oracle: The delphi method and its application to social policy and public health* . London: Jessica Kingsley Publisher.

Ahmad Abrar Rangkuti (2015). *Teori pembelajaran konstruktivisme*: Indonesia.

Ahmad Munawar, T. Ab. Halim, O. Mohd Yusof, D. Jawiah, Abd. G. Kamarulzaman, Aimi Hafizah Fadzilah. (2017). *Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kopertif berasaskan abad ke-21 : Satu tinjauan di Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Nenas*: Universiti Tun Hussein Onn.

Aimi Hafizah. (2017). *Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Koperatif Berasaskan Abad ke-21: Satu Tinjauan di Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Nenas*. Ekp. 13(3), 1576–1580.

Ainun Rahmah Iberahim, Zamri Mahamod & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad. (2017). Pembelajaran abad ke-21 dan pengaruhnya terhadap motivasi dan pencapaian bahasa Melayu pelajar sekolah menengah: *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol.7, Bil. 2 (Nov. 2017) 77-78.

Akhbari, R, & Yazdanmehr, E. (2014). *A critical analysis of the selection criteria of expert teacher in ELT. theory and practice in language studies.* Vol. 4: 1653-1658.

An Introduction to Vygotsky. (1997). *Choice Reviews Online*, 34(07), 34-4152-34–4152. https://doi.org/10.5860/choice.34-4152

